

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**FAKTOR-FAKTOR PENENTU TAHAP KUALITI
PELAPORAN KEWANGAN TAHUNAN KOPERASI
DI MALAYSIA**



RUSMAN BIN GHANI

UUM
Universiti Utara Malaysia

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Oktober 2018**

**FAKTOR-FAKTOR PENENTU TAHAP KUALITI PELAPORAN
KEWANGAN TAHUNAN KOPERASI DI MALAYSIA**



Oleh
RUSMAN BIN GHANI

UUM
Universiti Utara Malaysia

**Tesis Diserahkan kepada
Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan Othman Yeop Abdullah
Universiti Utara Malaysia
bagi Memenuhi Keperluan Pengijazahan Ijazah Doktor Falsafah**



Kolej Perniagaan
(College of Business)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

RUSMAN BIN GHANI

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

DOCTOR OF PHILOSOPHY (ACCOUNTING)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

Faktor-Faktor Penentu Tahap Kualiti Pelaporan Kewangan Tahunan Koperasi di Malaysia

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada: **24 Julai 2018**. (That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **24 July 2018**).

Pengerusi Viva : **Prof. Dr. Wan Nordin Wan Hussin**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar : **Prof. Dr. Norman Mohd Saleh**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar : **Prof. Madya Dr. Zakiah Saleh**

Tandatangan
(Signature)


Tarikh: **24 Julai 2018**
(Date)

Nama Pelajar : **RUSMAN BIN GHANI**
(Name of Student)


Tajuk Tesis / Disertasi : **Faktor-Faktor Penentu Tahap Kualiti Pelaporan Kewangan Tahunan**
(Title of the Thesis / Dissertation) : **Koperasi di Malaysia**

Program Pengajian : **Doctor of Philosophy (Accounting)**
(Programme of Study)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia : **Dr. Mohd. Azlan Bin Yahya**
(Name of Supervisor/Supervisors)



UUM
Universiti Utara Malaysia



Tandatangan

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia : **Prof. Dr. Ku Nor Izah Bt. Ku Ismail**
(Name of Supervisor/Supervisors)



Tandatangan

KEBENARAN MENGGUNA (*PERMISSION TO USE*)

Dalam membentangkan tesis ini, bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk Ijazah Lanjutan Universiti Utara Malaysia (UUM), saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa tesis ini. Saya juga bersetuju bahawa penyelia-penyelia saya atau, jika ketiadaan mereka, Dekan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan Othman Yeop Abdullah memberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian bagi tujuan kesarjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau penggunaan sebahagian atau keseluruhan daripada tesis ini untuk tujuan mendapat keuntungan kewangan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada saya. Selain daripada itu, dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya atau Universiti Utara Malaysia (UUM) terhadap sebarang petikan daripada tesis ini bagi tujuan kesarjanaan.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, hendaklah di alamatkan kepada:

Dekan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan Othman Yeop Abdullah
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

In presenting this thesis in fulfillment of the requirements for a Post Graduate degree from the Universiti Utara Malaysia (UUM), I agree that the Library of this university may make it freely available for inspection. I further agree that permission for copying this thesis in any manner, in whole or in part, for scholarly purposes may be granted by my supervisor or in their absence, by the Dean of Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business where I did my thesis.. It is understood that any copying or publication or use of this thesis or parts of it for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood that due recognition shall be given to me and to the Universiti Utara Malaysia(UUM) in any scholarly use which may be made of any material in my thesis.

Request for permission to copy or to make other use of materials in this thesis in whole or in part should be addressed as above.

ABSTRAK

Fokus utama Dasar Koperasi Negara 2011-2020 adalah untuk memastikan koperasi-koperasi di Malaysia patuh kepada perundangan koperasi. Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap kualiti pelaporan kewangan tahunan yang diterbitkan oleh sektor koperasi di Malaysia. Objektif lain kajian ini adalah untuk menguji hubungan antara ciri-ciri koperasi dan tadbir urusnya dengan tahap kualiti pelaporan kewangan. Pembolehubah penyederhana kepakaran industri diperkenalkan untuk menguji hubungan antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap kualiti pelaporan kewangan. Tahap kualiti pelaporan kewangan diukur menggunakan indeks pendedahan maklumat mandatori dan sukarela tanpa pemberat. Pembolehubah bebas ciri-ciri koperasi yang dikaji adalah saiz, nisbah keuntungan, leveraj, jenis perniagaan, usia dan tahun kajian, manakala pembolehubah tadbir urus adalah saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari, profesion bendahari dan kelayakan akademik pegawai akaun. Data-data kajian telah dikumpulkan melalui laporan tahunan koperasi dan soal selidik. Sebanyak seratus dua puluh buah laporan tahunan koperasi telah dikaji bagi tempoh dua tahun iaitu 2010 dan 2014. Data-data dianalisis menggunakan kaedah regresi multivariat. Hasil kajian menunjukkan bahawa purata skor tahap kualiti pelaporan kewangan yang dicapai sampel adalah memuaskan. Hasil kajian menunjukkan pembolehubah nisbah keuntungan, jenis perniagaan dan tahun kajian mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan kewangan pada aras keyakinan sembilan puluh lima peratus. Sementara itu, pembolehubah saiz koperasi berhubung secara signifikan pada aras keyakinan sembilan puluh peratus. Walaubagaimanapun, keputusan kajian terhadap faktor penyederhana kepakaran industri adalah tidak signifikan. Sumbangan kajian ini adalah untuk membangunkan indeks tahap pendedahan maklumat mandatori untuk koperasi-koperasi di Malaysia. Indeks itu penting untuk mengukur kualiti pelaporan mandatori di kalangan koperasi-koperasi tersebut.

Kata kunci: tahap kualiti pelaporan kewangan, indeks pendedahan maklumat mandatori dan sukarela, koperasi, Malaysia

ABSTRACT

The main focus of the National Cooperative Policy 2011-2020 is to ensure that the Malaysian cooperatives comply with its cooperative legislation. This study aims to determine the level of quality of annual financial reporting issued by the cooperative sector in Malaysia. Another objective of this study is to test the relationship between the characteristics of cooperatives, and its governance with the level of quality of financial reporting. The moderator variable, industry expertise was introduced to test the relationship between academic qualifications of account officers and the level of quality of financial reporting. The level of quality of financial reporting is measured using unweighted index of mandatory and voluntary information disclosure. The independent variables of cooperative characteristics tested were size, profit ratio, leverage, business type, age and year of the study, while governance variables were the board size, board members' gender, treasurer's academic qualifications, treasurer profession and account officer's academic qualification. The data of the study were collected through cooperative annual reports and questionnaires. A total of one hundred twenty annual reports for the years 2010 and 2014 were observed. The data was analysed using multivariate regression. The results showed that the average level of financial reporting quality achieved is satisfactory. The results showed that profitability, business types and years of study had significant relationships with the level of financial reporting quality at ninety five percent confidence level. Meanwhile, cooperative size variable was significantly associated at the ninety percent confidence level. However, the results of moderating factor of the industry's expertise is not significant. The contribution of this study is to develop mandatory information disclosure level index for cooperatives in Malaysia. The index is important for measuring mandatory reporting quality among them.

Keywords: level of financial reporting quality, mandatory and voluntary information disclosure index, cooperative, Malaysia

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., saya amat bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izin serta hidayahNya saya dapat menyempurnakan tesis PhD ini. Pertamanya, setulus penghargaan dan jutaan terima kasih buat penyelia-penyelia saya, Dr. Mohd Azlan Yahya dan Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail di atas kesudian mereka memberi bimbingan dan menyelia dengan tabah sepanjang proses penyediaan tesis ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Dr. Azhar Abd Rahman, Prof. Dr. Mohamad Ali Abdul Hamid, Prof. Dr. Noor Azizi Ismail, Prof. Madya Dr. Che Zuriana Jamil, Prof. Madya Dr. Engku Ismail Engku Ali, Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Saad, Dr. Mohd. 'Atef Md. Yusof, Dr. Muhammad Syahir Abd. Wahab, Dr. Mohd. Amir Mat Samsudin, Dr. Suhaimi Ishak, Dr. Mohd. Farid Asraf Md Hashim, En. Amdan Mohamed dan En. Mohd. Hadafi Sahdan dan En Mohd Hisam Ab Rahman (Unit Khidmat Senggara, ANGKASA) di atas maklum balas, nasihat dan teguran membina bagi memperbaiki mutu penyelidikan PhD ini.

Saya juga amat berterima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan pihak lembaga serta anggota-anggota koperasi-koperasi kerana membantu saya mendapatkan laporan tahunan sebagai sumber utama data yang diperlukan untuk kajian ini.

Kejayaan tesis ini bukanlah milik saya seorang tetapi juga kejayaan buat bonda tercinta Puan Hajjah Che Minah Deris, isteri tersayang Dr. Shafawaty Mohamad Shabri serta anak-anak kami, Nurin Atiqah Mirza, Muhamad Muiz Mirza dan Nurin Aqeela Mirza diiringi restu, dorongan dan sokongan padu sehingga penyelidikan ini selesai ditulis. Akhir sekali, ucapan jutaan terima kasih kepada semua individu dan organisasi yang membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan tesis ini yang mana saya tidak berupaya menyebut kesemua nama-nama disini. Semoga Allah s.w.t. memberikan keberkatanNya kepada kita semua. Amin.

ISI KANDUNGAN

HALAMAN TAJUK	i
PERAKUAN KERJA TESIS	ii
PERAKUAN KERJA TESIS	iii
KEBENARAN MENGGUNA (PERMISSION TO USE)	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB SATU: PENGENALAN	1
1.1 Latarbelakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	9
1.3 Persoalan Kajian	18
1.4 Objektif Kajian	19
1.5 Signifikan Kajian	20
1.5.1 Sumbangan Teoritikal	20
1.5.2 Sumbangan Amalan (Praktikal)	21
1.6 Skop Kajian	23
1.7 Organisasi Kajian	25
1.8 Rumusan	27
BAB DUA: PEMBANGUNAN DAN SISTEM PELAPORAN KEWANGAN KOPERASI DI MALAYSIA	28
2.1 Pengenalan	28
2.2 Sejarah Gerakan Koperasi Di Malaysia	28
2.3 Konsep Koperasi	30
2.4 Struktur Organisasi Koperasi	35
2.5 Pembangunan Koperasi Di Malaysia	40
2.6 Konsep Laporan Tahunan Koperasi	46
2.6.1 Definisi Laporan Tahunan	47
2.6.2 Tujuan dan Objektif Laporan Tahunan Disediakan	48
2.6.3 Pengguna Laporan Tahunan	51
2.6.4 Keperluan Penyediaan Laporan Tahunan	52
2.6.4.1 Kandungan Laporan Tahunan Koperasi	56
2.7 Rumusan	69
BAB TIGA: SOROTAN LITERATUR	70
3.1 Pengenalan	70
3.2 Konsep Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan	71
3.2.1 Tujuan Pendedahan Maklumat	76
3.2.2 Jenis Pendedahan Maklumat	78
3.2.2.1 Pendedahan Maklumat Mandatori	84
3.2.2.2 Pendedahan Maklumat Sukarela	89
3.3 Andaian Teoritikal	91

3.3.1	Teori Agensi (Agency Theory)	93
3.3.2	Teori Isyarat (Signaling Theory)	95
3.4	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan	96
3.4.1	Ciri-Ciri Koperasi	98
3.4.1.1	Saiz Koperasi	99
3.4.1.2	Nisbah Keuntungan Koperasi	101
3.4.1.3	Nisbah Leveraj Koperasi	103
3.4.1.4	Jenis Perniagaan Koperasi	104
3.4.1.5	Usia Koperasi	106
3.4.1.6	Tahun Kajian	107
3.4.2	Tadbir Urus Koperasi	108
3.4.2.1	Saiz Lembaga Koperasi	110
3.4.2.2	Jantina Anggota Lembaga Koperasi	112
3.4.2.3	Kelayakan Akademik Bendahari Lembaga	114
3.4.2.4	Profesion Bendahari Lembaga	115
3.4.2.5	Kelayakan Akademik Pegawai Akaun	116
3.5	Rumusan	118
BAB EMPAT: METODOLOGI KAJIAN		120
4.1	Pendahuluan	120
4.2	Rangka Kerja Kajian	121
4.3	Hipotesis Kajian	122
4.3.1	Ciri-Ciri Koperasi	123
4.3.1.1	Saiz Koperasi	123
4.3.1.2	Nisbah Keuntungan Koperasi	125
4.3.1.3	Nisbah Leveraj Koperasi	127
4.3.1.4	Jenis Perniagaan Koperasi	128
4.3.1.5	Usia Koperasi	130
4.3.1.6	Tahun Kajian	131
4.3.2	Tadbir Urus Koperasi	133
4.3.2.1	Saiz Lembaga Koperasi	133
4.3.2.2	Jantina Anggota Lembaga Koperasi	134
4.3.2.3	Kelayakan Akademik Bendahari Lembaga	136
4.3.2.4	Profesion Bendahari Lembaga	139
4.3.2.5	Kelayakan Akademik Pegawai Akaun	142
4.3.3	Pembolehkan Penyederhana (Moderator)	145
4.3.3.1	Kepakaran Industri	145
4.4	Kaedah Kajian	150
4.4.1	Analisis Kandungan	151
4.5	Populasi dan Sampel Kajian	151
4.6	Pengutipan Data	153
4.6.1	Laporan Tahunan Teraudit Koperasi	154
4.6.2	Soal Selidik Berstruktur	155
4.7	Definisi Pengoperasian dan Pengukuran Pembolehkan-Pembolehkan	155
4.7.1	Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan Koperasi	156
4.7.1.1	Indeks Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela	158
4.7.1.2	Proses Membangunkan Indeks Pendedahan Maklumat Mandatori Sektor Koperasi	159
4.7.2	Ciri-Ciri Koperasi	163
4.7.2.1	Saiz Koperasi	163

4.7.2.2	Nisbah Keuntungan Koperasi	164
4.7.2.3	Nisbah Leveraj Koperasi	165
4.7.2.4	Jenis Perniagaan Koperasi	166
4.7.2.5	Usia Koperasi	168
4.7.2.6	Tahun Kajian	168
4.7.3	Tadbir Urus Koperasi	169
4.7.3.1	Saiz Lembaga Koperasi	169
4.7.3.2	Jantina Anggota Lembaga Koperasi	169
4.7.3.3	Kelayakan Akademik Bendahari Lembaga	170
4.7.3.4	Profesion Bendahari Lembaga	171
4.7.3.5	Kelayakan Akademik Pegawai Akaun	172
4.7.4	Pembolehkan Penyederhana (Moderator)	172
4.7.4.1	Kepakaran Industri	172
4.8	Analisis Data	174
4.8.1	Analisis Deskriptif	174
4.8.2	Analisis Regresi Multivariat	174
4.9	Rumusan	175
BAB LIMA: KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN		176
5.1	Pendahuluan	176
5.2	Profil Sampel	176
5.3	Analisis Data	183
5.3.1	Hasil Analisis Deskriptif	184
5.3.2	Analisis Deskriptif Pembolehkan Bersandar (Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan Koperasi)	190
5.3.2.1	Analisis Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan Koperasi Secara Keseluruhan	190
5.3.2.2	Analisis Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori Laporan Tahunan Koperasi Mengikut Seksyen	199
5.3.2.3	Analisis Tahap Pendedahan Maklumat Sukarela Laporan Tahunan Koperasi Mengikut Seksyen	200
5.3.2.4	Analisis Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori Laporan Tahunan Koperasi Mengikut Item	202
5.3.2.5	Analisis Tahap Pendedahan Maklumat Sukarela Laporan Tahunan Koperasi Mengikut Item	204
5.3.3	Ujian Analisis Regresi Multivariat	205
5.3.3.1	Ujian Kenormalan (Normality)	205
5.3.3.2	Ujian Kelinearan (Linearity)	207
5.3.3.3	Ujian Kehomoskedastisitian (Homoscedasticity)	207
5.3.3.4	Ujian Multikolariti (Multicollinearity)	208
5.3.3.5	Ujian Pensisih (Outliers)	211
5.4	Pengujian Hipotesis	212
5.4.1	Hasil Analisis Regresi Multivariat	215
5.4.1.1	Hubungan Saiz Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi	221
5.4.1.2	Hubungan Nisbah Keuntungan Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi	226

5.4.1.3	Hubungan Nisbah Leveraj Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi	231
5.4.1.4	Hubungan Jenis Perniagaan Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi	234
5.4.1.5	Hubungan Usia Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi	238
5.4.1.6	Hubungan Tahun Kajian dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi	241
5.4.1.7	Hubungan Saiz Lembaga Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi	245
5.4.1.8	Hubungan Jantina Anggota Lembaga Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi	248
5.4.1.9	Hubungan Kelayakan Akademik Bendahari Lembaga Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi	251
5.4.1.10	Hubungan Profesion Bendahari Lembaga Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi	255
5.4.1.11	Hubungan Kelayakan Akademik Pegawai Akaun Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi	259
5.4.2	Hasil Analisis Regresi Multivariat Hierarki	262
5.4.2.1	Hubungan Kepakaran Industri dengan Kelayakan Akademik Pegawai Akaun Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi	269
5.4.3	Ringkasan Hasil Pengujian Hipotesis Kajian	273
5.5	Analisis Teknik Non-Parametrik - Regresi Logistik	274
5.5.1	Analisis Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan Koperasi	274
5.5.2	Analisis Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori Laporan Tahunan Koperasi	276
5.5.3	Analisis Tahap Pendedahan Maklumat Sukarela Laporan Tahunan Koperasi	278
5.6	Rumusan	280
BAB ENAM: KESIMPULAN DAN CADANGAN		285
6.1	Pendahuluan	285
6.2	Ringkasan Kajian	285
6.3	Perbincangan dan Rumusan	286
6.3.1	Indeks Pendedahan Maklumat Sebagai Kaedah Pengukuran Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan Koperasi	287
6.3.2	Analisis Regresi Multivariat	288
6.3.2.1	Analisis Regresi Multivariat : Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan Koperasi	289

6.3.2.2 Analisis Regresi Multivariat : Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori Laporan Tahunan Koperasi	290
6.3.2.3 Analisis Regresi Multivariat : Tahap Pendedahan Maklumat Sukarela Laporan Tahunan Koperasi	291
6.3.3 Analisis Regresi Multivariat Hierarki	292
6.4 Implikasi Kajian	293
6.4.1 Implikasi Kepada Perkembangan Teori	293
6.4.2 Implikasi Kepada Dasar Dan Amalan	298
6.5 Limitasi Kajian	299
6.6 Cadangan Kajian Masa Hadapan	301
6.7 Rumusan	302
RUJUKAN	305
LAMPIRAN	316



UUM
Universiti Utara Malaysia

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Perbezaan Koperasi dan Syarikat Swasta	29
Jadual 2.2	Kluster Koperasi	31
Jadual 2.3	Statistik Umum Koperasi Mengikut Fungsi Bagi Tahun 2016	40
Jadual 2.4	Bilangan Koperasi dan Perolehan Mengikut Kluster Bagi Tahun 2016	41
Jadual 2.5	Pencapaian Prestasi Sektor Koperasi	43
Jadual 4.1	Bilangan Koperasi dan Perolehan Mengikut Kluster Bagi Tahun 2016	137
Jadual 4.2	Bilangan Koperasi dan Perolehan Mengikut Kluster Bagi Tahun 2010	138
Jadual 5.1	Pecahan Koperasi Mengikut Negeri dan Tahun	160
Jadual 5.2	Profil Sampel Pembolehubah Kajian Ciri-ciri Koperasi	161
Jadual 5.3	Profil Sampel Pembolehubah Kajian Tadbir Urus Koperasi	164
Jadual 5.4	Profil Sampel Pembolehubah Penyederhana Kajian (Moderator)	166
Jadual 5.5(a)	Statistik Deskriptif Bagi Pemboleh Ubah Yang Menggunakan Ukuran Data Nisbah dan Selanjar	167
Jadual 5.5(b)	Statistik Deskriptif bagi Pembolehubah yang Menggunakan Ukuran Data Dikotomi	170
Jadual 5.6(a)	Tahap Kualiti Pelaporan tahunan koperasi	173
Jadual 5.6(b)	Statistik Deskriptif Skor Keseluruhan dan Mengikut Jenis Perniagaan bagi KUALITI Pelaporan Kewangan Koperasi Sampel Kajian	174
Jadual 5.6(c)	Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori Laporan tahunan koperasi	175
Jadual 5.6(d)	Statistik Deskriptif Skor Keseluruhan dan Mengikut Jenis Perniagaan bagi Pendedahan Maklumat MANDATORI Pelaporan Kewangan Koperasi Sampel Kajian	176
Jadual 5.6(e)	Tahap Pendedahan Maklumat Sukarela Laporan tahunan koperasi	177
Jadual 5.6(f)	Statistik Deskriptif Skor Keseluruhan dan Mengikut Jenis Perniagaan bagi Pendedahan Maklumat SUKARELA Pelaporan Kewangan Koperasi Sampel Kajian	177
Jadual 5.7(a)	Senarai Kedudukan 10 Buah Koperasi yang Memperoleh Skor Tertinggi Tahap KUALITI Pelaporan	178
Jadual 5.7(b)	Senarai Kedudukan 10 Buah Koperasi yang Memperoleh Skor Tertinggi Tahap Pendedahan Maklumat MANDATORI	179
Jadual 5.7(c)	Senarai Kedudukan 10 Buah Koperasi yang Memperoleh Skor Tertinggi Tahap Pendedahan Maklumat SUKARELA	179
Jadual 5.8(a)	Statistik Deskriptif Jumlah Skor dan Skor Mengikut Seksyen Tahap Pendedahan Maklumat MANDATORI	181
Jadual 5.8(b)	Statistik Deskriptif Jumlah Skor dan Skor Mengikut Seksyen Tahap Pendedahan Maklumat SUKARELA	182
Jadual 5.9(a)	Tahap Pendedahan Maklumat MANDATORI Laporan Kewangan Tahunan Mengikut Item	184
Jadual 5.9(b)	Tahap Pendedahan Maklumat SUKARELA Laporan Kewangan Tahunan Mengikut Item	185
Jadual 5.10	Hasil Analisis Ujian Kenormalan	186
Jadual 5.11	Hasil Analisis Korelasi Pearson Antara Pemboleh Ubah Bebas dan Penyederhana	189
Jadual 5.12	Hasil Analisis Nilai Tolerance dan VIF	190

Jadual 5.13	Senarai Hipotesis-Hipotesis Kajian Yang Dicadangkan	191
Jadual 5.14(a)	Keputusan Analisis Regresi Multivariat (KUALITI)	194
Jadual 5.14(b)	Keputusan Analisis Regresi Multivariat (MANDATORI)	196
Jadual 5.14(c)	Keputusan Analisis Regresi Multivariat (SUKARELA)	198
Jadual 5.15(a)	Keputusan Analisis Regresi Multivariat Hierarki (KUALITI)	240
Jadual 5.15(b)	Keputusan Analisis Regresi Multivariat Hierarki (MANDATORI)	242
Jadual 5.15(c)	Keputusan Analisis Regresi Multivariat Hierarki (SUKARELA)	244
Jadual 5.16	Ringkasan Hasil Keputusan Hipotesis Kajian	249
Jadual 5.17(a)	Keputusan Analisis Regresi Logistik (KUALITI)	256
Jadual 5.17(b)	Keputusan Analisis Regresi Logistik (MANDATORI)	258
Jadual 5.17(c)	Keputusan Analisis Regresi Logistik (SUKARELA)	260



UUM
 Universiti Utara Malaysia


SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Sistem Koperasi	30
Rajah 2.2	Struktur Organisasi Koperasi	32
Rajah 2.3	Pengguna Laporan Kewangan	49
Rajah 4.1	Rangka Kerja Kajian	109



SENARAI SINGKATAN

ALK	Anggota Lembaga Koperasi
ANGKASA	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
DKN	Dasar Koperasi Negara
IAS	International Accounting Standard
ICA	International Co-operative Alliances
JAD	Jawatankuasa Audit Dalaman
JPK	Jabatan Pembangunan Koperasi
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
MASB	Malaysian Accounting Standard Board
MAT	Mesyuarat Agung Tahunan
MKM	Maktab Koperasi Malaysia
SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
OCDC	United States (U.S.) Overseas Cooperative Development Council
RMK	Rancangan Malaysia Ke
IASB	International Accounting Standard Board
CEARC	Centre of Excellence in Accounting and Reporting for Co-operatives at The Saint Mary's University
GRI	Global Reporting Initiative
FASB	Financial Accounting Standard Board



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Kajian

Koperasi merupakan sektor penting yang mampu menyumbang kepada kestabilan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan. Berdasarkan rangka kerja dalam dokumen “*Blueprint for a Co-operative Decade*” yang diterbitkan oleh Perikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) pada Januari 2013, objektif jangka panjang sektor koperasi adalah untuk menjadi penyumbang kepada pembangunan mampan yang akan memberi tumpuan kepada aktiviti ekonomi, sosial dan alam sekitar (ICA, 2013). ICA telah ditubuhkan pada tahun 1895 yang merupakan organisasi puncak (apex) koperasi antarabangsa yang berasaskan keuntungan yang mewakili 289 persekutuan koperasi dan pergerakan koperasi di 95 buah negara dengan penglibatan melebihi satu bilion anggota (ICA, 2015).

Objektif koperasi untuk menjadi penyumbang kepada pembangunan mampan ini telah dibentangkan oleh ICA di Sidang Kemuncak Antarabangsa Koperasi yang berlangsung pada awal tahun 2014. Pembentangan ini juga telah mendedahkan bahawa pendapatan keseluruhan yang disumbangkan oleh sektor koperasi di seluruh dunia telah meningkat sebanyak 11.6% kepada USD 2.2 trilion pada tahun 2012. Sumbangan besar koperasi ini dijana daripada 300 buah koperasi terbesar di seluruh dunia yang terlibat dengan aktiviti insurans (41%), pertanian dan makanan (27%),

perdagangan borong dan runcit (20%) (United States Overseas Cooperative Development Council, 2014).

Sehubungan dengan objektif koperasi tersebut, sektor koperasi haruslah bersedia membekalkan maklumat yang mencukupi merangkumi pendedahan maklumat ekonomi, sosial dan alam sekitar seperti yang disarankan oleh ICA bagi memastikan maklumat yang dibekalkan dalam laporan tahunan koperasi dapat membantu pembangunan mampan sektor koperasi khususnya di Malaysia. Di Malaysia, kerajaan telah memfokuskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe9) agar sektor koperasi dapat menjadi penyumbang ketiga kepada pembangunan ekonomi negara selepas sektor awam dan swasta (Idris, Devi, & Hasrin, 2010). Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10) menetapkan sasaran untuk meningkatkan pendapatan purata isi rumah 40% terendah (B40) daripada RM1,440 sebulan pada tahun 2009 kepada RM2,300 sebulan pada tahun 2015. Sasaran RMKe10 ini telah dicapai iaitu pendapatan purata isi rumah B40 telah meningkat kepada RM2,537 pada tahun 2014. Salah satu strategi adalah penubuhan koperasi terutamanya oleh masyarakat luar bandar dengan dibimbing oleh pihak pengurusan terlatih sehingga berjaya sebelum diserahkan kepada pihak koperasi untuk diuruskan sendiri sepenuhnya.

Di dalam hala tuju Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11), bidang fokus A, iaitu untuk meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah, kerajaan menggalakkan penubuhan perusahaan komuniti berasaskan koperasi dengan menyediakan dana permulaan yang dipertanggungjawabkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Sasaran peningkatan pendapatan purata untuk isi rumah B40 ini telah ditetapkan kepada RM5,270 pada tahun 2020. Dalam hala tuju yang

sama, strategi untuk menangani kos sara hidup yang semakin meningkat, RMKe11 menggariskan perluasan rangkaian kedai Coop1Malaysia (kedai koperasi) ke seluruh negara untuk meningkatkan akses secara lebih menyeluruh kepada barangan harga patut dan seterusnya mengurangkan beban kos sara hidup yang semakin meningkat.

Maka, salah satu usaha yang perlu dilakukan oleh sektor koperasi adalah memantapkan lagi pelaporan tahunan khususnya yang berkaitan dengan kualiti pendedahan maklumat laporan tahunan koperasi disebabkan sektor koperasi merupakan penyumbang besar kepada ekonomi, sosial dan alam sekitar. Pelaporan tahunan merupakan proses yang penting bagi sesebuah organisasi untuk membekalkan maklumat tentang kekuatan kewangan, hasil operasi perniagaan dan prospek masa depan organisasi kepada pihak-pihak berkepentingan. Selain itu, pelaporan tahunan dapat menunjukkan kepada para pelabur berkaitan keupayaan pentadbir dan pengurusan sesebuah organisasi menguruskan sistem maklumat dan hal ehwal kewangan organisasi mereka. Bentuk pelaporan tahunan yang selalu digunakan adalah laporan tahunan yang boleh disediakan dalam pecahan tempoh tertentu sama ada bulanan, sukuan, setengah tahun dan boleh digabungkan menjadi laporan tahunan. Laporan tahunan merupakan dokumen bercetak yang akan memaparkan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan yang juga boleh dipaparkan melalui media lain seperti laman web dan lain-lain.

Bagi organisasi koperasi, pelaporan tahunan dikenali sebagai laporan tahunan koperasi yang disediakan sekali setahun untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan (MAT). Laporan tahunan koperasi diperlukan oleh anggota-anggota koperasi

bagi menilai prestasi dan pencapaian koperasi sepanjang tahun kewangan serta digunakan sebagai panduan untuk merancang pencapaian objektif strategik koperasi. Oleh itu, maklumat yang terkandung dalam laporan tahunan ini haruslah lengkap dan berguna bagi anggota koperasi menyumbang idea dan cadangan yang bernas dalam MAT yang diadakan bagi memantapkan pengurusan koperasi seterusnya meningkatkan prestasi koperasi secara keseluruhan (MKM, 2010).

Pelaporan tahunan bagi organisasi koperasi mendapat perhatian serius daripada pihak-pihak berkepentingan disebabkan peranan penting sektor koperasi terhadap pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat Malaysia (Nor Asyiqin, Zuraidah, & Takiah, 2010). Hal ini dapat dilihat dengan peningkatan positif bilangan koperasi berdaftar dari setahun ke setahun. Dasar Koperasi Negara 2011-2020 yang dirangka oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ada menyatakan bagi tempoh lima tahun (2005-2009), bilangan koperasi telah meningkat pada kadar 9.4% setahun di mana pada tahun 2009, terdapat 7,215 buah koperasi berdaftar dengan keanggotaan seramai 6.78 juta orang. Bilangan koperasi berdaftar di Malaysia sehingga tahun berakhir 31 Disember 2016¹ adalah sebanyak 13,428 buah koperasi iaitu peningkatan sebanyak 5.2% berbanding tahun 2015 (SKM, 2017c).

Justeru, bagi mendapatkan maklumat yang lengkap dan berguna, penyedia laporan tahunan koperasi haruslah mendedahkan maklumat yang penting dan berguna sebagai satu usaha untuk menyediakan maklumat yang diperlukan oleh pihak-pihak

¹ 2016 adalah tahun terkini laporan sektor koperasi boleh diperolehi

berkepentingan bagi mengurangkan ketidakpastian dan membantu mereka membuat keputusan ekonomi dan kewangan yang tepat. Ini adalah kerana pendedahan maklumat merangkumi penyampaian maklumat kewangan atau bukan kewangan, kualitatif atau kuantitatif dan wajib atau sukarela yang disebarkan melalui saluran rasmi atau tidak rasmi (Gibbins, Richardson dan Waterhouse, 1990). Pendedahan maklumat merupakan kriteria yang penting dalam penyediaan laporan tahunan koperasi kerana maklumat yang didedahkan adalah bernilai kepada anggota koperasi dan pihak pengurusan dalam membuat keputusan kewangan dan pengurusan.

Pendedahan maklumat dalam kajian ini akan memfokuskan kepada dua jenis pendedahan iaitu, pendedahan maklumat yang memberi fokus kepada laporan kewangan (pendedahan maklumat mandatori) dan pendedahan maklumat tanggungjawab sosial dan alam sekitar (pendedahan maklumat sukarela) sepertimana yang disarankan oleh ICA dalam mencapai objektif pembangunan mampan sebagai dimensi kepada tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Pertamanya, pendedahan maklumat ekonomi atau kewangan merupakan pendedahan maklumat mandatori yang mewajibkan organisasi mendedahkan di dalam laporan tahunannya seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan atau piawaian perakaunan (Owusu-ansah, 1998; Sejjaka, 2004).

Keduanya, pendedahan maklumat tanggungjawab sosial dan alam sekitar yang juga merupakan pendedahan sukarela merujuk kepada maklumat yang didedahkan di dalam atau di luar penyata kewangan yang tidak tertakhluk kepada undang-undang atau pendedahan maklumat lebih daripada yang diperlukan di mana akan memberi

manfaat kepada organisasi kelak (Popova et al., 2013; Md Tanvir dan Md Zakir, 2015). Keperluan pendedahan maklumat tanggungjawab sosial dan alam sekitar dalam pelaporan tahunan koperasi adalah selaras dengan prinsip koperasi yang ketujuh iaitu prihatin terhadap masyarakat yang mana menggariskan keperluan koperasi untuk mengekalkan pembangunan yang berkekalan bagi masyarakat melalui dasar-dasar yang dipersetujui oleh anggota-anggotanya. Selain itu, “*Blueprint for a Co-operative Decade 2013*” ada menggariskan tanggungjawab sosial dan alam sekitar merupakan elemen kemampanan (*sustainability*) koperasi yang perlu diberi perhatian demi kejayaan sektor koperasi.

Oleh itu, impak pendedahan maklumat tanggungjawab sosial dan alam sekitar (pendedahan maklumat sukarela) ini diharap dapat melengkapkan lagi rancangan ICA untuk menjadikan sektor koperasi sebagai penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi mampan. Hal ini juga mendorong kajian ini mengkaji sejauh mana usaha sektor koperasi di Malaysia untuk memenuhi keperluan maklumat sukarela dengan menganalisa maklumat di dalam pelaporan tahunannya. Perbincangan lanjut berkenaan undang-undang, peraturan dan garis panduan bagi pendedahan maklumat mandatori dan item-item bagi pendedahan maklumat sukarela bagi organisasi koperasi dijelaskan dalam Bab 3.

Singhvi dan Desai (1971) (dalam nukilan Akhtaruddin (2005)) mendefinisikan tahap kualiti pelaporan sebagai ‘kecukupan, ketepatan dan kebolehpercayaan’. Menurut Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASB), pelaporan maklumat kewangan yang berkualiti tinggi adalah penting kerana pelaporan tersebut akan mempengaruhi

para pelabur, bakal pelabur dan pemberi pinjaman dalam membuat keputusan pelaburan dan pinjaman serta apa-apa keputusan berkaitan pelaburan secara tepat. Pendedahan maklumat yang berkualiti, lengkap, tepat dan boleh dipercayai diperlukan bagi melindungi pemegang saham yang mana akan mengurangkan ketidaksamarataan maklumat, menyelesaikan masalah agensi dan mengurangkan kos agensi (Al-Shammari, Brown dan Tarca, 2008; Marston, 2003; Zainab, Teh Suhaila dan Sarifah, 2014). Berdasarkan penjelasan berkaitan dengan definisi kualiti pelaporan di atas, maka kajian ini akan memfokuskan kepada tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi yang akan mengaplikasi teori agensi bagi mencapai objektif kajian. Oleh itu, terminologi tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi dalam kajian ini merujuk kepada tahap dan darjah pematuhan yang dicapai oleh organisasi koperasi terhadap keperluan pendedahan maklumat dalam penyata kewangan (pendedahan maklumat mandatori) sama ada mengikut kepada undang-undang, peraturan dan garis panduan yang telah dikuatkuasakan.

Di samping itu, isu berkaitan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi dipilih sebagai tumpuan kajian ini memandangkan jika terdapat kelemahan dan kepincangan dalam penyediaan laporan tahunan koperasi, terutamanya dari segi pendedahan maklumat ekonomi atau kewangan (pendedahan mandatori), ini akan menjejaskan kredibiliti dan imej serta membantutkan perkembangan sektor koperasi untuk menjadi sektor utama dalam pembangunan ekonomi negara. Ini juga berikutan dengan dapatan kajian Nor Asyiqin et al. (2010) yang menemui bahawa wujudnya isu yang perlu diberi perhatian berkenaan pematuhan terhadap pekeliling ketua pendaftar koperasi yang mencerminkan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia. Namun,

kajian mereka hanya tertumpu kepada pematuhan terhadap Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2005 yang kini telah dimansuhkan dan digantikan dengan pekeliling SKM yang baru iaitu Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (GP23) yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2013. Walaupun pekeliling ketua pendaftar ini telah digantikan dengan GP23, namun isi kandungan masih sama. Penggantian ini disebabkan Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) telah dimansuhkan dan digantikan dengan SKM pada 1 Januari 2008. Penggantian ini adalah untuk menjadikan GP23 sah dan relevan serta boleh digunakan oleh sektor koperasi. Oleh itu, kajian oleh Nor Asyiqin et al. (2010) boleh diterimapakai sebagai satu kajian awal terhadap pematuhan pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi di Malaysia.

Tambahan lagi, kajian berkaitan isu pendedahan maklumat mandatori dan sukarela ini dalam konteks persekitaran Malaysia khususnya kajian ke atas organisasi koperasi adalah amat terhad. Oleh itu, kajian ini cuba merungkai isu tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi ini dengan menfokuskan laporan tahunan yang diterbitkan oleh koperasi yang merangkumi pembangunan indeks pendedahan maklumat mandatori dan sukarela di dalam laporan tahunan teraudit koperasi. Berdasarkan kepada isu kualiti pendedahan maklumat mandatori dan sukarela, kajian ini juga menguji secara empirikal faktor yang dijangka dapat menjelaskan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia. Justeru, adalah wajar kajian ini dilaksanakan bagi mendapat gambaran yang lebih jelas berkenaan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia dengan menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kualiti pelaporannya.

Kajian-kajian terdahulu telah mencadangkan pelbagai faktor yang terlibat dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi seperti kajian oleh Al-shammari (2005), Demir dan Bahadir (2014) dan Hasan dan Hosain (2015) yang telah mengkaji pembolehubah ciri-ciri organisasi. Manakala, kajian oleh Chtourou, Bedard, & Courteau (2001), Gao & Kling (2012) dan Al-Janadi, Rahman, & Haj Omar (2013) adalah antara kajian lepas yang telah mengkaji pembolehubah tadbir urus. Kajian lepas yang mengkaji kedua-dua faktor ciri-ciri organisasi dan tadbir urus koperasi pula adalah seperti kajian oleh Rouf (2011), (Al-Moataz & Hussainey, 2012) dan Al Otaibi (2014).

Memandangkan kajian ini merupakan usaha awal bagi menjustifikasikan faktor yang boleh dikaitkan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia, maka kajian ini menumpukan kepada faktor ciri-ciri koperasi (saiz, nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia dan tahun kajian) dan faktor tadbir urus koperasi (saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi) sebagai faktor-faktor yang akan diuji.

1.2 Penyataan Masalah

Tujuan utama laporan tahunan koperasi dibuat adalah untuk membekalkan maklumat kepada anggota koperasi bagi menilai prestasi dan pencapaian koperasi sepanjang tahun kewangan serta digunakan sebagai panduan untuk merancang masa depan operasi koperasi. Pelaporan tahunan koperasi yang berkualiti merupakan satu cara

komunikasi penting kepada pengguna-pengguna laporan tahunan dalam membuat keputusan ekonomi dan mengurangkan ketidaksamarataan maklumat (Marston, 2003; Al-Shammari et al., 2008; Nor Asyiqin et al., 2010; Chen, Hope, Li, dan Wang, 2011; Zainab, Teh Suhaila dan Sarifah, 2014). Maka, koperasi seharusnya menyediakan laporan tahunan yang mengandungi maklumat lengkap dan berguna bagi anggota koperasi menyumbang idea dan cadangan yang bernas dalam MAT yang diadakan bagi memantapkan lagi pengurusan koperasi seterusnya meningkatkan prestasi koperasi secara keseluruhan.

Berdasarkan penelitian surat-surat teguran daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang dimasukkan di dalam laporan tahunan koperasi-koperasi dari tahun 2006 hingga 2014 menunjukkan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Ini selaras dengan hasil kajian oleh penyelidik terdahulu, Nor Asyiqin et al. (2010) menunjukkan bahawa laporan tahunan teraudit koperasi di Malaysia masih belum mencapai tahap kualiti pelaporan tahunan yang diharapkan. Selain itu, kelemahan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi ini mungkin disebabkan oleh piawaian pelaporan penyata kewangan yang disediakan dan diwajibkan ke atas syarikat-syarikat di Malaysia tidak diwajibkan kepada sektor koperasi dan ini menyebabkan garis panduan untuk penyediaan laporan tahunan koperasi adalah terhad dan tidak konsisten (Nor Asyiqin et al., 2010). Hal ini akan memberikan kesan yang ketara kepada tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi serta persepsi negatif kepada anggota-anggota koperasi dan masyarakat untuk membuat keputusan pelaburan dalam sektor koperasi.

Selain itu, rangka kerja perakaunan koperasi tidak sesuai dengan rangka kerja perakaunan yang direka dengan objektif untuk organisasi lain (CEARC, 2007). Ini adalah kerana perbezaan yang ketara yang boleh didapati dalam struktur pemilikan syer koperasi, tujuan penubuhan koperasi, nilai-nilai dan prinsip-prinsip koperasi (ICA, 1995). Tambahan lagi, pendapat oleh Bardswick, 2004 (dalam nukilan CEARC, 2007) ada menyatakan tidak ada lagi satu standard tunggal, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dibangunkan bagi tujuan pelaporan tahunan koperasi.

Di samping itu, Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2005 telah dikeluarkan susulan daripada pihak Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) ketika itu (kini dikenali sebagai SKM) mendapati bahawa laporan tahunan koperasi tidak disediakan mengikut format yang betul dan terkini. Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2005 ini telah digantikan dengan Garis Panduan 23 (GP23) Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi pada tahun 2012 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2013. Hal ini juga menjadi masalah utama kepada koperasi terutamanya koperasi-koperasi kecil yang sukar menyediakan laporan tahunan seperti yang dikehendaki oleh SKM disebabkan kurang kepakaran dan maklumat berkaitan penyediaan laporan tahunan adalah terhad. Dasar Koperasi Negara 2011-2020 yang dirangka oleh pihak KPDNKK dan SKM ada menyatakan fokus utama dasar ini adalah bagi memastikan koperasi patuh kepada perundangan koperasi dalam mengawal selia aktiviti koperasi.

Berdasarkan kepada fenomena di atas, ini membuktikan bahawa terdapat isu berkaitan tahap kualiti pelaporan tahunan yang dihadapi oleh sektor koperasi di Malaysia. Di samping itu, hasil kajian penyelidik terhadap literatur terdahulu berkaitan tahap kualiti

pelaporan tahunan koperasi adalah amat terhad. Kajian terdahulu terhadap sektor koperasi banyak tertumpu kepada isu-isu seperti akauntabiliti (Maslinawati, Intan Waheedah dan Arun, 2013), reputasi dan ketelusan (Maslinawati dan Intan Waheedah, 2013), peranan kawalan anggota lembaga koperasi (William Arthur, 2007), ciri-ciri keusahawanan koperasi (Ghazali, Mohd Rafi dan Mohamed Dahlan, 2012), faktor-faktor yang mempengaruhi kemajuan koperasi sekolah (Termit Kaur dan Siti Fasliyaton, 2010), penilaian prestasi (Bond, 2008) dan mekanisma kawalan tadbir urus (Cabo dan Rebelo, 2005).

Hasil penelitian literatur mendapati hanya satu kajian terdahulu berkenaan pematuhan terhadap Pekeliling Ketua Pendaftar Koperasi Bilangan 1 Tahun 2005 yang dijalankan oleh Nor Asyiqin et al. (2010) yang menganalisa data pada tahun 2008. Namun kajian mereka hanya tertumpu kepada pematuhan pendedahan maklumat mandatori dan hanya melibatkan tiga faktor ciri-ciri organisasi sahaja iaitu saiz firma audit, pengkhususan industri firma audit dan saiz klien. Alat pengukuran tahap pendedahan maklumat mandatori kajian tersebut adalah menggunakan 33 item dalam senarai semak yang diambil daripada garis panduan 1/2005 yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar Koperasi bagi mengukur tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hasil kajian Nor Asyiqin et al. (2010) melaporkan bahawa wujud tahap pematuhan yang rendah untuk item-item kunci kira kira seperti pendedahan pembayaran honorarium kepada anggota lembaga, pendedahan nama-nama pemiutang dan penghutang serta pendedahan pergerakan akaun-akaun statutori tabung amanah pendidikan dan pembangunan. Oleh itu, kajian ini menguji faktor-faktor tambahan ciri-ciri dan tadbir

urus koperasi serta menambahkan lagi item-item dalam indeks pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi berdasarkan kepada GP23.

Selain itu, kajian berkenaan tahap kualiti pelaporan tahunan hanya banyak tertumpu kepada sektor korporat dan awam di seluruh dunia seperti kajian oleh Yousef Al-Tahat (2010), Hermalin dan Weisbach (2012), Owusu-ansah (1998, 2005), Sejjaaka (2004), El-Gazzar, Finn dan Jacob (1999), Al-Shammari, Brown dan Tarca (2008), Mohamed Aly (2008), Ball, Jayaraman dan Shivakumar (2012), Tsalavoutas, Evans dan Smith (2010), Yeoh (2005), Glaum dan Street (2003), Al-shammari (2005), Craig dan Diga (1998), Akhtaruddin (2005), Street dan Gray (2002), Ismail (2002). Kajian berkenaan tahap kualiti pelaporan tahunan di Malaysia adalah seperti kajian oleh Engku Ismail (2010) dan Coombs dan Mohamad (1998), yang mengkaji di sektor awam, manakala kajian yang dilakukan oleh Ku Nor Izah dan Shamsul Nahar (1999), Lily Marlina dan Takiah (2003) dan Haniffa dan Cooke (2002), yang mengkaji di sektor korporat.

Kajian-kajian lalu telah menjelaskan beberapa ciri-ciri organisasi yang boleh mempengaruhi kualiti pelaporan tahunan. Antaranya adalah faktor-faktor leveraj, saiz firma, keuntungan, kecairan, pemilikan, umur tersenarai, saiz firma audit (Agboola & Salawu, 2012), faktor-faktor saiz, umur, jenis perniagaan dan keuntungan (Akhtaruddin, 2005), faktor-faktor saiz firma, leveraj dan keuntungan (Al-Mansour (2009), faktor-faktor saiz firma, leveraj, kepelbagaian pemilikan, umur, margin keuntungan, pulangan ke atas ekuiti, kecairan, jenis perniagaan dan saiz firma audit (Alsaeed, 2006) dan faktor-faktor negara asal syarikat, saiz, leveraj, kecairan,

keuntungan, jenis firma audit, syarikat antarabangsa, jenis perniagaan, penyebaran pemilikan dan umur syarikat (Al-Shammari et al., 2008). Selain itu, kajian oleh Ahmet dan Serife (2007) yang mengkaji faktor-faktor saiz firma, leveraj, saiz firma audit, struktur pemilikan, keuntungan dan pemilikan antarabangsa mendapati amalan pendedahan maklumat kewangan sukarela adalah berbeza antara industri. Seterusnya, Ailwan, Katrib dan Samara (2013) pula mengkaji faktor-faktor kelayakan akademik, tahun pengalaman, jawatan dan aktiviti syarikat yang berhubungan dengan pendedahan mandatori di Jordan. Kemudian, faktor-faktor saiz firma, keuntungan, leveraj, jenis perniagaan dan saiz firma audit adalah faktor-faktor penentu yang dikaji oleh Basuony dan Mohamed (2014) terhadap pendedahan kewangan internet oleh syarikat-syarikat tersenarai di Arab Saudi dan Oman.

Kajian-kajian lepas juga mengkaji tadbir urus sebagai pembolehubah kajian yang boleh mempengaruhi hubungan tahap pendedahan maklumat mandatori, antaranya adalah seperti kelayakan akademik, jawatan pekerjaan dan pengalaman kerja ahli lembaga (Ailwan et al., 2013), penerbitan syer dan penyenaaraian silang (Gao & Kling, 2012), bilangan pengarah bebas lembaga pengarah dan jawatankuasa audit dalaman, pengasingan jawatan pengerusi lembaga dan ketua pegawai eksekutif, peratusan ahli keluarga di dalam lembaga pengarah (Mohamad & Sulong, 2010).

Kajian yang mengkaji hubungan antara pembolehubah tadbir urus dengan tahap pendedahan maklumat sukarela pula adalah seperti faktor-faktor pengarah bukan eksekutif, saiz lembaga, pengarah dua peranan dan peranan jawatankuasa audit (Al Otaibi, 2014), faktor-faktor pengarah bukan eksekutif, ahli keluarga dalam lembaga,

saiz lembaga, kebebasan jawatankuasa audit, pengasingan ketua pegawai eksekutif dan pengerusi lembaga, pemilikan saham oleh kerajaan (Al-Janadi et al., 2013), faktor-faktor pengasingan pemilikan dan kawalan, pengarah bebas, kekerapan mesyuarat lembaga, kehadiran mesyuarat ahli lembaga, juruaudit bersaiz besar (Barros, Boubaker, & Hamrouni, 2013), faktor-faktor bilangan pengarah bebas, saiz lembaga, dua peranan ketua pegawai eksekutif dan struktur lembaga (Cerbioni & Parbonetti, 2007). Kajian-kajian lain yang mengkaji tadbir urus sebagai pembolehkan bebas yang berhubungan dengan pengurusan perolehan (Carcello, Hollingsworth, Klein, & Neal, 2006; Chang & Sun, 2010), berhubungan dengan saiz lembaga, jantina lembaga, bilangan mesyuarat lembaga, umur anggota lembaga dan dua peranan ketua pegawai eksekutif (Giannarakis, 2014) dan kebebasan lembaga dan kebebasan jawatankuasa audit dalaman (Hidalgo, Garcia-Meca, & Martinez, 2011; Roshima, Zainuddin, & Hasnah, 2009).

Kajian-kajian lepas yang tersebut di atas adalah mengkaji tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela yang telah dijalankan ke atas syarikat-syarikat di pelbagai negara. Namun kajian ke atas sektor koperasi amatlah terhad. Kajian ke atas sektor koperasi adalah penting memandangkan struktur organisasi dan tadbir urus koperasi adalah amat berbeza berbanding dengan syarikat-syarikat (CEARC, 2007).

Hasil penelitian literatur juga mendapati bahawa faktor juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri (kepakaran industri) telah diuji sebagai pembolehkan penyederhana (moderator) seperti kajian oleh Lim, Tan, & Cheng (2010) yang mengkaji kualiti audit oleh 12,783 laporan kewangan syarikat dari tahun

2000 hingga 2005 dengan menggunakan data daripada pangkalan data Audit Analytics dan Compustat. Kajian oleh Lim, Tan, & Cheng (2010) ini mengkaji hubungan antara tempoh lantikan juruaudit dan kualiti audit dipengaruhi oleh faktor penyederhana pengkhususan juruaudit (kepakaran industri). Baron dan Kenny (1986) mencadangkan pembolehubah penyederhana boleh digunakan jika wujud hubungan yang kuat atau tiada hubungan sama sekali. Berdasarkan kepada cadangan Baron dan Kenny (1986), faktor kepakaran industri (KI) dipilih memandangkan tidak semua koperasi mempunyai pegawai akaun atau bendahari yang berkelayakan di bidang perakaunan yang boleh menyediakan laporan tahunan yang berkualiti selaras dengan keperluan oleh pihak berwajib. Dalam praktis penyediaan laporan tahunan koperasi juga, masih banyak laporan tahunan koperasi yang disediakan oleh pihak juruaudit luar koperasi. Oleh itu adalah bertepatan dengan peranan juruaudit luar yang juga berperanan untuk menyediakan laporan tahunan koperasi, maka pemilihan faktor kepakaran industri adalah bersesuaian. Peranan pegawai akaun juga merupakan peranan yang amat penting jika sesebuah koperasi mempunyai seorang pegawai akaun. Oleh itu, gabungan peranan pegawai akaun dan kepakaran industri merupakan gabungan yang tepat dalam penyediaan laporan tahunan koperasi yang berkualiti tinggi. Disebabkan andaian inilah ujian dilakukan untuk melihat adakah ianya benar sekiranya kedua-dua faktor ini dihubungkan dalam kajian ini. Di samping itu, kajian ini merupakan kajian awal terhadap hubungan pembolehubah penyederhana dengan faktor-faktor tadbir urus dan tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela, maka hanya satu faktor kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dipilih untuk diuji dengan faktor penyederhana kepakaran industri.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, banyak kajian mengkaji faktor-faktor ciri-ciri firma dengan mengambil sampel dari syarikat-syarikat tersenarai di bursa saham seluruh dunia seperti kajian oleh Larran & Giner (2002) di Sepanyol, Ismail (2002) di negara-negara dalam Majlis Kerjasama Teluk (Gulf Cooperation Council - GCC), Akhtaruddin (2005) di Bangladesh, Hassan, Giorgioni, & Romilly (2006) di Mesir, Ahmet & Serife (2007) di Turki, Al-Mansour (2009) di Emiriah Arab Bersatu, Agboola & Salawu (2012) di Nigeria, (Bakr & Redhwan, 2016) di Arab Saudi dan lain-lain kajian lagi. Namun, kajian berkenaan faktor kepakaran industri sebagai pembolehubah penyederhana terhadap sektor koperasi adalah amat terhad. Oleh itu adalah perlu satu kajian menggunakan data-data sektor koperasi untuk mengkaji tahap kualiti pelaporan tahunan dan faktor-faktor yang mempengaruhinya serta faktor kepakaran industri sebagai pembolehubah penyederhana.

Maka, kajian ini akan memfokuskan isu tahap kualiti pelaporan tahunan bagi sektor koperasi kerana jika terdapat kelemahan yang berlaku dalam pelaporan tahunan koperasi akan menjejaskan kredibiliti SKM sebagai badan pendaftar dan pengawal operasi sektor koperasi di Malaysia. Di samping itu, jika isu ini tidak diambil peduli, keyakinan pengguna laporan tahunan koperasi akan terjejas dan akan mempengaruhi operasi sesebuah koperasi terutamanya bakal anggota yang berpotensi untuk menyertai gerakan koperasi sebagai anggota (pemegang syer). Ini juga adalah kerana dalam mengukur tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia, SKM tidak menggunakan alat pengukuran yang sesuai seperti indeks tahap pendedahan maklumat yang digunakan oleh sektor korporat.

Penyelidik berpendapat isu berkaitan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan sektor koperasi mempunyai kepentingan tersendiri sama ada dari segi praktis dan teoritikal, maka, perbincangan mengenai isu ini amat penting untuk dirungkaikan. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan ciri-ciri dan tadbir urus koperasi yang dijangka memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Faktor-faktor tadbir urus juga boleh mempengaruhi koperasi dalam proses pemilihan dan perlantikan anggota lembaga pengarah sesebuah koperasi.

Tambahan pula, literatur yang membincangkan berkenaan isu ini terutamanya bagi sektor koperasi di Malaysia tidak banyak lagi ditemui. Selain itu, kajian ini akan membangunkan indeks pendedahan maklumat mandatori dan sukarela yang boleh digunakan oleh penyedia laporan tahunan koperasi agar dapat membekalkan maklumat yang lengkap dan berguna kepada pengguna-pengguna laporan tahunan koperasi. Justeru, melalui kajian ini dijangkakan semua persoalan berkaitan dengan isu ini dapat diterokai dan dirungkaikan agar reputasi koperasi sebagai sebuah organisasi yang menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan sosial anggota-anggotanya serta masyarakat setempat dapat ditingkatkan.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan perbincangan di atas, persoalan kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut :

1. Apakah tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia?

2. Adakah terdapat perhubungan antara ciri-ciri koperasi (faktor saiz, nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia koperasi dan tahun kajian) dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia?
3. Adakah terdapat perhubungan antara tadbir urus koperasi (faktor saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun) dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia?
4. Apakah faktor kepakaran industri boleh menjadi pembolehubah penyederhana (*moderating variable*) antara hubungan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia?

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan penjelasan menyeluruh berkenaan dengan isu tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenalpasti tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia.
2. Untuk mengkaji perhubungan antara ciri-ciri koperasi (faktor saiz, nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia koperasi dan tahun kajian) dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia.
3. Untuk mengkaji perhubungan antara tadbir urus koperasi (faktor saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun) dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia.

4. Untuk menentukan sama ada kepakaran industri boleh menjadi pembolehubah penyederhana (*moderating variable*) antara hubungan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia.

1.5 Signifikan Kajian

Kajian berbentuk empirikal berkaitan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia masih belum diterokai sepenuhnya. Hal ini menyebabkan banyak persoalan berkaitan dengan isu ini masih belum terungkai. Maka, kajian ini dijangkakan dapat memberikan sumbangan yang signifikan merangkumi dua perspektif utama iaitu dari aspek pengembangan ilmu (teoritikal) dan amalan.

1.5.1 Sumbangan Teoritikal

Kajian ini mengembangkan dan mengisi jurang ilmu berkaitan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi terutamanya bagi sektor koperasi di Malaysia. Hasil kajian ini dapat membantu penyelidik memahami kepentingan penyediaan pelaporan tahunan koperasi yang berkualiti khususnya daripada aspek tahap pendedahan maklumat.

Kajian ini mengemukakan satu indeks pendedahan maklumat mandatori dan sukarela yang menyeluruh bagi sektor koperasi di Malaysia berasaskan penelitian teliti dan meluas penyelidik ke atas literatur yang berkaitan dengan indeks pendedahan maklumat organisasi sektor lain, sama ada sektor awam atau swasta. Analisis kandungan juga digunakan bagi membina dan membangunkan instrumen bagi membentuk indeks pendedahan maklumat bagi laporan tahunan koperasi di Malaysia.

Kajian ini menggunakan teori agensi dan teori isyarat (*signalling theory*) bagi menjelaskan hubungan antara setiap pembolehubah yang dikaji yang mana akan memperkembangkan teori tersebut dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Kajian ini mengkaji faktor-faktor penentu iaitu ciri-ciri dan tadbir urus koperasi yang boleh dikaitkan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi disebabkan kajian terdahulu banyak tertumpu kepada sektor awam dan swasta.

Kajian ini juga memperkenalkan pembolehubah kepakaran industri sebagai faktor penyederhana yang baru dalam kerangka kerja kajian. Faktor penyederhana ini boleh diterokai dengan lebih meluas pada masa depan memandangkan kajian seperti ini masih baharu di sektor koperasi.

Kajian ini meningkatkan kesedaran para penyelidik agar menjalankan lebih banyak kajian mengenai tahap kualiti pelaporan tahunan terutama bagi sektor koperasi agar pemahaman yang lebih baik mengenai tahap pelaporan tahunan koperasi di Malaysia dapat dihuraikan.

1.5.2 Sumbangan Amalan (Praktikal)

Memandangkan tiada lagi indeks pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi di Malaysia, maka dapatan kajian empirikal dapat dijadikan panduan kepada pembuat undang-undang, peraturan dan pekeliling bagi sektor koperasi di Malaysia agar penyedia laporan tahunan koperasi lebih teliti dan jelas dalam membekalkan maklumat kepada pengguna laporan tahunan tersebut yang mana

akan memberi impak kepada pembangunan ekonomi dan sosial anggota koperasi dan masyarakat.

Indeks tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi di Malaysia yang dibangunkan akan dapat dijadikan penanda aras kepada SKM untuk membuat perbandingan tahap kualiti pelaporan tahunan antara koperasi. Maka, tahap kualiti pelaporan tahunan setiap koperasi dapat diperbaiki seterusnya akan meningkatkan persepsi dan tahap keyakinan pengguna laporan tahunan koperasi.

Hasil kajian ini dapat membantu pihak SKM dalam mendidik koperasi-koperasi untuk meningkatkan kualiti mekanisma tadbir urus dan seterusnya meningkatkan kualiti urusniaga yang dijalankan.

Hasil kajian ini diharap dapat digunapakai oleh penyedia laporan tahunan dalam melaksanakan tugas mereka serta pihak-pihak berkepentingan lain seperti pelajar, ahli akademik, pelabur, pemberi pinjaman dan pengguna maklumat perakaunan. Bagi pelajar dan ahli akademik, dapatan yang berasaskan teori diharap dapat membuka ruang untuk memberi penjelasan lebih lanjut atau penyelidikan tambahan berkaitan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan khususnya bagi organisasi koperasi di Malaysia. Kemudian, bagi pihak pelabur dan pemberi pinjaman, maklumat berkualiti yang terdapat dalam laporan tahunan dapat membantu dalam membuat keputusan pelaburan dengan lebih rasional.

Hasil kajian ini boleh dijadikan input kepada penggubal dasar dan pihak kerajaan dalam merangka dan memperkemaskan lagi sebarang kekurangan sama ada dari segi undang-undang, peraturan-peraturan, garis panduan dan perangkaan dasar yang berkaitan dengan penyediaan laporan tahunan koperasi di Malaysia.

Akhir sekali, bagi pengguna maklumat perakaunan terutamanya anggota koperasi dapat mengetahui kedudukan semasa koperasi dengan lebih lengkap dan jelas agar dapat merancang hala tuju koperasi pada masa hadapan.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini diharapkan menjadi maklumat yang berguna bagi organisasi koperasi di Malaysia untuk menilai dan memperbaiki tahap kualiti pelaporan tahunannya.

1.6 Skop Kajian

Fokus utama kajian ini adalah untuk menentukan tahap kualiti pelaporan tahunan bagi organisasi koperasi di Malaysia dan menguji faktor ciri-ciri koperasi (saiz, nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia koperasi dan tahun kajian) dan faktor tadbir urus koperasi (saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun) yang mempunyai hubungan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Jenis perniagaan koperasi di Malaysia terbahagi kepada sembilan kategori iaitu perbankan, pinjam meminjam (kredit), pertanian, perumahan, perindustrian,

pengguna, pembangunan, pengangkutan dan perkhidmatan. Namun, kajian ini akan memberi tumpuan kepada lapan kategori sahaja iaitu tidak termasuk jenis perniagaan perbankan kerana kategori ini mempunyai peraturan khusus terhadap keperluan undang-undang mengenai pelaporan tahunan operasi bank yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi mencapai objektif-objektif kajian, data utama kajian adalah daripada sumber sekunder iaitu laporan tahunan teraudit koperasi di mana kaedah analisis kandungan maklumat akan digunakan. Data yang dikutip adalah berbentuk kaedah tinjauan rentas (*cross sectional*) bagi tahun 2014 berdasarkan senarai semakan (indeks) pendedahan maklumat yang telah dibangunkan. Data bagi tahun 2014 dipilih memandangkan tahun ini merupakan tahun terkini laporan tahunan teraudit koperasi yang boleh diperolehi bagi kutipan data yang telah dilakukan bermula pada bulan Mac 2016. Data akan dikutip sendiri oleh penyelidik iaitu laporan tahunan teraudit koperasi yang akan diperolehi dari pihak koperasi yang terpilih. Setiap koperasi berdaftar dan aktif diwajibkan menghantar satu salinan laporan tahunan teraudit kepada SKM dalam masa tiga puluh hari sebelum MAT diadakan. Penyelidik telah mendapatkan senarai koperasi-koperasi kluster besar di setiap negeri di Malaysia daripada pihak SKM sebagai sumber bagi mendapatkan laporan tahunan bagi tahun berakhir pada 2010 dan 2014 untuk dianalisa dalam kajian ini. Data tahun 2010 juga dipilih untuk dikaji adalah untuk perbandingan antara selang masa selama lima tahun dengan tahun 2014. Selang masa selama lima tahun ini adalah dijangka cukup untuk melihat sama ada wujud perbezaan yang ketara dalam kualiti pelaporan tahunan yang dibuat oleh koperasi-koperasi.

Dalam menguji faktor yang boleh dikaitkan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan yang diambil sebagai sampel kajian, faktor ciri-ciri dan tadbir urus koperasi dipilih kerana kajian ini adalah usaha awal bagi menjustifikasikan faktor penentu yang mempunyai hubungan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan bagi organisasi koperasi di Malaysia. Perbincangan terperinci mengenai pemilihan faktor akan dibincangkan lebih lanjut dalam Bab 3 dan Bab 4.

Bagi mendapat maklumbalas terhadap senarai semakan indeks tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi, kaedah tinjauan telah digunakan iaitu dengan mendapatkan pandangan dan maklumbalas daripada penyedia laporan tahunan koperasi sama ada pegawai akaun koperasi atau pihak SKM sendiri yang juga menyediakan perkhidmatan penyediaan laporan tahunan kepada koperasi-koperasi yang tidak mempunyai pegawai akaun sendiri. Soal selidik ini penting bagi mengetahui kepentingan setiap item yang dikenalpasti bagi mengukur tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi agar satu indeks pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan bagi sektor koperasi di Malaysia dapat dibangunkan.

1.7 Organisasi Kajian

Tesis ini dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama merupakan gambaran secara keseluruhan yang merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian, signifikan dan skop kajian serta organisasi kajian. Latar belakang

kajian menjelaskan secara terperinci isu dan fenomena yang mendorong kajian ini dijalankan.

Bab kedua membincangkan tentang pembangunan dan sistem pelaporan tahunan koperasi di Malaysia yang menerangkan tentang sejarah dan konsep gerakan koperasi, struktur organisasi, pembangunan sektor koperasi di Malaysia dan konsep laporan tahunan koperasi secara keseluruhan.

Selanjutnya, Bab 3 adalah penerangan tentang kajian literatur yang berkaitan dengan pembolehubah kajian iaitu tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi meliputi pendedahan maklumat mandatori, pendedahan maklumat sukarela (maklumat tanggungjawab sosial dan alam sekitar). Penjelasan tentang teori-teori asas yang digunakan bagi menjelaskan hubungan antara pembolehubah bersandar kajian dan faktor-faktor yang dijangka mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia juga dimasukkan.

Bab keempat akan membincangkan secara lanjut berkenaan metodologi kajian meliputi pembentukan rangka kerja dan hipotesis kajian, kaedah kajian yang digunakan, populasi dan sampel kajian, kutipan data, definisi pengoperasian dan pengukuran pembolehubah-pembolehubah kajian, kaedah analisis data dan rumusan. Bab ini akan membincangkan juga tentang proses pembentukan indeks pendedahan maklumat mandatori dan sukarela koperasi termasuklah proses pemilihan item, pengujian dan seterusnya menghasilkan satu senarai semak yang lengkap bagi indeks pendedahan maklumat mandatori dan sukarela bagi organisasi koperasi di Malaysia.

Bab kelima akan menghuraikan keputusan analisis empirikal kajian ataupun hasil kajian. Hasil kajian ini termasuklah analisis terhadap tahap kualiti pelaporan tahunan sampel kajian secara keseluruhan dan seterusnya hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas seperti yang telah dibentuk dalam rangka kerja atau model kajian.

Bab keenam merupakan bab yang terakhir yang mana mengupas tentang keputusan kajian dan perbincangan mengenai kesannya ke atas teori dan praktis. Rumusan kepada keseluruhan tesis yang merangkumi implikasi kajian dan cadangan untuk kajian masa hadapan juga akan dihuraikan dalam bab terakhir ini.

1.8 Rumusan

Laporan tahunan koperasi merupakan alat komunikasi penting di antara koperasi dan pihak-pihak berkepentingannya. Namun disebabkan laporan tahunan koperasi diwajibkan penyediaannya oleh pihak SKM dan menjadi tugas rutin oleh bendahari dan pegawai akaun koperasi, maka keperluan dan kepentingannya seolah-olah tidak dihargai. Oleh itu kajian ini diharapkan dapat menyedarkan pihak-pihak berkepentingan akan kepentingan laporan tahunan yang lebih berkualiti untuk diterbitkan kepada pengguna-pengunanya.

BAB DUA
PEMBANGUNAN DAN SISTEM PELAPORAN KEWANGAN KOPERASI
DI MALAYSIA

2.1 Pengenalan

Tujuan utama bab ini adalah untuk membincangkan secara terperinci mengenai organisasi koperasi di Malaysia. Perbincangan dalam bab ini penting disebabkan organisasi koperasi mempunyai keunikannya yang tersendiri berbanding dengan organisasi di sektor awam ataupun swasta. Perbincangan dimulakan dengan sejarah dan konsep, struktur dan pembangunan koperasi di Malaysia. Kemudian, konsep dalam penyediaan laporan tahunan koperasi yang juga merupakan isu utama dalam kajian ini akan dihuraikan dengan lebih jelas. Ini adalah merangkumi definisi laporan tahunan, tujuan dan objektif penyediaan laporan tahunan, pengguna laporan tahunan, keperluan perundangan yang perlu dipatuhi bagi menerbitkan satu set lengkap laporan tahunan koperasi. Bab ini diakhiri dengan rumusan.

2.2 Sejarah Gerakan Koperasi Di Malaysia

Koperasi diperkenalkan di Malaysia bagi menyelesaikan masalah petani di luar bandar yang ditindas oleh orang tengah dan masalah hutang di kalangan penjawat awam di bandar. Sejurus dengan itu, “Sharikat Bersama Sama Kerja Kerana Bantu Membantu” di Taiping, Perak telah ditubuhkan pada tahun 1922 di bawah undang-undang koperasi bertulis yang diluluskan oleh British iaitu Enakmen Persatuan Koperasi 1922. Undang-undang tersebut diperkenalkan dan dikuatkuasa di negeri

Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang bagi mengawasi “sharikat kerjasama” tersebut yang kini dikenali sebagai koperasi. Koperasi kredit yang pertama didaftarkan pada 21 Julai 1922 iaitu Syarikat Bekerjasama Jimat Cermat Dan Pinjaman Wang Pekerja-pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad (SKM, 2012b). Pada tahun 1948, Enakmen Koperasi 1922 telah digantikan dengan pengenalan Ordinan Koperasi 1948 yang menjadi asas kepada undang-undang koperasi hingga ke hari ini. Koperasi ditubuhkan ketika itu bagi menggalakkan jimat-cermat, menolong diri sendiri dan berkerjasama di kalangan mereka yang juga mempunyai keperluan yang sama.

Gerakan koperasi di Malaysia bermula dengan aktiviti kredit (pinjam meminjam) sejak awal dekad 1920-an lagi dan sehingga hari ini telah menceburi pelbagai aktiviti ekonomi seperti perbankan, perladangan, pengangkutan, pengguna, pembinaan, perumahan, perkhidmatan dan perindustrian. Sektor koperasi di Malaysia dikawalselia oleh Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) yang telah ditubuhkan sejak tahun 1922. Pada tahun 1973, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) pula telah ditubuhkan untuk mengambilalih penyeliaan koperasi berasaskan pertanian iaitu koperasi-koperasi yang ditubuhkan oleh para petani. Kemudian, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) ditubuhkan pada tahun 1974 dan mengambilalih penyeliaan koperasi berasaskan perikanan iaitu koperasi yang ditubuhkan oleh para nelayan. Sejak itu, JPK hanya mengawalselia koperasi-koperasi selain daripada koperasi-koperasi nelayan dan petani.

Pada 1 Januari 2008, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 sebagai sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bagi menggantikan Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) Malaysia untuk mengawal selia secara berkesan sektor koperasi dan untuk merealisasikan potensi gerakan koperasi dengan jayanya. Akta Koperasi 1993 (disemak pada tahun 2007) juga telah dikuatkuasakan untuk disesuaikan dengan penggantian SKM sebagai sebuah badan kawal selia yang baru dalam mengawal selia sektor koperasi di Malaysia. Justeru, semua koperasi termasuk koperasi pertanian dan perikanan telah digabungkan untuk dikawalselia oleh SKM sahaja.

Kini, SKM merupakan badan tunggal yang mengawalselia sektor koperasi yang berperanan memastikan pembangunan sektor koperasi, menyediakan sumber pembiayaan, memupuk semangat keusahawanan dan memastikan koperasi-koperasi patuh kepada undang-undang. Kesan daripada pelaksanaan ini telah meningkatkan bilangan koperasi berdaftar yang seterusnya menjadi penyumbang penting kepada pembangunan ekonomi Malaysia. SKM juga menyediakan persekitaran perundangan yang kondusif bagi menggalakkan gerakan koperasi berkembang mengikut konsep, prinsip dan nilai koperasi.

2.3 Konsep Koperasi

Di Malaysia, koperasi adalah sebuah pertubuhan sosioekonomi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502) (MKM, 2010). Dengan lebih terperinci, Seksyen 4(1) Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) menyatakan koperasi sebagai

sesuatu pertubuhan yang terdiri daripada orang-orang perseorangan sahaja yang mana matlamatnya adalah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi. Menurut Profesor Diraja Ungku Aziz, mantan Yang Dipertua ANGKASA pula, koperasi adalah satu kaedah mengurus kegiatan ekonomi dengan cara tolong-menolong, bergotong-royong atau bekerja bersama-sama demi manfaat bersama (Hayati, Asha'ari, Ahmad Faizal dan Norbiha, 2008). Berdasarkan definisi koperasi tersebut, dapat disimpulkan koperasi adalah sebuah organisasi yang dianggotai, dimodali dan ditadbir oleh sekumpulan manusia yang berkerjasama meningkatkan taraf ekonomi dan sosial mereka melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan berlandaskan konsep dan prinsipnya yang tersendiri (MKM, 2010).


Konsep koperasi adalah berbeza daripada syarikat swasta yang mana objektif utama koperasi adalah untuk meningkatkan taraf hidup anggota dan mengatasi masalah serta isu masyarakat setempat seperti golongan miskin, ibu tunggal dan belia. Ini adalah kerana, koperasi menyediakan pembiayaan mikro, mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan dan memaksimumkan penggunaan sumber tempatan agar dapat merubah kedudukan sosial dan ekonomi anggota. Jadual 2.1 menunjukkan secara ringkas perbezaan koperasi dan syarikat swasta.

Jadual 2.1
Perbezaan Koperasi dan Syarikat Swasta

Koperasi	Syarikat Swasta
<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan perkhidmatan kepada anggota • Keputusan demokratik-satu anggota satu undi • Anggota lembaga dilantik dalam mesyuarat agung tahunan • Anggota adalah pemilik dan pelanggan (user-owner) • Manfaat kepada anggota • Dividen terhad atas modal, utamakan pemberian rebat atas langganan 	<ul style="list-style-type: none"> • Memaksimumkan keuntungan untuk pemegang saham • Undi berdasarkan jumlah saham yang dimiliki • Ahli Lembaga Pengarah dilantik dan ditentukan oleh pemegang saham terbesar • Pemilik dan pelanggan adalah berbeza • Manfaat kepada pemegang saham • Dividen mengikut jumlah pegangan saham

Sumber : MKM (2010)

Di samping itu, dari segi konsep operasi sesebuah koperasi adalah berbeza daripada sektor awam dan korporat yang mana setiap aktiviti perniagaan yang dijalankan adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi anggota-anggotanya yang seterusnya akan memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Apabila sesebuah koperasi menjalankan sesuatu kegiatan ekonomi, anggota-anggota koperasi akan dapat menikmati produk dan perkhidmatan yang terhasil daripada kegiatan tersebut. Malah, keuntungan yang diperolehi koperasi akan memberi faedah kepada mereka seperti melalui pembayaran dividen kelak. Justeru, kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh sektor koperasi juga akan memberi faedah kepada bukan anggota koperasi. Rajah 2.1 di bawah menunjukkan bagaimana sesebuah koperasi beroperasi.



Rajah 2.1 : *Sistem Koperasi*
 Sumber : Maktab Koperasi Malaysia (2010)

Selain itu, koperasi mempunyai nilai dan prinsip tersendiri dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya iaitu nilai-nilai seperti membantu diri sendiri, demokrasi, keadilan, kesamarataan, perpaduan, tanggungjawab sosial dan prihatin. Manakala, prinsip-prinsip koperasi yang menjadi asas dalam mengamalkan nilai-nilai koperasi terdiri daripada tujuh prinsip iaitu:

1. Keanggotaan sukarela dan terbuka
2. Kawalan demokratik anggota
3. Penglibatan ekonomi anggota
4. Autonomi dan kebebasan
5. Pendidikan, latihan dan maklumat
6. Kerjasama antara koperasi
7. Prihatin terhadap komuniti

Koperasi juga menjalankan pelbagai jenis aktiviti yang boleh dibahagikan kepada sembilan jenis iaitu, perbankan, kredit atau kewangan, pertanian, perumahan, perindustrian, pengguna, pembinaan, pengangkutan dan perkhidmatan. Setiap aktiviti memainkan peranan yang berbeza dalam memenuhi keperluan anggota-anggota koperasi yang berdaftar dengan koperasi tersebut, sebagai contoh, koperasi yang menyediakan kemudahan kredit kepada anggotanya adalah koperasi yang menjalankan koperasi kredit atau kewangan. Dari segi saiz koperasi pula boleh dibahagikan kepada empat jenis kluster iaitu kluster besar, sederhana, kecil dan mikro. Setiap kluster ditentukan dengan melihat jumlah jualan tahunan koperasi tersebut. Jadual 2.2 menunjukkan perbezaan setiap kluster koperasi.

Jadual 2.2
Kluster Koperasi

Kluster	Jumlah Jualan Tahunan
Koperasi Besar	RM 5 Juta dan ke atas
Koperasi Sederhana	RM 1 Juta hingga kurang RM 5 Juta
Koperasi Kecil	RM 200,000 hingga kurang RM 1 Juta
Koperasi Mikro	Kurang RM 200,000


Sumber: KPDNKK & SKM (2010)

Secara rumusnya, objektif penubuhan koperasi di Malaysia adalah untuk mencapai keadilan sosial dan ekonomi serta menghapuskan eksploitasi dan penindasan kepada anggota masyarakat yang lemah. Tambahan lagi, Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia (kini digantikan dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia) telah menyatakan matlamat penubuhan koperasi adalah *“bagi memenuhi keperluan individu dan menyelesaikan masalah (anggota-anggota), adalah dengan menyertai kelompok yang besar, tolong menolong dan bekerjasama, kerana masing-masing dan setiap ahli*

adalah berbeza maka gabungan individu mestilah berasaskan kepada beberapa atau sekurang-kurangnya satu persamaan kepentingan ekonomi mereka untuk memastikan tiada konflik dan mencapai kejayaan”.

2.4 Struktur Organisasi Koperasi

Struktur organisasi koperasi telah dibentuk berdasarkan kepada Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007), Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan Undang-Undang Kecil sesebuah koperasi. Di dalam organisasi koperasi terdapat empat komponen penting yang terdiri daripada mesyuarat agung (anggota koperasi), anggota lembaga koperasi, jawatankuasa audit dalaman dan pengurusan koperasi. Rajah 2.2 di bawah menunjukkan secara ringkas struktur organisasi koperasi di Malaysia.



Rajah 2.2 : *Struktur Organisasi Koperasi*
Sumber: MKM (2010)

Mesyuarat Agung merupakan kuasa tertinggi dalam organisasi koperasi yang memainkan peranan penting bagi membincangkan prestasi dan kejayaan serta melihat sejauh mana kemudahan dan perkhidmatan telah disediakan oleh koperasi kepada

anggota-anggota mereka. Seksyen 36 Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) menyatakan anggota-anggota sesebuah koperasi akan berkumpul sekurang-kurangnya setahun sekali untuk mengetahui perkembangan operasi koperasi dan menentukan hala tuju koperasi mereka pada masa akan datang. Dengan kata lain, Mesyuarat Agung akan dihadiri oleh anggota-anggota koperasi yang juga merupakan pihak yang mempunyai kuasa tertinggi dalam organisasi koperasi.

Mengikut tafsiran Seksyen 26 Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007), anggota koperasi hendaklah merupakan seorang warganegara, telah mencapai umur lapan belas tahun (telah mencapai umur dua belas tahun untuk koperasi sekolah) dan bermastautin atau bekerja atau mempunyai tanah dalam kawasan operasi koperasi (penuntut sekolah dalam hal koperasi sekolah). Selain itu, Seksyen 28 dalam akta yang sama juga menyatakan seseorang anggota hendaklah membuat bayaran (yuran) kepada koperasi tersebut untuk mendaftar dan diiktiraf sebagai anggota sesebuah koperasi. Apabila seseorang anggota setelah diiktiraf keanggotaannya, maka mereka akan mempunyai peranan sebagai pemilik, pengawal, penyumbang modal dan pengguna. Justeru, anggota dianggap sebagai pemilik kerana aset-aset koperasi adalah milik bersama-sama anggota lain yang turut serta dalam menyumbang sumber kewangan koperasi tersebut. Tambahan lagi, apabila anggota koperasi telah berperanan sebagai pemilik, maka mereka hendaklah bersama-sama memajukan koperasi dan memastikan matlamat penubuhan koperasi tercapai.

Bagi mencapai matlamat koperasi pula, anggota koperasi mestilah menjalankan peranan sebagai pengawal iaitu dengan mengawal operasi koperasi secara demokrasi.

Ini bermakna, setiap proses pembuatan keputusan dan pelaksanaan dasar yang diputuskan dalam mesyuarat agung hendaklah mengikut mengikut prinsip demokrasi. Kemudian, anggota berperanan sebagai penyumbang modal adalah merujuk kepada para anggota digalakkan untuk menyumbang lebih daripada sumbangan minimum supaya koperasi mempunyai modal yang cukup untuk menjalankan operasinya sebagaimana termaktub dalam Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) dan peruntukan undang-undang kecil koperasi. Akhir sekali, peranan anggota sebagai pengguna pula merujuk kepada anggota koperasi digalakkan melanggan barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh koperasi bagi memberi sokongan dan menghidupkan operasi perniagaan koperasi serta mendapat pelbagai faedah yang ditawarkan oleh koperasi kepada anggota-anggotanya.

Komponen kedua dalam struktur organisasi koperasi adalah Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang dilantik di kalangan anggota koperasi di dalam Mesyuarat Agung Tahunan (MAT). ALK akan memimpin organisasi koperasi sebagai pemegang amanah yang diberi mandat mengikut kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007), Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan undang-undang kecil koperasi. Menurut Seksyen 42 Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007), ALK sesebuah koperasi hendaklah terdiri daripada enam hingga lima belas orang yang berperanan mentadbir, merancang dan melaksanakan aktiviti koperasi yang telah diluluskan dan ditetapkan di dalam MAT. Di samping itu, tanggungjawab ALK yang paling penting adalah menyelenggara sistem perakaunan koperasi seperti merekod urusan niaga, menyemak buku daftar dan dokumen berkaitan serta menyediakan penyata kewangan untuk dibentangkan di dalam MAT.

Sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 46 Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) juga, ALK boleh menerima elaun daripada koperasi seperti yang telah ditetapkan dalam MAT atas jawatan yang dipegangnya. Seterusnya, segala kriteria dan tanggungjawab ALK dalam organisasi koperasi telah dinyatakan dengan lebih terperinci dalam Akta Koperasi 1993 bagi menunjukkan peranan besar ALK sebagai pemimpin koperasi. Sebagai contoh, kelayakan untuk dilantik sebagai anggota lembaga dinyatakan dalam Seksyen 43, tugas-tugas dan kuasa-kuasa sebuah lembaga koperasi dalam Seksyen 44, liabiliti anggota-anggota lembaga berkaitan tindakan dan tugas anggota lembaga dalam operasi perniagaan koperasi serta balasan jika anggota lembaga melakukan tindakan yang tidak selaras dengan undang-undang koperasi dalam Seksyen 45 dan penggantungan anggota lembaga semasa prosiding dan pemecatan anggota lembaga jika sabit kesalahan dalam Seksyen 47 dan 48 Akta Koperasi 1993.

Kemudian, komponen ketiga dalam organisasi koperasi adalah Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) yang berperanan meningkatkan keberkesanan pentadbiran koperasi. Justeru, JAD bertanggungjawab sebagai pemeriksa dalaman yang menjalankan pemeriksaan secara berkala terhadap rekod-rekod perakaunan dan dokumen lain yang terlibat dalam operasi koperasi serta melaporkan kepada ALK dan Mesyuarat Agung supaya tindakan penambahbaikan dapat diambil jika terdapat kekurangan yang boleh diperbaiki bagi memantapkan pengurusan koperasi. Menurut Seksyen 42A Akta Koperasi 1993, JAD hendaklah dilantik oleh lembaga koperasi yang terdiri daripada tiga hingga lima orang. Manakala, tugas-tugas JAD telah dinyatakan dalam undang-

undang kecil sesebuah koperasi seperti diberi tugas mengkaji dan menilai struktur kawalan dalaman kecekapan operasi dan aktiviti perniagaan koperasi.

Akhir sekali, komponen keempat dalam organisasi koperasi adalah pihak pengurusan koperasi yang merujuk kepada kumpulan pelaksana kepada visi dan misi MAT dan ALK. Pengurusan koperasi berperanan melaksanakan dasar dan keputusan yang telah dipersetujui dalam MAT serta mengendalikan segala aktiviti-aktiviti koperasi. Selain itu, pengurusan koperasi terdiri daripada kakitangan koperasi yang dibayar gaji secara bulanan dan dilantik oleh pihak ALK. Perbezaan antara pengurusan koperasi dan ALK adalah pengurusan koperasi menerima gaji tetap manakala ALK hanya menerima elaun tahunan yang ditetapkan dalam MAT. Tambahan lagi, pengurusan koperasi bekerja secara sepenuh masa dan fokus hanya kepada operasi koperasi tersebut manakala ALK hanya bertugas secara sambilan dan mempunyai tugas-tugas selain daripada menguruskan hal ehwal koperasi tersebut.

Oleh itu, peranan pengurusan koperasi amatlah penting kerana mereka bekerja sepenuh masa dan dapat memberi fokus yang lebih untuk memajukan operasi koperasi yang mana tugas-tugas pihak pengurusan ini akan dikawal serta dipantau oleh pihak ALK. Pihak ALK akan mewujudkan pembahagian tugas kepada pengurusan koperasi dan pihak pengurusan bertanggungjawab untuk memberikan laporan kepada ALK berkenaan tugas yang diamanahkan kepada mereka. Jika pihak ALK tidak berpuas hati dengan tugas yang dilakukan, mereka mempunyai kuasa untuk melantik dan memberhentikan pihak pengurusan dengan alasan yang munasabah.

Jika dilihat kepada Rajah 2.2, juruaudit luar dan penasihat atau penaung juga terdapat dalam struktur organisasi koperasi. Kedua-dua komponen ini mempunyai hubungan secara tidak langsung dengan organisasi koperasi. Juruaudit luar berperanan sebagai pihak yang akan menjalankan pengauditan ke atas akaun-akaun koperasi. Dengan kata lain, perlantikan juruaudit luar adalah bagi memastikan penyata kewangan disediakan secara saksama iaitu lengkap, patuh pada prinsip perakaunan dan tidak mengelirukan untuk dibentangkan di dalam MAT. Manakala, penasihat atau penaung sesebuah koperasi pula adalah bukan anggota koperasi yang telah dilantik oleh ALK dengan persetujuan anggota-anggota koperasi bagi memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada pihak koperasi dalam bidang-bidang tertentu seperti undang-undang, ekonomi dan perniagaan. Mereka boleh menghadiri MAT tetapi tidak layak untuk mengundi dan tidak bertanggungjawab ke atas kewangan koperasi.

2.5 Pembangunan Koperasi Di Malaysia

Gerakan koperasi di Malaysia merupakan sektor ketiga yang penting kepada pembangunan ekonomi negara selepas selepas sektor awam dan korporat (MKM, 2010). Sektor koperasi mempunyai potensi yang besar kepada pembangunan ekonomi negara dan juga di peringkat antarabangsa disebabkan kelebihannya yang memiliki kekuatan dari segi nilai dan prinsip koperasi, jumlah keanggotaan, nilai aset dan sumbangan modal daripada anggota-anggota koperasi. Bagi membolehkan gerakan koperasi lebih aktif dalam pembangunan ekonomi negara bersama-sama dengan sektor awam dan swasta, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Koperasi Negara 2002-2010 yang menggariskan beberapa strategi yang menyediakan persekitaran yang

menyeluruh bagi perkembangan koperasi secara teratur dan tersusun (KPDNKK & SKM, 2010).

Dasar Koperasi Negara (DKN) 2002-2010 ada menyatakan semua jenis koperasi telah diletakkan di bawah satu Kementerian dan satu autoriti yang sama iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dimana Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang mengawal koperasi asas tani dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang mengawal koperasi ikan telah dihapuskan. Kemudian, pada tahun 2010, DKN 2011-2020 telah diumumkan bagi menggantikan DKN 2002-2010 yang telah menggariskan lima teras strategik untuk merangsang pembangunan koperasi di Malaysia. Lima teras strategik tersebut adalah merangsang penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi, memantapkan keupayaan dan kebolehan koperasi, mewujudkan dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi, meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi dan memperkukuhkan koperasi melalui seliaan dan penguatkuasaan berkesan (KPDNKK & SKM, 2010).

Berdasarkan DKN 2011-2020 yang diterbitkan oleh KPDNKK dan SKM, di antara program yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan pertumbuhan dalam gerakan koperasi, kesejahteraan masyarakat koperasi dan sumbangan kepada pembangunan negara adalah program pembangunan perniagaan, akses kepada sumber pembiayaan, penerapan budaya keusahawanan, pengemaskinian perundangan dan peningkatan dalam pengawal seliaan koperasi. Hasil daripada perlaksanaan ini telah memberi impak kepada gerakan koperasi di Malaysia terutamanya dari segi bilangan koperasi yang semakin meningkat dari setahun ke setahun. Bilangan koperasi bagi tahun berakhir 2016 adalah sebanyak 13,428 buah koperasi berbanding pada awal

penubuhan koperasi pada tahun 1922 iaitu sebanyak 9 buah koperasi sahaja. Justeru, apabila bilangan koperasi semakin meningkat dari setahun ke setahun, maka, prestasi gerakan koperasi juga telah menunjukkan pertumbuhan yang positif. Statistik bagi tahun berakhir 2016 melaporkan bahawa bilangan koperasi berdaftar adalah sebanyak 13,428 buah koperasi dengan keanggotaan seramai 7.06 juta orang, modal syer berjumlah RM13.991 bilion dan aset keseluruhan sebanyak RM130.740 bilion. Melalui sumber dan kekuatan kewangan ini, koperasi telah menjana perolehan tahunan sebanyak RM39.664 bilion daripada semua aktiviti yang dijalankan. Aktiviti koperasi yang telah menyumbang jumlah perolehan terbesar pula adalah daripada koperasi yang menjalankan aktiviti perbankan iaitu sebanyak RM28.716 bilion. Jadual 2.3 menunjukkan secara terperinci prestasi gerakan koperasi mengikut fungsi bagi tahun 2016.

Jadual 2.3

Statistik Umum Koperasi Mengikut Fungsi Bagi Tahun 2016

Fungsi	Bilangan Koperasi	Bilangan Anggota (orang)	Jumlah Syer Modal/Yuran (RM Juta)	Jumlah Aset (RM Juta)	Perolehan (RM Juta)
Perbankan	2	971,613	3,328.58	101,499.38	28,716.40
Kredit	590	1,317,256	6,181.41	14,119.57	5,401.39
Pertanian	2,891	738,800	656.96	2,849.54	1,185.11
Perumahan	286	156,879	199.74	1,035.10	224.86
Perindustrian	332	19,806	13.41	78.72	36.37
Pengguna : Dewasa	2,877	565,685	412.60	1,653.15	980.90
Pengguna : Sekolah	2,361	2,020,843	24.81	326.85	359.17
Pembinaan	238	98,681	35.23	330.11	58.23
Pengangkutan	479	147,233	70.93	332.41	605.51
Perkhidmatan	3,372	1,029,426	3,068.18	8,515.86	2,096.69
Jumlah	13,428	7,066,222	13,991.85	130,740.69	39,664.63

Sumber : (SKM, 2017a)

Dari segi aktiviti yang dijalankan oleh koperasi pula, pelbagai jenis koperasi telah ditubuhkan iaitu, koperasi pengguna, pertanian, perumahan, pengangkutan, perindustrian, pembinaan dan perkhidmatan. Sebagai contoh, koperasi yang menjalankan pelbagai jenis aktiviti dikenali sebagai koperasi serbaguna. Keanggotaan koperasi tersebut pula boleh terdiri kakitangan kerajaan, badan berkanun, kakitangan swasta, pesara, pelajar sekolah, peniaga kecil, nelayan, petani dan sebagainya. Berdasarkan statistik SKM bagi tahun 2016, bilangan koperasi yang paling banyak adalah daripada koperasi yang menjalankan aktiviti perkhidmatan iaitu sebanyak 3,372 buah koperasi.

Selain itu, jika dianalisa dari segi saiz pula (lihat Jadual 2.4), koperasi kluster besar merupakan penyumbang terbesar kepada perolehan tahunan gerakan koperasi di Malaysia walaupun bilangan koperasi dalam kluster besar bagi tahun 2016 adalah sebanyak 258 buah koperasi sahaja berbanding dengan bilangan koperasi kluster kecil dan mikro. Bagi tahun 2016, koperasi kluster besar telah menyumbang sebanyak 94.7 peratus kepada perolehan keseluruhan gerakan koperasi berbanding koperasi kluster sederhana sebanyak 3.2 peratus, kluster kecil sebanyak 1.4 peratus dan kluster mikro sebanyak 0.7 peratus. Kebanyakan koperasi dalam kluster besar ini adalah koperasi perbankan dan kredit.

Jadual 2.4

Bilangan Koperasi dan Perolehan Mengikut Kluster Bagi Tahun 2016

Kluster	Bilangan Koperasi	%	Perolehan	
			RM Juta	%
Koperasi Besar	258	1.9	37,551	94.7
Koperasi Sederhana	571	4.3	1,260	3.2

Koperasi Kecil	1,407	10.5	570	1.4
Koperasi Mikro	11,192	83.3	284	0.7
Jumlah	13,428	100	39,665	100

Sumber : SKM (2017b)

Di samping itu, pembangunan koperasi di Malaysia dimantapkan lagi dengan bantuan daripada kerajaan yang menyediakan geran dan pinjaman mudah selain daripada sumber dalaman yang disumbangkan oleh anggota-anggota koperasi dalam bentuk modal syer dan yuran. Bagi membiayai program latihan dan pembangunan koperasi pula, sebahagian daripada keuntungan koperasi dikumpulkan dalam bentuk dana. Program latihan dan pembangunan dikendalikan oleh SKM, Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Justeru, program latihan dan pembangunan ini amat penting bagi menghadapi cabaran baru dalam gerakan koperasi yang berperanan meningkatkan taraf kehidupan anggota seterusnya secara tidak langsung dapat membantu kerajaan merealisasikan agenda pembangunan negara.

Bagaimanapun, gerakan koperasi di Malaysia turut menghadapi beberapa cabaran dalam mencapai kejayaannya iaitu isu dalaman berkaitan dengan keanggotaan, kewangan dan pengurusan koperasi. Malah, pelaksanaan strategi yang telah ditetapkan dalam DKN 2002-2010 juga tidak berkesan apabila timbul kelemahan seperti operasi koperasi bersaiz kecil, wujudnya budaya keusahawanan yang rendah, anggota koperasi kurang pemahaman tentang koperasi dan kurangnya pengurusan profesional (KPDNKK & SKM, 2010). Oleh itu, koperasi perlu menangani isu dan kelemahan ini agar koperasi dapat menjalankan operasi perniagaannya dengan cekap dan berkesan seterusnya mencapai matlamat penubuhannya.

Berdasarkan pelan dan strategi yang dirangka di dalam DKN 2002-2009 dan DKN 2010-2020 menunjukkan yang sektor koperasi merupakan sektor penting kepada pembangunan negara. Pelan rangka strategik yang dicadangkan dalam DKN 2002-2009 telah memberi kesan yang positif dan berjaya apabila pada tahun 2014, sektor koperasi telah mencapai prestasi membanggakan dengan mencapai perolehan berjumlah RM34.950 bilion iaitu peningkatan sebanyak 6% berbanding dengan pencapaian pada tahun 2013.

Sejajar dengan itu, KPDNKK dan SKM telah menetapkan salah satu objektif DKN 2011-2020 pula adalah sektor koperasi dapat menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 10% pada tahun 2020 (KPDNKK & SKM, 2010). Pencapaian sumbangan sektor koperasi pada tahun 2015 kepada KDNK adalah sebanyak 1% (SKM, 2016). Maka, dasar koperasi yang disediakan oleh KPDNKK dan SKM perlulah dilanjutkan supaya hala tuju perkembangan koperasi dapat diselaraskan dengan hala tuju pembangunan negara. Jadual 2.5 menunjukkan ringkasan pencapaian sektor koperasi dari tahun 2010 hingga 2016.

Jadual 2.5

Pencapaian Prestasi Sektor Koperasi

Prestasi/Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Perolehan (RM billion)	9.50	23.09	31.09	32.97	34.95	33.56	39.66
Jumlah Aset (RM billion)	71.78	92.80	100.41	107.90	116.00	123.27	130.74
Jumlah Modal Syer/ Yuran (RM billion)	9.55	10.49	11.71	12.81	13.00	13.81	13.99
Bilangan Anggota (juta orang)	6.6	7.0	7.0	7.6	7.4	7.5	7.1
Bilangan Koperasi	8,146	9,074	10,087	10,914	11,871	12,769	13,428

Sumber : SKM (2011, 2012, 2013, 2014, 2015, 2016, 2017)

Semua penunjuk prestasi kewangan seperti jumlah perolehan, aset dan modal syer dari tahun 2010 hingga tahun 2016 menunjukkan peningkatan. Ini memberikan gambaran bahawa sektor koperasi mengalami proses pengembangan dari tahun ke tahun.

Kesimpulannya, gerakan koperasi di Malaysia hendaklah sentiasa bersedia melakukan apa jua perubahan yang mendatangkan kebaikan kepada organisasi koperasi itu sendiri yang secara langsung akan memberi manfaat kepada anggota-anggota koperasi dan pembangunan ekonomi negara. Justeru, antara isu yang harus diberi perhatian adalah koperasi haruslah memantapkan lagi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi koperasi agar maklumat yang diterbitkan tersebut akan memberi impak positif kepada perkembangan koperasi. Pendedahan maklumat dalam laporan kewangan yang menyeluruh dan berkualiti amatlah penting untuk memberi keyakinan kepada anggota-anggota koperasi terhadap perjalanan operasi koperasi yang mana akan menggalakkan mereka untuk terus memajukan sektor koperasi. Seksyen seterusnya akan membincangkan konsep laporan kewangan koperasi dengan lebih terperinci.

2.6 Konsep Laporan Tahunan Koperasi

Seksyen ini bertujuan membincangkan aspek berkaitan dengan laporan tahunan koperasi secara keseluruhan. Perbincangan adalah merangkumi definisi laporan tahunan secara umum dan khusus, tujuan dan objektif laporan tahunan disediakan, pengguna laporan tahunan yang diterbitkan, keperluan perundangan yang perlu dipatuhi oleh penyedia laporan tahunan koperasi serta kandungan yang perlu ada

dalam laporan tahunan koperasi agar mencapai tahap kualiti pelaporan maklumat yang dikehendaki.

2.6.1 Definisi Laporan Tahunan

Secara umumnya, laporan tahunan atau penyata kewangan tahunan merujuk kepada rekod formal aktiviti kewangan sesebuah perniagaan yang juga merupakan alat komunikasi untuk menyampaikan maklumat aktiviti semasa perniagaan dan hala tuju syarikat kepada pemegang saham dan bakal pelabur (Azhar, 1999 dalam nukilan Lily Marlina dan Takiah, 2003). Selain itu, laporan tahunan memaparkan pelbagai maklumat kewangan yang akan memberi petunjuk sejauh mana sesebuah organisasi perniagaan telah berjaya atau gagal dalam menguruskan aktiviti perniagaannya (MKM, 2010).

Mengikut Standard Perakaunan Antarabangsa 1 (IAS 1), penyata kewangan yang lengkap terdiri daripada penyata lembaran imbangan, penyata untung rugi, penyata perubahan ekuiti, penyata alir tunai, nota-nota penjelasan dan maklumat perbandingan (IASB, 2009). Manakala Standard 1, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB Standard 1) menyatakan penyata kewangan terdiri daripada penyata lembaran imbangan, penyata pendapatan, penyata perubahan ekuiti, penyata aliran tunai dan polisi perakaunan serta nota penjelasan (MASB, 1999).

Bagi sektor koperasi, laporan tahunan koperasi yang juga dikenali sebagai laporan kewangan tahunan koperasi merujuk kepada buku atau dokumen yang diterbitkan oleh pihak koperasi setelah tamat satu tahun tempoh kewangan yang menunjukkan secara terperinci segala hasil operasi koperasi, kedudukan kewangan dan aktiviti

sosial yang telah dijalankan. Dengan lebih ringkas, laporan tahunan koperasi mengandungi akaun-akaun dan laporan-laporan tertentu berkenaan prestasi kewangan dan aktiviti koperasi bagi tempoh setahun (MKM, 2010).

Mengikut Seksyen 59(1) Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007), laporan tahunan koperasi terdiri daripada akaun perdagangan dan untung rugi, kunci kira-kira, laporan kedudukan hal ehwal koperasi dan laporan juruaudit. Hal ini diperincikan lagi dalam Garis Panduan Penyediaan Penyata Kewangan Koperasi (GP23) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menggariskan bahawa penyata kewangan tahunan terdiri daripada kunci kira-kira, akaun pembahagian keuntungan, akaun untung rugi dan perdagangan, penyata aliran tunai dan nota kepada akaun.

Berdasarkan kepada definisi yang telah dibincangkan di atas, laporan tahunan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada gabungan definisi yang diberikan oleh Seksyen 59(1) Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) dan Garis Panduan Penyediaan Penyata Kewangan Koperasi (GP23) serta MKM (2010) kerana ia adalah khusus untuk sektor koperasi di Malaysia.

2.6.2 Tujuan dan Objektif Laporan Tahunan Disediakan

Secara umumnya, tujuan laporan tahunan atau penyata kewangan tahunan disediakan adalah untuk membekalkan maklumat kewangan dan pengendalian perniagaan kepada pihak-pihak berkepentingan terutamanya anggota-anggota koperasi (MKM, 2010). Apabila laporan tahunan yang disediakan membekalkan maklumat kewangan organisasi kepada pihak-pihak berkepentingan sama ada di dalam atau di luar

organisasi, proses ini dikenali juga sebagai pelaporan kewangan. Pelaporan kewangan boleh dilaporkan dalam pelbagai tempoh iaitu, sama ada sebulan sekali, suku tahun, separuh tahun atau kebiasaannya sekali setahun (MKM, 2010). Pelaporan kewangan koperasi yang diwajibkan mengikut undang-undang koperasi iaitu Akta Koperasi 1993 adalah pelaporan tahunan (tempoh satu tahun perakaunan sesebuah koperasi beroperasi). Laporan tahunan beraudit wajib dibentangkan dalam MAT yang diadakan dalam tempoh enam bulan selepas tarikh perakaunan koperasi ditutup setiap tahun.

Tujuan lain laporan tahunan disediakan juga adalah :

- Membolehkan pihak-pihak berkepentingan memperoleh maklumat kewangan bagi tempoh setahun yang lalu agar mereka dapat membandingkan pencapaian, melihat arah aliran dan memahami prospek masa hadapan.
- Menyediakan maklumat bukan kewangan yang penting merangkumi data mikro yang penting seperti keadaan ekonomi atau perubahan polisi dan dasar yang akan memberi kesan kepada kedudukan organisasi pada masa akan datang.
- Memberi petunjuk kepada para anggota tentang keupayaan pentadbir dan pengurus organisasi menguruskan maklumat dan hal ehwal kewangan organisasi.

Manakala, bagi sektor koperasi di Malaysia, tujuan laporan tahunan disediakan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (GP23) adalah bagi menunjukkan struktur kewangan dan hasil perniagaan yang dijalankan oleh sesebuah koperasi dalam tempoh satu tahun kewangan operasi. Laporan tahunan yang disediakan juga bertujuan bagi memenuhi keperluan perundangan yang telah ditetapkan oleh pihak SKM agar koperasi menyediakan dan membentangkan laporan tahunan berdasarkan arahan, garis panduan, surat pekeliling

atau notis berkaitan bentuk dan kandungan penyata kewangan serta standard perakaunan dan tatacara yang perlu dipatuhi koperasi (SKM, 2012a).

Secara lebih terperinci, tujuan laporan tahunan koperasi disediakan adalah :

- Memberitahu perkembangan aktiviti ekonomi yang berlaku dalam koperasi kepada anggota-anggota koperasi dan pihak-pihak berkepentingan yang lain khususnya dari aspek kewangan dalam tempoh satu tahun kewangan.
- Membentangkan maklumat berkaitan pelaburan, aset tetap dan jumlah tunai dimiliki, jumlah dan bentuk liabiliti yang ditanggung koperasi, jumlah modal yang disumbangkan oleh anggota-anggota dan keuntungan bersih yang diperoleh daripada pelbagai aktiviti koperasi yang telah dijalankan.
- Memberi gambaran kepada anggota-anggota koperasi dan pihak-pihak berkepentingan tentang sumber-sumber dalam koperasi sama ada diuruskan dengan cekap atau tidak.


Dari segi objektif pula, penyediaan laporan tahunan bagi sektor awam adalah bagi memenuhi keperluan akauntabiliti kewangan (Engku Ismail, 2010). Bagi sektor korporat pula, objektif penyediaan laporan tahunan adalah untuk menyediakan maklumat mengenai kedudukan, prestasi dan perubahan kedudukan kewangan sesebuah syarikat yang amat berguna kepada pelbagai pengguna dalam membuat keputusan ekonomi (AARF, 1990; AASB, 2004).

Dalam konteks sektor koperasi di Malaysia pula, objektif penyediaan laporan tahunan adalah untuk menyediakan maklumat berguna berkaitan dengan kedudukan

kewangan, prestasi dan aliran tunai sesebuah koperasi kepada pengguna dalam membuat keputusan ekonomi dan tindakan berasaskan perundangan (SKM, 2012a). Tindakan berasaskan perundangan dalam hal ini bermaksud setiap laporan tahunan perlulah disediakan dengan segera iaitu tidak lewat daripada dua bulan selepas tamatnya tempoh kewangan untuk dihantar pula kepada juruaudit luar. Selain itu, koperasi juga bertanggungjawab membentangkan laporan tahunan yang telah diaudit untuk memberi gambaran benar dan saksama kedudukan hal ehwal koperasi kepada pengguna laporan kewangan (SKM, 2012a). Selain itu, objektif penyediaan laporan tahunan koperasi juga adalah untuk memantau kepatuhan koperasi terhadap Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 1995, aturan dan polisi yang berkaitan (MKM, 2010).

2.6.3 Pengguna Laporan Tahunan

Secara umumnya, pengguna laporan tahunan terdiri daripada para anggota dan pihak pengurusan atasan yang mengambil berat terhadap kedudukan kewangan perniagaan terutamanya maklumat berkaitan keuntungan dan kecairan sesebuah perniagaan. Selain itu, pihak luar yang berkepentingan juga seperti pemiutang, bakal pelabur dan pesaing merupakan pengguna laporan tahunan yang memerlukan maklumat berkaitan prestasi dan prospek masa depan organisasi agar dapat membuat keputusan pelaburan (MKM, 2010). Rajah 2.3 dibawah menunjukkan secara ringkas pengguna laporan tahunan dan tujuan mereka menggunakan laporan tahunan tersebut.



Rajah 2.3 : *Pengguna Laporan Kewangan*
Sumber: MKM (2010)

Secara khususnya bagi organisasi koperasi, pengguna laporan tahunan yang utama adalah anggota-anggota koperasi selain daripada pihak-pihak berkepentingan yang lain seperti pembekal, pihak bank, pemiutang dan pihak pengurusan (JPK, 1993).

2.6.4 Keperluan Penyediaan Laporan Tahunan

Organisasi perniagaan di Malaysia adalah diwajibkan oleh undang-undang untuk menjadikan maklumat kewangan tertentu sebagai 'maklumat awam' yang boleh diperoleh oleh pelbagai pihak-pihak berkepentingan (MKM, 2010). Dengan adanya undang-undang, maklumat kewangan dan pencapaian perniagaan dapat disampaikan sekerap dan secepat mungkin bagi memenuhi keperluan pihak-pihak berkepentingan. Oleh itu, laporan tahunan teraudit perlu disediakan oleh setiap organisasi perniagaan kerana laporan tersebut merupakan satu alat yang berguna dan penting dalam membekalkan maklumat kewangan kepada pengguna agar proses pembuatan keputusan dapat dibuat.

Secara umumnya, pembangunan standard dan amalan perakaunan adalah penting bagi memenuhi keperluan pelaporan kewangan tahunan sama ada bagi sektor awam atau

swasta. Keperluan penyediaan laporan kewangan tahunan bagi sektor awam dan korporat telah dinyatakan dengan jelas dalam undang-undang atau akta yang mengawal sesebuah organisasi itu beroperasi. Sebagai contoh, bagi syarikat korporat, ianya dinyatakan dalam Seksyen 245, Akta Syarikat 2016 (Seksyen 167, Akta Syarikat 1965), manakala bagi sektor awam seperti kerajaan tempatan ianya dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan, 1957 (PP), (Perkara 99), Seksyen 16, Akta Acara Kewangan, 1957 (AAK) dan seksyen 54 (2) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (AKT) (Engku Ismail, 2010).

Bagi sektor koperasi pula, semua piawaian yang dibangunkan untuk sektor awam dan swasta adalah tidak sesuai untuk dipraktikkan oleh sektor koperasi kerana ciri koperasi yang unik iaitu dari segi struktur pemilikan (termasuk tadbir urus), tujuan koperasi ditubuhkan, nilai-nilai dan prinsip-prinsip koperasi (ICA, 1995). Justeru, penubuhan koperasi bukan semata-mata untuk mencari keuntungan tetapi adalah untuk memenuhi matlamat ekonomi dan sosial anggota-anggota koperasi dan masyarakat keseluruhannya.

Secara khususnya, keperluan penyediaan laporan tahunan koperasi dinyatakan dalam Seksyen 58, Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007), Peraturan 31, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Bahagian C, Garis Panduan Penyediaan Penyata Kewangan Koperasi (GP 23). Organisasi koperasi di Malaysia yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 adalah bertanggungjawab untuk menguruskan kewangan koperasi dengan sebaik mungkin dan menyampaikan maklumat tentang kedudukan dan operasi

perniagaan koperasi kepada pihak-pihak berkepentingan terutamanya anggota-anggota koperasi.

Mengikut Seksyen 59, Akta Koperasi 1993, ALK dan pihak pengurusan bertanggungjawab untuk membentangkan laporan tahunan koperasi di dalam mesyuarat agung tahunan (MAT) sekurang-kurangnya sekali setahun. Oleh itu, setiap organisasi koperasi adalah diwajibkan untuk menyediakan laporan kewangan tahunan yang diaudit berdasarkan kepada keperluan undang-undang, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang mengikat setiap satu daripada organisasi koperasi tersebut. Justeru, laporan tahunan koperasi perlu disediakan mengikut kehendak Akta Koperasi 1993 (pindaan tahun 2007), Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, Pekeliling daripada Pendaftar dan Perlembagaan Koperasi. Perkara-perkara di atas adalah peraturan-peraturan yang mengawal organisasi koperasi di Malaysia.

Pada tahun 2005, Pendaftar Koperasi mengeluarkan Pekeliling Bilangan 1/2005 sebagai garis panduan bagi penyedia laporan tahunan koperasi dan juruaudit luar untuk diikuti dan dipatuhi. Garis panduan ini dikeluarkan kerana ketidakseragaman yang berlaku dalam penyediaan laporan tahunan koperasi. Hal ini juga selaras dengan Fasal 29 Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 yang menghendaki setiap koperasi berdaftar untuk menyediakan laporan kewangan tahunan dalam format yang diluluskan oleh Pendaftar Koperasi. Garis panduan ini menggariskan perkara-perkara yang perlu dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi termasuk nota-nota kepada akaun dan juga kaedah untuk pengiraan rizab berkanun seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993.

Objektif garis panduan ini adalah untuk membantu koperasi dalam penyediaan laporan kewangan standard dan memudahkan proses mengumpul data kewangan koperasi bagi tujuan pemantauan dan pengukuran prestasi koperasi. Skop garis panduan ini pula adalah merangkumi pendedahan yang dikehendaki dan format pembentangan dalam penyediaan laporan kewangan koperasi. Namun pada 18 Oktober 2012, pihak SKM telah menggantikan Pekeliling Pendaftar Bilangan 1/2005 ini dengan Garis Panduan (GP) 23 : Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi. Oleh itu organisasi koperasi wajib mematuhi GP23 ini sebagai panduan dalam penyediaan pelaporan kewangan tahunan yang berkuatkuasa bermula pada 1 Januari 2013.

Sehubungan dengan itu, walaupun terdapat undang-undang, peraturan-peraturan dan garis panduan telah dikeluarkan untuk tahap pendedahan maklumat mandatori penyata kewangan koperasi tetapi tidak terdapat lagi bukti dari kajian lepas mengenai amalan dan kesan yang berkaitan dengan undang-undang, peraturan-peraturan dan garis panduan. Justeru, kajian sebelum ini banyak memberi tumpuan kepada tahap pendedahan maklumat penyata kewangan di syarikat-syarikat terutama syarikat tersenarai di Malaysia dan seluruh dunia (Adina & Ion, 2008; Ailwan et al., 2013; Akhtaruddin, 2005; Basuony & Mohamed, 2014; Demir & Bahadir, 2014; Yousef Al-Tahat, 2010). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kajian ini juga bertujuan untuk membangunkan indeks tahap pendedahan maklumat kewangan sebagai model yang sesuai untuk mengukur tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia.

2.6.4.1 Kandungan Laporan Tahunan Koperasi

Secara asasnya, laporan tahunan koperasi melaporkan dua jenis maklumat iaitu maklumat kewangan dan maklumat bukan kewangan.

2.6.4.1.1 Maklumat Kewangan Koperasi

Kandungan maklumat kewangan merupakan bahagian yang paling besar di dalam laporan tahunan koperasi. Lazimnya, bahagian yang berkaitan dengan maklumat kewangan terdiri daripada lima perkara iaitu:

a) Penyata Kewangan Koperasi

Penyata kewangan koperasi merujuk kepada satu set penyata yang menunjukkan kedudukan kewangan dan pencapaian atau prestasi sesebuah koperasi bagi satu tahun kewangan yang lengkap, betul dan kemaskini yang memudahkan aktiviti-aktiviti koperasi dirancang dengan lebih tepat dan berkesan (JPK, 1993). Mengikut Seksyen 59(1) Akta Koperasi 1993 dan Peraturan 29(4), Peraturan-peraturan Koperasi 1995, koperasi hendaklah menyediakan satu set lengkap penyata kewangan koperasi yang menerangkan secara keseluruhan kedudukan kewangan dan hasil kendalian koperasi bagi satu tempoh kewangan.

Penyata kewangan yang dikemukakan perlulah mengandungi lima laporan iaitu:

- Akaun Perdagangan

Akaun Perdagangan menunjukkan keuntungan atau kerugian yang diperolehi sesebuah koperasi hasil daripada menjalankan aktiviti perniagaan bagi satu tempoh kewangan. Akaun Perdagangan disediakan oleh koperasi yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran dan jual beli barang niaga bagi menunjukkan prestasi

perniagaan yang dijalankan. Mengikut Pekeliling SKM, Garis Panduan 23 (GP23) : Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2013, akaun perdagangan hendaklah disediakan secara berasingan bagi setiap jenis aktiviti bagi menunjukkan untung dan rugi bagi setiap aktiviti yang dijalankan yang ditunjukkan secara terperinci di bahagian nota kepada akaun.



- Akaun Untung Rugi (AUR)

Segala bentuk pendapatan yang diperolehi koperasi seperti jualan barang niaga atau perkhidmatan dan sumber-sumber lain seperti sumbangan derma, komisen, faedah simpanan bank, dividen pelaburan dan sebagainya ditunjukkan dalam akaun untung rugi. Begitu juga dengan perbelanjaan yang telah dibuat oleh koperasi yang boleh diklasifikasikan kepada dua jenis perbelanjaan iaitu perbelanjaan untuk jualan atau aktiviti dan perbelanjaan am seperti gaji, susutnilai, elaun mesyuarat, belanja pos dan sebagainya. Untung atau rugi bersih bagi satu tempoh kewangan akan diketahui apabila jumlah pendapatan ditolak dengan perbelanjaan yang telah dibuat oleh koperasi.

- Akaun Pembahagian Keuntungan (APK)

Mengikut Seksyen 57 Akta Koperasi 1993, keuntungan bersih koperasi hendaklah diagih-agihkan dan perkara ini ditunjukkan dalam Akaun Pembahagian Keuntungan. Menurut Seksyen 57 ini juga, keuntungan bersih akan digunakan terlebih dahulu untuk menghapuskira sepenuhnya kerugian terkumpul koperasi jika ada. Setelah menghapuskira kerugian terkumpul tersebut, mengikut Seksyen 57(1)(a), (b)(i) atau (b)(ii), dan (2), pembahagian berkanun yang terdiri daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi hendaklah dibuat. Kemudian, selepas mengambilkira semua pembahagian berkanun tersebut, baki keuntungan bersihnya boleh digunakan untuk pembayaran potongan kerana langganan (rebet), pembayaran dividen atas syer dan yuran anggota tertakhluk kepada arahan atau garis panduan, pembayaran honorarium kepada ALK yang

tidak melebihi jumlah yang dicadangkan oleh MAT dan telah diluluskan oleh Suruhanjaya dan pembayaran untuk kebajikan anggotanya dan masyarakat. Bagi pembayaran untuk manfaat anggota koperasi hendaklah dibentangkan dan diluluskan oleh MAT selaras dengan kehendak Peraturan 12(a) Peraturan-peraturan Koperasi 1995 dan Undang-undang kecil koperasi tersebut.

Bagaimanapun, koperasi yang masih mempunyai kerugian terkumpul walaupun mempunyai untung dalam tahun semasa, koperasi tidak boleh membuat pengagihan keuntungan. Namun, mengikut Seksyen 57(8) Akta Koperasi 1993, pembayaran dividen yang tidak melebihi 5% atas jumlah syer atau yuran anggota masih boleh dibuat dengan syarat mendapat kelulusan daripada pihak SKM terlebih dahulu.

- Penyata Aliran Tunai (PAT)

Selaras dengan perkembangan bidang perakaunan, kebanyakan koperasi menyediakan PAT iaitu penyata sumber dan penggunaan wang untuk dibentangkan dalam MAT seperti yang dikehendaki oleh Peraturan 29(4) Peraturan-peraturan Koperasi 1995. PAT disediakan bagi membolehkan anggota koperasi menilai sumber tunai yang diperolehi koperasi dan bagaimana sumber tersebut digunakan. Selain itu, maklumat ini berguna untuk pihak-pihak berkepentingan melihat sejauh mana koperasi menyelesaikan tanggungannya, membayar dividen dan menjana aliran tunai di masa hadapan.

- Kunci Kira-kira (KKK)

Penyata yang meringkaskan dan menyenaraikan baki akaun-akaun aset, modal dan liabiliti setelah mengambilkira pelarasan-pelarasan akhir tahun dinamakan Kunci Kira-kira. Berdasarkan panduan yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar, terdapat enam bahagian dalam Kunci Kira-kira yang perlu ada iaitu Aset Tetap, Aset Separa Tetap, Aset Semasa, Liabiliti Semasa, Kumpulan Wang Anggota dan Liabiliti Bukan Semasa.

Bahagian yang membezakan akaun koperasi dengan sektor awam dan swasta adalah Kumpulan Wang Anggota. Kumpulan Wang Anggota adalah dana yang dilabur dalam koperasi oleh pemilik yang terdiri daripada anggota koperasi. Item yang terdapat dalam kumpulan wang anggota terdiri daripada beberapa bentuk pelaburan anggota seperti modal syer, modal yuran, kumpulan wang penebus syer, tabung kebajikan anggota dan keuntungan terkumpul. Selain itu, terdapat juga bahagian Kumpulan Wang Rizab Statutori iaitu tabungan yang diwujudkan oleh koperasi hasil daripada pembahagian berkanun. Tabungan yang diwujudkan ini tidak boleh diagih-agihkan kepada anggota yang diwakili dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin.

b) Laporan Berkanun Lembaga

Laporan berkanun lembaga merupakan satu laporan mengenai hal-ehwal koperasi dan subsidiarinya (jika ada) yang disediakan setiap tahun untuk dibentang di MAT selaras dengan Seksyen 59(1)(c) Akta Koperasi 1993. Kebiasaannya, laporan ini ditandatangani oleh tiga orang ALK yang terdiri daripada Pengerusi, Setiausaha dan

Bendahari koperasi. Tujuan penyediaan laporan ini adalah untuk memberitahu kepada anggota dengan jelas bahawa maklumat berkaitan kewangan dan aktiviti-aktiviti koperasi adalah benar yakni tidak terjejas secara material dengan perkara-perkara yang luar biasa sifatnya.

Disamping itu, sebarang perubahan polisi atau kaedah penaksiran dan penghapusan kira hutang lapuk yang besar jumlahnya juga dinyatakan dalam laporan ini. Selain itu, amaun yang diperuntukkan untuk kumpulan wang rizab dan kumpulan wang atau tabungan lain serta pembahagian dividen, pulangan atas modal yuran dan peruntukan honorarium kepada ALK serta lain-lain pembahagian yang dicadangkan oleh ALK juga dinyatakan dalam laporan berkanun lembaga ini.

c) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)

Setiap hasil pengauditan yang telah dijalankan oleh JAD ke atas urusan kewangan dan pengurusan operasi koperasi akan dinyatakan dalam laporan jawatankuasa audit dalaman. Ini adalah bagi mematuhi kehendak Undang-undang Kecil 32(1)(b) dan 44(2)(1). Secara keseluruhannya, laporan ini akan memaparkan teguran dan cadangan JAD bagi menambahbaik pentadbiran koperasi dan hal ini akan dipertimbangkan dalam MAT. Justeru, anggota juga boleh mendapat maklumat sama ada koperasi telah ditadbir mengikut matlamat dan peruntukan undang-undang koperasi atau tidak. Kepentingan laporan JAD boleh dilihat pada pandangan dan teguran terdahulu yang telah dikemukakan dalam laporan berkalanya kepada ALK yang masih belum diambil tindakan selain daripada pandangan terhadap perkara-perkara yang melibatkan kepentingan anggota dan masa hadapan koperasi.

d) Laporan Juruaudit Luar

Laporan ini merupakan pendapat profesional daripada juruaudit luar tentang penyata kewangan koperasi sama ada benar dan saksama (*true and fair view*). Selain itu, laporan ini menyatakan sejauh mana penyata kewangan yang disediakan oleh pihak koperasi adalah lengkap, mematuhi prinsip perakaunan dan tidak mengelirukan. Dari segi pematuhan kepada undang-undang, juruaudit luar juga akan memastikan akaun-akaun yang disediakan adalah berpandukan kepada Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan 1995, pekeliling-pekeliling Suruhanjaya, Garis panduan Suruhanjaya dan Undang-undang Kecil koperasi. Berdasarkan peraturan 27(9) Peraturan-peraturan Koperasi 1995 pula, satu laporan pengurusan juruaudit perlu dikemukakan kepada Suruhanjaya. Salinan laporan pengurusan ini hendaklah disampaikan kepada pihak pengurusan koperasi untuk diambil tindakan penambahbaikan.

e) Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Terhadap Laporan Kewangan Koperasi

Pandangan dan teguran ke atas penyata kewangan yang diberikan oleh pihak SKM kepada koperasi akan dinyatakan dalam Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Laporan ini memberi perhatian khusus kepada akaun-akaun dan kunci kira-kira koperasi yang telah diaudit dan memuatkan teguran SKM berkaitan operasi, kewangan dan pentadbiran koperasi terutamanya yang tidak mematuhi sebarang peruntukan undang-undang koperasi. Berdasarkan Seksyen 59(2A) Akta Koperasi 1993, semua pandangan yang memberi kesan kewangan terhadap akaun teraudit dan kunci kira-kira koperasi hendaklah dibuat pelarasan yang sewajarnya dan ditunjuk

dengan jelas di dalam laporan tahunan teraudit koperasi dalam tahun kewangan berikutnya.

Sekiranya pandangan Suruhanjaya ini tidak dapat dibentangkan dalam MAT tahun semasa maka, laporan tersebut perlu dibentangkan dalam MAT tahun berikutnya tetapi sebaik-baiknya dibentangkan bersama-sama laporan tahunan koperasi dalam MAT tahun yang berkenaan. Justeru, pandangan Suruhanjaya ini perlu diberi perhatian oleh anggota-anggota agar apa-apa pandangan dan teguran ini dapat dibincangkan dalam MAT bagi tujuan penambahbaikan prestasi koperasi.

Secara rumusannya, maklumat berkaitan kewangan merupakan bahagian yang penting dalam laporan tahunan koperasi yang memberi gambaran jelas tentang kekuatan kewangan dan kecekapan pihak koperasi menguruskan hasil aktiviti yang dijalankan koperasi serta menjadi asas kepada perancangan masa depan koperasi tersebut. Oleh itu, para anggota seharusnya menggunakan maklumat kewangan yang diperolehi di dalam laporan tahunan koperasi dengan memberi pertimbangan dan keputusan yang bijak dalam mesyuarat agung yang diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Segala pandangan yang dikeluarkan oleh juruaudit luar dan SKM perlu diberi perhatian terutamanya perkara yang seharusnya didedahkan di dalam laporan tahunan koperasi tersebut tetapi tidak didedahkan oleh pihak koperasi. Hal ini berkemungkinan akan mempengaruhi keyakinan anggota-anggota koperasi terhadap tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi tersebut.

2.6.4.1.2 Maklumat Bukan Kewangan Koperasi

Di samping itu, di dalam laporan tahunan koperasi juga terdapat bahagian yang memaparkan maklumat bukan kewangan koperasi yang penting untuk disebarkan kepada anggota-anggota koperasi yang hadir di MAT. Antara maklumat yang dipaparkan adalah perkara yang telah dibincangkan beserta dengan keputusan yang telah dibuat dalam mesyuarat agung yang lalu, pencapaian dan prestasi aktiviti ekonomi, sosial atau kebajikan bagi tempoh tiga hingga lima tahun, perancangan masa depan dan polisi serta keputusan penting yang telah dibuat sepanjang tempoh kewangan. Kebiasaannya, maklumat bukan kewangan yang terdapat dalam laporan tahunan koperasi adalah :

a) Notis dan Agenda Mesyuarat Agung Tahunan

Seksyen 59(2) Akta Koperasi 1993 mengkehendaki notis mesyuarat disampaikan kepada anggota koperasi selewat-lewatnya 15 hari sebelum MAT diadakan. Hal ini juga adalah selaras dengan kehendak Undang-Undang kecil 28(1) dan (2). Lazimnya, notis ini akan diberikan sekali dengan laporan tahunan koperasi yang memberitahu maklumat tentang tarikh, tempat, masa dan agenda MAT selain mempamerkan notis tersebut di pejabat koperasi atau diterbitkan di dalam mana-mana akhbar tempatan atau media cetak.

Agenda mesyuarat yang dinyatakan dalam notis MAT pula adalah berdasarkan peruntukan undang-undang kecil koperasi yang merupakan panduan senarai perkara yang akan dibincangkan dalam MAT. MAT yang dijalankan berlandaskan agenda yang ditentukan akan memastikan perjalanan mesyuarat akan lebih teratur dan lancar.

Namun, sekiranya terdapat keperluan dan kesesuaian, agenda mesyuarat boleh diubahsuai.



b) Kenyataan Pengerusi

Bahagian ini merupakan satu pernyataan yang diberikan oleh pengerusi lembaga koperasi sebagai mukadimah di dalam laporan tahunannya. Kenyataan pengerusi lembaga koperasi ini dikenali juga sebagai kata aluan, ucapan pengerusi dan sebagainya yang tidak menjadi kewajipan untuk disediakan oleh koperasi. Ini adalah kerana kenyataan ini hanyalah rumusan pencapaian aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun, perancangan dan harapan untuk masa depan koperasi.

c) Maklumat Korporat (Latar Belakang Ringkas Koperasi)

Bahagian ini mengandungi maklumat latar belakang ringkas koperasi merangkumi tahun penubuhan, visi dan misi, senarai ALK, JAD, pengurus dan kakitangan koperasi dan aktiviti utama yang dijalankan koperasi. Dengan adanya maklumat korporat ini, anggota-anggota koperasi dapat mengetahui sejarah koperasi mereka disamping mengetahui wakil-wakil mereka yang telah diberikan tanggungjawab dan amanah untuk mentadbir dan memimpin koperasi.

d) Minit Mesyuarat Agung Yang Lalu

Minit Mesyuarat Agung tahun lalu yang disertakan bersama Laporan Tahunan Koperasi akan memudahkan anggota yang menghadiri MAT merujuk kembali perkara yang pernah dibincangkan dan keputusan yang telah diambil. Anggota koperasi boleh membincangkan kembali sebarang perkara yang dinyatakan dalam minit mesyuarat agung yang lalu sebelum minit tersebut disahkan.

e) Laporan-Laporan Lembaga Koperasi

Laporan tahunan koperasi juga ada memuatkan bahagian bagi laporan-laporan lembaga koperasi. Diantara kandungan laporan-laporan lembaga adalah:

- Ulasan terhadap aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial yang telah dijalankan sepanjang tempoh kewangan.
- Statistik prestasi (untung atau rugi) untuk beberapa tempoh kewangan yang akan menerangkan punca aktiviti itu boleh berjaya atau gagal.
- Penglibatan jawatankuasa kecil, sokongan anggota, masalah dan cabaran yang dihadapi.

Melalui laporan lembaga ini, anggota dapat menilai prestasi ALK terhadap aktiviti yang dijalankan oleh koperasi sepanjang tahun kewangan dan secara tidak langsung dapat mengenalpasti peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi. Selain itu, anggota koperasi dapat mengajukan soalan, mendapatkan penjelasan lanjut, memberi maklumbalas atau mengutarakan ketidakpuasan hati terhadap sesuatu perkara dengan adanya laporan-laporan lembaga ini yang dibentangkan bersama-sama laporan tahunan koperasi di dalam MAT.

f) Belanjawan Tahunan Koperasi

Belanjawan Tahunan Koperasi hendaklah disediakan oleh setiap koperasi bagi mengikut Peraturan 14(1) Peraturan-peraturan Koperasi 1995 yang menunjukkan dengan jelas segala item pendapatan dan perbelanjaan bagi mendapatkan kelulusan di dalam MAT yang dijalankan. Belanjawan tahunan yang ditimbang dan diluluskan dengan wajar oleh anggota koperasi adalah penting kerana belanjawan ini menjadi

penanda aras bahawa pihak pengurusan koperasi dibenarkan membelanjakan wang koperasi bagi tujuan menjalankan aktiviti perniagaan koperasi. Antara fungsi lain belanjawan tahunan koperasi adalah :

- Membantu pihak pengurusan merancang dan menyelaras aktiviti koperasi.
- Memandu pihak pengurusan menguruskan kewangan koperasi dengan lebih berhemah dan terkawal.
- Memuatkan jangkaan pendapatan dan perbelanjaan bagi suatu tempoh kewangan

Kesimpulannya, kedua-dua maklumat kewangan dan bukan kewangan di atas mempunyai kepentingannya yang tersendiri kepada pengguna laporan tahunan koperasi tersebut. Berikut adalah kepentingannya :

- a) Menilai untung rugi koperasi dan pengagihannya
- b) Melihat aliran tunai koperasi
- c) Menilai kedudukan aset dan liabiliti
- d) Mengetahui kedudukan modal yang disumbangkan oleh anggota
- e) Menilai prestasi ALK
- f) Melihat prestasi pelaburan dalam subsidiari
- g) Mengetahui pulangan atas pelaburan yang dibuat oleh koperasi
- h) Mengetahui pelaksanaan kerja Juruaudit Dalaman
- i) Menilai kecekapan pasukan pengurusan
- j) Merancang dan membuat keputusan aktiviti koperasi pada masa hadapan

Justeru, penyediaan laporan tahunan koperasi merupakan proses akhir dalam proses perakaunan dan sistem maklumat di dalam koperasi (MKM, 2010). Oleh itu, pihak

koperasi seharusnya memastikan pendedahan maklumat dalam laporan tahunan tersebut adalah berkualiti bagi membekalkan maklumat yang berguna kepada pengguna laporan tahunan koperasi terutamanya anggota koperasi dan bakal anggota.

2.7 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan secara terperinci pembangunan dan sistem pelaporan tahunan koperasi di Malaysia. Secara keseluruhannya, anggota-anggota koperasi memainkan peranan utama dalam struktur pentadbiran koperasi sama ada dalam menentukan dasar dan polisi, corak pentadbiran serta hala tuju koperasi. Di samping itu, laporan tahunan koperasi juga merupakan medium utama bagi anggota-anggota koperasi menilai prestasi dan pencapaian koperasi serta sebagai asas perancangan masa depan koperasi. Oleh itu, anggota-anggota koperasi hendaklah mempunyai kemahiran dalam memahani, menganalisis dan menilai setiap pendedahan maklumat dalam laporan tahunan koperasi agar dapat dapat memberi sumbangan idea bagi memantapkan lagi sektor koperasi di Malaysia.

BAB TIGA

SOROTAN LITERATUR

3.1 Pengenalan

Bab ini adalah untuk membincangkan tentang sorotan literatur dan kajian lepas berkaitan dengan fokus kajian iaitu tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Perbincangan terperinci akan dapat membantu dalam membentuk rangka kerja kajian berdasarkan kepada teori yang digunakan dan seterusnya dapat menentukan metodologi kajian yang sesuai diaplikasikan bagi menghasilkan dapatan kajian. Perbincangan dimulakan dengan menghuraikan secara terperinci berkaitan dengan konsep tahap kualiti pelaporan tahunan sama ada sektor awam ataupun korporat. Kemudian, perbincangan akan memfokuskan kepada tujuan dan jenis tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi.

Seksyen seterusnya akan menjelaskan teori yang digunakan yang menjadi asas dalam menerangkan perhubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas iaitu teori agensi dan teori isyarat (*signaling theory*). Perbincangan seterusnya adalah berkaitan dengan faktor-faktor yang dijangka mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan yang meliputi literatur dan dapatan kajian lalu meliputi sektor awam dan swasta. Bab ini diakhiri dengan rumusan.

3.2 Konsep Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan

Dalam era globalisasi kini, permintaan oleh pelabur berpotensi terhadap kualiti pelaporan kewangan yang didedahkan telah meningkat menyebabkan pengurus sesebuah organisasi menggunakan pendedahan maklumat mandatori sebagai alat yang penting dalam menyampaikan maklumat kepada pelabur (Popova, Georgakopoulos, Sotiropoulos dan Vasileiou, 2013). Pendedahan maklumat mandatori yang berkualiti tinggi adalah penting kerana pendedahan maklumat mandatori tersebut akan mempengaruhi para pelabur, bakal pelabur dan pemberi pinjaman dalam membuat keputusan pelaburan dan pinjaman serta apa-apa keputusan berkaitan pelaburan secara positif (IASB, 2008). Lembaga pengarah perlu memastikan syarikat mempunyai dasar dan prosedur dalaman yang praktikal untuk pelaporan maklumat kewangan korporat termasuk maklum balas daripada pihak pengurusan. Dasar dan prosedur ini mesti mematuhi keperluan pelaporan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2012).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kualiti merujuk kepada darjah kecemerlangan yang tinggi. Kualiti juga merupakan standard sesuatu apabila ia dibandingkan dengan perkara-perkara lain seumpamanya (University of Oxford, 2010). Antara prinsip-prinsip kualiti yang harus dipenuhi adalah keseimbangan (balance), kebolehbandingan (comparability), ketepatan (accuracy), ketepatan masa (timeliness), kejelasan (clarity) dan kebolehpercayaan (reliability) (Global Reporting Initiative, 2015). Bagi ISO 26000 pula, kualiti mestilah memenuhi ciri-ciri seperti boleh difahami (understandable), tepat (accurate), seimbang (balanced), tepat pada masanya (timely),

boleh diperolehi (accessible) dan kebolehbandingan (comparable) (GRI dan ISO, 2014).

Para pengkaji terdahulu telah memberikan definisi yang pelbagai terhadap pelaporan maklumat kewangan. Pelaporan maklumat kewangan boleh ditakrifkan sebagai penyampaian maklumat ekonomi sama ada berbentuk kewangan atau bukan kewangan, kuantitatif atau kualitatif serta berkaitan kedudukan kewangan dan prestasi syarikat (Owusu-ansah, 1998). Dengan lebih terperinci, pelaporan maklumat kewangan merujuk kepada pendedahan maklumat kewangan dan bukan kewangan yang dimasukkan ke dalam laporan kewangan yang berguna bagi pembuatan keputusan (Beest, Braam dan Boelens, 2009), pendedahan maklumat kewangan dengan ciri-ciri atau sifat-sifat yang menjadikan maklumat perakaunan itu berharga untuk pengguna (O'Brien, 2004) dan pendedahan maklumat yang benar disampaikan dalam laporan kewangan (Martinez-Ferrero, 2014). Selain itu, pelaporan maklumat kewangan juga adalah apa-apa pendedahan maklumat kewangan, sama ada berangka atau kualitatif, yang wajib atau sukarela atau melalui saluran rasmi atau tidak rasmi (Gibbins, Richardson dan Waterhouse, 1990).

Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASB) telah ditubuhkan untuk membangunkan satu standard perakaunan global yang berkualiti tinggi, boleh difahami dan boleh dikuatkuasakan yang memerlukan pendedahan maklumat yang telus dan boleh dibandingkan dalam laporan kewangan. Pendedahan maklumat perakaunan yang berkualiti tinggi adalah salah satu cara yang berharga bagi mengimbangi ketidaksamarataan maklumat (Chen, Hope, Li, dan Wang, 2011). Kualiti ditentukan dengan melihat sejauh mana laporan kewangan syarikat

melaporkan nilai ekonomi dan prestasinya dalam tempoh pengukuran (Elbannan, 2011) yang kemudiannya laporan kewangan berkualiti tersebut akan menjadi alat komunikasi formal untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai prestasi sesebuah syarikat bagi tempoh tertentu (Norhayati, 2011).

Berdasarkan kepada definisi dan takrifan di atas, dalam kajian ini, tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi ditakrifkan sebagai pendedahan maklumat mandatori (kewangan dan bukan kewangan) dan pendedahan maklumat sukarela (maklumat tanggungjawab sosial dan alam sekitar) sebagai alat pengukuran pendedahan maklumat dalam laporan tahunan koperasi yang mempunyai darjah kecemerlangan yang tinggi yang berguna untuk pembuatan keputusan. Takrifan ini selaras dengan definisi yang diberikan dalam kamus dewan edisi keempat dan definisi oleh Beest et al. (2009).

Berdasarkan kajian empirikal yang lalu, tahap kualiti pelaporan tahunan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu kualiti dari segi pendedahan (Engku Ismail, 2010; Norhayati, 2011; Yousef Al-Tahat, 2010), ketepatan masa (Norhayati, 2011; Yousef Al-Tahat, 2010), pematuhan (Hopkins, Maydew dan Venkatachalam, 2014), pengurusan perolehan, penilaian semula kewangan dan ketepatan masa (Barth, Landsman dan Lang, 2007), kualiti pendapatan (Madawaki, 2012), ketelusan dan objektiviti (Cohen, Krishnamoorthy dan Wright, 2004) dan ciri-ciri kualitatif : relevan dan perwakilan setia (Beest et al., 2009).

Kemudian, dari segi alat pengukuran kualiti pelaporan kewangan, hasil penelitian literatur menemui pelbagai alat pengukuran kualiti pelaporan kewangan yang digunakan seperti indeks pendedahan (Demir dan Bahadir, 2014; Engku Ismail, 2010; Galani, Alexandridis dan Stavropoulos, 2011; Md Tanvir dan Md Zakir, 2015; Norhayati, 2011; Omar, 2015; Owusu-ansah, 1998; Popova et al., 2013; Teodori dan Veneziani, 2010; Yousef Al-Tahat, 2010; Zalloum, Abu Zerr dan Al-Farah, 2013), metrik kualiti perakaunan (Barth et al., 2007) dan indeks pengukuran kualitatif (Beest et al., 2009). Hasil penelitian kajian lalu juga mendapati analisis kandungan dengan metodologi indeks pendedahan telah digunakan secara meluas dalam menentukan tahap kualiti pelaporan tahunan.

Bagi persekitaran di Malaysia, tahap kualiti pelaporan tahunan masih ditahap yang tidak memuaskan. Ini dibuktikan dalam kajian oleh Ku Ismail & Abdullah (1998) yang telah menentukan tahap pendedahan laporan kewangan di kalangan syarikat insurans am di Malaysia. Dapatan kajian mereka menemui bahawa tahap pendedahan dalam kalangan syarikat insurans am terhadap perkara yang ditetapkan dalam piawaian adalah tidak memuaskan. Ini bermaksud syarikat yang dikaji tidak mendedahkan semua item mandatori yang dikehendaki oleh standard. Kemudian, kajian lanjut telah dijalankan oleh Ku Ismail & Abdullah (1999) telah mendapati tahap pendedahan syarikat-syarikat insurans am semakin meningkat disebabkan kadar keseluruhan pendedahan yang tinggi ini telah dipantau oleh Bank Negara Malaysia. Walaupun begitu, kajian ini turut menemui tidak semua syarikat mematuhi amalan pengukuran yang dicadangkan dalam standard.

Selain itu, Lily Marlina dan Takiah (2003) juga telah menjalankan kajian berkaitan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan dalam laporan tahunan bagi syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Hasil kajian mendapati tahap kualiti pelaporan tahunan mempunyai hubungan yang signifikan dengan dua ciri utama syarikat iaitu leveraj dan keberuntungan. Ini menunjukkan bahawa pihak pengurusan syarikat akan melaporkan maklumat kewangan dengan baik bagi menjaga kepentingan para pemiutang dan pelabur dalam syarikat. Begitu juga kajian oleh Johl, Johl, Subramaniam dan Cooper (2013) berkaitan dengan tahap kualiti laporan kewangan yang memilih 64 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia sebagai sampel kajian telah mendapati mekanisma tadbir urus dalaman selain daripada audit dalaman memainkan peranan yang penting dalam memastikan tahap kualiti pelaporan tahunan. Tahap kualiti pelaporan tahunan dapat ditingkatkan jika kualiti audit dalaman meningkat yang mana hubungan ini akan memberi kesan juga kepada kualiti lembaga pengarah. Oleh itu, penyelidikan merasakan adalah relevan untuk mengkaji tahap kualiti pelaporan tahunan bagi sektor koperasi di Malaysia agar tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi dapat dipertingkatkan.

Dalam kajian ini, terdapat tiga jenis dimensi tahap kualiti pelaporan tahunan yang dirungkaikan iaitu pendedahan maklumat ekonomi atau kewangan (pendedahan maklumat mandatori), pendedahan maklumat tanggungjawab sosial dan pendedahan maklumat alam sekitar. Pendedahan maklumat tanggungjawab sosial dan alam sekitar digabungkan menjadi pendedahan maklumat sukarela. Pendedahan ekonomi atau kewangan dikaji dengan mengambilkira matlamat negara Malaysia untuk menjadikan sektor koperasi sebagai sektor penyumbang keempat kepada pembangunan negara

mampuan selepas sektor perkhidmatan, perkilangan dan pertanian (Bernama, 2008). Manakala, bagi pendedahan maklumat tanggungjawab sosial dan alam sekitar (pendedahan maklumat sukarela) pula, penyelidik merujuk kepada kenyataan di dalam dokumen “*Blueprint for a Co-operative Decade*” yang dikeluarkan oleh Perikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) pada bulan Januari 2013 yang menggariskan bahawa tanggungjawab sosial dan alam sekitar merupakan elemen kemampuan (*sustainability*) koperasi yang perlu diberi perhatian demi kejayaan sektor koperasi.

Seterusnya, bagi mengukur tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi, kajian ini mengaplikasikan metodologi analisis kandungan laporan tahunan teraudit bagi membangunkan indeks pendedahan maklumat mandatori manakala indeks pendedahan maklumat sukarela diadaptasikan daripada kajian penyelidik lepas. Seksyen seterusnya akan membincangkan tujuan pendedahan maklumat mandatori dan pendedahan maklumat sukarela (tanggungjawab sosial dan alam sekitar).

3.2.1 Tujuan Pendedahan Maklumat

Berdasarkan literatur lepas, pelbagai tujuan pendedahan maklumat telah dijelaskan oleh para penyelidik. Teori agensi menegaskan bahawa pendedahan maklumat boleh mengurangkan kos agensi dalam hubungan antara pemegang saham, pihak yang menyediakan dana dan pihak pengurusan, yang membuat keputusan operasi (Jensen & Meckling, 1976). Antara tujuan utama pendedahan maklumat kewangan adalah untuk membantu pengguna laporan kewangan dalam membuat keputusan (Beest et al., 2009; Md Tanvir dan Md Zakir, 2015; Norhayati, 2011), mematuhi keperluan undang-undang terhadap pelaporan maklumat kewangan (Engku Ismail, 2010),

memastikan supaya pihak-pihak yang berkepentingan seperti pekerja, pelabur, pemegang saham dan juga orang awam menerima maklumat kewangan yang berkualiti tinggi pada masa yang tepat agar mereka boleh membuat keputusan pembiayaan dan pelaburan dengan baik (Hussein, Yazis dan Faizal, 2015), memberikan maklumat yang berguna dan relevan kepada semua pihak-pihak berkepentingan (Saravanakumar, Mahadevan, Subramaniam dan Aarthy, 2012), mematuhi peraturan-peraturan dan nilai-nilai sosial (Adina dan Ion, 2008) dan menjadi alat yang berguna kepada pengurus untuk menyampaikan maklumat kepada pelabur (Popova et al., 2013), menyediakan maklumat yang berguna mengenai kedudukan kewangan, prestasi dan aliran tunai sesebuah koperasi kepada pelbagai pengguna untuk membuat keputusan ekonomi dan tindakan berasaskan perundangan mana-mana yang relevan (SKM, 2012a).

Kebiasaannya, pelaporan maklumat kewangan dibuat dalam laporan kewangan tahunan syarikat melalui penyata akaun dan nota-nota kepada akaun yang disertakan (Akhtaruddin, 2005). Antara cara yang boleh digunakan oleh syarikat-syarikat untuk menyebarkan maklumat adalah melalui sidang akhbar, laporan interim, surat atau laporan kepada para pemegang saham, laporan pekerja dan lain-lain (Hossain, 2008). Namun, antara pelbagai cara tersebut, laporan kewangan tahunan dianggap sebagai sumber utama maklumat kepada pelbagai kumpulan pengguna (Gibbins, Richardson dan Waterhouse, 1992; Hossain, 2008) dan juga sumber utama pelaporan maklumat kewangan syarikat (Adina dan Ion, 2008).

Kajian ini menggunakan tujuan pelaporan maklumat kewangan yang dinyatakan oleh SKM dalam Garis Panduan 23 (GP 23) : Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi selaras dengan tujuan pelaporan maklumat kewangan yang dinyatakan oleh penyelidik-penyelidik lain sebelum ini seperti Beest et al. (2009); Engku Ismail (2010); Hussein et al. (2015); Md Tanvir dan Md Zakir (2015); Norhayati (2011) dan Saravanakumar et al. (2012). GP 23 adalah berbeza dengan standard-standard perakaunan lain. GP 23 menggariskan panduan yang menyeluruh terhadap semua item dalam laporan tahunan koperasi manakala standard perakaunan memberikan garis panduan yang memfokuskan kepada setiap satu item yang ada dalam laporan tahunan. Oleh itu standard perakaunan lebih fokus dan terperinci terhadap setiap item yang dinyatakan.

Secara rumusnya, pendedahan merupakan satu prinsip penting yang akan menunjukkan kesaksamaan dan ketepatan laporan kewangan yang mana secara positifnya akan mempengaruhi keputusan pelabur (Ailwan et al., 2013). Jika pendedahan maklumat kewangan dilakukan dengan sempurna dan berkualiti maka, ini akan mengaktifkan pelaburan dan meningkatkan keuntungan syarikat serta memperbaiki kedudukan daya saing syarikat dalam pasaran. Subseksyen seterusnya akan menjelaskan jenis pelaporan maklumat kewangan yang terdiri daripada pendedahan maklumat kewangan, tanggungjawab sosial dan alam sekitar.

3.2.2 Jenis Pendedahan Maklumat

Berdasarkan kajian terdahulu, terdapat tiga jenis pendedahan maklumat yang menjadi bahan kajian para penyelidik iaitu pendedahan keseluruhan (aggregate disclosure),

pendedahan mandatori (mandatori disclosure) dan pendedahan sukarela (voluntary disclosure) (Engku Ismail, 2010). Bagi pendedahan keseluruhan, kesemua item yang didedahkan oleh organisasi diambilkira iaitu merangkumi kedua-dua pendedahan maklumat mandatori dan pendedahan maklumat sukarela.

Antara kajian yang berkaitan dengan pendedahan keseluruhan telah dijalankan oleh Al-Basteki (1995), Ku Ismail & Abdullah (1998), Dumontier and Raffounier (1998), El-Gazzar, Finn and Jacob (1999), Murphy (1999), Morris, Moy and Tarca (2004) dan Tarca (2004) yang telah mengkaji syarikat-syarikat yang membuat pendedahan secara mandatori dan sukarela dengan menggunakan Standard Perakaunan Antarabangsa (IAS), Standard Perakaunan Malaysia (MAS) dan Standard Pelaporan Kewangan (FRS) dalam menyediakan penyata kewangan mereka. Kajian oleh Nobes (1990) dan Street et al (1999) pula mengkaji pendedahan penyata kewangan 49 buah syarikat multinasional yang beroperasi di negara-negara yang berbeza yang menggunakan IAS telah mendapati bahawa tahap pendedahan adalah bercampur dan terpilih. Antara kajian terkini yang mengkaji kedua-dua pendedahan maklumat mandatori dan sukarela adalah kajian oleh Hasan & Hosain (2015) yang mengkaji tahap amalan pendedahan maklumat mandatori dan sukarela oleh 54 buah syarikat tersenarai di Bangladesh dengan data dari tahun 2010 hingga 2013. Keputusan analisa menunjukkan tahap pendedahan maklumat mandatori adalah pada paras purata 50.62% dalam tahun kajian dari 2010 hingga 2013 manakala pelaporan maklumat sukarela adalah pada kadar purata 71% dalam tahun kajian. Elemen pendedahan maklumat mandatori dan sukarela menunjukkan bahawa pendedahan maklumat mandatori dan sukarela bukanlah unsur-unsur berasingan yang perlu diberi

pertimbangan dalam laporan kewangan (Omar, 2015) serta sentiasa berinteraksi antara satu sama lain (Yu, 2011).

Bagaimanapun, terdapat juga kajian lepas yang hanya memfokuskan kepada satu jenis pendedahan maklumat sahaja sama ada pendedahan maklumat mandatori atau pendedahan maklumat sukarela. Antara kajian yang hanya mengkaji pendedahan maklumat mandatori adalah kajian oleh Owusu-ansah (1998) yang mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pendedahan maklumat mandatori syarikat-syarikat tersenarai di New Zealand untuk tempoh dari tahun 1996 hingga 1998. Keputusan analisa menunjukkan faktor usia syarikat menjadi faktor paling penting yang mempengaruhi tahap pendedahan maklumat mandatori syarikat-syarikat di New Zealand. Kajian oleh Ku Ismail & Abdullah (1999) pula mengkaji tahap pematuhan syarikat-syarikat insurans am terhadap Standard Perakaunan Malaysia Nombor 3 : Perakaunan bagi Perniagaan Insurans Am. Keputusan analisa terhadap 35 laporan tahunan syarikat insurans am yang terpilih mendapati tahap pematuhan yang tinggi. Akhtaruddin (2005) juga mengkaji tahap pendedahan maklumat mandatori 94 syarikat tersenarai di Bangladesh. Keputusan analisa mendapati tahap pendedahan purata adalah pada kadar 44% sahaja. Popova, Georgakopoulos, Sotiropoulos, & Vasileiou (2013) pula mengkaji tahap pendedahan maklumat mandatori syarikat-syarikat tersenarai di United Kingdom dari tahun 2006 hingga 2010 dan keputusan analisa mendapati tahap pendedahan maklumat mandatori oleh syarikat-syarikat tersebut adalah sangat tinggi. Nilai syarikat, leveraj dan usia merupakan faktor-faktor penting yang memberi kesan signifikan kepada tahap pendedahan maklumat mandatori yang tinggi. Kajian oleh Susbiyani, Subroto, & Purnomosidhi (2014) pula mengkaji faktor-

faktor yang mempengaruhi tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan kerajaan tempatan di Indonesia. Hasil analisa mendapati faktor saiz daerah atau bandar, jenis kerajaan tempatan dan kekayaan menjadi faktor utama yang mempengaruhi tahap pendedahan maklumat mandatori kerajaan tempatan tersebut.

Manakala kajian tentang pendedahan maklumat sukarela pula dikaji oleh penyelidik lain seperti Meek, Roberts dan Gray (1995) yang mengkaji faktor-faktor ciri-ciri syarikat yang mempengaruhi pendedahan maklumat sukarela (maklumat strategik, maklumat bukan kewangan dan maklumat kewangan). Saiz syarikat, negara dan status penyenaian antarabangsa adalah faktor-faktor mempengaruhi pendedahan maklumat sukarela syarikat-syarikat dalam kajian ini. Haniffa & Cooke (2002) mengkaji perhubungan antara ciri-ciri tadbir urus dan pendedahan maklumat sukarela dalam laporan tahunan syarikat-syarikat tersenarai di Malaysia. Hasil analisa menunjukkan dua pembolehubah tadbir urus iaitu pengerusi lembaga yang merupakan pengarah bukan eksekutif dan dominasi ahli keluarga dalam lembaga pengarah menjadi faktor-faktor penting yang mempengaruhi tahap pendedahan maklumat sukarela oleh syarikat-syarikat yang terpilih. Alsaeed (2006) mengkaji hubungan antara beberapa ciri-ciri syarikat dengan tahap pendedahan maklumat sukarela dalam laporan syarikat-syarikat bukan kewangan di Arab Saudi. Hasil analisa mendapati tahap pendedahan adalah lebih rendah daripada tahap purata pendedahan dan saiz syarikat menjadi faktor yang berhubungan secara positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela syarikat-syarikat yang terpilih. Uyar, Kilic & Bayyurt (2013) mengkaji pengaruh ciri-ciri syarikat terhadap hubungan dengan pendedahan maklumat sukarela nisbah kewangan dalam laporan tahunan syarikat-syarikat tersenarai di Turki. Keputusan

analisa menunjukkan tahap pendedahan maklumat nisbah kewangan adalah pada kadar 5.37% dalam laporan kewangan syarikat-syarikat tersebut. Faktor-faktor saiz syarikat, saiz firma audit, keuntungan dan penyebaran pemilikan syarikat menjadi faktor-faktor yang mempengaruhi secara signifikan hubungan dengan tahap pendedahan maklumat nisbah kewangan.

Kajian berkaitan dengan pendedahan maklumat, dari segi sampel, banyak dilakukan ke atas sektor awam dan swasta. Penyelidik yang menjalankan kajian dalam sektor awam adalah seperti Susbiyani et al. (2014). Kajian oleh Engku Ismail (2010) pula mengkaji tahap kualiti penyata kewangan dan hubungannya dengan ciri-ciri kerajaan tempatan serta tadbir urusnya manakala kajian oleh Coombs & Mohamad (1998) pula mengkaji tahap pelaporan kewangan oleh kerajaan tempatan di Malaysia dan United Kingdom. Hasil analisa menunjukkan tahap pelaporan kewangan di United Kingdom adalah lebih tinggi daripada tahap pelaporan di Malaysia. Manakala, bagi sektor swasta pula, penyelidik yang berkaitan adalah seperti kajian oleh Popova et al. (2013). Manakala kajian oleh Oliveira, Lima Rodrigues, & Craig (2006) yang mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pendedahan maklumat aset tak nyata oleh syarikat-syarikat tersenarai di Portugal dalam laporan tahunan mereka. Keputusan analisa menunjukkan saiz syarikat, jenis industri, jenis juruaudit dan penumpuan pemilikan (ownership concentration) adalah faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pelaporan maklumat sukarela syarikat-syarikat yang terpilih. Mohd Noor Azli, Fen, & Teng (2006) pula mengkaji amalan pendedahan penyata kewangan menerusi internet oleh syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Keputusan analisa pula menunjukkan bahawa saiz syarikat, keuntungan syarikat dan jenis industri adalah

antara faktor penentu yang mempunyai hubungan yang positif dengan amalan pendedahan maklumat kewangan menerusi internet bagi syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia.

Oleh itu, dapat disimpulkan di sini, kajian pendedahan maklumat ke atas sektor koperasi terutamanya di Malaysia adalah amat terhad. Menurut penelitian penyelidik, di Malaysia hanya terdapat kajian oleh Nor Asyiqin et al. (2010) yang hanya mengkaji berkaitan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia yang menumpukan kepada isu pematuhan terhadap garis panduan yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar Koperasi. Kajian Nor Asyiqin et al. (2010) menggunakan sumber sekunder iaitu laporan kewangan tahunan untuk mengkaji kualiti pelaporan kewangan untuk 100 koperasi di Malaysia yang tersenarai dalam indeks 100 koperasi terbaik yang dikeluarkan oleh SKM buat kali pertama pada tahun 2008. Tiga pembolehubah bebas yang dipilih untuk dikaji adalah saiz firma audit, pengkhususan industri juruaudit dan saiz klien. Keputusan kajian menunjukkan 88% adalah tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi yang paling tinggi manakala 23% adalah tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi yang paling rendah. Hanya pembolehubah bebas saiz klien sahaja yang didapati berhubungan secara positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Justeru, dalam kajian ini, penyelidik akan memfokuskan kepada tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia yang merangkumi pendedahan keseluruhan. Dengan lebih terperinci, pendedahan keseluruhan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu pendedahan maklumat mandatori (kewangan) dan pendedahan maklumat

sukarela (maklumat tanggungjawab sosial dan maklumat alam sekitar). Koperasi-koperasi kluster besar di Malaysia telah dipilih sebagai sampel kajian. Pembolehubah bebas iaitu faktor-faktor ciri-ciri koperasi (saiz koperasi, nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia koperasi dan tahun kajian) dan faktor-faktor tadbir urus koperasi (saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun) dijangka mempunyai hubungan yang signifikan dan positif terhadap tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia. Penerangan lanjut mengenai faktor-faktor ini akan diterangkan dengan lebih mendalam di bab seterusnya. Subseksyen seterusnya juga akan menghuraikan kedua-dua jenis pendedahan maklumat kewangan mandatori dan sukarela.

3.2.2.1 Pendedahan Maklumat Mandatori

Pendedahan maklumat mandatori boleh ditakrifkan sebagai pendedahan semua maklumat kewangan yang diwajibkan di bawah kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh badan-badan yang mengawal selia sesebuah syarikat atau organisasi seperti Suruhanjaya Sekuriti Bursa (SEC), undang-undang (Akta Syarikat) dan piawaian perakaunan seperti Lembaga Piawaian Perakaunan Kewangan (FASB) di Amerika Syarikat (Mohamed Aly, 2008; Popova et al., 2013). Ini bermaksud selagi syarikat tertakluk dibawah undang-undang tersebut, maka syarikat mempunyai tanggungjawab untuk membuat pendedahan yang diwajibkan (Owusu-Ansah, 1998; Hussein et al., 2015). Selain itu, pendedahan maklumat mandatori memberi fokus kepada pembentangan penyata kewangan dan nota kaki seperti yang dikehendaki oleh peraturan dan undang-undang (Uyar dan Kilic, 2012). Pendedahan maklumat mandatori juga merujuk kepada aspek-aspek dan maklumat yang perlu

didedahkan sebagai mematuhi beberapa ketentuan undang-undang, pasaran modal, suruhanjaya sekuriti atau badan berkuasa perakaunan (Adina dan Ion, 2008).

Berdasarkan teori peraturan (*regulation theory*), penguatkuasaan peraturan-peraturan adalah salah satu faktor penting yang menyebabkan peningkatan dalam pendedahan maklumat kewangan (Omar, 2015). Manfaat utama daripada pendedahan maklumat kewangan adalah untuk melindungi pengguna dari mana-mana maklumat yang disembunyikan oleh pihak pengurusan (Omar, 2015). Selain itu, tujuan pendedahan maklumat kewangan adalah untuk memenuhi keperluan maklumat pengguna-pengguna laporan, memastikan kawalan kualiti pendedahan melalui penguatkuasaan undang-undang dan standard-standard (Adina dan Ion, 2008).

Antara kajian yang mengkaji tahap pendedahan maklumat kewangan mandatori adalah kajian oleh Glaum dan Street (2003). Kajian mereka mengkaji pendedahan maklumat kewangan mandatori syarikat-syarikat yang tersenarai dalam pasaran baru Jerman dengan menggunakan Standard Perakaunan Antarabangsa (*International Accounting Standard (IAS)*) dan Prinsip Perakaunan Diterima Umum Amerika Syarikat (US GAAP). Glaum dan Street (2003) juga mengkaji sejauh mana syarikat-syarikat tersenarai tersebut mematuhi IAS dan US GAAP terhadap keperluan pendedahan dalam laporan kewangan pada tahun 2000. Sampel kajian terdiri daripada 100 syarikat yang menggunakan IAS dan 100 syarikat yang menggunakan US GAAP untuk pendedahan maklumat kewangan mandatori dalam laporan kewangan mereka. Hasil kajian menemui bahawa tahap ketidakpatuhan yang agak besar. Tahap pematuhan adalah pada kadar purata 83.7%. Hasil kajian juga mendapati tahap pematuhan adalah jauh lebih rendah untuk syarikat yang menggunakan IAS

berbanding dengan syarikat yang menggunakan US GAAP sebagai keperluan pendedahan maklumat kewangan mandatori di dalam laporan kewangan syarikat mereka.

Akhtaruddin (2005) pula mengkaji sejauh mana pelaporan maklumat kewangan oleh 94 buah syarikat yang tersenarai di Bangladesh serta menentukan hubungan antara ciri-ciri khusus (saiz, usia, jenis perniagaan dan keuntungan) syarikat dengan pendedahan maklumat kewangan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa secara umumnya, syarikat-syarikat tidak bekerjasama secukupnya untuk memenuhi keperluan pendedahan maklumat kewangan mandatori yang ditetapkan oleh badan yang mengawal selia. Secara purata, syarikat-syarikat hanya mendedahkan 44% daripada maklumat-maklumat mandatori yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 1994, Suruhanjaya Sekuriti dan IAS. Hal ini dapat dibuat kesimpulan bahawa kurangnya pemantauan oleh pihak berwajib dan secara tidak langsung menyebabkan peraturan-peraturan yang sedang dilaksanakan adalah tidak berkesan.

Berbeza pula dengan kajian Yeoh (2005) yang menjalankan kajian deskriptif ke atas 49 syarikat berdaftar dan disenaraikan di Bursa Saham New Zealand (NZX) berkaitan dengan gelagat kepatuhan syarikat terhadap pendedahan maklumat kewangan yang diperlukan dalam laporan tahunan mereka untuk tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 1996 hingga 1998. Yeoh (2005) telah menggunakan indeks pendedahan maklumat kewangan yang dibangunkan sendiri untuk mengukur tahap pematuhan kepada keperluan pelaporan maklumat kewangan yang terdiri daripada 495 item maklumat yang diwajibkan. Keputusan keseluruhan kajian menunjukkan tahap pematuhan

korporat yang tinggi terhadap keperluan pendedahan maklumat kewangan mandatori. Tahap pematuhan mencatatkan sekurang-kurangnya 84.1% kepada tahap maksimum 99.5% bagi tahun 1996, 85.3% hingga 99.3% bagi tahun 1997 dan 88.6% hingga 99.4% bagi tahun 1998. Bilangan syarikat yang mencatatkan tahap pematuhan antara 90% dan 100% daripada keperluan peraturan pendedahan berkanun meningkat secara konsisten daripada masa ke masa dari 84% pada tahun 1996 kepada 98% pada tahun 1998.

Seterusnya, kajian oleh Al-Shammari et al., (2008) yang mengkaji tahap pematuhan kepada piawaian perakaunan antarabangsa (IAS) oleh 137 syarikat tersenarai di negara-negara anggota Majlis Kerjasama Teluk (GCC) iaitu Bahrain, Oman, Kuwait, Qatar, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu telah mendapati tahap pematuhan terhadap IAS oleh syarikat-syarikat tersebut telah meningkat dari 68% dalam tahun 1996 kepada 82% pada tahun 2002. Namun, tidak ada satu syarikat pun dalam mana-mana tahun dalam tempoh kajian ini mematuhi sepenuhnya semua IAS yang berkaitan. Keputusan kajian juga menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap pendedahan maklumat kewangan mandatori dengan faktor saiz, leveraj dan pemilikan atau operasi antarabangsa.

Bagaimanapun, peredaran masa tidak menunjukkan yang tahap pendedahan maklumat akan semakin meningkat. Hal ini dibuktikan oleh kajian-kajian seterusnya, sebagai contoh, hasil kajian oleh Demir dan Bahadir (2014) mendapati tahap pendedahan maklumat kewangan yang berbeza-beza dari 64% hingga 92% pada tahun 2011 dengan kadar purata 79% sahaja. Demir dan Bahadir (2014) telah mengkaji tahap

kualiti pelaporan tahunan 168 syarikat tersenarai di Turki. Begitu juga dengan kajian oleh Md Tanvir dan Md Zakir (2015) yang telah mengkaji tahap pematuhan pendedahan maklumat kewangan 54 buah syarikat di Bangladesh bagi data dari tahun kewangan 2010 hingga 2013. Kajian ini mendedahkan bahawa pematuhan terhadap pendedahan maklumat kewangan mandatori adalah rendah dalam kalangan syarikat tersenarai di Bangladesh. Hasil keputusan menunjukkan tahap pendedahan maklumat kewangan mandatori adalah pada tahap purata 50.62% daripada item yang dipilih.

Justeru, indeks pelaporan kewangan bagi pendedahan maklumat mandatori adalah penting bagi menjamin kualiti penyata kewangan yang diterbitkan. Sebagai contoh, kajian Popova et al. (2013) mendapati indeks pelaporan mandatori mengikut Standard Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standard (IFRS)) telah dibangunkan di mana syarikat yang tersenarai dalam pasaran saham di United Kingdom diwajibkan untuk menggunakan indeks tersebut sejak tahun 2005 yang juga digunakan sebagai panduan untuk pendedahan maklumat mandatori. Selain itu, banyak kajian telah dijalankan bagi membangunkan indeks pelaporan penyata kewangan sama ada bagi organisasi awam atau swasta seperti kajian oleh Akhtaruddin (2005), Engku Ismail (2010) dan Yeoh (2005).

Bagi organisasi koperasi, pendedahan maklumat mandatori haruslah mematuhi keperluan Akta Koperasi 1993 (Akta 502), Peraturan-peraturan Koperasi 2010, Peraturan-peraturan Koperasi 1995, Pekeliling SKM dan Garis Panduan yang diluluskan dari semasa ke semasa oleh SKM. Berdasarkan literatur lepas, kajian yang menentukan tahap pendedahan maklumat mandatori bagi organisasi koperasi kurang

ditemui berbanding dengan organisasi awam dan swasta. Oleh itu, bagi mencapai objektif kajian ini, penentuan tahap pendedahan maklumat mandatori bagi organisasi koperasi di Malaysia dijalankan yang mana pendedahan maklumat-maklumat kewangan dalam laporan tahunan koperasi akan ditentukan tahap pematuhannya. Setakat ini masih belum ditemui kajian atau pihak-pihak yang membangunkan indeks pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi di Malaysia.

3.2.2.2 Pendedahan Maklumat Sukarela

Pendedahan maklumat sukarela dalam pelaporan kewangan mampu bertindak mengurangkan jurang asimetri maklumat (Cerbioni & Parbonetti, 2007). Berdasarkan kajian lepas, pendedahan maklumat sukarela adalah pendedahan maklumat tanggungjawab sosial dan pendedahan maklumat alam sekitar (Deegan & Rankin, (1996) dalam nukilan Nik Nazli, Maliah & Dodik, 2003). Tanggungjawab sosial korporat adalah satu konsep yang mana syarikat-syarikat mengintegrasikan keprihatinan sosial dan alam sekitar dalam operasi perniagaan mereka sebagai salah satu cara interaksi dengan pihak-pihak berkepentingan secara sukarela (CEC, 2001). Tanggungjawab sosial adalah aspek kemampanan berkenaan kesan organisasi kepada sistem sosial di mana ia beroperasi (GRI, 2015). Pelaporan maklumat tanggungjawab sosial korporat sering dikenali sebagai perakaunan sosial dan alam sekitar, laporan sosial korporat, pelaporan bukan kewangan, perakaunan kemampanan dan pelbagai lagi istilah lain (Kamal & Deegan, 2013). Maklumat tanggungjawab sosial yang didedahkan merangkumi pendedahan maklumat dalaman dan luaran yang berkaitan dengan kesan aktiviti operasi syarikat kepada masyarakat (Mahadevappa, Rechanna dan Shankarappa, 2012).

Hasil penelitian literatur mendapati kajian dalam bidang pendedahan maklumat tanggungjawab sosial dan alam sekitar telah bermula lewat tahun 1970-an. Kajian awal berkaitan dengan pendedahan maklumat tanggungjawab sosial dan alam sekitar ini telah dijalankan di sebuah negara maju oleh Ernst dan Ernst yang mengukur sejauh mana pendedahan tanggungjawab sosial korporat dalam laporan tahunan syarikat-syarikat yang tersenarai dalam Senarai Syarikat Fortune 500 di Amerika Syarikat (Ernst dan Ernst, 1978 ; seperti dalam kajian Nik Nazli, Maliah dan Dodik, 2003).

Azim, Ahmed dan D'Netto (2011) telah mengkaji pendedahan tanggungjawab sosial korporat oleh syarikat kewangan yang tersenarai di Bangladesh. Dalam kajian ini, mereka telah menjalankan analisis kandungan laporan tahunan yang diterbitkan pada tahun 2007 dan 2008 berkenaan pendedahan maklumat tanggungjawab sosial korporat dan mendapati bahawa 41% daripada syarikat-syarikat sektor kewangan yang disenaraikan melaporkan beberapa jenis pendedahan maklumat tanggungjawab sosial iaitu alam sekitar, tenaga, amalan perniagaan adil, sumber manusia, penglibatan komuniti, produk dan lain-lain. Hasil kajian ini juga mendapati pendedahan maklumat tanggungjawab sosial oleh syarikat-syarikat sektor kewangan yang disenaraikan di Bangladesh adalah masih di tahap rendah.

Tahap kualiti pendedahan maklumat tanggungjawab sosial boleh ditentukan dengan menggunakan indeks sebagai alat pengukuran. Antara alat pengukuran tanggungjawab sosial yang digunakan dalam kajian-kajian lepas adalah indeks tanggungjawab sosial (Hong and Andersen, 2011) dan Indeks Sosial 400 Domini

(Kim, Park dan Wier, 2012). Di samping itu, berbanding dengan pendedahan tanggungjawab sosial, pendedahan alam sekitar adalah kurang popular kerana tidak banyak syarikat berkait dengan kesan alam sekitar. Kebanyakan syarikat yang wujud sebahagian besarnya berkait dengan masyarakat, kebajikan dan orang-orang yang terlibat dengan aktiviti berkenaan (Gurvits, Startseva, & Sidorova, 2014).

Banyak kajian (Kamal & Deegan, 2013; Mahadevappa et al., 2012; Nik Nazli et al., 2003) yang ditemui menyiasat tahap pendedahan maklumat tanggungjawab sosial atau alam sekitar di organisasi awam dan swasta tetapi tiada lagi kajian yang mengukur tahap pendedahan sukarela ini dalam organisasi koperasi. Oleh itu, kajian ini merupakan percubaan awal untuk menentukan pendedahan maklumat tanggungjawab sosial dan alam sekitar bagi organisasi koperasi di Malaysia. Selain itu, penentuan tahap pendedahan sukarela ini akan melengkapkan objektif utama yang telah ditetapkan dalam kajian ini untuk membangunkan indeks kualiti pelaporan maklumat kewangan tahunan bagi tujuan mengukur tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia.

3.3 Andaian Teoritikal

Pemilihan teori adalah amat penting bagi menjelaskan perhubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas. Berdasarkan literatur lepas, teori yang digunakan bagi menghuraikan faktor-faktor yang berkait dengan tahap kualiti pelaporan tahunan adalah berbeza-beza. Bagaimanapun, semua teori yang berkaitan dengan organisasi adalah sesuai diaplikasikan untuk menghuraikan tahap kualiti pelaporan tahunan yang dikeluarkan oleh organisasi, sebagai contoh, teori yang

digunakan bagi menjelaskan hubungan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori adalah teori pengamanahan (*stewardship*) (Engku Ismail, 2010), teori agensi (*agency theory*) (Yousef Al-Tahat, 2010) dan teori peraturan (*regulation theory*) (Norhayati, 2011). Teori yang digunakan untuk menerangkan tahap kualiti pelaporan maklumat sukarela adalah teori kesahihan (*legitimacy*), teori pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders theory*) (Gray et al., 1995; An, Davey, & Eggleton, 2011), teori agensi dan teori isyarat (*signaling theory*) (An et al., 2011).

Walaupun pelbagai teori telah digunakan dalam literatur lepas bagi menjelaskan hubungan antara faktor-faktor tertentu dengan tahap kualiti pelaporan maklumat kewangan, namun dalam kajian ini akan menggunakan dua jenis teori bagi menjelaskan perhubungan antara pembolehubah yang dikaji dengan tahap kualiti pelaporan tahunan iaitu, teori agensi dan teori isyarat. Teori agensi sesuai digunakan dalam kajian ini disebabkan wujud isu “pemisahan dan kawalan” dan kos agensi (Jensen & Meckling, 1976) dalam pemilikan dan pengurusan organisasi koperasi. Isu pemisahan dan kawalan ini juga mewujudkan hubungan utama dalam teori agensi ini iaitu hubungan prinsipal dan agen. Pemisahan antara pemilik (prinsipal) iaitu anggota-anggota koperasi yang menjadi pemegang syer manakala kawalan operasi koperasi oleh pihak pengurusan (agen) koperasi adalah terdiri daripada staf-staf yang dibayar gaji oleh koperasi. Gaji yang dibayar oleh pemilik atau pemegang syer (prinsipal) kepada pihak pengurusan (agen) adalah kos agensi yang wujud daripada isu pemisahan dan kawalan dalam teori agensi ini. Satu lagi konsep dalam agensi teori yang menjadikan ianya sesuai digunakan dalam kajian ini adalah wujudnya kesamaran maklumat yang wujud disebabkan satu pihak iaitu pihak pengurusan

(agen) yang mempunyai kelebihan maklumat kerana mengawal operasi harian organisasi manakala satu pihak lagi iaitu pemilik (prinsipal) yang memerlukan maklumat tersebut. Perbincangan lanjut bagaimana teori agensi ini diaplikasi dalam kajian akan diterangkan dengan lebih terperinci di bab-bab seterusnya.

Teori isyarat pula sesuai digunakan dalam kajian ini disebabkan isyarat yang diberikan menggambarkan kualiti yang baik yang ingin disampaikan oleh pemberi isyarat. Isyarat ini pula sesuai untuk menyelesaikan isu kesamaran maklumat yang wujud dalam teori agensi (An et al., 2011). Dalam kajian ini, isyarat yang baik tersebut adalah maklumat sukarela yang dilaporkan oleh pemberi isyarat (pengurusan) dalam laporan tahunan koperasi untuk menunjukkan koperasi berada dalam prestasi yang baik. Isyarat ini akan menjadikan pelabur dan pihak berkepentingan lain menilai nilai organisasi itu dan kemudian membuat keputusan lebih baik terhadap syarikat tersebut (Whiting & Miller, 2008). Pada masa yang sama, pihak-pihak berkepentingan dengan koperasi merasa lebih senang dengan peningkatan tahap pelaporan maklumat sukarela dalam laporan tahunan organisasi tersebut (Uyar et al., 2013).

Subseksyen seterusnya akan menghuraikan secara terperinci teori yang digunakan dalam kajian ini.

3.3.1 Teori Agensi (*Agency Theory*)

Menurut Jensen & Meckling (1976), teori agensi adalah berkaitan dengan hubungan prinsipal dan agen yang sedia ada dalam pemisahan pemilikan dan pengurusan atau pemisahan dalam risiko yang ditanggung, pembuatan keputusan dan fungsi

pengurusan. Teori agensi menyatakan bahawa kos agensi wujud disebabkan oleh perjanjian kontrak antara pemilik (pemegang saham) dan pengurusan atasan sesebuah syarikat atau organisasi. Kos agensi wujud akibat daripada perjanjian kontrak kerana wujudnya kepentingan yang bercanggah antara pemegang saham, pengurus syarikat dan pemiutang (Marston, 2003). Konflik kepentingan wujud apabila pengurusan syarikat hanya memikirkan kepentingan mereka sendiri tanpa memaksimumkan keuntungan kepada pemegang saham. Oleh itu teori agensi memberi tumpuan kepada menyelesaikan konflik kepentingan (masalah agensi) antara pengurusan organisasi dan pemegang saham (Jensen & Meckling, 1976).

Di samping itu, menurut An et al. (2011), kesamaran maklumat (*information asymmetry*) merupakan satu lagi konsep utama dalam teori agensi. Hal ini timbul apabila satu pihak dalam hubungan agensi tersebut mempunyai kelebihan maklumat berbanding pihak lain. Ketidakseimbangan maklumat diandaikan wujud dalam persekitaran perniagaan yang mana pengurus (*agent*) mempunyai kelebihan maklumat lebih daripada pemilik (*principal*) kerana pengurus adalah cenderung terlibat secara langsung dalam operasi harian syarikat. Hal ini menyebabkan timbulnya keperluan terhadap pelaporan maklumat kewangan untuk meminimumkan masalah ketidaksamaan jangkaan pendedahan maklumat yang wujud (Al-Shammari et al., 2008; Marston, 2003; Zainab, Teh Suhaila dan Sarifah, 2014) yang seterusnya akan melibatkan kos agensi yang tinggi.

Secara rumusannya, teori agensi mengandaikan bahawa syarikat-syarikat perlu meningkatkan pendedahan untuk mengurangkan konflik antara pemegang saham dan

pengurus (Adina dan Ion, 2008; Akhtaruddin, 2005; Hermalin dan Weisbach, 2012) dan secara langsung mengurangkan kos agensi (Al-Shammari et al., 2008; Marston, 2003). Teori agensi akan diaplikasikan dalam kajian ini dengan andaian bahawa lebih banyak pendedahan maklumat dalam laporan kewangan, maka kesamaran maklumat dan kos agensi dapat dikurangkan. Pendedahan maklumat yang lebih banyak juga akan digunakan sebagai mekanisme bagi mengawal pengurus koperasi yang mana secara tidak langsung akan mengurangkan konflik hubungan antara anggota dan pengurus koperasi. Teori agensi digunakan dalam kajian ini bagi menerangkan faktor saiz, nisbah keuntungan, nisbah leveraj dan faktor tadbir urus koperasi iaitu saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari, profesion bendahari dan kelayakan akademik pegawai akaun yang dijangka boleh mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia.

3.3.2 Teori Isyarat (*Signaling Theory*)

Teori isyarat (*signaling theory*) adalah teori yang boleh digunakan bagi menjelaskan secara lanjut berkenaan ketidakseimbangan maklumat dan melengkapkan penjelasan tentang pendedahan korporat (Popa, Blidisel, & Bogdan, 2009). Teori isyarat merujuk kepada organisasi yang akan memberi isyarat maklumat positif kepada para pelabur melalui mekanisma pelaporan tahunan (Oliveira et al., 2006). Isyarat maklumat positif yang diterima oleh pelabur dan pihak-pihak berkepentingan akan dinilai dan keputusan yang dibuat akan memihak kepada pihak syarikat (Whiting & Miller, 2008).

Menurut An et al. (2011), teori isyarat juga menjelaskan bagaimana untuk menangani masalah yang timbul akibat daripada ketidakseimbangan maklumat dalam mana-mana persekitaran sosial. Teori isyarat menunjukkan bahawa ketidakseimbangan maklumat hendaklah dikurangkan dengan melakukan pendedahan yang lebih banyak bagi menyebarkan maklumat tersebut kepada pihak-pihak berkepentingan. Maklumat yang disebarikan biasanya akan memihak kepada pemberi maklumat yang ingin menunjukkan kelebihan yang dimiliki syarikat mereka berbanding pesaing.

Bagi tujuan kajian ini, teori isyarat digunakan dalam kajian ini dengan andaian bahawa pihak pengurusan koperasi akan mendedahkan maklumat yang lebih banyak dalam laporan tahunan koperasi mereka sama ada berita baik atau buruk bagi membezakan koperasi mereka dengan koperasi yang lain. Justeru, teori isyarat akan diaplikasikan bagi menerangkan faktor ciri-ciri koperasi iaitu jenis perniagaan, usia koperasi dan tahun kajian dan faktor tadbir urus koperasi iaitu saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari, profesion bendahari dan kelayakan akademik pegawai akaun terhadap hubungannya dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia.

3.4 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan

Kajian terdahulu berkaitan dengan pendedahan maklumat menunjukkan bahawa terdapat faktor-faktor yang boleh dikaitkan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan organisasi. Kajian oleh Popova et al. (2013) mendapati syarikat-syarikat akan berusaha untuk patuh dengan semua keperluan pendedahan maklumat kewangan yang diperlukan oleh pihak berkuasa. Begitu juga kajian oleh Street dan Bryant (2000)

menemui bahawa syarikat-syarikat dari 17 buah negara yang dikaji telah mematuhi keperluan pendedahan oleh IAS dan ada juga syarikat yang mematuhi lebih daripada keperluan IAS.

Namun, terdapat faktor-faktor lain juga yang mendorong amalan pendedahan penyata kewangan organisasi berkenaan. Berdasarkan literatur lepas, antara faktor-faktor yang dikaji hubungannya dengan pendedahan pelaporan kewangan adalah faktor yang berkaitan dengan sifat-sifat dan ciri-ciri organisasi. Kajian oleh Meek et al. (1995) yang mengkaji faktor-faktor saiz syarikat, negara asal, jenis industri, leveraj, tahap multinasional, keuntungan dan status penyenaian antarabangsa. Glaum & Street (2003) pula mengkaji faktor standard perakaunan yang digunakan, saiz syarikat, saiz firma audit, laporan juruaudit menyatakan sama ada Standard Perakaunan Antarabangsa atau US GAAS diikuti dan syarikat senaraian awam di Bursa Amerika Syarikat. Alsaeed (2006) mengkaji faktor-faktor saiz syarikat, leveraj, penyebaran pemilikan, usia syarikat, margin keuntungan, pulangan atas ekuiti, kecairan, jenis industri dan saiz firma audit dalam kajiannya. Mohd Noor Azli et al. (2006) pula mengkaji faktor-faktor saiz syarikat, keuntungan, jenis industri, kecairan, leveraj dan jenis firma audit. Nor Asyiqin et al. (2010) pula mengkaji faktor-faktor saiz firm audit, pengkhususan firma audit dan saiz syarikat. Hasan & Hosain (2015) mengkaji faktor-faktor saiz syarikat, usia syarikat, keuntungan dan jenis industri. Yousef Al-Tahat (2010) mengkaji faktor tadbir urus iaitu saiz dan struktur lembaga pengarah, faktor struktur pemilikan iaitu pemilikan asing, pemilikan kerajaan dan bilangan pemegang saham serta faktor ciri-ciri syarikat iaitu saiz syarikat, keuntungan, pertumbuhan, usia syarikat, leveraj, saiz firma audit dan status penyenaian. Uyar et

al. (2013) pula mengkaji faktor-faktor pemilikan institusi/korporat, penyebaran pemilikan, komposisi pengarah bebas, saiz lembaga, penyenaian di dalam Indeks Tadbir Urus di Bursa Istanbul, usia penyenaian, usia syarikat, keuntungan, leveraj dan saiz firma audit. dan faktor mekanisme penguatkuasaan, pasaran modal, rangka kerja perakaunan dan kawal selia, ekonomi dan budaya dikaji oleh Haniffa & Cooke (2002).

Justeru, memandangkan kajian ini merupakan usaha awal bagi menjustifikasikan faktor-faktor yang boleh dikaitkan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan bagi sektor koperasi di Malaysia, maka kajian ini hanya menumpukan kepada ciri-ciri spesifik organisasi yang terdiri daripada saiz, nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia koperasi dan tahun kajian dan faktor-faktor tadbir urus iaitu saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi sebagai faktor-faktor yang akan diuji. Perbincangan lanjut terhadap faktor-faktor ini akan disambung dalam bab seterusnya. Subseksyen seterusnya akan menghuraikan faktor-faktor yang dijangka berkait dengan tahap kualiti pelaporan tahunan dengan memilih organisasi koperasi sebagai sampel kajian.

3.4.1 Ciri-Ciri Koperasi

Ciri-ciri syarikat telah banyak dikaji oleh penyelidik lepas di seluruh dunia dalam pelbagai sektor dan organisasi. Kajian faktor ciri-ciri organisasi di sektor koperasi masih belum meluas dan amat terhad. Oleh itu, kajian ini merupakan antara kajian awal untuk meneroka kajian faktor-faktor ini di sektor koperasi. Faktor ciri-ciri

koperasi adalah penting untuk dikaji memandangkan faktor-faktor inilah yang menjadi kayu pengukur kepada prestasi sesebuah koperasi dan digunakan oleh pihak SKM untuk membandingkan prestasi antara koperasi-koperasi di Malaysia.

Keputusan kajian terhadap faktor-faktor ciri-ciri syarikat yang dijalankan oleh Uyar et al. (2013), Yousef Al-Tahat (2010), Nor Asyiqin et al. (2010) dan Hasan & Hosain (2015) menunjukkan ciri-ciri syarikat menjadi faktor utama yang mempengaruhi hubungan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan syarikat. Oleh itu, berdasarkan kepada kajian-kajian lepas tersebut, bagi kajian ini, faktor ciri-ciri koperasi dijangka mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi adalah terdiri daripada saiz, nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia dan tahun data kajian ini dipilih.

3.4.1.1 Saiz Koperasi

Saiz organisasi adalah petunjuk penting terhadap tingkahlaku penyediaan laporan korporat (Hasan & Hosain, 2015). Salah satu tingkahlaku dalam penyediaan laporan korporat adalah berkaitan dengan tahap pendedahan maklumat kewangan. Apabila saiz firma semakin meningkat, maka modal daripada luar diperlukan di mana syarikat akan mendedahkan maklumat dengan lebih menyeluruh dalam laporan kewangan yang diterbitkan bagi mendapatkan modal pada kos yang lebih rendah (Popova et al., 2013).

Teori agensi mengandaikan bahawa firma yang besar mempunyai kos agensi yang tinggi (Jensen & Meckling, 1976). Namun, saiz firma adalah penting bagi syarikat

memperoleh modal dan disebabkan itu terdapat tekanan dan jangkaan daripada pemegang saham serta pelabur untuk meningkatkan tahap pendedahan maklumat dalam laporan kewangan (Yousef Al-Tahat, 2010). Teori agensi juga menyatakan bahawa syarikat yang lebih besar memerlukan modal luar yang lebih besar yang akan melibatkan kos agensi yang tinggi disebabkan konflik faedah berlaku antara pemegang saham dan pengurus (Mohd Noor Azli et al., 2006). Oleh itu, bagi mengurangkan kos agensi, syarikat yang lebih besar akan mendedahkan maklumat lebih daripada syarikat kecil (Hasan & Hosain, 2015) seterusnya mengelakkan ketidakseimbangan maklumat (Mohd Noor Azli et al., 2006).

Dengan kata lain, syarikat yang lebih besar adalah cenderung untuk mendedahkan maklumat yang lebih banyak dalam laporan tahunan mereka berbanding syarikat yang lebih kecil kerana kos pendedahan adalah lebih rendah selari dengan peningkatan saiz syarikat (Meek et al., 1995; Lobo & Zhou, 2001; Al-Shammari et al., 2008). Tambahan pula, syarikat yang lebih besar akan dipantau dengan lebih teliti oleh sebilangan pelabur dan penganalisis berbanding syarikat kecil (Alsaeed, 2006) dan ini akan mengurangkan kecenderungan berlakunya pengurusan perolehan (Lobo & Zhou, 2001).

Selain itu, syarikat yang lebih besar mempunyai sumber seperti kewangan, staf dan aset yang mencukupi untuk digunakan (Alsaeed, 2006; Al-Shammari et al., 2008; Hasan & Hosain, 2015) dan mampu membiayai kos menghasilkan maklumat bagi pengguna laporan tahunannya serta mendedahkan lebih banyak maklumat untuk

memenuhi keperluan penggunaannya yang pelbagai (Galani et al., 2011 dan Giannarakis, 2014).

Dalam kajian ini, saiz koperasi dijangka boleh mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan yang diterbitkan oleh koperasi. Berdasarkan teori agensi, saiz koperasi yang lebih besar akan mendedahkan maklumat yang lebih banyak daripada koperasi bersaiz kecil bagi mengurangkan ketidaksamarataan maklumat yang tinggi yang juga akan meningkatkan kos agensi. Secara ringkasnya, jika saiz koperasi besar, maka, jumlah maklumat akan lebih banyak dilaporkan yang juga akan mengurangkan kos agensi, maklumat lengkap akan diperolehi oleh pengguna laporan kewangannya dan seterusnya dapat mengurangkan konflik diantara anggota-anggota dan pengurus koperasi.

3.4.1.2 Nisbah Keuntungan Koperasi

Keuntungan yang juga dikenali sebagai pendapatan adalah merujuk kepada pendapatan bersih tahunan sebelum item luar biasa diambilkira (Yu, 2011; Popova et al., 2013). Teori agensi mengandaikan bahawa pengurus syarikat yang memperoleh keuntungan yang tinggi akan mendedahkan maklumat kewangan pada tahap yang lebih tinggi bagi menjaga kedudukan mereka (Mohd Noor Azli et al., 2006) dan pendedahan maklumat yang lebih banyak dijadikan mekanisme untuk mengawal prestasi pengurus serta penentuan pampasan (Oliveira et al., 2006). Teori isyarat pula menjelaskan bahawa syarikat lebih cenderung mendedahkan berita baik berkaitan keuntungan syarikat bagi mengelakkan penyusutan nilai saham syarikat mereka (Oliveira et al., 2006).

Secara lebih terperinci, syarikat yang menunjukkan prestasi dari segi keuntungan yang lebih tinggi akan menyediakan pendedahan maklumat yang lebih banyak daripada syarikat yang menunjukkan prestasi yang lebih rendah (Lobo & Zhou, 2001). Ini adalah bagi memberi isyarat atau berita yang baik kepada pasaran tentang keuntungan yang diperolehi syarikat (Prabowo & Angkoso, 2006). Tahap pendedahan maklumat yang tinggi ini juga memberi petunjuk kepada para pemegang saham bahawa mereka telah menjalankan tugas dengan jayanya (Lily Marlina & Takiah, 2003) untuk kepentingan terbaik para pemegang saham dan mewajarkan pakej pampasan untuk mereka (Galani et al., 2011).

Selain itu, syarikat yang memperolehi keuntungan akan mendedahkan maklumat lebih banyak kepada orang ramai bagi mempromosikan imej positif syarikat atas pencapaian prestasi baik tersebut (Owusu-ansah, 1998; Alsaed, 2006; Galani et al., 2011). Secara ringkasnya, syarikat yang mempunyai keuntungan yang tinggi akan memberi isyarat kepada pasaran berkenaan kejayaan mereka melalui pendedahan maklumat kewangan yang lebih banyak dan berkualiti dalam laporan kewangan mereka.

Justeru, dalam kajian ini, nisbah keuntungan koperasi dijangka mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Pada asasnya, koperasi yang mempunyai keuntungan yang tinggi akan mendedahkan lebih banyak maklumat daripada yang diperlukan. Ini juga berdasarkan teori agensi bahawa pengurus koperasi akan mendedahkan maklumat pada tahap yang lebih tinggi untuk mendapatkan input luaran

untuk kepentingan tersendiri bagi memperoleh keuntungan yang tinggi yang mana akan mengurangkan kos agensi. Manakala, berdasarkan kepada teori isyarat pula, koperasi yang memperoleh keuntungan tinggi akan lebih banyak mendedahkan maklumat dalam laporan tahunan koperasi bagi menunjukkan kepada anggota koperasi dan orang awam tentang prestasi baik yang dicapai koperasi mereka.

3.4.1.3 Nisbah Leveraj Koperasi

Leveraj merujuk kepada penggunaan sumber kewangan seperti hutang dan dana yang dipinjam untuk meningkatkan pulangan ke atas ekuiti (Ezat & El-Masry, 2008). Pandangan yang dipegang secara meluas iaitu, syarikat yang mempunyai leveraj tinggi perlu mendedahkan lebih maklumat bagi memenuhi keperluan pemiutang terhadap maklumat dalam laporan kewangan kerana syarikat yang mempunyai kadar hutang yang tinggi dalam struktur modal syarikat terdedah kepada kos agensi yang tinggi (Brennan & Hourigan, 1999; Alsaeed, 2006; Oliveira et al., 2006). Ini menunjukkan hubungan antara nisbah leveraj syarikat dan tahap pendedahan adalah signifikan.

Teori agensi mengandaikan bahawa syarikat yang mempunyai leveraj yang lebih tinggi dijangka mendedahkan lebih banyak maklumat untuk mengurangkan kos agensi dan bagi meyakinkan pemiutang bahawa kepentingan mereka dilindungi (Jensen dan Meckling, 1976). Permintaan pemegang saham juga terhadap maklumat adalah lebih besar disebabkan mereka menilai bahawa kemungkinan syarikat akan memenuhi obligasi pembayaran hutang dan risiko aliran tunai masa depan yang timbul daripada pelaburan mereka (Al-Shammari et al., 2008). Manakala, teori isyarat

mengandaikan bahawa syarikat yang mempunyai leveraj yang rendah akan mendedahkan maklumat yang lebih banyak bagi menghantar isyarat kepada pasaran mengenai struktur kewangan syarikat (Oliveira et al., 2006).

Oleh itu, dalam kajian ini, nisbah leveraj koperasi dijangka mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Berdasarkan teori agensi yang banyak menjelaskan hubungan antara leveraj syarikat dan pendedahan maklumat, koperasi yang mempunyai nisbah leveraj yang tinggi akan mendedahkan lebih banyak maklumat kerana maklumat tersebut boleh digunakan bagi mengurangkan kos agensi dalam hubungan antara pemegang saham iaitu anggota koperasi dengan pengurus koperasi disebabkan ketidakseimbangan maklumat yang berlaku. Pendedahan menyeluruh meliputi pendedahan maklumat kewangan (mandatori), tanggungjawab sosial dan alam sekitar (sukarela) dijangka dapat mengurangkan kos agensi dengan memudahkan pemiutang menilai keupayaan koperasi menyelesaikan hutang yang diberi.

3.4.1.4 Jenis Perniagaan Koperasi

Jenis perniagaan dipilih sebagai pembolehubah bebas untuk menentukan tahap kualiti pelaporan tahunan kerana pendedahan maklumat adalah berbeza daripada satu jenis perniagaan dengan perniagaan yang lain (Galani et al., 2011). Amalan perniagaan yang berkaitan boleh membawa kepada perbezaan tahap pendedahan pada item yang sama di dalam laporan kewangan yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat dalam perniagaan yang berbeza (Al-Shammari et al., 2008). Sebagai contoh, bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan dijangka mempunyai tahap pendedahan maklumat yang

lebih tinggi kerana keperluan tahap pendedahan maklumat laporannya dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989.

Selain itu, menurut Bozzolan, Favotto, & Ricceri (2003) bagi industri yang mempunyai kepelbagaian untuk berubah pada masa hadapan dan kebolehan untuk meramal keputusan adalah sukar, permintaan terhadap pendedahan maklumat adalah lebih besar terutamanya bagi industri berteknologi tinggi. Ini adalah kerana syarikat jenis ini memerlukan modal yang lebih daripada pelabur untuk mendapatkan modal intelektual seperti sumber manusia dan pengetahuan. Maka, pengurus industri seperti ini akan lebih mendedahkan maklumat tambahan kepada pihak-pihak berkepentingan.

Teori isyarat mengandaikan bahawa jenis perniagaan akan menyebabkan perbezaan tahap pendedahan maklumat dalam laporan kewangan. Bagi syarikat yang mempunyai jenis perniagaan yang sama akan lebih cenderung menerima pakai tahap pendedahan maklumat yang sama (Basuony & Mohamed, 2014). Jika syarikat dalam industri yang sama tersebut tidak mengikut amalan pendedahan maklumat yang sama, maka, boleh diandaikan bahawa syarikat memberi isyarat menyembunyikan berita buruk (Larran & Giner, 2002).

Justeru, dalam kajian ini, faktor jenis perniagaan koperasi dipilih sebagai pembolehubah bebas yang dijangka mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi kerana berdasarkan teori isyarat, jenis perniagaan koperasi akan menyebabkan perbezaan dalam tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Koperasi

yang terlibat dalam jenis perniagaan yang sama akan cenderung untuk menggunakan prosedur perakaunan yang sama.

3.4.1.5 Usia Koperasi

Usia organisasi merupakan faktor yang penting dalam menentukan tahap pendedahan maklumat (Popova et al., 2013). Syarikat-syarikat yang lebih berusia mempunyai sistem yang lebih mantap (Al-Shammari et al., 2008) dan pengalaman yang lebih banyak berkemungkinan akan mendedahkan maklumat tambahan dalam laporan tahunan syarikat mereka bagi meningkatkan reputasi dan imej syarikat di pasaran (Akhtaruddin, 2005; Hasan & Hosain, 2015).

Selain itu, pemilihan pembolehubah ini dalam kebanyakan kajian adalah dengan andaian bahawa syarikat yang telah lama beroperasi mungkin telah bertambah baik amalan pelaporan kewangannya kerana telah berpengalaman menyediakan laporan kewangan dan memperbaikinya dari tahun ke tahun (Alsaeed, 2006).

Justeru, dalam kajian ini, pembolehubah usia koperasi dijangka akan mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi bagi menunjukkan kepada pengguna laporan kewangan tersebut bahawa semakin lama koperasi ditubuhkan semakin banyak maklumat akan didedahkan yang seterusnya akan meningkatkan keyakinan bakal pelabur untuk melabur dalam koperasi mereka.

3.4.1.6 Tahun Kajian

Pembolehubah tahun kajian adalah penting dikaji memandangkan ia menawarkan keputusan tertentu yang tidak diperolehi jika hanya mengkaji data untuk tahun tertentu sahaja. Di peringkat makro, selain dapat mengesan aliran tahap kualiti pelaporan tahunan, kesan pembangunan sosial dan ekonomi organisasi terhadap amalan pelaporan kewangan juga boleh diketahui, ini akan memberikan gambaran yang lebih komprehensif tentang pembangunan tahap kualiti pelaporan di dalam sesebuah negara. Di peringkat mikro pula, kajian tahun yang berbeza menawarkan faedah tertentu yang tidak dapat diperolehi dalam kajian rentas setahun, sebagai contoh, kajian untuk tahun yang berlainan boleh memberikan pandangan mengenai hubungan antara perubahan strategik sebuah syarikat dan amalan pelaporannya (Tsang, 1998).

Tahun kajian dijangka menjadi faktor penting dalam mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi memandangkan perbezaan tempoh masa data kajian diambil memberikan ruang untuk penambahbaikan dalam kualiti pelaporan kewangan koperasi. Dalam perbezaan masa tersebut juga, perubahan dalam komposisi lembaga pengarah juga memberikan pengaruh kepada tahap pelaporan kewangan tersebut. Di samping itu juga faktor-faktor lain dijangka memberikan pengaruh yang besar seperti seperti perolehan dan keuntungan koperasi. Perbezaan tempoh masa tersebut memberikan koperasi ruang yang cukup untuk memajukan operasi perniagaan yang secara langsung akan meningkatkan perolehan dan keuntungannya.

Oleh itu, faktor tahun kajian dijangka mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi dengan signifikan. Dengan usaha SKM yang tidak pernah jemu untuk memajukan sektor koperasi setaraf dengan organisasi syarikat-syarikat di Malaysia, adalah diyakini faktor pemilihan data tahun kajian dapat memberikan keputusan analisis yang positif terhadap tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Usaha ANGKASA juga sebagai koperasi apex tidak boleh dipandang ringan memandangkan bantuan penyediaan laporan tahunan yang diusahakan dari tahun 2005 lagi berupaya memberikan kesan yang signifikan kepada usaha pematuhan penyediaan laporan kewangan yang memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh SKM (BERNAMA, 2006).

3.4.2 Tadbir Urus Koperasi

Teori agensi menyediakan asas teori untuk penyelidikan berkenaan tadbir urus korporat yang berkaitan masalah agensi iaitu pemisahan pemilikan dan kawalan sesebuah organisasi (Jensen & Meckling, 1976). Tadbir urus adalah bertujuan untuk membantu membina persekitaran amanah, ketelusan dan akauntabiliti bagi melestarikan pelaburan jangka panjang, kestabilan kewangan dan integriti perniagaan serta dengan itu menyokong pertumbuhan yang lebih kukuh dan masyarakat yang lebih mapan (OECD, 2015). Tadbir urus adalah proses dan struktur yang digunakan untuk mengarah dan menguruskan perniagaan dan hal ehwal syarikat ke arah meningkatkan kemajuan perniagaan dan akauntabiliti korporat dengan objektif utama untuk meningkatkan nilai pemegang saham jangka panjang, di samping mengambil kira kepentingan pemegang saham yang lain (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2012).

Berdasarkan kepada teori pihak-pihak berkepentingan (*stakeholder theory*), tadbir urus melibatkan satu set hubungan antara pihak pengurusan syarikat, lembaga, pemegang saham dan pihak-pihak berkepentingan yang lain. Tadbir urus korporat juga menyediakan struktur di mana objektif syarikat itu ditetapkan dan cara-cara untuk mencapai objektif dan cara memantau prestasi ditentukan (OECD, 2015). Merujuk kepada Parkinson (1994) dalam penyelidikan Al Otaibi (2014) dan Brennan & Solomon (2008) menyatakan tadbir urus adalah proses penyeliaan dan kawalan bertujuan untuk memastikan bahawa pihak pengurusan syarikat bertindak mengikut kepentingan para pemegang saham. Dalam kedua-dua penyelidikan yang sama di atas juga, Solomon (2007) menyatakan tadbir urus adalah sistem semak dan imbang untuk kedua-dua dalaman dan luaran syarikat-syarikat, yang memastikan bahawa syarikat-syarikat melaksanakan tanggungjawab mereka kepada semua pihak-pihak berkepentingan mereka dan bertindak dengan cara yang bertanggungjawab dari segi sosial dalam semua aspek aktiviti perniagaan mereka.

Pendapat Parkinson adalah bersesuaian dengan teori agensi yang menyokong perspektif pemegang saham manakala pendapat Solomon pula bertepatan dengan teori pihak-pihak berkepentingan yang melihat kepada manfaat pihak-pihak berkepentingan. Rogers (2008) pula berpendapat tadbir urus adalah tentang membina kredibiliti, memastikan ketelusan dan akauntabiliti serta mengekalkan saluran yang berkesan untuk pendedahan maklumat yang akan memupuk prestasi korporat yang baik. Ia juga mengenai bagaimana untuk membina kepercayaan dan mengekalkan keyakinan di kalangan pelbagai kumpulan berkepentingan yang membangunkan

organisasi. Roger bersetuju bahawa tadbir urus boleh memastikan akauntabiliti yang membantu pendedahan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan.

Bagi sektor koperasi, tadbir urus merupakan faktor penting yang boleh mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi memandangkan lembaga tertinggi iaitu pengerusi, setiausaha dan bendahari juga terlibat secara langsung dengan operasi sesebuah koperasi. Oleh itu, penglibatan ini boleh dilihat sebagai usaha mengurangkan jurang kesamaran maklumat antara pemilik dan pengurus koperasi kerana mereka merupakan anggota koperasi dan menjadi wakil kepada anggota dalam lembaga. Oleh itu, kajian ini adalah berkisar kepada bagaimana peranan lembaga dan bendahari serta pegawai akaun dalam menguruskan sesebuah koperasi dan mengkaji bagaimana mereka dapat mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan sesebuah koperasi.

Oleh itu, bagi kajian ini, faktor tadbir urus koperasi yang dijangka mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi adalah terdiri daripada saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi.

3.4.2.1 Saiz Lembaga Koperasi

Teori kebergantungan sumber (*resource dependency theory*) menyatakan bahawa saiz lembaga yang besar mempunyai pelbagai ilmu dan lebih keupayaan untuk menguruskan sumber modal organisasi (Pfeffer & Salancik, 1978). Saiz lembaga yang besar juga boleh menyumbang kepada pertukaran idea yang pelbagai dan pengalaman

yang lebih inovatif (Giannarakis, 2014). Selain itu, saiz lembaga yang besar mempunyai keupayaan untuk menyumbang dalam menyediakan laporan yang berkualiti dan menunjukkan bahawa anggota lembaga lebih bebas dalam membuat keputusan dan memantau pengurusan dengan berkesan untuk melindungi kepentingan anggota-anggota (Al-Janadi et al., 2013).

Namun, apabila bilangan anggota lembaga melepasi tujuh atau lapan orang, fungsi lembaga menjadi kurang berkesan. Ini kerana timbul masalah penyelarasan anggota lembaga melebihi kelebihan untuk mendapat manfaat dari saiz lembaga yang besar (Jensen, 1993). Manfaat tersebut menjadi tidak setanding dengan kos seperti proses membuat keputusan yang perlahan, perbincangan yang kurang berkesan mengenai prestasi pengurusan dan keputusan yang berat sebelah terhadap pengambilan risiko (Yermack, 1996).

Manakala, saiz lembaga yang kecil dapat memberikan pemantauan lebih berkualiti kerana kurangnya percanggahan pendapat di kalangan anggota lembaga. Saiz lembaga yang kecil boleh membantu meningkatkan prestasi mereka (Jensen, 1993; Yermack, 1996). Justeru, teori agensi mencadangkan bahawa saiz lembaga merupakan salah satu pembolehubah tadbir urus korporat yang boleh mempengaruhi pendedahan maklumat organisasi (Cerbioni & Parbonetti, 2007). Saiz lembaga yang besar membolehkan pemantauan yang lebih baik terhadap operasi dan lebih banyak maklumat korporat sukarela didedahkan di dalam laporan kewangan tahunan oleh syarikat-syarikat di dalam senarai Fortune 500 di Amerika Syarikat (Giannarakis, 2014).

Bagi organisasi koperasi, lembaga merupakan pihak penting yang memainkan peranan sebagai pengurus dan pemantau operasi sesebuah koperasi. Bilangan minimum dan maksimum anggota lembaga sesebuah koperasi ditetapkan berdasarkan kepada Seksyen 42 Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2008) iaitu bilangan minimum adalah seramai enam orang dan bilangan maksimum adalah seramai lima belas orang anggota lembaga. Saiz lembaga memberikan impak kepada pembuatan keputusan dan penetapan dasar-dasar koperasi. Saiz lembaga dijangka mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi kerana lembaga merupakan pihak dalaman koperasi yang bertanggungjawab memantau perjalanan operasi sesebuah koperasi. Semua pembuatan keputusan yang berkaitan operasi koperasi dimaklumkan dan dibincangkan serta diambil sesuatu keputusan oleh pihak lembaga. Oleh itu adalah dijangkakan lembaga koperasi merupakan pihak yang berupaya mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan sesebuah koperasi

3.4.2.2 Jantina Anggota Lembaga Koperasi

Jantina anggota lembaga dalam sesebuah pentadbiran dan pengurusan organisasi mempunyai kelebihan dan kekurangan tertentu. Kajian oleh Adams dan Ferreira (2009) telah menunjukkan beberapa bukti baru bahawa lembaga pengarah wanita berkelakuan berbeza daripada lembaga pengarah lelaki. Sebagai contoh, lembaga pengarah wanita memperuntukkan lebih banyak usaha dalam memantau pihak pengurusan (Ben-Amar, Francoeur, Hafsi, & Labelle, 2013). Dengan itu, lebih tinggi jumlah wanita dalam lembaga akan mendorong peningkatan aktiviti pengurusan pendapatan syarikat (Buniamin, Johari, Abd Rahman, & Abdul Rauf, 2012). Selain

itu, kajian Buniamin et al. (2012) juga mendapati bahawa syarikat mengiktiraf kepentingan peranan wanita sebagai pemantau dalam operasi sesebuah syarikat dengan melantik mereka sebagai ahli jawatankuasa audit.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ada memperuntukkan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (*Malaysian Code on Corporate Governance 2012*) bahawa lembaga perlu mewujudkan satu dasar formal untuk mempelbagaikan latarbelakang lembaga. Lembaga perlu mengambil langkah-langkah untuk memastikan calon-calon wanita dilantik sebagai sebahagian daripada anggota lembaga sesebuah syarikat. Lembaga juga perlu memastikan pendedahan dibuat dalam laporan tahunan berkaitan dasar dan sasaran kepelbagaian jantina dan langkah-langkah yang diambil untuk memenuhi sasaran ini (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2012). Ini menunjukkan usaha kerajaan Malaysia yang serius untuk meningkatkan penglibatan wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia dan dalam masa yang sama melibatkan wanita sebagai pembuat keputusan peringkat tertinggi dalam operasi perniagaan syarikat-syarikat tersenarai tersebut. Tambahan lagi, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pula ada mengumumkan yang syarikat tersenarai di Bursa Malaysia adalah wajib untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya tiga puluh peratus (30%) kerusi lembaga pengarah untuk ahli lembaga pengarah wanita menjelang tahun 2016 (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2015; Abdullah & Ku Ismail, 2016; Ku Ismail & Abdul Manaf, 2016). Saranan ini diulangi lagi oleh YAB Perdana Menteri Malaysia di dalam pembentangan belanjawan untuk tahun 2018 bahawa syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan badan-badan

berkanun juga wajib untuk melantik ahli lembaga pengarah wanita dengan kuota 30% minimum. Justeru, kajian Abdullah dan Ku Ismail (2016) telah mencadangkan yang syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia untuk melantik wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat dan pada masa yang sama juga sebagai ahli kepada jawatankuasa audit dalaman bagi membantu meningkatkan tahap kualiti laporan kewangan syarikat.

Bagaimanapun, kajian Gallego, Garcia dan Rodriguez (2010) mendapati bahawa jika syarikat mempunyai ahli lembaga pengarah kedua-dua jantina, pendedahan prestasi korporat kepada pemegang-pemegang saham adalah lebih dipercayai. Bagi sektor koperasi di Malaysia, anggota lembaga koperasi didominasi oleh kaum lelaki sejak dari bermulanya gerakan koperasi di Malaysia sehingga kini kecuali bagi koperasi yang dianggotai oleh kaum wanita sahaja. Justeru, bagi mengetahui adakah faktor jantina lembaga akan mempengaruhi tahap kualiti pendedahan pelaporan kewangan koperasi, maka, kajian ini akan merungkaikan persoalan ini.

3.4.2.3 Kelayakan Akademik Bendahari Lembaga

Lembaga memerlukan kepakaran untuk menyediakan input dalam aspek perancangan kewangan terutamanya bagi membentuk objektif korporat dan menentukan faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai korporat. Namun kepakaran lembaga dalam bidang kewangan secara umumnya amat kurang menyebabkan mereka gagal memahami mengapa memaksimumkan nilai pasaran jangka panjang secara asasnya merupakan objektif korporat yang optimum (Jensen, 1993).

Lembaga pengarah sesebuah syarikat atau organisasi seharusnya mempunyai pengetahuan yang cukup untuk menguruskan operasi dan tadbir urusnya. Pengetahuan mengenai hal ehwal dan proses tadbir urus syarikat sangat penting untuk peranan pemantauan lembaga terhadap operasi syarikat (Chtourou et al., 2001).

Dalam menguruskan hal-hal perakaunan dan kewangan, adalah penting bendahari lembaga yang dipertanggungjawabkan dalam hal ini mempunyai kelayakan akademik dalam bidang perakaunan. Kelayakan ini adalah penting supaya bendahari mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang cukup seterusnya dapat memberikan khidmat dengan lebih berkesan berbanding dengan bendahari yang tidak mempunyai pengetahuan tersebut (Buniamin et al., 2012). Oleh itu, bendahari menjadi lebih berupaya mengawasi proses pelaporan kewangan koperasi dengan berkesan.

Oleh itu, dalam kajian ini kelayakan akademik bendahari lembaga memberi petunjuk bahawa bendahari lembaga yang mempunyai kelayakan dalam bidang perakaunan akan berupaya mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Kelayakan akademik bendahari menunjukkan tahap kecekapan yang diperlukan untuk mengawal operasi bahagian kewangan dengan sewajarnya bagi memenuhi keperluan pelaporan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berwajib dan pengguna-pengguna laporan kewangan koperasi.

3.4.2.4 Profesion Bendahari Lembaga

Profesion lembaga pengarah memberikan nilai tambah yang penting memandangkan pengalaman yang bernilai diperolehi dari pekerjaan sebenar mereka. Perlantikan ahli lembaga pengarah yang berpengalaman mendapat maklumbalas positif daripada para

pelabur (Defond, Hann, & Xuesong, 2005; S. Gray & Nowland, 2013). Hasil analisis kajian Defond, Hann, & Xuesong (2005) juga memberikan keputusan yang membuktikan profesion lembaga pengarah boleh mempengaruhi kadar pulangan tahunan syarikat.

Pembolehkan profesion lembaga pengarah dalam kajian lepas yang diemui adalah amat terhad yang mana profesion dan pengalaman juruaudit luar serta ahli jawatankuasa audit dalaman lebih diberi perhatian untuk diuji. Pembolehkan profesion ahli jawatankuasa audit yang diuji di dalam kajian lepas adalah seperti di dalam kajian oleh Braswell & Mauldin (2004), Carcello, Hollingsworth, Klein, & Neal (2006), Defond, Hann, & Xuesong (2005) dan Krishnan & Visvanathan (2008).

Dalam sektor koperasi, selain meneliti kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga juga merupakan elemen penting yang perlu dilihat bersama-sama kerana profesion bendahari memberikan pengalaman yang diperlukan untuk memantau proses penyediaan laporan kewangan koperasi. Gabungan pengetahuan dan pengalaman bendahari lembaga akan menjadikan beliau seorang yang mempunyai kepakaran yang membantunya memantau operasi bahagian kewangan koperasi dengan lebih berkesan. Profesion bendahari lembaga memastikan beliau memperoleh kepakaran yang diperlukan untuk menjadikannya seorang yang berkelayakan menjawat jawatan tersebut.

3.4.2.5 Kelayakan Akademik Pegawai Akaun

Tanggungjawab utama pegawai akaun adalah untuk menyediakan laporan kewangan tahunan yang untuk syarikatnya. Pengetahuan yang diperolehi oleh seseorang pegawai

akaun mestilah melalui latihan dan ujian-ujian yang bersesuaian yang menjadikannya berbeza dengan seseorang yang tidak mendapat latihan seperti itu (Ahmed & Nicholls, 1994). Pengetahuan dan kepakaran pegawai akaun (pengawal kewangan) adalah penting dalam proses pembuatan keputusan (Zoni & Merchant, 2007) dan diperlukan untuk membantu bendahari lembaga sebagai pegawai utama yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal kewangan sesebuah koperasi.

Dalam sektor koperasi, seseorang pegawai akaun yang berpengetahuan akan berupaya untuk membantu kekurangan pengetahuan bendahari lembaga dalam proses penyediaan laporan kewangan dan membantu juruaudit luar dalam proses pengauditan laporan kewangan koperasinya. Di samping itu pengetahuan mengenai hal ehwal syarikat dan proses tadbir urus juga sangat penting untuk peranan membantu bendahari lembaga dalam pemantauan terhadap operasi kewangan koperasi.

Beberapa kajian lepas telah mengkaji pembolehubah kelayakan akademik pegawai akaun sebagai pembolehubah bebas kajian mereka dan mendapati keputusan analisis kajian adalah signifikan, iaitu kajian oleh Ahmed & Nicholls (1994) yang mendapati pegawai akaun kurang memberi impak kepada tahap pematuhan pendedahan maklumat mandatori manakala Zoni & Merchant (2007) pula mendapati pengawal kewangan (*financial controller*) adalah watak penting dalam proses pembuatan keputusan terutama keputusan berkaitan kewangan dan strategik serta pengoperasian. Namun terdapat juga kajian yang mendapati kelayakan akademik pegawai akaun tidak berupaya mempengaruhi hubungannya dengan tahap kualiti pelaporan tahunan syarikat, iaitu seperti kajian oleh Haniffa & Cooke (2002).

Dalam menguruskan hal-hal perakaunan dan kewangan, adalah penting pegawai akaun yang dipertanggungjawabkan dalam hal ini mempunyai kelayakan akademik di dalam bidang perakaunan. Kelayakan ini adalah penting supaya pegawai akaun mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang cukup seterusnya dapat memberikan khidmat dengan lebih berkesan berbanding dengan pegawai akaun yang tidak mempunyai pengetahuan tersebut. Oleh itu, pegawai akaun menjadi lebih berupaya mengawasi proses pelaporan kewangan koperasi dengan berkesan.

Oleh itu, dalam kajian ini kelayakan akademik pegawai akaun koperasi memberi petunjuk bahawa pegawai akaun yang mempunyai kelayakan di bidang perakaunan akan berupaya mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Kelayakan pegawai akaun koperasi menunjukkan tahap kecekapan yang diperlukan untuk membantu bendahari lembaga mengawal operasi bahagian kewangan dengan sewajarnya bagi memenuhi keperluan pelaporan kewangan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berwajib dan pengguna-pengguna laporan kewangan koperasi.

3.5 Rumusan

Bab ini membincangkan tentang kajian lepas berkaitan penyelidikan tahap kualiti pelaporan tahunan yang berbentuk deskriptif, perbandingan dan penerokaan. Sorotan literatur juga membincangkan berkenaan definisi, terma, tujuan dan dimensi kajian tahap kualiti pelaporan tahunan sektor koperasi di Malaysia. Teori-teori yang digunakan untuk menerangkan hubungkait antara pembolehubah bersandar dan bebas

juga dibincangkan. Pembolehkan bersandar dan bebas juga dibincangkan berdasarkan kepada kajian-kajian lepas berserta dengan keputusan kajiannya sekali.



BAB EMPAT

METODOLOGI KAJIAN

4.1 Pendahuluan


Perbincangan dalam bab ini dimulakan dengan menumpukan secara terperinci mengenai pembentukan rangka kerja teori merangkumi pemilihan pembolehubah kajian dan pembentukan hipotesis-hipotesis kajian yang menunjukkan jangkaan perhubungan antara pembolehubah kajian. Seterusnya, perbincangan akan memfokuskan kepada pengoperasian kajian yang meliputi definisi dan pengukuran pembolehubah. Kemudian, kaedah kutipan data yang menyentuh tentang sumber dan jenis data, populasi kajian dan persampelan yang digunapakai akan dibincangkan dalam subseksyen seterusnya. Dengan lebih spesifik, perbincangan berkaitan dengan pembentukan indeks bagi mengukur pembolehubah bersandar iaitu tahap kualiti pelaporan tahunan bagi organisasi koperasi di Malaysia akan dihuraikan juga dalam bab ini.

Kemudian, bab ini diakhiri dengan menghuraikan pemilihan teknik analisis data yang sesuai digunakan bagi menginterpretasi keputusan analisis kajian. Secara rumusan, perbincangan mengenai proses pembentukan indeks adalah untuk mencapai objektif utama kajian ini iaitu untuk membina satu indeks pelaporan maklumat kewangan bagi mengukur tahap kualiti pelaporan tahunan organisasi koperasi di Malaysia.

4.2 Rangka Kerja Kajian

Bagi tujuan kajian ini, pembentukan rangka kerja kajian dilakukan selepas meneliti semua literatur berkaitan sebagaimana yang telah dibincangkan secara mendalam dalam Bab 3 (Sorotan Literatur). Dalam sorotan literatur, perbincangan adalah berkaitan dengan isu tahap kualiti pendedahan laporan kewangan yang memfokuskan kepada pendedahan maklumat mandatori dan sukarela. Perbincangan seterusnya adalah berkaitan dengan teknik pengukuran tahap kualiti pelaporan tahunan, penggunaan teori yang menjelaskan faktor-faktor organisasi terhadap pematuhan keperluan pendedahan maklumat serta faktor-faktor yang dijangka mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan bagi organisasi koperasi di Malaysia.

Oleh itu, pembolehubah bersandar yang menjadi fokus utama kajian adalah tahap kualiti pelaporan tahunan yang merangkumi pendedahan maklumat mandatori dan pendedahan maklumat sukarela. Pembolehubah bebas pula adalah terdiri daripada ciri-ciri koperasi dan tadbir urus koperasi seperti yang telah dibincangkan di seksyen 3.4.1 dan 3.4.2 di Bab 3 sebelum ini manakala pembolehubah penyederhana yang merupakan kepakaran industri seperti yang dibincangkan di seksyen 3.4.3. Jangkaan pengaruh kedua-dua pembolehubah bersandar dan bebas serta pembolehubah penyederhana adalah berdasarkan kepada dua teori iaitu teori agensi dan teori isyarat. Maka, perhubungan secara konseptual antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar dan pembolehubah penyederhana berdasarkan teori agensi dan teori isyarat dapat dijelaskan melalui Rajah 4.1 di bawah.



Rajah 4.1 : Rangka Kerja Kajian

4.3 Hipotesis Kajian

Pembentukan hipotesis kajian adalah berdasarkan teori agensi dan teori isyarat seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 3 (rujuk seksyen 3.3.1 dan 3.3.2) dan juga berdasarkan kepada dapatan kajian terdahulu. Faktor-faktor yang dijangka mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi adalah saiz, nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia koperasi, tahun kajian, saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi serta faktor kepakaran industri.

4.3.1 Ciri-Ciri Koperasi

4.3.1.1 Saiz Koperasi

Saiz organisasi merupakan pembolehubah bebas yang penting dan biasa digunakan dalam kajian berkaitan tahap kualiti pelaporan tahunan. Kajian terdahulu mendapati saiz organisasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan (Hassan, Giorgioni, & Romilly, 2006; Al-Shammari et al., 2008; Galani et al., 2011; Gao & Kling, 2012; Al Otaibi, 2014; Basuony & Mohamed, 2014). Kajian Hassan et al., (2006) telah menerangkan sebab wujudnya hubungan yang positif antara saiz organisasi dan tahap kualiti pelaporan tahunan seperti berikut, pertama, organisasi bersaiz besar lebih cenderung mempunyai sumber yang cukup bagi menampung kos menghasilkan maklumat laporan tahunannya untuk pelbagai jenis pengguna. Kedua, organisasi bersaiz kecil lebih cenderung untuk mengalami kelemahan kompetitif, jika mereka menawarkan pelaporan maklumat kewangan tambahan. Ketiga, organisasi bersaiz besar lebih cenderung untuk menarik minat pengguna yang berbeza terhadap laporan tahunan termasuk agensi-agensi kerajaan. Bagi organisasi bersaiz besar, kos agensi adalah lebih tinggi kerana pemegang saham adalah meluas (Alsaeed, 2006). Oleh itu, pendedahan tambahan maklumat laporan kewangan diperlukan untuk mengurangkan kos agensi ini (Watts & Zimmerman, 1983).

Di samping itu, terdapat juga kajian yang mendapati saiz organisasi bukan sahaja mempunyai hubungan positif dengan tahap kualiti pelaporan maklumat kewangan tetapi juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan maklumat kewangan seperti kajian oleh Meek et al. (1995), Alsaeed (2006), Prabowo

& Angkoso (2006) dan Al-Mansour (2009). Kajian Hasan dan Hosain (2015) pula yang mengkaji tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela 54 buah syarikat tersenarai di Bangladesh mendapati saiz syarikat yang diukur dengan melihat kepada jumlah aset dan status syarikat adalah mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela dalam laporan tahunan syarikat. Namun begitu, saiz syarikat mempunyai hubungan yang tidak signifikan terhadap tahap pendedahan maklumat mandatori.

Walaupun terdapat kajian yang menunjukkan hubungan yang positif antara saiz organisasi dengan tahap pendedahan maklumat tetapi dapatan kajian lepas juga mendapati adanya hubungan positif yang tidak signifikan (Bozzolan, Favotto, & Ricceri, 2003; Popova et al., 2013). Kajian oleh Popova et al. (2013) yang menentukan hubungan antara pendedahan maklumat mandatori dan nilai syarikat dengan menggunakan sampel syarikat-syarikat di United Kingdom (UK) bagi tempoh 5 tahun mendapati saiz syarikat tidak mempunyai hubungan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori.

Bagaimanapun, kajian Street & Bryant (2000), Glaum & Street (2003), Akhtaruddin (2005), Al-Moataz & Hussainey (2012) tidak menjumpai bukti bahawa terdapatnya hubungan antara saiz dan tahap pendedahan maklumat. Kajian lain adalah seperti kajian oleh Glaum & Street (2003) yang mengkaji pematuhan terhadap Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IAS) dan Prinsip Perakaunan Diterima Umum US (GAAP US) oleh syarikat-syarikat yang tersenarai di pasaran baru Jerman dan menguji faktor yang mempengaruhi tahap pendedahan maklumat tersebut mendapati saiz syarikat

tidak mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tahap pendedahan maklumat berkaitan pematuhan IAS dan GAAP US.

Berdasarkan kepada dapatan kajian lepas dan teori agensi, maka, kajian ini menjangkakan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara saiz koperasi dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi yang dikaji yang mana dapat mengurangkan kos agensi akibat ketidaksamarataan pendedahan maklumat yang berlaku. Justeru, hipotesis berikut dibentuk :

H₁ : *Saiz koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

H_{1a} : *Saiz koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

H_{1b} : *Saiz koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

4.3.1.2 Nisbah Keuntungan Koperasi

Banyak kajian empirikal yang mencadangkan bahawa pembolehubah keuntungan mempunyai kaitan dengan tahap pendedahan maklumat (Prabowo & Angkoso, 2006; Yu, 2011). Hasil kajian Owusu-ansah (1998) menemui hubungan positif yang signifikan di antara keuntungan dan tahap pendedahan mandatori laporan kewangan syarikat. Begitu juga dengan kajian Prabowo & Angkoso (2006) yang menemui hubungan yang signifikan diantara keuntungan dengan pendedahan maklumat berasaskan web. Selain itu, kajian oleh Al-Moataz & Hussainey (2012) juga mendapati hubungan positif dan signifikan di antara keuntungan syarikat dan tahap

pendedahan maklumat sukarela laporan kewangan syarikat-syarikat tersenarai di Arab Saudi.

Namun, terdapat hasil keputusan kajian empirikal lepas menemui keputusan yang berbeza-beza. Antara kajian yang menunjukkan hubungan negatif dan tidak signifikan antara keuntungan syarikat dan tahap pendedahan laporan kewangan syarikat adalah kajian oleh Akhtaruddin (2005), Oliveira et al. (2006), Alsaeed (2006), Al-Mansour (2009), Popova et al. (2013), Al Otaibi (2014) dan Hasan & Hosain (2015). Menurut Owusu-ansah (1998) dalam kajiannya, hubungan negatif yang wujud boleh dikaitkan dengan fakta bahawa syarikat yang tidak menguntungkan juga lebih cenderung untuk mendedahkan lebih maklumat bagi menjustifikasikan prestasi buruk syarikat mereka. Kajian oleh Giannarakis (2014) juga mendapati tidak wujud hubungan antara keuntungan syarikat dan tahap pendedahan maklumat kewangan sukarela oleh syarikat-syarikat dalam senarai Fortune 500 di Amerika Syarikat.

Walaupun banyak kajian menemui bahawa keuntungan tidak mempengaruhi tahap kualiti pelaporan maklumat kewangan, namun dalam kajian ini menjangkakan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara nisbah keuntungan koperasi dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi yang meliputi tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela. Ini adalah kerana faktor kewangan memainkan peranan yang penting memandangkan penerbitan sesuatu laporan dengan maklumat tambahan memerlukan kos yang tinggi. Oleh itu koperasi memerlukan sumber kewangan untuk membiayai kos penerbitan yang terlibat. Nisbah keuntungan yang tinggi bermaksud koperasi mempunyai kadar pulangan yang baik yang

memungkinkan koperasi mencapai objektif pengurusan dengan lebih cepat dan dapat membiayai kos pelaporan dengan lebih berkesan.

Berdasarkan andaian nisbah keuntungan koperasi boleh mempengaruhi dengan berkesan hubungannya dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi, justeru, hipotesis berikut dibentuk :

H₂ : *Nisbah keuntungan koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

H_{2a} : *Nisbah keuntungan koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

H_{2b} : *Nisbah keuntungan koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

4.3.1.3 Nisbah Leveraj Koperasi

Dapatan kajian terdahulu ke atas penentuan hubungan antara nisbah leveraj organisasi dan tahap kualiti pelaporan tahunan menemui keputusan yang berbeza-beza. Beberapa kajian mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan (Prabowo & Angkoso, 2006; Al-Shammari et al., 2008; Al-Moataz & Hussainey, 2012; Popova et al., 2013). Walaupun begitu terdapat juga kajian yang menemui tidak terdapatnya hubungan signifikan antara leveraj syarikat dan tahap pendedahan maklumat (Al-Mansour, 2009) kerana ini disebabkan pemiutang mungkin berkongsi maklumat mereka dengan penghutang syarikat (Alsaeed, 2006).

Walaupun begitu, terdapat juga kajian menunjukkan tiada hubungan antara leveraj organisasi dengan tahap kualiti pelaporan tahunan seperti kajian oleh Meek et al. (1995), Brennan & Hourigan (1999), Mendes-da-silva & Christensen (2004), Oliveira et al. (2006), Al Otaibi (2014) dan (Giannarakis, 2014).

Berdasarkan dapatan kajian lepas yang menemui keputusan yang tidak konsisten, namun dalam kajian ini menjangkakan terdapatnya hubungan yang signifikan dan positif diantara nisbah leveraj koperasi dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Teori isyarat mengatakan, organisasi akan melaporkan lebih banyak maklumat untuk memberi isyarat bahawa prestasi operasi organisasi adalah lebih baik dan mampu memberikan pulangan kepada para pelabur dan membayar kembali hutangnya. Maka, atas andaian tersebut di atas, hipotesis berikut dibentuk :

H₃ : *Nisbah leveraj koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

H_{3a} : *Nisbah leveraj koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

H_{3b} : *Nisbah leveraj koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

4.3.1.4 Jenis Perniagaan Koperasi

Kajian secara empirikal yang mengkaji hubungan antara jenis perniagaan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan menunjukkan keputusan yang bercampur aduk. Kajian oleh Brennan & Hourigan (1999) yang telah mengkaji enam kategori industri dalam kajiannya berkaitan dengan pendedahan maklumat kewangan di internet

mendapati perbezaan yang signifikan antara amalan pendedahan bagi syarikat besar dan kecil. Kajian mereka juga mendapati perbezaan yang signifikan dalam industri yang berbeza dan format maklumat kewangan yang dibentang sama ada secara ringkas atau penuh. Sebagai contoh, kajian oleh Fathi (2013) menjangkakan bahawa jenis perniagaan pembuatan tidak menyediakan pendedahan maklumat yang mencukupi. Namun, hasil kajian mendapati, firma-firma dalam industri pembuatan lebih cenderung mendedahkan maklumat kewangan yang berkualiti.

Justeru, hasil kajian oleh Ezat & El-Masry (2008), Giannarakis (2014) dan Hasan dan Hosain (2015) mendapati terdapatnya hubungan positif yang signifikan antara jenis perniagaan syarikat yang menawarkan perkhidmatan dengan tahap kualiti pelaporan maklumat kewangan. Kajian lepas juga ada menemui bahawa hubungan antara jenis perniagaan dan tahap pendedahan maklumat adalah positif tetapi tidak signifikan seperti kajian oleh Bozzolan et al. (2003). Kajian oleh Nor Asyiqin et al. (2010) mendapati wujud hubungan antara jenis perniagaan kredit koperasi dengan tahap pelaporan kewangan koperasi. Namun, terdapat juga kajian menemui bahawa hubungan antara jenis perniagaan dan tahap kualiti pelaporan tahunan adalah tidak signifikan seperti kajian oleh Larran & Giner (2002).

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini menjangkakan terdapatnya hubungan yang antara jenis perniagaan koperasi dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Dalam kajian ini, jenis perniagaan koperasi diklasifikasikan kepada dua sahaja iaitu jenis perniagaan kredit dan jenis perniagaan bukan kredit. Jenis perniagaan kredit adalah koperasi yang aktiviti utamanya adalah memberi

perkhidmatan pinjaman wang kepada anggota-anggotanya. Justeru, hipotesis berikut dibentuk :

H₄ : *Koperasi yang menjalankan jenis perniagaan kredit mempunyai tahap pelaporan tahunan yang lebih berkualiti berbanding dengan koperasi yang menjalankan jenis perniagaan lain.*

H_{4a} : *Koperasi yang menjalankan jenis perniagaan kredit mempunyai tahap pendedahan maklumat mandatori yang lebih berkualiti berbanding dengan koperasi yang menjalankan jenis perniagaan lain.*

H_{4b} : *Koperasi yang menjalankan jenis perniagaan kredit mempunyai tahap pendedahan maklumat sukarela yang lebih berkualiti berbanding dengan koperasi yang menjalankan jenis perniagaan lain.*

4.3.1.5 Usia Koperasi

Usia organisasi merupakan pembolehubah baru yang dicadangkan kebanyakan penyelidik untuk kajian masa hadapan (Yousef Al-Tahat, 2010). Dapatan kajian terdahulu telah menemui keputusan yang berbeza-beza antara hubungan usia organisasi dengan tahap kualiti pelaporan tahunan. Kajian Popova et al. (2013) menemui bahawa usia syarikat mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan maklumat kewangan.

Namun, terdapat juga kajian lepas yang menemui bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara usia organisasi dan tahap kualiti pelaporan tahunan seperti kajian oleh Akhtaruddin (2005) dan Glaum dan Street (2003) yang mengkaji hubungan usia syarikat dengan tahap pendedahan maklumat mandatori syarikat serta

kajian oleh Alsaeed (2006) dan Hasan dan Hosain (2015) yang mengkaji hubungan usia syarikat dengan tahap pendedahan maklumat sukarela. Kajian oleh Al Otaibi (2014) pula mendapati tiada hubungan antara umur syarikat dan tahap pendedahan maklumat sukarela dalam laporan kewangan tahunan syarikat-syarikat tersenarai di Kuwait.

Berdasarkan dapatan kajian lepas yang menemui bahawa usia syarikat tidak mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan, namun dalam kajian ini menjangkakan terdapatnya hubungan yang signifikan dan positif antara usia koperasi dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi yang dikaji. Ini juga berdasarkan jangkaan bahawa usia koperasi yang lebih lama mempunyai banyak kelebihan dari segi maklumat berguna yang dimiliki berbanding dengan koperasi baru dan akan membuat lebih banyak pendedahan maklumat di dalam laporan kewangannya. Justeru, hipotesis berikut dibentuk :

H₅ : *Usia koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

H_{5a} : *Usia koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

H_{5b} : *Usia koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

4.3.1.6 Tahun Kajian

Tahun kajian merujuk kepada tahun data dipilih. Dua tahun kajian dipilih dan selang antaranya adalah selama lima tahun adalah untuk membuat perbandingan antara dua

tempoh tersebut. Perbincangan lanjut juga telah dibincangkan di seksyen 1.6 Bab 1. Sebagaimana kajian oleh (Tsang, 1998) mendapati bahawa perbezaan tempoh ini akan memberikan perubahan dalam polisi dan amalan pelaporan sesebuah syarikat. Atas pendapat ini, maka dijangkakan polisi dan amalan pelaporan sesebuah koperasi juga akan mengalami perubahan ke arah yang lebih baik dari masa lalu ke masa kini. Habib & Bhuiyan (2011) dalam kajian mereka mendapati tempoh masa yang panjang diperlukan untuk melatih kakitangan memperoleh kepakaran dalam sesuatu bidang pekerjaan. Tempoh masa juga digunakan untuk mengira kepakaran seseorang juruaudit luar (Sun & Liu, 2011).

Kajian-kajian lepas tidak banyak menjadikan pembolehubah tahun kajian sebagai faktor untuk pengujian di dalam kajian mereka. Oleh itu kajian ini menjadikan tahun kajian sebagai pembolehubah baru untuk diuji. Kajian ini akan menjadi antara kajian awal untuk meneroka pembolehubah tahun kajian sebagai pembolehubah yang memberi kesan kepada hubungan di antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar.

Berdasarkan hujah di atas, maka kajian ini menjangkakan terdapatnya hubungan yang signifikan antara pembolehubah tahun kajian dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Justeru, hipotesis berikut dibentuk :

H₆ : *Data tahun kajian terkini akan memberikan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi yang lebih baik berbanding dengan data tahun kajian terdahulu.*

H_{6a} : Data tahun kajian terkini akan memberikan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi yang lebih baik berbanding dengan data tahun kajian terdahulu.

H_{6b} : Data tahun kajian terkini akan memberikan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi yang lebih baik berbanding dengan data tahun kajian terdahulu.

4.3.2 Tadbir Urus Koperasi

4.3.2.1 Saiz Lembaga Koperasi

Saiz lembaga adalah berhubungan secara positif dan signifikan dengan pendedahan maklumat sukarela oleh syarikat-syarikat dalam senarai Fortune 500 di Amerika Syarikat (Giannarakis, 2014). Kajian oleh Htay, Ab. Rashid, Adnan, & Mydin Meera (2012) mendapati bahawa lebih besar saiz lembaga, lebih tinggi pendedahan maklumat sukarela yang dibuat oleh bank-bank yang tersenarai di bursa Malaysia di dalam laporan kewangan tahunan mereka. Kajian oleh Hidalgo, Garcia-Meca, & Martinez (2011) mendapati saiz lembaga yang ideal dan berkesan adalah sehingga maksimum 15 orang sahaja. Jika saiz lembaga lebih daripada bilangan tersebut, kesannya akan menjadi negatif dan masalah penyelarasan serta pembuatan keputusan akan wujud. Kajian-kajian lain yang mendapati hubungan saiz lembaga yang signifikan dan positif dalam kajian mereka adalah seperti kajian oleh Roshima, Zainuddin & Hasnah (2009), Rouf (2011) dan Buniamin et al. (2012).

Kajian oleh Al Otaibi (2014) pula mendapati wujudnya hubungan negatif antara saiz lembaga dengan tahap pendedahan maklumat sukarela dalam laporan tahunan

syarikat-syarikat tersenarai di Kuwait. Saiz lembaga adalah berhubungan secara negatif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela oleh syarikat-syarikat bioteknologi di Eropah (Cerbioni & Parbonetti, 2007). Kajian-kajian lain yang menemui hubungan saiz lembaga yang tidak signifikan adalah seperti kajian oleh Samaha, Dahawy, Hussainey & Pamela (2012) dan Yermack (1996).

Bagi organisasi koperasi, saiz lembaga koperasi dijangka memberi pengaruh kepada tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi kerana saiz lembaga yang lebih besar akan dapat memberikan gabungan idea dan pendapat yang lebih bernas dan menyebabkan koperasi mampu untuk menambahkan maklumat dalam laporan kewangan tahunannya. Berdasarkan hujah bahawa saiz lembaga mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi, maka hipotesis berikut dibentuk :

H₇ : *Saiz lembaga koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

H_{7a} : *Saiz lembaga koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

H_{7b} : *Saiz lembaga koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

4.3.2.2 Jantina Anggota Lembaga Koperasi

Jantina lembaga pengarah memberi impak besar dan nilai yang relevan pada struktur lembaga pengarah. Oleh itu, jantina lembaga pengarah merupakan elemen penting dalam tadbir urus organisasi. Komposisi jantina dalam lembaga pengarah juga memberi kesan positif yang berkaitan dengan keberkesanan peranan lembaga

pengarah (Adams & Ferreira, 2009). Penglibatan wanita dalam lembaga didapati mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan pengurusan pendapatan 100 syarikat yang diindeks oleh Malaysian Corporate Governance (MGC) (Buniamin et al., 2012). Kajian oleh Lee-kuen, Sok-gee & Zainudin (2017) mendapati komposisi anggota lembaga wanita yang lebih tinggi di dalam lembaga pengarah akan meningkatkan prestasi kewangan firma. (Ben-Amar et al., 2013) pula mendapati kepelbagaian jantina lembaga pengarah didapati memberi kesan sama ada positif atau neutral.

Kehadiran wanita dalam lembaga pengarah tidak memberikan keputusan yang signifikan berhubung dengan tahap pendedahan maklumat sukarela oleh syarikat-syarikat dalam senarai Fortune 500 di Amerika Syarikat (Giannarakis, 2014). Kajian oleh Abdullah & Ku Ismail (2016) juga mendapati perlantikan wanita sebagai anggota lembaga tidak dikaitkan dengan kecenderungan untuk memperoleh pengurusan perolehan yang tinggi. Namun, Gallego et al. (2010) mendapati kepelbagaian jantina dalam lembaga pengarah tidak mempengaruhi prestasi korporat syarikat.

Keputusan kajian lepas adalah berbeza-beza dan bercampur-campur. Oleh kerana pemilihan risiko dan gaya kepimpinan antara lelaki dan wanita adalah berbeza (Abdullah & Ku Ismail, 2016), maka, hipotesis berikut dibentuk :

H₈ : *Koperasi yang mempunyai anggota lembaga perempuan akan mempunyai tahap kualiti pelaporan tahunan yang lebih baik berbanding dengan koperasi yang tidak mempunyai anggota lembaga perempuan.*

H_{8a} : *Koperasi yang mempunyai anggota lembaga perempuan akan mempunyai tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan yang lebih baik berbanding dengan koperasi yang tidak mempunyai anggota lembaga perempuan.*

H_{8b} : *Koperasi yang mempunyai anggota lembaga perempuan akan mempunyai tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan yang lebih baik berbanding dengan koperasi yang tidak mempunyai anggota lembaga perempuan.*

4.3.2.3 Kelayakan Akademik Bendahari Lembaga

Latar belakang pendidikan boleh menjadi penentu penting dalam menentukan tahap kualiti pelaporan tahunan sesebuah syarikat. Apabila lembaga pengarah mempunyai kelebihan dari segi pendidikan dan pengalaman, mereka berkemungkinan mampu melaksanakan aktiviti yang berinovatif. Oleh itu, kelayakan akademik boleh menjadi sebab yang akan memberi kesan kepada nilai dan amalan pelaporan kewangan sesebuah syarikat. Selain itu, kelayakan akademik ahli lembaga pengarah menjadikan mereka berupaya untuk memantau proses pelaporan kewangan tahunan syarikat dengan lebih berkesan (Chtourou et al., 2001).

Jika lembaga pengarah terdiri daripada individu yang mempunyai latar belakang akademik dalam bidang perakaunan, mereka boleh memilih untuk mendedahkan lebih banyak maklumat dalam laporan kewangan untuk menunjukkan kebertanggungjawaban, meningkatkan imej korporat syarikat dan juga menunjukkan kredibiliti pihak pengurusan sesebuah syarikat (Ahmed & Nicholls, 1994). Manakala,

Haan & Vlahu (2012) menerangkan bahawa mempunyai lebih banyak pakar kewangan dalam lembaga pengarah boleh meningkatkan kelakuan mengambil risiko dalam operasi perniagaan.

Hasil penelitian literatur menemui banyak kajian yang mengkaji faktor kelayakan akademik pengarah dengan pelbagai jenis pembolehubah tidak bersandar. Antaranya, kajian oleh Darmadi (2013) yang mendapati kelayakan akademik lembaga pengarah syarikat adalah signifikan dengan prestasi syarikat. Kemudian, kajian oleh Christy, Matolcsy, Wright, & Wyatt (2010) pula mendapati bahawa kelayakan akademik ahli lembaga dalam bidang kewangan adalah signifikan tetapi berhubungan secara negatif. Begitu juga dengan hasil kajian oleh Buniamin et al. (2012) menunjukkan kelayakan akademik lembaga pengarah berhubungan secara negatif dan tidak mempengaruhi hubungan dengan aktiviti pengurusan pendapatan. Selain itu, kajian oleh Ku Ismail & Abdul Manaf (2016) mendapati kelayakan akademik ahli lembaga wanita adalah tidak signifikan untuk meningkatkan nilai firma. Kajian oleh Badolato, Donelson, & Ege (2014) pula mendapati ahli jawatankuasa audit yang berkelulusan perakaunan tidak berupaya mengesan penyelewengan.

Kajian oleh Haniffa & Cooke (2002) pula mendapati hubungan antara kelayakan akademik pengarah kewangan dengan pendedahan maklumat sukarela adalah tidak signifikan dan berhubungan secara negatif.

Hasil kajian-kajian lalu menemui keputusan yang berbeza-beza. Bagi sektor koperasi, kelayakan akademik bendahari adalah amat penting memandangkan bendahari

merupakan anggota lembaga yang mengawalselia urusan kewangan sesebuah koperasi dan terlibat secara langsung dalam proses penyediaan laporan tahunan koperasi tersebut. Bendahari yang mempunyai kelulusan dalam bidang perakaunan berupaya menjalankan tugasnya dengan berkesan kerana pengetahuan perakaunan berkait secara langsung dengan penyediaan laporan tahunan koperasi. Jika bendahari lembaga sendiri mempunyai pengetahuan perakaunan, beliau tidak perlu merujuk kepada pegawai akaun atau juruaudit luar untuk membantu dalam proses penyediaan laporan tahunan koperasinya. Bendahari boleh menentukan secara sendiri maklumat kewangan yang perlu dimasukkan di dalam laporan kewangan koperasinya dan secara langsung akan dapat meningkatkan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi tersebut.

Jika bendahari dengan kelayakan akademik dalam bidang perakaunan adalah dapat meningkatkan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi, maka hipotesis berikut adalah dibentuk :

H₉ : *Koperasi yang mempunyai bendahari lembaga berkelulusan perakaunan mempunyai tahap kualiti pelaporan tahunan yang lebih baik berbanding dengan koperasi yang tidak mempunyai bendahari lembaga berkelulusan perakaunan.*

H_{9a} : *Koperasi yang mempunyai bendahari lembaga berkelulusan perakaunan mempunyai tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan yang lebih baik berbanding dengan koperasi yang tidak mempunyai bendahari lembaga berkelulusan perakaunan.*

H_{9b} : *Koperasi yang mempunyai bendahari lembaga berkelulusan perakaunan mempunyai tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan yang lebih*

baik berbanding dengan koperasi yang tidak mempunyai bendahari lembaga berkelulusan perakaunan.

4.3.2.4 Profesion Bendahari Lembaga

Seorang ahli lembaga pengarah yang berkerja sebagai akauntan atau pegawai yang mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang perakaunan mungkin lebih faham bagaimana cara pelaporan kewangan tahunan dilakukan dan lebih memahami pengurusan kewangan sesebuah syarikat atau organisasi. Faktor ini dikaji dalam kajian ini dengan andaian bahawa kelayakan akademik lembaga pengarah sahaja tidak mencukupi untuk merungkaikan isu tahap pelaporan kewangan tahunan syarikat atau organisasi perniagaan. Profesion atau pengalaman lembaga pengarah juga penting untuk dikaji bersama memandangkan kedua-dua faktor kelayakan akademik dan pengalaman adalah saling berkait rapat.

Kelton & Yang (2008) menyatakan seseorang ahli lembaga pengarah perlu mempunyai kecekapan untuk mendedahkan maklumat sukarela dalam laporan kewangan. Kajian berkenaan pembolehubah profesion lembaga pengarah sebagai akauntan adalah terhad namun pengalaman lembaga pengarah di dalam ahli jawatankuasa audit dalaman lebih banyak dikaji. Oleh itu, kajian ini akan mengaplikasikan kajian lepas dengan menggunakan pembolehubah pengalaman lembaga pengarah yang dilantik sebagai ahli jawatankuasa audit dalaman sebagai pembolehubah yang setara dengan profesion bendahari lembaga koperasi.

Kajian lepas mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara profesion lembaga pengarah dengan reaksi pasaran saham (Gray & Nowland, 2013). Begitu juga kajian oleh Kelton & Yang (2008) mendapati hubungan yang signifikan antara kepakaran jawatankuasa audit dalaman dengan pendedahan maklumat sukarela laporan kewangan syarikat. Kajian oleh Defond, Hann, & Xuesong (2005) mendapati bahawa perlantikan ahli jawatankuasa audit dalaman yang mempunyai pengalaman sebagai akauntan adalah signifikan dan berhubungan secara positif dengan harga syer syarikat. Namun, kajian oleh Carcello, Hollingsworth, Klein, & Neal (2006) mendapati hubungan antara ahli jawatankuasa audit dalaman yang mempunyai pengalaman sebagai akauntan adalah signifikan tetapi berhubungan secara negatif dengan pengurusan pendapatan.

Antara kajian yang mendapati hubungan tidak signifikan antara kepakaran perakaunan/kewangan ahli lembaga pengarah dengan pelaporan sukarela adalah seperti kajian oleh Buniamin, Alrazi, Johari, & Abd Rahman (2011) yang mengkaji hubungan antara tahap pelaporan maklumat alam sekitar dengan faktor-faktor tadbir urus syarikat. Begitu juga kajian oleh Mustafa & Ben Youssef (2010) yang mengkaji hubungan antara kepakaran kewangan ahli jawatankuasa audit dengan kejadian penyelewengan aset di syarikat pemilikan awam. Keputusan analisa mendapati hubungan antara ahli jawatankuasa audit dalaman yang berkeelayakan dalam bidang perakaunan dengan penyelewengan aset adalah tidak signifikan.

Bagi sektor koperasi, profesion bendahari sebagai akauntan atau pegawai akaun menandakan seseorang bendahari tersebut mempunyai pengalaman yang cukup untuk

membantu koperasi dalam penyediaan laporan kewangan tahunannya. Kadangkala kelayakan akademik sahaja tidak mencukupi untuk menjadikan bendahari lembaga benar-benar berpengetahuan dalam proses penyediaan laporan kewangan. Jika bendahari mempunyai pengalaman yang mencukupi melalui profesion pekerjaannya, maka ini akan membantu koperasi dalam meningkatkan tahap kualiti pelaporan tahunannya. Oleh itu, pengalaman bendahari melalui profesionnya adalah penting untuk memastikan beliau mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang benar-benar utuh untuk keperluan penyediaan laporan tahunan koperasinya.

Jika profesion bendahari sebagai akauntan atau pegawai akaun dapat meningkatkan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi, maka hipotesis berikut adalah dibentuk :

H₁₀ : *Koperasi yang mempunyai bendahari lembaga yang berjawatan akauntan atau pegawai akaun mempunyai tahap kualiti pelaporan tahunan yang lebih baik berbanding dengan koperasi yang tidak mempunyai bendahari yang berjawatan akauntan atau pegawai akaun.*

H_{10a} : *Koperasi yang mempunyai bendahari lembaga yang berjawatan akauntan atau pegawai akaun mempunyai tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan yang lebih baik berbanding dengan koperasi yang tidak mempunyai bendahari yang berjawatan akauntan atau pegawai akaun.*

H_{10b} : *Koperasi yang mempunyai bendahari lembaga yang berjawatan akauntan atau pegawai akaun mempunyai tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan yang lebih baik berbanding dengan koperasi yang tidak mempunyai bendahari yang berjawatan akauntan atau pegawai akaun.*

4.3.2.5 Kelayakan Akademik Pegawai Akaun

Latar belakang akademik pegawai akaun sama pentingnya dengan lembaga pengarah kerana tanggungjawab untuk menyediakan laporan kewangan tahunan adalah merupakan tugas utama pegawai akaun sesebuah syarikat (Ahmed & Nicholls, 1994). Ahmed & Nicholls (1994) juga berpendapat bahawa akauntan profesional yang menerima pendidikan di luar negara menerima latihan dan pendedahan profesional yang lebih baik berbanding akauntan yang terlatih di institusi-institusi pengajian tempatan dan dijangka akan mendedahkan lebih banyak maklumat dalam laporan kewangan yang disediakan mereka. Begitu juga, latihan profesional dalam bidang perakaunan atau kewangan akan membantu pegawai akaun untuk lebih berpengetahuan berkaitan isu pendedahan maklumat kewangan.

Oleh itu, pegawai akaun dengan kelayakan akademik dalam bidang perakaunan berkemungkinan akan lebih berminat untuk memasukkan lebih banyak maklumat dalam laporan kewangan tahunan yang disediakan untuk menunjukkan kebertanggungjawaban dan meningkatkan imej syarikat (Haniffa & Cooke, 2002).

Kajian oleh Ahmed & Nicholls (1994) mendapati bahawa hubungan antara pembolehubah pegawai akaun dengan kelayakan akademik dalam bidang perakaunan dan pendedahan maklumat mandatori laporan kewangan adalah signifikan. Pengaruh pegawai akaun yang berkelayakan adalah signifikan dalam kajian yang dilakukan oleh Zoni & Merchant (2007) terhadap hubungannya dengan proses pembuatan keputusan korporat.

Kajian oleh Haniffa & Cooke (2002) pula mendapati, hubungan antara kelayakan akademik pegawai akaun dalam bidang perakaunan dengan pendedahan maklumat sukarela dalam laporan kewangan adalah tidak signifikan.

Bagi sektor koperasi, pegawai akaun merupakan pegawai utama yang membantu bendahari dalam mentadbir hal ehwal kewangan dan proses penyediaan laporan tahunan koperasi. Oleh itu kelayakan akademik iaitu mempunyai kelulusan diploma atau ijazah dalam bidang perakaunan merupakan kriteria utama yang diperlukan supaya pegawai akaun dapat menjalankan tugas seperti yang dikehendaki. Pegawai akaun merupakan pegawai yang layak untuk menjadi penasihat kepada bendahari lembaga jika bendahari tidak mempunyai pengetahuan perakaunan yang mencukupi. Pegawai akaun juga akan menjadi orang yang dirujuk apabila lembaga perlukan khidmat nasihat berkaitan hal-hal perakaunan dan kewangan. Pegawai akaun yang akan dilantik untuk bekerja dengan koperasi mestilah dipilih daripada calon-calon yang berkelulusan dalam bidang perakaunan supaya ganjaran yang dibayar kepadanya selaras dengan khidmat yang diterima oleh koperasi.

Jika pegawai akaun koperasi dengan kelayakan akademik dalam bidang perakaunan akan dapat meningkatkan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi, maka hipotesis berikut adalah dibentuk :

H₁₁ : *Koperasi yang mempunyai pegawai akaun berkelulusan perakaunan mempunyai tahap kualiti pelaporan tahunan yang lebih baik berbanding dengan koperasi yang tidak mempunyai pegawai akaun berkelulusan perakaunan.*

H_{11a}: *Koperasi yang mempunyai pegawai akaun berkelulusan perakaunan mempunyai tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan yang lebih baik berbanding dengan koperasi yang tidak mempunyai pegawai akaun berkelulusan perakaunan.*



H_{11b}: *Koperasi yang mempunyai pegawai akaun berkelulusan perakaunan mempunyai tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan yang lebih baik berbanding dengan koperasi yang tidak mempunyai pegawai akaun berkelulusan perakaunan.*

4.3.3 Pembolehubah Penyederhana (*Moderator*)

4.3.3.1 Kepakaran Industri

Pelaporan kewangan tahunan adalah berkait rapat dengan perkhidmatan juruaudit luar yang bertanggungjawab menjalankan tugas mengaudit laporan-laporan syarikat atau organisasi sebelum laporan tahunan teraudit diterbitkan. Juruaudit luar secara tidak langsung menjadi jurusemak terakhir laporan kewangan sebelum ianya diterima oleh lembaga pengarah dan diterbitkan untuk kegunaan pengguna-pengguna kewangannya. Oleh itu peranan juruaudit luar adalah amat penting dalam memastikan tahap kualiti laporan kewangan memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri melabur masa dan sumber kewangan (Habib & Bhuiyan, 2011) untuk melatih kakitangan agar fokus dalam industri yang khusus bagi meningkatkan kualiti audit dan pelaporan kewangan (Lim et al., 2010). Oleh itu, kakitangan audit yang bekerja dengan juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri mempunyai peluang yang tinggi untuk memperoleh kepakaran dalam industri tersebut berbanding dengan kakitangan yang bekerja dengan juruaudit luar yang tidak mempunyai kepakaran industri. Kajian oleh Moroney & Simnett (2009) mendapati juruaudit luar yang memberi perkhidmatan audit memfokus kepada industri yang kompleks mempunyai keupayaan perbandingan yang lebih besar untuk mengenal pasti risiko perniagaan, sumber maklumat dan proses pengumpulan

bukti dalam industri tersebut berbanding juruaudit luar yang memberi perkhidmatan dalam industri yang kurang kompleks.

Juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri juga mampu memberikan perkhidmatan audit berkualiti tinggi berbanding dengan juruaudit luar yang tidak mempunyai kepakaran industry (Krishnan, 2003). Juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri akan mendidik dan membantu kakitangan dengan pengetahuannya yang luas di dalam industri tertentu berkaitan dengan jenis perniagaan, operasi dan risiko klien (Bell, Peecher, & Solomon, 2005). Juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri juga dilihat tidak mudah untuk ditipu oleh pihak pengurusan (Solomon, Shields, & Whittington, 1999).

Kajian oleh Balsam, Krishnan, & Yang (2003), Krishnan (2003) dan Lim, Tan, & Cheng (2010) mendapati bahawa hubungan antara juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri dan kualiti audit adalah signifikan. Ini bermakna, juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri boleh mempengaruhi kualiti laporan kewangan tahunan yang disediakan selepas proses pengauditan dijalankan. Namun kajian oleh He (2015) pula mendapati bahawa hubungan antara juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri dan kualiti audit adalah signifikan.

Antara kajian-kajian lepas yang menunjukkan juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri berhubungan secara negatif dengan kualiti audit adalah seperti kajian oleh Habib & Bhuiyan (2011), Ali & Putri Aulia (2015). Hubungan yang negatif ini mungkin disebabkan oleh juruaudit yang mempunyai kepakaran industri

menjalankan tugas dalam tempoh yang pendek (Habib & Bhuiyan, 2011), oleh itu mengabaikan aspek kualiti yang perlu juga dititikberatkan.

Faktor juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri bukan sahaja dikaji oleh berhubungan secara terus dengan kualiti audit laporan kewangan malahan juga dianalisa sebagai faktor penyederhana (moderator) dalam kajian lepas seperti kajian oleh Lim, Tan, & Cheng (2010) yang menjadikan juruaudit luar mempunyai kepakaran industri sebagai faktor penyederhana. Lim, Tan, & Cheng (2010) dalam kajian mereka mendapati faktor juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri sebagai faktor penyederhana adalah tidak signifikan dan berhubungan secara negatif. Kepakaran industri yang dimaksudkan adalah juruaudit luar yang menjalankan kerja-kerja audit terhadap syarikat mengikut industri tertentu seperti kewangan, pengilangan, perkhidmatan, peruncitan dan lain-lain. Dalam kajian ini, sektor koperasi juga adalah sebagai satu jenis badan perniagaan yang berlainan dari segi struktur organisasinya dan penubuhannya juga adalah di bawah akta yang berlainan dengan syarikat iaitu Akta Koperasi 1993. Oleh itu, koperasi juga dianggap satu badan perniagaan khusus yang memerlukan juruaudit luar memahami organisasi koperasi sebagai sebuah badan perniagaan yang mempunyai struktur organisasi dan tadbir urus yang berbeza dengan sesebuah syarikat.

Dalam kajian ini, faktor juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri diuji sebagai faktor penyederhana selaras dengan kajian oleh Lim, Tan, & Cheng (2010) yang menjalankan kajian terhadap syarikat-syarikat dari tahun 2000 hingga 2005. Kajian berkenaan hubungan antara kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dan

tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi dipilih untuk diuji dengan memasukkan faktor penyederhana kepakaran industri memandangkan kajian di sektor koperasi masih belum ditemui. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian awal menggunakan faktor kepakaran industri sebagai pembolehubah penyederhana yang dikaji secara empirikal dalam sektor koperasi.

Keputusan analisis hubungan daripada kajian-kajian lepas antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap kualiti pelaporan tahunan adalah bercampur-campur dan tidak konsisten, oleh itu adalah dijangkakan terdapat faktor lain yang mempengaruhi hubungan antara kedua-dua pembolehubah bebas kelayakan akademik pegawai akaun dan pembolehubah bersandar tahap kualiti pelaporan tahunan. Antara kajian lepas yang mendapati wujudnya hubungan antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap kualiti pelaporan tahunan adalah Ahmed & Nicholls (1994). Zoni & Merchant (2007) pula mendapati pengaruh pegawai akaun yang berkelayakan adalah signifikan terhadap hubungannya dengan proses pembuatan keputusan korporat. Manakala kajian oleh Haniffa & Cooke (2002) pula mendapati, hubungan antara kelayakan akademik pegawai akaun dalam bidang perakaunan dengan pendedahan maklumat sukarela dalam laporan kewangan adalah tidak signifikan. Baron & Kenny (1986) mengatakan berdasarkan kepada analisis keputusan kajian yang bercampur-campur dan tidak konsisten, adalah sesuai faktor penyederhana diperkenalkan. Oleh itu, pembolehubah juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri sebagai faktor penyederhana dipilih berdasarkan kepada kajian lepas oleh Lim, Tan dan Cheng (2010). Kepakaran industri dipilih sebagai faktor penyederhana adalah kerana juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri dilihat akan menjaga reputasinya

(Lim, Tan, & Cheng, 2010) dan dapat membantu pegawai akaun untuk menyediakan laporan tahunan koperasi yang lebih berkualiti.

Kajian oleh Lim, Tan, & Cheng (2010) telah memperkenalkan pembolehubah juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri sebagai faktor penyederhana kepada hubungan antara tempoh perlantikan dan kebergantungan fi juruaudit luar, walaupun keputusan analisis adalah tidak signifikan, namun telah dapat dibuktikan bahawa pembolehubah ini sesuai dijadikan sebagai faktor penyederhana dan dikembangkan dalam penyelidikan yang lain. Oleh itu, kajian ini akan mengembangkan pembolehubah juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri sebagai faktor penyederhana kepada hubungan antara pembolehubah kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Memandangkan kajian ini merupakan antara kajian awal dalam sektor koperasi, adalah sesuai ianya diperkenalkan untuk melihat sejauhmana kesannya sama ada boleh mempengaruhi hubungan di antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar kajian. Justeru, hipotesis berikut dibentuk :

H₁₂ : *Hubungan antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi akan lebih signifikan dan positif apabila juruaudit luar mempunyai kepakaran industri.*

H_{12a} : *Hubungan antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi akan lebih signifikan dan positif apabila juruaudit luar mempunyai kepakaran industri.*

H_{12b} : *Hubungan antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi akan lebih signifikan dan positif apabila juruaudit luar mempunyai kepakaran industri.*

4.4 Kaedah Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi dan menentukan sama ada faktor ciri-ciri koperasi (saiz, nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan koperasi, usia koperasi dan tahun kajian) dan tadbir urus koperasi (saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari, profesion bendahari dan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi) mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan yang dikeluarkan oleh sampel kajian. Kajian ini juga ingin mengkaji sama ada kepakaran industri boleh menjadi faktor penyederhana bagi hubungan antara faktor kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Oleh kerana kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui tahap kualiti pelaporan tahunan yang diterbitkan oleh koperasi dan menguji faktor yang mempengaruhinya, maka kaedah data sekunder adalah sesuai digunakan seperti yang disarankan oleh Zikmund (2003). Kaedah data sekunder telah dipilih kerana ia lebih sesuai dan ekonomi, terutamanya dalam keadaan sampel yang berada dalam sempadan geografi yang berselerak. Justeru, adalah tidak ekonomi dan sesuai untuk diadakan lawatan atau temuduga secara bersemuka dengan responden yang mewakili sampel. Melalui kaedah data sekunder, laporan kewangan tahunan teraudit koperasi digunakan sebagai instrumen utama bagi mendapatkan data-data yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian. Pemilihan laporan kewangan tahunan teraudit koperasi dipilih bagi memastikan

maklumat yang diperolehi adalah sahih dan boleh dipercayai memandangkan laporan tersebut telah melalui proses pengauditan oleh juruaudit bertauliah dan telah dihantar kepada pihak SKM untuk mendapat pandangan dan komen serta telah dibentangkan dalam mesyuarat agung tahunan koperasi.

4.4.1 Analisis Kandungan

Analisis kandungan adalah kaedah penyelidikan yang paling biasa digunakan untuk menilai pendedahan maklumat sosial dan alam sekitar organisasi (Milne dan Adler, 1999). Analisis kandungan adalah teknik mengumpul data yang terdiri daripada mengkod maklumat kualitatif dalam bentuk anekdot dan rasmi (bertulis) yang terbahagi kepada beberapa kategori untuk memperoleh skala kuantitatif pelbagai peringkat (Abbot and Monsen, 1979 dalam nukilan Vourvachis, 2007). Oleh itu kajian ini akan menggunakan analisis kandungan laporan tahunan koperasi sebagai metod pengumpulan data pendedahan maklumat pelaporan tahunan, maklumat mandatori dan sukarela (maklumat tanggungjawab sosial dan alam sekitar) serta pembolehubah bebas yang akan dikaji.

4.5 Populasi dan Sampel Kajian

Unit analisis bagi kajian ini adalah organisasi koperasi. Justeru, semua koperasi yang berdaftar di bawah SKM di Malaysia adalah merupakan populasi bagi kajian ini. Mengikut laporan tahunan SKM 2014, statistik koperasi yang berdaftar di Malaysia bagi tahun berakhir 2014 adalah sebanyak 11,871 buah. Bagaimanapun, dua daripadanya adalah daripada koperasi industri perbankan iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Persatuan Berhad. Koperasi-koperasi ini adalah

dikawalselia dan tertakluk kepada peraturan khas, Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, keduanya dikeluarkan daripada senarai statistik koperasi menjadikan keseluruhan jumlah koperasi berdaftar bagi tahun 2014 adalah sebanyak 11,869 buah manakala jumlah koperasi berdaftar bagi tahun 2010 adalah sebanyak 8,144 buah koperasi selepas dua bank koperasi tersebut dikeluarkan.

Sampel kajian ini dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan (purposive sampling) dengan hanya memilih koperasi kluster besar sahaja. Oleh itu, dengan teknik persampelan bertujuan ini, maka jumlah koperasi kluster besar sebanyak 184 buah pada tahun 2014 dan 122 buah pada tahun 2010 (selepas 2 bank koperasi dikeluarkan) menjadi jumlah populasi bagi tujuan kajian ini. Koperasi kluster besar sahaja dipilih kerana koperasi kluster besar mewakili 94.6% daripada jumlah perolehan keseluruhan sektor koperasi pada tahun 2014 dan 84.5% pada tahun 2010. Maklumat terperinci mengenai bilangan populasi kajian dan perolehan bagi setiap kluster ditunjukkan dalam Jadual 4.1 (tahun 2014) dan Jadual 4.2 (tahun 2010).

Jadual 4.1

Bilangan Koperasi dan Perolehan Mengikut Kluster Bagi Tahun 2014

Kluster	Bilangan Koperasi	Perolehan	
		RM Juta	%
Koperasi Besar	186	33,074	94.6
Koperasi Sederhana	507	1,068	3.1
Koperasi Kecil	1,289	530	1.5
Koperasi Mikro	9,889	278	0.8
Jumlah	11,871	34,951	100

Sumber: SKM (2015)

Jadual 4.2

Bilangan Koperasi dan Perolehan Mengikut Kluster Bagi Tahun 2010

Kluster	Bilangan Koperasi	Perolehan	
		RM Juta	%
Koperasi Besar	124	8,059	84.5
Koperasi Sederhana	402	843	8.8
Koperasi Kecil	902	396	4.2
Koperasi Mikro	6,718	235	2.5
Jumlah	8,146	9,533	100

Sumber: SKM (2011)

Pemilihan sampel adalah penting bagi memastikan hasil kajian dapat digunakan bagi menjelaskan isu yang permasalahan kajian dan seterusnya mencapai objektif kajian (Sekaran, 2003). Roscoe (1975, dalam nukilan Sekaran, 1992) mencadangkan saiz sampel haruslah melebihi 30 tetapi kurang daripada 500 bagi kebanyakan kajian. Maka, bilangan sampel akhir bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada bilangan sampel yang disarankan oleh Roscoe (1975) iaitu sebanyak 60 sampel bagi setiap tahun 2014 dan 2010 menjadikan jumlahnya adalah 120 sampel keseluruhannya.

4.6 Pengutipan Data

Bagi mencapai objektif kajian, sumber maklumat utama bagi kajian ini adalah melalui data maklumat yang didedahkan dalam laporan tahunan teraudit koperasi. Cara mendapatkan satu set lengkap laporan tahunan teraudit koperasi yang dipilih bagi kajian ini adalah melalui permohonan rasmi melalui surat kepada pihak koperasi yang terpilih sebagai sampel kajian. Laporan tahunan teraudit koperasi yang dipohon daripada setiap koperasi yang terpilih adalah untuk tahun berakhir 2014 dan 2010. Senarai semakan akan digunakan bagi mengumpul data yang diperlukan.

4.6.1 Laporan Tahunan Teraudit Koperasi

Kajian ini menggunakan laporan tahunan teraudit koperasi yang digunakan dalam proses analisis data secara analisis kandungan. Laporan tahunan teraudit koperasi yang diperolehi adalah satu set lengkap laporan tahunan yang terdiri daripada penyata lembaran imbalan, penyata pembahagian keuntungan, penyata untung rugi, penyata perdagangan, penyata aliran tunai, nota-nota kepada akaun, laporan berkanun lembaga, laporan lembaga, sijil juruaudit, sijil pendaftar/SKM dan laporan-laporan pengurusan yang berkaitan. Sebelum laporan tahunan teraudit ini diperolehi dari setiap koperasi yang terpilih sebagai responden, satu permohonan untuk mendapatkan kebenaran memohon laporan tahunan teraudit koperasi kluster besar dihantar kepada ibu pejabat SKM di Kuala Lumpur terlebih dahulu. Setelah kebenaran daripada ibu pejabat SKM diperolehi, satu surat permohonan untuk mendapatkan senarai koperasi kluster besar mengikut negeri-negeri dihantar ke setiap SKM negeri masing-masing di seluruh Malaysia. Setelah senarai koperasi daripada setiap SKM negeri diperolehi, surat permohonan kepada semua koperasi terpilih dihantar untuk memohon satu salinan lengkap laporan tahunan teraudit koperasi untuk tahun 2014 dan 2010, disusuli dengan panggilan telefon untuk makluman penghantaran surat dan permohonan salinan laporan tahunan teraudit koperasi tersebut.

Setelah beberapa ketika menunggu laporan tahunan teraudit koperasi untuk dihantar oleh koperasi terpilih, penyelidik mengambil keputusan untuk melakukan lawatan ke koperasi-koperasi terpilih yang laporan tahunan terauditnya belum diperolehi iaitu di negeri-negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan untuk mendapatkan laporan tahunan teraudit koperasi tersebut.

Sejumlah 62 laporan tahunan untuk kedua-dua tahun 2014 dan 2010 dapat diperolehi daripada sesi lawatan ke koperasi-koperasi tersebut.

4.6.2 Soal Selidik Berstruktur

Soal selidik berstruktur digunakan untuk mengukur pembolehubah-pembolehubah yang tidak didedahkan di dalam laporan tahunan teraudit koperasi. Kaedah soal selidik ini dipilih memandangkan ianya lebih ekonomi dan lebih sesuai kerana responden adalah ramai dan berselerak seluruh Malaysia. Soalan dalam soal selidik ini dibina untuk memperolehi maklumat-maklumat yang tidak terkandung dalam laporan tahunan koperasi yang diperolehi. Soal selidik ini hanya mengandungi tiga soalan untuk memperolehi maklumat rasmi berkenaan maklumat kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi. Responden adalah terdiri daripada bendahari lembaga dan pegawai akaun koperasi-koperasi kluster besar bagi tahun 2014 dan 2010 seperti dalam seksyen 4.5. Soal selidik ini dihantar melalui pos dan selepas dihantar akan disahkan melalui telefon. Jika soal selidik tersebut tidak diterima, penghantaran melalui email dilakukan. Maklumbalas diterima melalui kedua-dua cara sama ada melalui pos dan email. Maklumbalas daripada koperasi-koperasi yang terpilih adalah kurang memuaskan. Oleh itu, satu lawatan susulan ke koperasi-koperasi dibuat seperti yang dibincangkan di seksyen 4.6.1. Sampel soal selidik ditunjukkan di Lampiran 1.

4.7 Definisi Pengoperasian dan Pengukuran Pembolehubah-Pembolehubah

Seksyen ini bertujuan menghuraikan tentang bagaimana pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas kajian ini didefinisikan dan diukur bagi menguji hipotesis-

hipotesis yang telah dibentuk. Pembolehubah bersandar kajian ini adalah tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi manakala pembolehubah bebas adalah terdiri daripada faktor ciri-ciri koperasi (saiz, nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia koperasi dan tahun kajian) dan faktor tadbir urus koperasi (saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi). Data-data kedua-dua pembolehubah ini adalah diperolehi daripada laporan tahunan teraudit sampel koperasi dan soal selidik berstruktur.

4.7.1 Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan Koperasi

Tumpuan utama kajian ini adalah berkaitan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi dalam kajian ini didefinisikan sebagai pendedahan maklumat dalam laporan tahunan teraudit koperasi yang mematuhi undang-undang koperasi, peraturan-peraturan koperasi, pekeling-pekeling SKM. Bagi sektor koperasi, undang-undang adalah merujuk kepada Akta Koperasi 1993. Manakala peraturan-peraturan koperasi adalah merujuk kepada Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan 2010. Pekeling-pekeling SKM adalah merujuk kepada Garis Panduan 23 (GP23) : Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi. Pendedahan maklumat mandatori adalah merujuk kepada maklumat kewangan dan bukan kewangan yang wajib dilaporkan dan dimasukkan dalam laporan tahunan teraudit koperasi. Manakala, pendedahan maklumat sukarela pula adalah merujuk kepada pendedahan maklumat kewangan dan bukan kewangan tanggungjawab sosial dan alam sekitar yang dilaporkan di dalam laporan tahunan teraudit koperasi.

Tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi diukur dengan mengadaptasi kaedah pengukuran oleh Coy dan Dixon (2004) dan Galani et al., (2011) yang mana masing-masing telah menjalankan kajian berkaitan tahap kualiti pelaporan tahunan universiti-universiti dan syarikat-syarikat korporat. Bagi tujuan kajian ini, tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi yang merangkumi kedua-dua jenis pendedahan iaitu pendedahan maklumat mandatori dan maklumat sukarela (tanggungjawab sosial dan alam sekitar) adalah berdasarkan kepada tahap pendedahan yang dibandingkan dengan indeks pendedahan yang dibina dan diadaptasikan oleh penyelidik. Tahap pendedahan maklumat diukur berdasarkan kepada jumlah skor yang dicapai oleh setiap sampel kajian. Semakin tinggi skor yang diperolehi, maka semakin tinggi tahap pendedahan maklumat yang dilaporkan oleh sampel berkenaan. Justeru, semakin tinggi tahap pendedahan maklumat mandatori dan maklumat sukarela yang dianalisa daripada indeks pendedahan maklumat, maka semakin tinggi tahap kualiti pelaporan tahunan sampel berkenaan.

Kaedah ukuran kualiti pendedahan maklumat yang digunakan oleh Coy dan Dixon (2004) dan Galani et al. (2011) juga menyatakan julat ukuran skor adalah antara 0% hingga 100% yang mana skor maksimum adalah 100%, manakala skor minimum adalah 0%. Skor sebenar dikira berdasarkan kepada bilangan item yang didedahkan, manakala jumlah skor maksima adalah skor keseluruhan yang dicapai setelah ditolak dengan bilangan item yang tidak berkaitan. Kemudian hasil skor dinyatakan dalam bentuk peratus untuk dibuat perbandingan antara skor yang dicapai bagi setiap sampel. Kajian ini menggunakan pendekatan dikotomi seperti yang digunakan oleh Coy dan

Dixon (2004) dan Galani et al. (2011). Item yang didedahkan dalam laporan kewangan sampel kajian akan diberi nilai 1 manakala item yang tidak didedahkan dalam laporan kewangan sampel kajian akan diberi nilai 0. Jika ada sampel kajian yang tidak mendedahkan item yang tidak berkaitan dengan sampel berkenaan maka, item tersebut tidak dikenakan penalti iaitu nilai 0. Penalti hanya diberikan kepada item yang perlu dipatuhi untuk didedahkan sahaja tetapi tidak didedahkan. Nilai “Tidak Berkenaan (TB)” diberikan kepada kegagalan mendedahkan item yang tidak berkaitan dengan laporan kewangan sampel. Seksyen berikutnya menerangkan secara terperinci proses pembentukan indeks pelaporan maklumat kewangan yang dibangunkan dalam kajian ini.

4.7.1.1 Indeks Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela

Indeks pendedahan maklumat mandatori bagi laporan kewangan koperasi dibangunkan sendiri oleh penyelidik berdasarkan kepada keperluan pendedahan maklumat yang disenaraikan oleh Akta Koperasi 1993 (Akta 502), Peraturan-Peraturan Koperasi 1995, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, Pekeliling-pekeling SKM. Rujukan yang utama berkenaan dengan pendedahan maklumat kewangan koperasi adalah Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (GP23). Maklumat pendedahan diperolehi daripada laporan kewangan tahunan teraudit koperasi.

Berdasarkan pemerhatian terhadap kajian lepas, masih belum terdapat indeks yang dibangunkan khusus bagi sektor koperasi di Malaysia. Proses pembangunan indeks bagi organisasi koperasi juga mengadaptasi proses yang pernah dilakukan oleh Coy

dan Dixon (2004) yang telah membangunkan indeks akauntabiliti awam (public accountability index) yang digunakan untuk mengukur tahap pelaporan kewangan universiti-universiti di New Zealand sebagai panduan kepada penyelidik. Di samping itu juga, penyelidik telah merujuk prosedur yang disarankan penyelidik lepas iaitu oleh Galani et al. (2011) dan Engku Ismail (2010). Namun, proses pembangunan indeks yang dirujuk oleh penyelidik hanya terhad kepada pendedahan maklumat mandatori sahaja.

Bagi indeks pendedahan maklumat sukarela pula, penyelidik mengadaptasi kajian oleh Mahadevappa et al. (2012) yang telah membangunkan indeks pendedahan maklumat tanggungjawab sosial dan alam sekitar bagi syarikat korporat. Oleh itu, indeks pendedahan maklumat sukarela yang diadaptasi tersebut digunapakai bagi tujuan kajian ini dengan menumpukan kepada sektor koperasi di Malaysia.

4.7.1.2 Proses Membangunkan Indeks Pendedahan Maklumat Mandatori Sektor Koperasi

Proses membangunkan indeks seperti yang telah disarankan oleh Coy dan Dixon (2004) adalah terdiri daripada model enam langkah iaitu, (1) Mengenal pasti objektif pelaporan bagi sektor yang dipilih; (2) Mengkaji laporan kontemporari dalam sektor yang dipilih; (3) Menentukan objektif indeks; (4) Mengenalpasti item-item yang sesuai dan ciri-ciri kualitatifnya; (5) Mendapatkan pengesahan pihak-pihak berkepentingan berkenaan item dalam indeks dan (6) Membentuk dan menguji indeks. Perbincangan bagi langkah 1 hingga 3 telah dijelaskan dalam bab-bab

sebelum ini. Manakala, bagi langkah 4 hingga 6 dibincangkan dalam seksyen-seksyen seterusnya dalam bab ini.

4.7.1.2.1 Mengenalpasti Item-Item yang Sesuai dan Ciri-Ciri Kualitatifnya

Coy dan Dixon (2004) telah mencadangkan 130 item dalam proses pembangunan indeksinya bagi membentuk indeks pendedahan sampel kajiannya. Item-item tersebut terdiri daripada keperluan pendedahan maklumat mandatori dan sukarela. Kajian Galani et al. (2011) pula telah menyenaraikan sebanyak 100 item dalam indeks pendedahannya yang mana kajiannya menumpukan kepada sektor korporat berbanding dengan kajian Akhtaruddin (2005) yang menyenaraikan 160 item. Perbezaan ketara ditemui dalam kajian Demir dan Bahadir (2014) yang menyenaraikan 215 item dalam indeks mereka. Ini menunjukkan bilangan item yang membentuk sesuatu indeks adalah berbeza bergantung kepada objektif sesuatu indeks itu dibina, jenis indeks, asas keperluan undang-undang dan jenis organisasi yang dikaji.

Bagi sektor koperasi, sumber utama yang menjadi rujukan bagi pendedahan maklumat mandatori laporan kewangannya adalah terdiri daripada Akta Koperasi 1993 (Akta 502), Peraturan-Peraturan Koperasi 1995, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (GP23). Sumber yang menjadi rujukan bagi pembangunan indeks pendedahan maklumat tanggungjawab sosial dan alam sekitar pula adalah diadaptasi daripada kajian Mahadevappa et al. (2012).

4.7.1.2.2 Mendapatkan Pengesahan Pihak-Pihak Berkepentingan Berkenaan

Item dalam Indeks

Proses kedua yang dilakukan bagi membangunkan indeks pendedahan maklumat mandatori sektor koperasi adalah peringkat mendapatkan pengesahan daripada pihak berkepentingan berkenaan item dalam indeks yang telah dikenalpasti tersebut (Coy dan Dixon, 2004). Berdasarkan kepada sumber rujukan pendedahan maklumat kewangan sektor koperasi, sebanyak 134 item telah dikenalpasti sebagai item yang perlu didedahkan oleh sektor koperasi meliputi pendedahan maklumat kewangannya. Item-item berkenaan dibahagikan kepada enam bahagian yang terdiri daripada bahagian Kandungan Laporan tahunan koperasi, Kandungan Terperinci dalam Kunci Kira-Kira (KKK), Kandungan Terperinci dalam Akaun Pembahagian Keuntungan (APK), Kandungan Terperinci dalam Akaun Untung Rugi (AUR), Kandungan Terperinci dalam Penyata Aliran Tunai (PAT) dan Kandungan Terperinci dalam Nota-nota Kepada Akaun. Senarai, bahagian dan bilangan setiap item yang dikenalpasti mengikut sumber rujukan adalah seperti di **Lampiran 2**.

Seterusnya, bagi indeks pendedahan maklumat sukarela, penyelidik merujuk kepada proses pembentukan indeks yang dicadangkan oleh Coy dan Dixon (2004) dan Mahadevappa et al. (2012) dengan penambahan dua bahagian iaitu bahagian A : Pelaporan Laporan tahunan koperasi (tambahan 17 item) dan bahagian B : Pelaporan Manfaat Anggota Koperasi (tambahan tujuh item). Tambahan item-item di dalam senarai indeks adalah untuk memasukkan item unik sektor koperasi yang tiada di dalam organisasi syarikat. Senarai terperinci indeks pelaporan maklumat sukarela ini boleh dirujuk di **Lampiran 3**.

Setelah item-item dikenalpasti, proses berikutnya adalah pengesahan item kandungan indeks pendedahan oleh pihak berkepentingan. Pihak berkepentingan yang dipilih adalah terdiri daripada panel pakar (Engku Ismail, 2010). Tujuan pengesahan adalah bagi memastikan semua item yang dikenalpasti adalah selari dengan keperluan sumber rujukan dan amalan sebenar. Panel pakar merupakan kumpulan yang berpengetahuan dan berpengalaman dengan penyediaan dan penyeliaan laporan kewangan koperasi. Panel pakar yang dipilih juga adalah terdiri daripada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan koperasi seperti badan kawal selia koperasi iaitu pihak SKM, anggota lembaga jawatankuasa audit atau pegawai audit koperasi dan pegawai kewangan koperasi. Justeru, dalam kajian ini, panel pakar terdiri daripada empat orang yang mana seorang panel adalah pegawai SKM yang pakar dalam bidang pelaporan kewangan koperasi. Seorang panel adalah daripada anggota lembaga jawatankuasa audit dalaman koperasi. Seorang panel lagi adalah daripada pegawai kewangan koperasi dan yang terakhir adalah seorang ahli akademik yang mempunyai pengetahuan berkaitan pelaporan kewangan koperasi.

Soal selidik telah diberikan kepada semua responden yang telah dipilih. Selepas maklumbalas diterima, terdapat beberapa komen diperolehi. Item 1 dan 2 di bahagian A (Kandungan Laporan tahunan koperasi), Pendedahan Maklumat Mandatori, didapati adalah item yang sama, oleh itu item 2 digugurkan daripada senarai kandungan indeks. Namun satu item yang tertinggal iaitu Laporan Berkanun Lembaga telah ditambah menjadi item nombor 1 ke dalam senarai kandungan indeks

Pendedahan Maklumat Mandatori, menjadikan jumlah item di dalam senarai tersebut tidak berubah sebanyak 134 item kesemuanya.

Item 4 dan 10 di dalam kandungan indeks pendedahan maklumat sukarela laporan kewangan koperasi adalah merupakan item-item mandatori yang telah ada di dalam senarai kandungan indeks maklumat mandatori laporan kewangan koperasi, oleh itu item-item ini telah dikeluarkan dari senarai kandungan indeks pendedahan maklumat sukarela menjadikan jumlah item-item di dalam senarai tersebut berkurang kepada 64 item semuanya.

4.7.1.2.3 Membentuk dan Menguji Indeks

Selepas panel pakar menganalisis indeks yang telah dibentuk, maka proses seterusnya adalah pembentukan dan pengujian indeks. Dalam proses ini, pengubahsuaian ke atas bilangan item juga dibuat jika terdapat maklumbalas daripada panel pakar. Indeks akhir ini mengambil kira semua pertimbangan iaitu sumber rujukan dan pendapat panel pakar. Indeks akhir ini diharap dapat digunakan sebagai panduan dalam mengukur tahap kualiti pendedahan laporan kewangan koperasi kelak.

4.7.2 Ciri-Ciri Koperasi

4.7.2.1 Saiz Koperasi

Saiz koperasi dalam kajian ini didefinisikan kepada empat kluster iaitu besar, sederhana, kecil dan mikro. Koperasi kluster besar adalah koperasi yang mempunyai jumlah jualan tahunan melebihi RM 5 juta. Koperasi kluster sederhana adalah koperasi yang mempunyai jumlah jualan tahunan di antara RM 1 juta hingga RM 5

juta. Koperasi kluster kecil pula adalah koperasi yang mempunyai jumlah jualan tahunan di antara RM 200 ribu hingga RM 1 juta. Akhir sekali, koperasi kluster mikro adalah koperasi yang mempunyai jumlah jualan tahunan di bawah RM 200 ribu. Pengkelasan saiz kluster koperasi ini adalah berdasarkan kepada pembahagian yang dinyatakan dalam Dasar Koperasi Negara 2010.

Saiz syarikat boleh diukur dengan menggunakan modal kerja dan jumlah perolehan (Akhtaruddin, 2005; Marston, 2003), modal pasaran dan jumlah perolehan (Brennan & Hourigan, 1999; KPDNKK & SKM, 2010; Street & Gray, 2002), modal pasaran (Ezat & El-Masry, 2008), jumlah aset (Mendes-da-silva & Christensen, 2004, Prabowo & Angkoso, 2006; Alsaeed, 2006; Galani et al., 2011; Demir & Bahadir, 2014; Hasan & Hosain, 2015), jumlah jualan (Yuen, Liu, Zhang, & Lu, 2009), nilai pasaran syarikat (Lobo & Zhou, 2001; Glaum & Street, 2003; Popova et al., 2013), jumlah aset dan jumlah jualan (Bozzolan, Favotto, & Ricceri, 2003; Hasan & Hosain, 2015) dan bilangan pekerja (Brennan & Hourigan, 1999; Bozzolan et al., 2003).

Berdasarkan literatur lepas, pelbagai jenis dan cara boleh digunakan bagi mengukur saiz sesebuah organisasi. Oleh itu, bagi mengukur saiz koperasi dalam kajian ini diukur berdasarkan kepada jumlah aset koperasi.

4.7.2.2 Nisbah Keuntungan Koperasi

Definisi keuntungan koperasi dalam kajian ini dioperasikan sebagai keuntungan bersih yang diperolehi daripada penyata untung rugi teraudit laporan koperasi. Manakala nisbah keuntungan koperasi adalah jumlah keuntungan bersih koperasi

dibahagikan dengan jumlah aset yang diperolehi daripada jumlah aset dalam Kunci Kira-Kira koperasi berkenaan.

Berdasarkan literatur lepas, keuntungan firma boleh diukur dengan pelbagai cara berikut; margin keuntungan (keuntungan bersih operasi atas jualan bersih) (Alsaeed, 2006), pulangan atas aset (keuntungan bersih sebelum faedah dan cukai dibahagi jumlah aset) (Prabowo & Angkoso, 2006; Oliveira et al., 2006; Yuen et al., 2009; Galani et al., 2011; Agboola & Salawu, 2012), pulangan atas ekuiti (untung bersih dibahagi jumlah ekuiti) (Ezat & El-Masry, 2008), pulangan atas modal (keuntungan sebelum cukai dibahagi dengan modal kerja) (Marston, 2003) dan pulangan atas perolehan (Owusu-ansah, 2005).

Bagaimanapun, dalam kajian ini, keuntungan koperasi diukur berdasarkan kepada jumlah keuntungan bersih yang ditunjukkan dalam penyata untung rugi teraudit koperasi. Nisbah keuntungan yang digunakan untuk diuji dalam kajian ini adalah dikira dengan menggunakan formula jumlah keuntungan bersih dibahagikan dengan jumlah aset seperti yang digunakan oleh Prabowo & Angkoso (2006); Oliveira et al. (2006); Yuen et al. (2009); Galani et al. (2011); Agboola & Salawu (2012) dalam kajian mereka.

4.7.2.3 Nisbah Leveraj Koperasi

Dalam kajian ini, leveraj koperasi dioperasikan sebagai jumlah hutang atau liabiliti yang ditanggung oleh koperasi dan sejauh mana hutang tersebut digunakan untuk manfaat koperasi. Semakin tinggi leveraj yang ditanggung, semakin tinggi risiko yang

mungkin dihadapi oleh perniagaan koperasi. Nisbah leveraj adalah jumlah hutang atau liabiliti dibahagikan dengan jumlah aset yang diperolehi daripada Kunci Kira-Kira koperasi berkenaan.

Berdasarkan literatur lepas, leveraj bagi organisasi syarikat boleh diukur dengan pelbagai cara iaitu nisbah hutang kepada jumlah aset (jumlah liabiliti dibahagikan dengan jumlah aset) (Alsaeed, 2006; Agboola & Salawu, 2012; Basuony & Mohamed, 2014), nisbah hutang kepada jumlah ekuiti (jumlah liabiliti dibahagikan dengan jumlah ekuiti) (Brennan & Hourigan, 1999; Oliveira et al., 2006; Ezat & El-Masry, 2008; Al-Mansour, 2009; Yuen et al., 2009) dan hutang jangka panjang kepada jumlah aset (Prabowo & Angkoso, 2006).

Justeru, dalam kajian ini nisbah leveraj bagi organisasi koperasi diukur berdasarkan nisbah hutang kepada jumlah aset koperasi.

4.7.2.4 Jenis Perniagaan Koperasi

Jenis perniagaan koperasi dalam kajian ini dioperasikan dengan mengikut pengkelasan yang telah ditetapkan oleh pihak SKM di mana jenis perniagaan koperasi boleh dibahagikan kepada sembilan jenis perniagaan iaitu perbankan, pinjam meminjam (kredit), pertanian, perumahan, perindustrian, pengguna, pembangunan, pengangkutan dan perkhidmatan.

Berdasarkan kajian lepas, jenis perniagaan syarikat diklasifikasikan dengan pelbagai cara. Kajian Bozzolan et al. (2003) telah membahagikan jenis perniagaan kepada

syarikat yang “berprofil tinggi” yang disenaraikan dalam pasaran baru (Nuovo Mercato) dan syarikat yang “berprofil rendah: yang tersenarai dalam segmen lain (Ordinario, Star, Mib30). Manakala, kajian oleh Owusu-ansah (1998) membahagikan jenis perniagaan kepada konglomerat, perlombongan, perkilangan, pertanian, pengangkutan, komunikasi, peruncitan dan perhotelan.

Kajian oleh Akhtaruddin (2005) pula membahagikan jenis perniagaan syarikat kepada jenis tradisional dan moden. Syarikat-syarikat jenis tradisional adalah syarikat yang beroperasi dalam industri berasaskan makanan, tekstil, jut, sintetik, kertas, simen, dan gula dan syarikat-syarikat jenis moden adalah syarikat yang beroperasi dalam industri kejuruteraan, farmaseutikal, bahan kimia, dan logam aloi. Manakala, kajian Ezat & El-Masry (2008) mengklasifikasikan jenis perniagaan kepada jenis industri yang diberi nilai skor “1” dan bukan jenis industri (jenis perkhidmatan) yang diberi nilai skor “0”. Perniagaan jenis industri adalah perniagaan yang mempunyai barangan untuk diperniagakan manakala perniagaan jenis perkhidmatan adalah perniagaan yang menawarkan perkhidmatan sebagai nilai jualannya.

Justeru, dalam kajian ini, jenis perniagaan koperasi diukur dengan mengelaskan kepada dua jenis sahaja iaitu jenis perniagaan berbentuk kredit dan bukan kredit. Jenis perniagaan kredit adalah koperasi yang aktiviti utamanya adalah memberi perkhidmatan pinjaman wang (pinjaman peribadi) kepada anggota-anggotanya. Jenis perniagaan bukan kredit adalah pertanian, perumahan, perindustrian, pengguna, pembangunan, pengangkutan dan perkhidmatan. Pembahagian jenis perniagaan kredit dan bukan kredit adalah mengikut pembahagian jenis perniagaan kepada dua iaitu

perniagaan jenis industri dan bukan industri seperti yang dilakukan oleh Ezat & El-Masry (2008) dalam kajiannya. Koperasi yang menjalankan jenis perniagaan kredit merupakan koperasi yang tertua diwujudkan sejak dari tahun undang-undang koperasi yang pertama diluluskan pada tahun 1922 lagi. Jenis perniagaan kredit merupakan jenis perniagaan tradisional dan jenis perniagaan lain adalah merupakan jenis perniagaan yang lebih moden. Oleh itu perbandingan antara jenis perniagaan koperasi moden dan tradisional adalah wajar dilakukan seperti mana kajian oleh Akhtaruddin (2005) yang mengkaji jenis perniagaan moden dan tradisional. Di samping itu juga, syarikat dalam jenis perniagaan yang sama cenderung untuk melakukan tahap pendedahan yang sama untuk mengelakkan para pelabur menafsirkan kekurangan maklumat sebagai isyarat prestasi buruk (Larran & Giner, 2002).

4.7.2.5 Usia Koperasi

Usia koperasi dalam kajian ini didefinisikan dalam tahun bermula dari tarikh pendaftaran koperasi tersebut dengan SKM (dahulunya dikenali sebagai Ketua Pendaftar, Jabatan Pembangunan Koperasi).

Berdasarkan kajian lepas, usia organisasi syarikat diukur dari tarikh pendaftaran dengan Pendaftar Syarikat (Akhtaruddin, 2005). Maka, dalam kajian ini, usia koperasi diukur dengan melihat tarikh pendaftaran koperasi tersebut dengan pendaftar koperasi (Hasan & Hosain, 2015) yang juga ada dinyatakan dalam laporan tahunan koperasi.

4.7.2.6 Tahun Kajian

Tahun kajian adalah tahun di mana data diperolehi. Dalam kajian ini, data yang dipilih adalah untuk tahun 2014 dan 2010. Data tahun 2014 di beri nilai 1 manakala data tahun 2010 diberi nilai 0. Tahun kajian 2014 dipilih disebabkan data pada tahun 2014 adalah data terkini yang tersedia semasa permulaan proses kutipan data. Tahun 2010 dipilih adalah sebagai tahun perbandingan yang jarak masa adalah lebih kurang 5 tahun. Perbandingan ini adalah untuk melihat sama ada wujud perbezaan tahap kualiti pelaporan selepas lima tahun perbezaan masa tersebut. Tahun 2014 juga adalah tahun selepas penguatkuasaan GP 23 : Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi manakala tahun 2010 adalah tahun sebelum penguatkuasaa GP 23.

4.7.3 Tadbir Urus Koperasi

4.7.3.1 Saiz Lembaga Koperasi

Saiz lembaga koperasi dalam kajian ini didefinisikan sebagai bilangan anggota lembaga dalam lembaga sesebuah koperasi. Bilangan ini merujuk kepada keperluan Seksyen 42, Akta Koperasi 1993 yang menetapkan bahawa bilangan minimum anggota lembaga adalah seramai enam orang dan bilangan maksimum adalah seramai 15 orang.

Berdasarkan kajian lepas, pengarah syarikat diukur dengan jumlah bilangan ahli-ahli lembaga pengarah yang dilantik (Buniamin et al., 2012).

4.7.3.2 Jantina Anggota Lembaga Koperasi

Dalam kajian ini, jantina anggota lembaga koperasi dioperasikan dengan melihat kepada wujudnya anggota lembaga wanita yang dilantik memegang jawatan anggota lembaga dalam lembaga koperasi.

Jantina ahli lembaga pengarah dikira mengikut kaedah perwakilan wanita dengan menggunakan pembolehubah *dummy* untuk wanita yang mewakili syarikat (iaitu, sekurang-kurangnya ada seorang wanita dalam lembaga pengarah) (Lee-kuen et al., 2017).

4.7.3.3 Kelayakan Akademik Bendahari Lembaga

Takrif kelayakan akademik adalah berbeza-beza dalam setiap kajian yang dijalankan. Kelayakan akademik bendahari lembaga dalam kajian ini didefinisikan sebagai kelulusan akademik seseorang bendahari sekurang-kurangnya diperingkat diploma dalam bidang perakaunan. Kelulusan peringkat diploma telah mencukupi dari segi pengetahuan untuk menyediakan satu set penyata kewangan koperasi.

Hasil penelitian literatur, kelayakan akademik lembaga pengarah diukur dengan mengambilkira kelulusan peringkat ijazah atau setaraf dalam bidang perakaunan yang dimiliki oleh ahli lembaga pengarah tersebut (Buniamin et al., 2012). Definisi kelayakan akademik yang dicadangkan memerlukan bendahari mempunyai pendidikan dalam bidang perakaunan. Rasional adalah bahawa bendahari dengan pengetahuan perakaunan akan memahami sistem perakaunan dengan lebih baik untuk berkomunikasi dengan berkesan kepada pengurus dan juruaudit luar (Chang & Sun, 2010).

Oleh itu dalam kajian ini, kelayakan akademik bendahari diukur dengan menyelidik kelulusan akademik bendahari lembaga sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan diperingkat diploma dalam bidang perakaunan.

4.7.3.4 Profesion Bendahari Lembaga

Dalam kajian ini, profesion bendahari lembaga dioperasikan sebagai pekerjaan sebenar (sepenuh masa) bendahari adalah sebagai pegawai akaun atau akauntan di organisasi lain. Profesion bendahari akan memberikan pengalaman kepada beliau untuk diaplikasikan dalam tugasnya sebagai bendahari koperasi. Kelulusan dan pengalaman bendahari adalah gabungan yang berkesan untuk memantau operasi kewangan koperasi dan menjadikan bendahari lebih memahami proses penyediaan laporan tahunan koperasi.

Pengalaman bendahari juga membolehkan beliau melaksanakan tugas menguruskan operasi bahagian kewangan koperasi tanpa memerlukan khidmat nasihat daripada pegawai akaun koperasi dan juruaudit luar yang berkemungkinan menjadi bias kepada pengguna-pengguna kewangan.

Ini selaras dengan definisi yang diberikan oleh Defond, Hann, & Xuesong (2005) iaitu ahli lembaga pengarah yang mempunyai pengalaman sebagai akauntan awam, juruaudit, prinsipal atau ketua pegawai kewangan, pengendali atau prinsipal atau ketua bahagian perakaunan.

4.7.3.5 Kelayakan Akademik Pegawai Akaun

Kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dalam kajian ini didefinisikan sebagai kelulusan akademik seseorang pegawai akaun koperasi sekurang-kurangnya diperingkat diploma di bidang perakaunan.

Hasil penelitian literatur, kelayakan akademik pegawai akaun diukur dengan mengambilkira latihan dan pendedahan dalam bidang perakaunan yang dimiliki oleh pegawai akaun tersebut (Haniffa & Cooke, 2002). Definisi kelayakan akademik yang dicadangkan memerlukan pegawai akaun mempunyai pendidikan akademik sekurang-kurangnya di peringkat diploma dalam bidang perakaunan. Rasionalnya adalah bahawa pegawai akaun dengan pengetahuan ilmu perakaunan akan lebih memahami dan menyedari keperluan dan kepentingan pendedahan maklumat dalam laporan kewangan koperasi mereka (Haniffa & Cooke, 2002).

Oleh itu dalam kajian ini, kelayakan akademik pegawai akaun koperasi diukur dengan meneliti kelulusan akademik pegawai akaun koperasi sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan akademik diperingkat diploma dalam bidang perakaunan.

4.7.4 Pembolehubah Penyederhana (*Moderator*)

4.7.4.1 Kepakaran Industri

Kepakaran industri dalam kajian ini didefinisikan sebagai juruaudit luar yang mempunyai lesen audit yang dikeluarkan oleh SKM sahaja dan hanya dibenarkan khusus untuk mengaudit koperasi sahaja. Juruaudit luar yang mempunyai kedua-dua

lesen audit koperasi dan syarikat adalah bukan diklasifikasikan sebagai juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri sektor koperasi.

Juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri dikenalpasti mempunyai nombor firma yang bukan bermula dengan AF. Nombor firma AF adalah singkatan nombor firma audit ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) yang bermaksud “*Audit Firm*” atau Firma Audit. Oleh itu nombor firma audit selain daripada nombor AF adalah nombor firma audit untuk juruaudit luar yang hanya mempunyai lesen khusus untuk mengaudit laporan kewangan koperasi sahaja. Senarai nama-nama firma audit ini dikumpulkan dan pengesahan dilakukan dengan menelefon setiap firma tersebut untuk pengesahan.

Hasil penelitian literatur, juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri adalah juruaudit yang mendapat latihan dan pengalaman hanya tertumpu dalam industri tertentu (Sun & Liu, 2011). Pengkhususan industri firma audit memudahkan perpindahan ilmu pengetahuan dan teknologi dari satu klien kepada klien lain dalam industri yang sama, oleh itu firma audit dapat menyediakan tahap kualiti audit yang lebih tinggi daripada bukan pakar industri (Nor Asyiqin et al., 2010). Reichelt dan Wang (2010) mendefinisikan juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri adalah juruaudit yang menguasai bahagian pasaran industri yang lebih besar.

Oleh itu dalam kajian ini, juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri diukur berdasarkan kepada juruaudit luar yang mendapat latihan dan pengalaman hanya

tertumpu dalam sektor koperasi sahaja selaras dengan definisi yang diberikan oleh Nor Asyiqin et al. (2010) dan Sun dan Liu, (2011).

4.8 Analisis Data

Data dan maklumat yang diperoleh dianalisis menggunakan tiga teknik analisis iaitu analisis deskriptif, analisis regresi multivariat dan analisis regresi multivariat hierarki yang menggunakan perisian IBM SPSS Statistics Version 22.

4.8.1 Analisis Deskriptif

Meskipun analisis deskriptif tidak digunakan secara langsung untuk menguji hipotesis, tetapi analisis ini mempunyai kepentingan yang tersendiri, terutamanya dalam menjelaskan tentang taburan setiap pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Analisis ini juga penting bagi menyokong dan menjelaskan hasil daripada analisis pelbagai pembolehubah.


4.8.2 Analisis Regresi Multivariat

Analisis regresi multivariat adalah bertujuan untuk menguji hipotesis-hipotesis yang telah dibina dan seterusnya mencapai objektif kajian yang ditetapkan. Memandangkan ukuran yang digunakan dalam kajian ini adalah data nisbah bagi pembolehubah bersandar, manakala bilangan sampel pula adalah melebihi 30 (jumlah minimum untuk membolehkan analisis regresi dilakukan), maka analisis regresi multivariat adalah sesuai dan berupaya untuk mencapai objektif kajian seperti yang disarankan oleh Hair Jr., Black, Babin dan Anderson (2010) Dalam mengoperasi analisis regresi, ujian berkaitan dengan kenormalan (*normality*), kelinearan (*linearity*),

kehomoskedastisitian (*homoskedasticity*), multikolineariti (*multicollinearity*) dan pensisih (*outliers*) ke atas data dilakukan terlebih dahulu seperti yang dicadangkan oleh Hair Jr. et al. (2010).

4.9 Rumusan

Kaedah kajian yang diaplikasikan adalah penting bagi mencapai objektif kajian yang merangkumi sumber data, kaedah persampelan, pengukuran pembolehubah-pembolehubah kajian serta analisis data. Kaedah data sekunder digunakan iaitu dengan menganalisa laporan tahunan teraudit koperasi bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi serta mengetahui maklumat berkaitan dengan faktor yang dijangka mempengaruhi tahap kualiti pelaporan kewangan sampel kajian. Maklumat yang diperolehi, dianalisa menggunakan beberapa teknik analisis untuk menjustifikasikan secara kuantitatif hipotesis kajian yang telah dibentuk dan seterusnya mencapai objektif kajian.



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB LIMA

KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini bertujuan membentangkan hasil pemeriksaan empirikal kajian bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam bab yang pertama. Perbincangan bab ini merangkumi aspek berkaitan dengan pemilihan sampel dan mengenalpasti ciri-ciri sampel, analisis data dan pengujian hipotesis. Bagi mencapai objektif pertama kajian, teknik analisis deskriptif yang menunjukkan nilai-nilai min, minimum, maksimum dan sisihan piawai akan digunakan bagi mengenalpasti tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi, kemudian teknik analisis multivariat menggunakan perisian SPSS digunakan bagi mencapai objektif kedua, ketiga, dan keempat kajian. Hasil daripada analisis ini adalah penting bagi menjustifikasikan hipotesis-hipotesis yang telah dibina dalam bab empat (Metodologi kajian) dan sebagai asas kepada perbincangan dalam bab seterusnya.

5.2 Profil Sampel

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada koperasi kluster besar disebabkan justifikasi tertentu yang telah diterangkan dalam Bab 4. Jumlah koperasi kluster besar di Malaysia adalah sebanyak 186 buah koperasi bagi tahun berakhir 2014 dan 124 buah koperasi bagi tahun berakhir 2010. Senarai nama koperasi-koperasi kluster besar diperolehi daripada setiap cawangan SKM negeri. Jadual 5.1 menunjukkan pecahan koperasi mengikut negeri dan tahun.

Jadual 5.1
Pecahan Koperasi Mengikut Negeri dan Tahun

Negeri	Jumlah Koperasi		Koperasi Besar		Peratus	
	2014	2010	2014	2010	2014	2010
Johor	1,151	789	23	17	12.37	13.71
Kedah	920	703	7	5	3.76	4.03
Kelantan	736	546	14	8	7.53	6.45
Melaka	452	276	2	1	1.08	0.81
Negeri Sembilan	648	466	4	1	2.15	0.81
Pahang	927	608	24	20	12.90	16.13
Perak	1,249	807	16	8	8.60	6.45
Perlis	175	136	3	2	1.61	1.61
Pulau Pinang	677	505	9	7	4.84	5.65
Sabah	1,150	728	9	6	4.84	4.84
Sarawak	917	685	5	3	2.69	2.42
Selangor	1,394	863	14	3	7.53	2.42
Terengganu	609	450	15	13	8.06	10.48
Wilayah Persekutuan	864	582	39	28	20.97	22.58
Ibu Pejabat	2	2	2	2	1.08	1.61
	11,871	8,146	186	124	100	100

Sumber: SKM (2015) dan SKM (2011)

Bilangan populasi adalah terdiri daripada semua koperasi di setiap negeri di Malaysia iaitu sebanyak 11,871 buah bagi tahun 2014 dan 8,146 bagi tahun 2010.

Daripada jumlah koperasi kluster besar pada tahun 2014 (186) dan 2010 (124), sebanyak 60 buah laporan tahunan teraudit daripada 60 buah koperasi telah diperolehi untuk kedua-dua tahun 2014 dan 2010. Data-data yang diperolehi daripada laporan-laporan ini telah dikeluarkan menggunakan kaedah analisis kandungan dan telah digabungkan (*pool*) menjadi jumlah 120 data keseluruhan untuk kedua-dua tahun pemerhatian 2014 dan 2010. Setelah ujian pensisih (*outliers*) dilakukan, sebanyak 22 sampel telah dikeluarkan kerana menjadi data pensisih. Baki sebanyak 98 sampel digunakan untuk ujian andaian-andaian multivariat. Kedudukan profil sampel mengikut pembolehubah bebas kajian iaitu ciri-ciri koperasi seperti saiz, nisbah

keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia dan tahun kajian ditunjukkan di

Jadual 5.2.

Jadual 5.2

Profil Sampel Pembolehubah Kajian Ciri-ciri Koperasi

Pemboleh Ubah (Ciri-ciri Koperasi)	Bilangan	Peratus
Saiz Koperasi (Jumlah Aset - RM juta)		
Melebihi 100 juta	18	18.40
50 juta - 100 juta	13	13.30
10 juta - 50 juta	22	22.40
1 juta - 10 juta	44	44.90
kurang dari 1 juta	1	1.00
Nisbah Keuntungan (Untung Bersih/Jumlah Aset)		
10% - 100%	11	11.20
kurang dari 10%	87	88.80
Nisbah Leveraj (Jumlah Liabiliti/Jumlah Aset)		
50% - 100%	10	10.20
40% - 49.9%	6	6.10
30% - 39.9%	15	15.30
20% - 29.9%	20	20.40
10% - 19.9%	27	27.60
kurang dari 10%	20	20.40
Jenis Perniagaan		
Kredit	41	41.80
Perkhidmatan	8	8.20
Pertanian	11	11.20
Pengguna	18	18.40
Pembinaan	5	5.10
Pengangkutan	13	13.30
Perumahan	2	2.00
Usia		
75 tahun - 100 tahun	5	5.10
50 tahun - 75 tahun	13	13.30
25 tahun - 50 tahun	65	66.30
1 tahun - 25 tahun	15	15.30
Tahun		
2010	48	49.00
2014	50	51.00

Jadual 5.2 menunjukkan kedudukan profil sampel kajian secara terperinci berdasarkan kepada pembolehubah bebas kajian ini iaitu saiz, nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia dan tahun kajian. Dari segi saiz (diukur berdasarkan kepada jumlah jumlah aset), sebanyak 18 buah (18.4%) sampel mempunyai jumlah aset melebihi RM100 juta manakala 13 buah (13.3%) sampel mempunyai jumlah aset antara RM50 juta hingga RM100 juta. Seterusnya, 22 buah (22.4%) sampel mempunyai jumlah aset antara RM10 juta hingga RM50 juta. Bagaimanapun majoriti sampel iaitu sebanyak 44 buah (44.9%) daripada keseluruhan sampel mempunyai jumlah aset antara RM1 juta hingga RM10 juta dan selebihnya iaitu sebanyak sebuah (1%) sahaja hanya mempunyai jumlah perolehan kurang daripada RM1 juta.

Dari segi nisbah keuntungan pula (diukur berdasarkan kepada keuntungan bersih koperasi dibahagi dengan jumlah aset), didapati hanya sebelas buah (11.2%) sampel mempunyai nisbah keuntungan antara 10% hingga 100% manakala majoriti sebanyak 87 buah (88.8%) sampel mempunyai nisbah keuntungan kurang daripada 10%.

Bagi pembolehubah nisbah leveraj (diukur berdasarkan kepada jumlah hutang koperasi dibahagi dengan jumlah aset), didapati sebanyak sepuluh buah (10.2%) sampel mempunyai nisbah leveraj di antara 50% hingga 100% manakala enam buah (6.1%) sampel mempunyai nisbah leveraj antara 40% hingga 49.9%. Sebanyak 15 buah (15.3%) sampel mempunyai nisbah leveraj antara 30% hingga 39.9% dan sebanyak 20 buah (20.4%) sampel mempunyai nisbah leveraj di antara 20% hingga 29.9% manakala majoriti sampel mempunyai nisbah leveraj yang agak rendah antara 10% hingga 19.9% iaitu sebanyak 27 buah (27.6%) sampel serta sebanyak 20 buah

(20.4%) sampel mempunyai nisbah leveraj yang paling rendah iaitu kurang daripada 10%.

Berkaitan dengan jenis perniagaan koperasi pula (diukur menggunakan klasifikasi oleh pihak SKM), sebanyak 41 buah (41.8%) sampel menjalankan perniagaan berbentuk kredit manakala selebihnya sebanyak 57 buah (58.2%) sampel menjalankan perniagaan bukan kredit. Sebanyak lapan buah (8.2%) sampel menjalankan perniagaan berbentuk perkhidmatan. Sebelas buah (11.2%) sampel menjalankan perniagaan dalam bidang pertanian manakala 18 buah (18.4%) sampel merupakan koperasi pengguna. Lima buah (5.1%) sampel menjalankan perniagaan pembinaan dan 13 buah (13.3%) sampel menjalankan perniagaan dalam bidang pengangkutan serta dua buah (2%) sampel menjalankan perniagaan di bidang perumahan.

Bagi pembolehubah usia koperasi (diukur bermula dari tarikh penubuhan sehingga ke tahun sampel kajian), sebanyak lima buah (5.1%) sampel berusia antara 75 tahun ke 100 tahun. 13 buah (13.3%) sampel adalah berusia antara 50 tahun hingga 75 tahun. Majoriti sampel adalah berusia antara 25 tahun ke 50 tahun dengan sebanyak 65 buah (66.3%) sampel. Sebanyak 15 buah (15.3%) sampel berusia antara 1 tahun ke 25 tahun.

Bagi pembolehubah tahun kajian pula, sebanyak 48 buah (49%) sampel mewakili tahun 2010 dan 50 buah (51%) sampel mewakili tahun 2014.

Kedudukan profil sampel mengikut pembolehubah bebas kajian iaitu tadbir urus koperasi yang terdiri daripada saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun ditunjukkan oleh Jadual 5.3 di bawah.

Jadual 5.3
Profil Sampel Pembolehubah Kajian Tadbir Urus Koperasi

Pemboleh Ubah	Bilangan	Peratus
Saiz Lembaga		
9 Orang	19	19.40
10 Orang	5	5.10
11 Orang	2	2.00
12 Orang	47	48.00
13 Orang	4	4.10
14 Orang	4	4.10
15 Orang	17	17.30
Jantina Anggota Lembaga (Bilangan ALK Perempuan)		
0 Orang	36	36.70
1 Orang	32	32.70
2 Orang	19	19.40
3 Orang	6	6.10
4 Orang	1	1.00
6 Orang	2	2.00
12 Orang	2	2.00
Kelayakan Akademik Bendahari		
Perakaunan	12	12.20
Bukan Perakaunan	86	87.80
Profesion Bendahari		
Akauntan/Pegawai Akaun	9	9.20
Bukan Akauntan/Pegawai Akaun	89	90.80
Kelayakan Akademik Pegawai Akaun		
Perakaunan	57	58.20
Bukan Perakaunan	41	41.80

Jadual 5.3 menunjukkan kedudukan profil sampel kajian secara terperinci berdasarkan kepada pembolehubah bebas kajian ini iaitu tadbir urus koperasi. Dari segi saiz lembaga, 19 buah (19.4%) sampel mempunyai sembilan orang anggota lembaga. Lima buah (5.1%) sampel mempunyai sepuluh orang anggota lembaga manakala

hanya dua buah (2%) sampel yang mempunyai bilangan anggota lembaga seramai sebelas orang. Majoriti sampel yang mempunyai bilangan anggota lembaga seramai 12 orang iaitu sebanyak 47 buah (48%) sampel. Bilangan sampel sebanyak empat buah (4.1%) yang mempunyai anggota lembaga seramai 13 orang, begitu juga bagi bilangan anggota seramai 14 orang anggota lembaga, sebanyak empat buah (4.1%) sampel. Baki 17 buah (17.3%) sampel lagi mempunyai bilangan anggota lembaga seramai 15 orang.

Dari segi jantina anggota lembaga pula, sebanyak 36 buah (36.7%) sampel yang tidak mempunyai seorang pun anggota lembaga perempuan. Manakala sebanyak 32 buah (32.7%) sampel mempunyai seorang anggota lembaga perempuan dan sebanyak 19 buah (19.4%) sampel mempunyai dua orang anggota lembaga perempuan. Seterusnya sebanyak enam buah (6.1%) sampel mempunyai tiga orang anggota lembaga perempuan dan sebuah (1%) sampel mempunyai empat orang anggota lembaga perempuan manakala masing-masing dua buah (2%) sampel mempunyai enam dan 12 orang anggota lembaga perempuan.

Bagi pembolehubah kelayakan akademik bendahari pula, sebanyak 12 buah (12.2%) sampel sahaja yang mempunyai bendahari berkelulusan perakaunan manakala sebanyak 86 buah (87.8%) lagi mempunyai bendahari yang tidak berkelulusan perakaunan.

Dari segi profesion bendahari, sebanyak sembilan buah (9.2%) sampel sahaja yang mempunyai bendahari yang bekerja sebagai akauntan atau pegawai akaun manakala

sebanyak 89 buah (90.8%) sampel lagi mempunyai bendahari yang bekerja bukan sebagai akauntan atau pegawai akaun.

Untuk pembolehubah kelayakan akademik pegawai akaun pula, sebanyak 57 buah (58.2%) sampel mempunyai pegawai akaun yang berkelulusan perakaunan manakala sebanyak 41 buah (41.8%) sampel lagi mempunyai pegawai akaun yang tidak berkelulusan perakaunan.

Jadual 5.4 di bawah menunjukkan profil sampel bagi pembolehubah penyederhana (*moderator*) kajian ini. Hasil analisa mendapati sebanyak 35 buah (35.7%) sampel diaudit oleh juruaudit luar yang mempunyai lesen juruaudit koperasi sahaja manakala sebanyak 63 buah (64.3%) sampel diaudit oleh juruaudit luar yang mempunyai lesen juruaudit koperasi dan syarikat.

Jadual 5.4
Profil Sampel Pembolehubah Penyederhana Kajian (Moderator)

Pembolehubah	Bilangan	Peratus
Kepakaran Industri		
Lesen Juruaudit Koperasi Sahaja	35	35.7
Lesen Juruaudit Koperasi dan Syarikat	63	64.3

5.3 Analisis Data

Kajian ini menggunakan tiga teknik analisis bagi mencapai objektif-objektif kajian, iaitu analisis deskriptif, analisis regresi multivariat dan analisis regresi multivariat hierarki.

5.3.1 Hasil Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif dijalankan bagi memperolehi keputusan taburan kedua-dua pembolehubah, iaitu pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Jadual 5.5 (a) dan 5.5 (b) menunjukkan statistik deskriptif bagi setiap pembolehubah kajian. Kerangka kerja dalam kajian ini mengandungi tiga pembolehubah bersandar, sebelas pembolehubah bebas dan satu pembolehubah penyederhana (moderator).

Dalam kajian ini, terdapat tiga jenis data digunakan iaitu data nisbah, data selang dan data dikotomi. Data nisbah yang digunakan sebagai ukuran bagi pembolehubah bersandar iaitu kualiti pelaporan kewangan (KUALITI), pendedahan maklumat mandatori (MANDATORI) dan pendedahan maklumat sukarela (SUKARELA) serta pembolehubah bebas iaitu nisbah keuntungan (NKEUNTUNGAN) dan nisbah leveraj (NLEVERAJ). Pembolehubah saiz koperasi (SAIZ), usia koperasi (USIA) dan saiz lembaga koperasi (SAIZLK) pula menggunakan ukuran data selang manakala pembolehubah jenis perniagaan (JNIAGA), jantina anggota lembaga koperasi (JANTINAALK), kelayakan akademik bendahari (KELAYAKANB), profesion bendahari (PROFESIONB), kelayakan akademik pegawai akaun (KELAYAKANPA) dan tahun kutipan data (TAHUN) adalah menggunakan ukuran data jenis dikotomi.

Kedudukan taburan setiap pembolehubah di atas mengikut nilai-nilai minimum, maksimum, min (*mean*), sisihan piawai (*standard deviation*), kepencongan (*skewness*) dan kepuncakan (*kurtosis*) mengikut kategori ukuran data seperti dalam Jadual 5.5 (a) dan 5.5 (b).

Jadual 5.5 (a)

Statistik Deskriptif Bagi Pembolehubah Yang Menggunakan Ukuran Data Nisbah dan Selanjar

Pembolehubah	Minimum	Maksimum	Min (Mean)	Sisihan Piawai	Kepencengan	Kepuncakan
KUALITI (%)	0.73	0.97	0.87	0.05	-0.92	0.75
MANDATORI (%)	0.80	0.99	0.93	0.03	-1.37	3.70
SUKARELA (%)	0.00	0.94	0.59	0.18	-0.83	0.82
SAIZ (Aset - RM)	785,158	5,067,530,000	178,188,035	663,940,911	5.63	34.69
NKEUNTUNGAN (%)	0.00	0.14	0.06	0.03	0.40	-0.29
NLEVERAJ (%)	0.03	0.66	0.24	0.15	0.74	-0.27
USIA	6.00	90.00	37.11	16.86	1.26	1.94
SAIZLK	9.00	15.00	11.94	1.94	0.01	-0.73

Jadual 5.5 (a) menunjukkan kualiti pelaporan kewangan (KUALITI), pendedahan maklumat mandatori (MANDATORI) dan pendedahan maklumat sukarela (SUKARELA) adalah merupakan data jenis nisbah. Nilai purata bagi KUALITI adalah pada kadar 87%, di mana kadar ini adalah memuaskan memandangkan terdapat kalangan sampel yang mencapai tahap kadar KUALITI yang cemerlang iaitu pada kadar 97% seperti yang ditunjukkan oleh nilai maksimum.

Bagi MANDATORI, didapati nilai purata adalah lebih baik iaitu pada kadar 93% dengan kadar maksimum adalah pada kadar yang sangat cemerlang iaitu 99% . Nilai minimum adalah pada kadar yang memuaskan iaitu 80%.

Bagi SUKARELA pula, didapati nilai purata adalah kurang memuaskan iaitu pada kadar 59%. Ini disebabkan oleh kadar minimum yang amat rendah iaitu pada kadar 0% walaupun kadar maksimum yang amat cemerlang pada kadar 94%.

Bagi saiz (SAIZ) pula, taburan statistik menunjukkan perbezaan yang ketara antara nilai minimum (RM785 ribu) dan maksimum (RM5.07 bilion) di mana nilai min adalah RM178 juta. Jurang perbezaan ini disokong oleh nilai sisihan piawai yang besar iaitu RM664 juta.

Bagi nisbah keuntungan (NKEUNTUNGAN) pula, nilai purata adalah pada kadar yang agak rendah dan kurang memuaskan iaitu 6%. Ini memandangkan kesemua sampel memperolehi nisbah keuntungan yang agak kecil iaitu kurang daripada 50% (rujuk Jadual 5.2) dan ada di antara sampel yang memperolehi kerugian dalam tahun dikaji. Majoriti sampel juga adalah dari jenis perniagaan kredit, yang mana mempunyai margin keuntungan yang kecil berbanding jenis perniagaan lain. Nilai maksimum NKEUNTUNGAN adalah pada kadar 14% iaitu kadar yang kurang memuaskan.

Bagi nisbah leveraj (NLEVERAJ), nilai purata adalah agak rendah iaitu pada kadar 24%, namun nilai maksimum adalah agak tinggi iaitu pada kadar 66% dan menunjukkan serakan yang kecil antara sampel seperti yang ditunjukkan oleh sisihan piawai sebanyak 15% dengan nilai minimum adalah pada kadar 3% sahaja. Kadar maksimum yang agak tinggi mungkin disebabkan oleh jenis perniagaan kredit yang mendapatkan pinjaman daripada syarikat kewangan lain untuk memenuhi keperluan pinjaman kepada anggota-anggotanya. Namun begitu, majoriti sampel mempunyai leveraj yang rendah iaitu kurang daripada 50% (rujuk Jadual 5.2).

Bagi pembolehubah yang menggunakan data selanjar iaitu USIA, taburan statistik yang agak ketara perbezaannya dengan nilai maksimum yang tinggi iaitu 90 tahun manakala nilai minimum enam tahun sahaja dan nilai min yang besar 37.11. Jurang perbezaan ini juga disokong oleh nilai sisihan piawai yang besar itu 16.86.

Bagi pembolehubah saiz lembaga (SAIZLK) pula, didapati nilai minimum adalah seramai 9 orang dan nilai maksimum adalah 15 orang. Nilai min adalah pada 12 orang dan nilai sisihan piawai adalah kecil iaitu 1.94 sahaja. Taburan data adalah kecil memandangkan Akta Koperasi 1991 menetapkan bilangan minimum anggota lembaga adalah enam orang dan bilangan maksimum anggota lembaga adalah seramai 15 orang sahaja.

Jadual 5.5 (b) menunjukkan kedudukan statistik deskriptif bagi pembolehubah yang menggunakan data jenis dikotomi iaitu nilai "0" atau "1" iaitu jenis perniagaan (JNIAGA), tahun data diperolehi (TAHUN), jantina anggota lembaga (JANTINAALK), kelayakan akademik bendahari (KELAYAKANB), pekerjaan bendahari (PROFESIONB), kelayakan akademik pegawai akaun (KELAYAKANPA) dan pembolehubah penyederhana kepakaran industri (KI).

Jadual 5.5 (b)
Statistik Deskriptif bagi Pembolehubah yang Menggunakan Ukuran Data Dikotomi

Pembolehubah	Kekerapan nilai "0"	Kekerapan nilai "1"
	(bilangan dan peratus)	(bilangan dan peratus)
JNIAGA	57 (58.2%)	41 (41.8%)
TAHUN	48 (49%)	50 (51%)
JANTINAALK	36 (36.7%)	62 (63.3%)
KELAYAKANB	86 (87.8%)	12 (12.2%)
PROFESIONB	89 (90.8%)	9 (9.2%)
KELAYAKANPA	41 (41.8%)	57 (58.2%)

JNIAGA adalah merujuk kepada jenis perniagaan utama yang dijalankan oleh sampel. Nilai “1” adalah merujuk kepada jenis perniagaan kredit iaitu perniagaan utama sampel yang memberi khidmat pinjaman wang kepada anggota-anggotanya. Nilai “0” adalah merujuk kepada jenis perniagaan utama sampel yang bukan berbentuk kredit iaitu seperti perkhidmatan, pertanian, pengguna, pembinaan, pengangkutan dan perumahan (rujuk Jadual 5.2). Jadual 5.5 (b) menunjukkan sebanyak 57 buah (58.2%) sampel menjalankan perniagaan bukan berbentuk kredit dan 41 buah (41.8%) sampel menjalankan perniagaan berbentuk kredit.

Bagi pembolehubah TAHUN, nilai “0” mewakili data tahun 2010 dan nilai “1” mewakili data tahun 2014. Jadual 5.5 (b) di atas menunjukkan sebanyak 48 buah (49%) adalah data dari tahun 2010 dan 50 buah (51%) sampel adalah data dari tahun 2014.

Bagi pembolehubah JANTINAALK pula, nilai “0” mewakili sampel yang mempunyai jantina lelaki sahaja dalam lembaga koperasi, manakala nilai “1” mewakili sampel lembaga koperasi yang mempunyai jantina perempuan dalam lembaga koperasi tersebut. Sebanyak 36 buah (36.7%) sampel mempunyai anggota lembaga lelaki sahaja dan sebanyak 62 buah (63.3%) sampel yang mempunyai anggota perempuan sebagai salah seorang anggota lembaga koperasi tersebut.

Bagi pembolehubah KELAYAKANB, nilai “0” adalah mewakili bendahari yang tidak mempunyai kelayakan akademik dalam bidang perakaunan manakala nilai “1” adalah mewakili bendahari yang mempunyai kelayakan akademik dalam bidang perakaunan. Sebanyak 86 buah (87.8%) sampel mempunyai bendahari bukan berkelulusan di dalam bidang perakaunan manakala sebanyak 12 buah (12.2%) sahaja yang mempunyai bendahari yang berkelulusan di dalam bidang perakaunan.

Dari segi pembolehubah PROFESIONB pula, nilai “0” adalah mewakili bendahari yang tidak bekerja sebagai akauntan atau pegawai akaun manakala nilai “1” adalah mewakili bendahari yang bekerja sebagai akauntan atau pegawai akaun. Jadual 5.5 (b) di atas menunjukkan sebanyak 89 buah (90.8%) sampel mempunyai bendahari yang tidak bekerja sebagai akauntan atau pegawai akaun manakala sebanyak 9 buah (9.2%) sampel sahaja yang mempunyai bendahari yang bekerja sebagai akauntan atau pegawai akaun.

Bagi pembolehubah KELAYAKANPA, nilai “0” adalah mewakili kelayakan akademik pegawai akaun koperasi yang bukan berkelulusan di bidang perakaunan dan nilai “1” mewakili kelayakan akademik pegawai akaun koperasi yang berkelulusan di bidang perakaunan. Sebanyak 41 buah (41.8%) sampel mempunyai pegawai akaun yang bukan berkelulusan di bidang perakaunan manakala sebanyak 57 buah (58.2%) sampel mempunyai pegawai akaun yang berkelulusan di bidang perakaunan.

Bagi pembolehubah penyederhana KI pula, nilai “0” merupakan sampel yang diaudit oleh juruaudit yang mengkhusus dalam pengauditan koperasi (juruaudit koperasi)

sahaja manakala nilai “1” adalah merupakan sampel yang diaudit oleh juruaudit yang juga mengaudit syarikat dan organisasi lain selain koperasi (juruaudit syarikat). Dari jadual 5.5 (b) di atas, sebanyak 63 buah (64.3%) sampel diaudit oleh juruaudit syarikat dan sebanyak 35 buah (35.7%) sampel diaudit oleh juruaudit syarikat.

5.3.2 Analisis Deskriptif Pembolehubah Bersandar (Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan Koperasi)

Analisis deskriptif ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu analisis secara keseluruhan, analisis mengikut seksyen dan analisis mengikut item.

5.3.2.1 Analisis Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan Koperasi Secara Keseluruhan

Secara keseluruhan, jumlah purata skor atau min (mean) skor tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi yang diperolehi oleh sampel kajian adalah pada tahap 87%, di mana skor maksimum yang diperolehi adalah 97% manakala skor minimum adalah sebanyak 73% dengan sisihan piawai adalah 0.05. Ini bermaksud hasil analisis kajian menunjukkan kadar kepatuhan oleh sampel kajian terhadap tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi adalah pada kadar 87% dan ianya berbeza antara sampel kajian.

Walau bagaimanapun keputusan analisa kajian seperti di Jadual 5.6 (a) di bawah menunjukkan sebanyak 28 buah sampel atau 28.6 peratus dari jumlah sampel mempunyai tahap kualiti pelaporan tahunan pada kadar antara 90 hingga 100 peratus manakala majoriti sampel adalah pada kadar antara 80 hingga 89.99 peratus dan bakinya adalah pada kadar antara 70 hingga 79.99 peratus. Hasil analisis kedudukan tahap kualiti pelaporan tahunan yang dicapai oleh sampel kajian menunjukkan tahap

kualiti pelaporan yang memuaskan memandangkan majoriti sampel iaitu sebanyak 88 buah (89.8%) mencapai kadar pada tahap pelaporan 80 peratus dan ke atas. Interaksi antara tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela menunjukkan bahawa pendedahan maklumat mandatori dan sukarela bukanlah unsur yang berasingan dalam menentukan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Kedua-duanya perlu dipertimbangkan apabila isu berkaitan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi dibincangkan. Dengan kata lain, koperasi yang lebih baik dalam mendedahkan item mandatori tidak selalunya juga koperasi yang mendedahkan lebih banyak maklumat sukarela.

Jadual 5.6 (a)

Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan Koperasi

Tahap Skor (%)	Bilangan Sampel	Peratus
90 - 100	28	28.6
80 - 89.99	60	61.2
70 - 79.99	10	10.2
60 - 69.99	0	0.00
50 - 59.99	0	0.00
Kurang daripada 50	0	0.00
Jumlah	98	100

Hasil analisis tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi secara keseluruhan bagi semua sampel kajian dan perbandingan antara jenis perniagaan adalah seperti di Jadual 5.6 (b).

Jadual 5.6 (b)

Statistik Deskriptif Skor Keseluruhan dan Mengikut Jenis Perniagaan bagi KUALITI Pelaporan Kewangan Koperasi Sampel Kajian

Pemboleh Ubah	Sampel (n)	Minimum	Maksimum	Min	SP
Jumlah Skor	98	0.73	0.97	0.87	0.050
Kredit	41	0.80	0.97	0.89	0.037
Perkhidmatan	8	0.74	0.91	0.83	0.058
Pertanian	11	0.82	0.93	0.88	0.036

Pengguna	18	0.73	0.89	0.84	0.056
Pembinaan	5	0.77	0.89	0.86	0.052
Pengangkutan	13	0.74	0.91	0.84	0.050
Perumahan	2	0.85	0.87	0.86	0.014

Berdasarkan Jadual 5.6 (b) di atas, didapati jenis perniagaan kredit mencatatkan nilai min skor tertinggi iaitu 89% manakala jenis perniagaan perkhidmatan mencatatkan nilai min skor yang paling rendah iaitu 83%. Jenis perniagaan pertanian mencatatkan nilai min skor 88%. Jenis perniagaan pengguna dan pengangkutan mencatatkan nilai min skor 84% masing-masing. Jenis perniagaan pembinaan dan perumahan mencatatkan nilai min skor 86% masing-masing.

Bagi tahap pendedahan maklumat MANDATORI secara keseluruhan pula, jumlah purata skor min adalah pada tahap 93% di mana skor maksimum adalah pada tahap 99% dan skor minimum adalah pada tahap 80% dengan sisihan piawai adalah 0.03. Ini menunjukkan tahap kepatuhan oleh sampel kajian terhadap pendedahan maklumat mandatori adalah pada kadar 93% sahaja dan ianya berbeza antara sampel kajian.

Walaupun bagaimanapun, keputusan analisa kajian seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.6 (c) di bawah menunjukkan sebanyak 88 buah sampel atau 89.8 peratus dari jumlah sampel mempunyai tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi adalah pada kadar antara 90 hingga 100 peratus manakala bakinya adalah pada kadar antara 80 hingga 89.99 peratus. Hasil analisis kedudukan tahap pendedahan maklumat mandatori kewangan tahunan yang dicapai oleh sampel kajian menunjukkan tahap kualiti pelaporan yang amat memuaskan memandangkan majoriti sampel iaitu

sebanyak 88 buah (89.8%) mencapai kadar pada tahap pelaporan 90 peratus dan ke atas.



Jadual 5.6 (c)

Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori Laporan Tahunan Koperasi

Tahap Skor (%)	Bilangan Sampel	Peratus
90 - 100	88	89.8
80 - 89.99	10	10.2
70 - 79.99	0	0.00
60 - 69.99	0	0.00
50 - 59.99	0	0.00
Kurang daripada 50	0	0.00
Jumlah	98	100

Kajian oleh Nor Asyiqin et al. (2010) mendapati bahawa jenis perniagaan kredit memberikan tahap kualiti pelaporan yang paling tinggi iaitu sebanyak 91.06% manakala jenis koperasi pengguna memberikan tahap kualiti pelaporan yang lebih rendah iaitu sebanyak 86.34% serta jenis perniagaan lain selain daripada kredit dan pengguna, memperolehi tahap pelaporan adalah sebanyak 87.7%. Oleh itu keputusan tahap kualiti pelaporan tahunan di dalam kajian ini adalah lebih tinggi sedikit iaitu pada kadar 93% berbanding 91% keputusan kajian oleh Nor Asyiqin et al. (2010). Hasil analisis tahap pendedahan maklumat mandatori secara keseluruhan bagi semua sampel kajian dan perbandingan antara jenis perniagaan ditunjukkan dalam Jadual 5.6 (d).

Jadual 5.6 (d)

Statistik Deskriptif Skor Keseluruhan dan Mengikut Jenis Perniagaan bagi Pendedahan Maklumat MANDATORI Pelaporan Kewangan Koperasi Sampel Kajian

Pemboleh Ubah	Sampel (n)	Minimum	Maksimum	Min	SP
Jumlah Skor	98	0.80	0.99	0.93	0.033
Kredit	41	0.88	0.99	0.94	0.025
Perkhidmatan	8	0.90	0.98	0.93	0.026
Pertanian	11	0.87	0.97	0.94	0.031
Pengguna	18	0.80	0.96	0.91	0.045
Pembinaan	5	0.86	0.95	0.92	0.039
Pengangkutan	13	0.85	0.95	0.92	0.028
Perumahan	2	0.93	0.95	0.94	0.014

Berdasarkan Jadual 5.6 (d) di atas, jenis perniagaan kredit, pertanian dan perumahan menunjukkan nilai min skor tertinggi iaitu sebanyak 94% manakala jenis perniagaan pengguna mencatatkan nilai skor paling rendah iaitu sebanyak 91%. Jenis perniagaan pengguna juga menunjukkan julat skor yang paling besar iaitu skor minimum adalah 80% dan skor maksimum adalah 96% dengan sisihan piawai 0.045.

Bagi tahap pendedahan maklumat SUKARELA pula, jumlah purata skor min menunjukkan tahap pendedahan pada kadar 59% dimana skor maksimum yang dicapai adalah 94% manakala skor minimum adalah 0% dengan sisihan piawai adalah 0.18. Hasil analisis ini adalah berbeza-beza antara sampel kajian. Walau bagaimanapun keputusan analisa kajian seperti di Jadual 5.6 (e) di bawah menunjukkan hanya sebuah sampel atau 1.0 peratus dari jumlah sampel mempunyai tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi adalah pada kadar antara 90 hingga 100 peratus. Sepuluh buah sampel atau 10.2 peratus dari jumlah sampel mencapai tahap antara 80 hingga 89.99 peratus, 16 buah sampel atau 16.3 peratus mencapai tahap 70 hingga 79.99 peratus manakala majoriti sampel sebanyak

25 buah sampel atau 25.5 peratus mencapai tahap 60 hingga 69.99 peratus sahaja dan bakinya sebanyak 46 buah atau 47 peratus hanya mencapai tahap kurang daripada 60 peratus. Hasil analisis kedudukan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi yang dicapai oleh sampel kajian menunjukkan tahap pendedahan maklumat sukarela yang amat tidak memuaskan memandangkan hanya sebelas buah (11.2%) sampel sahaja yang mencapai tahap pelaporan memuaskan iaitu pada tahap 80 peratus dan ke atas.

Jadual 5.6 (e)

Tahap Pendedahan Maklumat Sukarela Laporan Tahunan Koperasi

Tahap Skor (%)	Bilangan Sampel	Peratus
90 - 100	1	1.0
80 - 89.99	10	10.2
70 - 79.99	16	16.3
60 - 69.99	25	25.5
50 - 59.99	22	22.4
Kurang daripada 50	24	24.6
Jumlah	98	100

Hasil analisis tahap pendedahan maklumat sukarela secara keseluruhan bagi semua sampel kajian dan perbandingan antara jenis perniagaan adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 5.6 (f).

Jadual 5.6 (f)

Statistik Deskriptif Skor Keseluruhan dan Mengikut Jenis Perniagaan bagi Pendedahan Maklumat SUKARELA Pelaporan Kewangan Koperasi Sampel Kajian

Pemboleh Ubah	Sampel (n)	Minimum	Maksimum	Min	SP
Jumlah Skor	98	0.00	0.94	0.59	0.180
Kredit	41	0.12	0.94	0.66	0.159
Perkhidmatan	8	0.00	0.80	0.38	0.258
Pertanian	11	0.38	0.74	0.63	0.108
Pengguna	18	0.24	0.74	0.55	0.153
Pembinaan	5	0.43	0.67	0.60	0.100

Pengangkutan	13	0.18	0.82	0.52	0.189
Perumahan	2	0.50	0.56	0.53	0.042

Berdasarkan Jadual 5.6 (f), jenis perniagaan kredit mencatatkan nilai skor min tertinggi iaitu sebanyak 66% manakala jenis perniagaan perkhidmatan mencatatkan nilai skor min yang paling rendah. Jenis perniagaan kredit mencatatkan julat skor yang paling tinggi dengan skor maksimum sebanyak 94% dan skor minimum sebanyak 12% dengan sisihan piawai sebanyak 0.159.

Secara keseluruhan, kedudukan sepuluh carta tertinggi tahap KUALITI, tahap pendedahan maklumat MANDATORI dan tahap pendedahan maklumat SUKARELA adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 5.7 (a), 5.7 (b) dan 5.7 (c).

Jadual 5.7 (a)
Senarai Kedudukan 10 Buah Koperasi yang Memperoleh Skor Tertinggi Tahap KUALITI Pelaporan

Kedudukan	Nama Koperasi	Tahap KUALITI	Jenis Perniagaan
1	Koperasi Serbaguna Kakitangan MAS Malaysia Berhad (KSKMAS) 2014	97%	Kredit
2	Koperasi Polis Diraja Pulau Pinang Berhad (KOPOLIS) 2014	95%	Kredit
3	Koperasi Serbaguna Kakitangan MAS Malaysia Berhad (KSKMAS) 2010	94%	Kredit
4	Koperasi Niaga Pegawai-Pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang Berhad (KNBLPP) 2014	94%	Kredit
5	Koperasi Universiti Teknologi Mara Berhad (KOUITM) 2010	93%	Kredit
6	Koperasi Telekom Malaysia Berhad (KOTAMAS) 2014	93%	Kredit
7	Koperasi LKPP Pahang Berhad (KOLKPP) 2014	93%	Pertanian
8	Koperasi Universiti Teknologi Mara Berhad (KOUITM) 2014	93%	Kredit
9	Koperasi Tenaga Nasional Berhad (KOPTNB) 2010	92%	Kredit
10	Koperasi Tenaga Nasional Berhad (KOPTNB) 2014	92%	Kredit

Jadual 5.7 (b)

Senarai Kedudukan 10 Buah Koperasi yang Memperoleh Skor Tertinggi Tahap Pendedahan
Maklumat MANDATORI

Kedudukan	Nama Koperasi	Tahap KUALITI	Jenis Perniagaan
1	Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad (KOUUM) 2014	99%	Kredit
2	Koperasi Niaga Pegawai-Pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang Berhad (KNBLPP) 2014	98%	Kredit
3	Koperasi Shamelin Berhad (KOSHAMELIN) 2014	98%	Kredit
4	Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA) 2014	98%	Perkhidmatan
5	Koperasi Serbaguna Kakitangan MAS Malaysia Berhad (KSKMAS) 2014	98%	Kredit
6	Koperasi Polis Diraja Pulau Pinang Berhad (KOPOLIS) 2014	98%	Kredit
7	Koperasi Ladang Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia Berhad (KOLADANG) 2010	97%	Pertanian
8	Koperasi Shamelin Berhad (KOSHAMELIN) 2010	97%	Kredit
9	Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) 2014	97%	Pertanian
10	Koperasi LKPP Pahang Berhad (KOLKPP) 2014	97%	Pertanian

Jadual 5.7 (c)

Senarai Kedudukan 10 Buah Koperasi yang Memperoleh Skor Tertinggi Tahap Pendedahan
Maklumat SUKARELA

Kedudukan	Nama Koperasi	Tahap KUALITI	Jenis Perniagaan
1	Koperasi Serbaguna Kakitangan MAS Malaysia Berhad (KSKMAS) 2014	94%	Kredit
2	Koperasi Universiti Teknologi Mara Berhad (KOUITM) 2010	89%	Kredit
3	Koperasi Universiti Teknologi Mara Berhad (KOUITM) 2014	89%	Kredit
4	Koperasi Serbaguna Kakitangan MAS Malaysia Berhad (KSKMAS) 2010	88%	Kredit
5	Koperasi Polis Diraja Pulau Pinang Berhad (KOPOLIS) 2014	84%	Kredit
6	Koperasi Serbaguna Felda Teratai (Jengka 21) Berhad (KOJENGKA21) 2010	82%	Pengangkutan
7	Koperasi Serbaguna Felda Teratai (Jengka 21) Berhad (KOJENGKA21) 2014	82%	Pengangkutan
8	Koperasi Tenaga Nasional Berhad (KOPTNB) 2014	81%	Kredit
9	Koperasi Tenaga Nasional Berhad (KOPTNB) 2010	80%	Kredit
10	Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPFMB) 2014	80%	Perkhidmatan

Senarai keseluruhan terperinci skor tahap KUALITI, tahap pendedahan maklumat MANDATORI dan tahap pendedahan maklumat SUKARELA adalah seperti yang ditunjukkan di **Lampiran 4, 5 dan 6**.

5.3.2.2 Analisis Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori Laporan Tahunan Koperasi Mengikut Seksyen

Kedudukan tahap pendedahan maklumat mandatori mengikut seksyen (A hingga G) (Rujuk Lampiran 2) menunjukkan bahawa secara puratanya seksyen C (Kandungan Terperinci dalam Kunci Kira-Kira (KKK)) menunjukkan tahap pendedahan paling tinggi iaitu pada kadar 99.9% dengan nilai maksimum pada kadar 100% dan kadar minimum pada kadar 96% manakala seksyen G (Kandungan Terperinci di dalam Nota-nota Kepada Akaun) menunjukkan tahap pendedahan paling rendah iaitu pada kadar 73% dengan nilai maksimum pada kadar 94% dan nilai minimum adalah pada kadar 44% sahaja.

Jadual 5.8 (a) menunjukkan ada sampel yang mencapai tahap pendedahan 100% untuk seksyen A hingga F seperti yang ditunjukkan oleh nilai maksimum 100%. Hanya seksyen G (Kandungan Terperinci di dalam Nota-nota Kepada Akaun) menunjukkan tiada satu pun sampel mencapai tahap pendedahan 100%. Namun seksyen B (Kandungan Terperinci di dalam Laporan Lembaga dan Laporan Berkanun Lembaga), seksyen D (Kandungan Terperinci di dalam Akaun Pembahagian Keuntungan (APK)) dan seksyen F (Kandungan Terperinci di dalam Penyata Aliran

Tunai (PAT)) menunjukkan ada sampel yang tidak membuat pendedahan langsung di dalam laporan kewangan tahunannya dengan nilai minimum menunjukkan nilai 0%.

Kedudukan statistik deskriptif tahap pematuhan ke atas pendedahan maklumat mandatori bagi semua sampel mengikut seksyen secara terperinci dan jumlah purata ditunjukkan pada Jadual 5.8 (a).

Jadual 5.8 (a)

Statistik Deskriptif Jumlah Skor dan Skor Mengikut Seksyen Tahap Pendedahan Maklumat MANDATORI

Pemboleh Ubah	Sampel (n)	Minimum	Maksimum	Min	SP
Jumlah Skor	98	0.80	0.99	0.93	0.03
Seksyen A (Kandungan Laporan tahunan koperasi)	98	0.56	1.00	0.95	0.07
Seksyen B (Kandungan Terperinci di dalam Laporan Lembaga dan Laporan Berkanun Lembaga)	98	0.00	1.00	0.95	0.15
Seksyen C (Kandungan Terperinci di dalam Kunci Kira-Kira (KKK))	98	0.96	1.00	0.999	0.01
Seksyen D (Kandungan Terperinci di dalam Akaun Pembahagian Keuntungan (APK))	98	0.00	1.00	0.98	0.14
Seksyen E (Kandungan Terperinci di dalam Akaun Untung Rugi (AUR))	98	0.75	1.00	0.98	0.04
Seksyen F (Kandungan Terperinci di dalam Penyata Aliran Tunai (PAT))	98	0.00	1.00	0.88	0.21
Seksyen G (Kandungan Terperinci di dalam Nota-nota Kepada Akaun)	98	0.44	0.94	0.73	0.11

5.3.2.3 Analisis Tahap Pendedahan Maklumat Sukarela Laporan Tahunan Koperasi Mengikut Seksyen

Kedudukan tahap pendedahan maklumat sukarela mengikut seksyen (A hingga H) (Rujuk Lampiran 3) menunjukkan bahawa secara puratanya seksyen A (Pelaporan Laporan tahunan koperasi) menunjukkan tahap pendedahan paling tinggi iaitu pada

kadar 58% dengan nilai maksimum pada kadar 94% dan kadar minimum pada kadar 0% manakala seksyen E (Laporan Keselamatan dan Kualiti Produk), F (Laporan Perlindungan Pihak-pihak berkepentingan), G (Laporan Perlindungan Alam Sekitar) dan H (Laporan Penjimatan Tenaga) menunjukkan tahap pendedahan paling rendah iaitu pada kadar 0%.

Berdasarkan Jadual 5.8 (b), didapati ada sampel yang mencapai tahap pendedahan 100% untuk seksyen B (Pelaporan Manfaat Anggota Koperasi), C (Laporan Pembangunan Masyarakat) dan D (Laporan Kebajikan Pekerja) seperti yang ditunjukkan oleh nilai maksimum 100%. Seksyen E (Laporan Keselamatan dan Kualiti Produk), F (Laporan Perlindungan Pihak-pihak berkepentingan), G (Laporan Perlindungan Alam Sekitar) dan H (Laporan Penjimatan Tenaga) menunjukkan tiada satu pun sampel membuat pendedahan maklumat sukarela dengan kedua-dua nilai minimum dan maksimum pada kadar 0%.

Kedudukan statistik deskriptif tahap pendedahan maklumat sukarela bagi semua sampel mengikut seksyen secara terperinci dan jumlah purata ditunjukkan pada Jadual 5.8 (b).

Jadual 5.8 (b)

Statistik Deskriptif Jumlah Skor dan Skor Mengikut Seksyen Tahap Pendedahan Maklumat SUKARELA

Pemboleh Ubah	Sampel (n)	Minimum	Maksimum	Min	SP
Jumlah Skor	98	0.00	0.94	0.59	0.18
Seksyen A (Pelaporan Laporan tahunan koperasi)	98	0.00	0.94	0.58	0.18
Seksyen B (Pelaporan Manfaat Anggota Koperasi)	98	0.00	1.00	0.52	0.49
Seksyen C (Laporan Pembangunan Masyarakat)	98	0.00	1.00	0.06	0.24
Seksyen D (Laporan Kebajikan Pekerja)	98	0.00	1.00	0.09	0.25
Seksyen E (Laporan Keselamatan dan Kualiti Produk)	98	0.00	0.00	0.00	0.00
Seksyen F (Laporan Perlindungan Pihak Berkepentingan)	98	0.00	0.00	0.00	0.00
Seksyen G (Laporan Perlindungan Alam Sekitar)	98	0.00	0.00	0.00	0.00
Seksyen H (Laporan Penjimatan Tenaga)	98	0.00	0.00	0.00	0.00

5.3.2.4 Analisis Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori Laporan Tahunan Koperasi Mengikut Item

Hasil analisis terhadap tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi mengikut item menunjukkan sebanyak 84 item atau 62.8% daripada 134 item yang disenaraikan di dalam indeks telah mencapai skor 100% iaitu semua sampel telah mendedahkan maklumat berkenaan di dalam laporan kewangan koperasi mereka. Daripada 84 item yang memperoleh skor 100%, 5 item atau 6% adalah daripada item-item yang terkandung di dalam seksyen A (Kandungan Laporan tahunan koperasi), 58 item atau 69% adalah terdiri daripada item-item yang tersenarai di dalam seksyen C (Kandungan Terperinci di dalam Kunci Kira-Kira (KKK), 11 item atau 13% adalah item-item yang tersenarai di dalam seksyen D (Kandungan

Terperinci di dalam Akaun Pembahagian Keuntungan (APK)), 6 item atau 7% adalah item-item yang ada di dalam seksyen E (Kandungan Terperinci di dalam Akaun Untung Rugi (AUR)) dan 4 item atau 4.8% adalah item-item yang ada di dalam seksyen G (Kandungan Terperinci di dalam Nota-nota Kepada Akaun).

Hasil analisis juga menunjukkan 33 item atau 24.6% memperoleh skor antara 90% - 99% manakala 7 item atau 5% hanya mendapat skor kurang daripada 50%. Ini bermakna sebanyak 7 item yang tersenarai di dalam indeks tahap pendedahan maklumat mandatori telah tidak didedahkan oleh sampel di dalam laporan tahunan koperasi. Secara ringkas kedudukan tahap pendedahan maklumat mandatori bagi setiap item adalah seperti di Jadual 5.9 (a) dibawah manakala kedudukan tahap pendedahan maklumat mandatori bagi setiap item secara terperinci adalah seperti di Lampiran 5.

Jadual 5.9 (a)
Tahap Pendedahan Maklumat MANDATORI Laporan Kewangan Tahunan Mengikut Item

Tahap Skor (%)	Bilangan Item	Peratus
100	84	62.80
90 - 99	33	24.60
80 - 89	2	1.50
70 - 79	2	1.50
60 - 69	3	2.20
50 - 59	3	2.20
40 - 49	0	0.00
30 - 39	1	0.70
20 - 29	4	3.00
Kurang daripada 20	2	1.50
Jumlah	134	100.00

5.3.2.5 Analisis Tahap Pendedahan Maklumat Sukarela Laporan Tahunan Koperasi Mengikut Item

Hasil analisis terhadap tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi mengikut item menunjukkan sebanyak 5 item atau 7.8% daripada jumlah 64 item yang disenaraikan di dalam indeks telah mencapai skor 100% iaitu semua sampel mendedahkan maklumat berkenaan di dalam laporan kewangan koperasi mereka. Daripada 5 item yang mendapat skor 100%, 1 item atau 20% adalah terdiri daripada item-item yang terkandung di dalam seksyen B (Pelaporan Manfaat Anggota Koperasi), 3 item atau 60% adalah terdiri daripada item-item yang tersenarai di dalam seksyen C (Laporan Pembangunan Masyarakat) dan 1 item atau 20% adalah item-item yang terkandung di dalam seksyen D (Laporan Kebajikan Pekerja).

Hasil analisis juga menunjukkan 3 item atau 4.7% memperoleh skor antara 90% hingga 99% manakala sebanyak 40 item atau 62.5% hanya mendapat skor kurang daripada 50%. Secara ringkas skor tahap pendedahan maklumat sukarela bagi setiap item adalah seperti di Jadual 5.9 (b) dibawah manakala skor tahap pendedahan maklumat sukarela bagi setiap item secara terperinci adalah seperti di Lampiran 6.

Jadual 5.9 (b)

Tahap Pendedahan Maklumat SUKARELA Laporan Kewangan Tahunan Mengikut Item

Tahap Skor (%)	Bilangan Item	Peratus
100	5	7.80
90 - 99	3	4.70
80 - 89	7	10.90
70 - 79	2	3.10
60 - 69	6	9.40
50 - 59	1	1.60
40 - 49	1	1.60
30 - 39	1	1.60
20 - 29	2	3.10
Kurang daripada 20	36	56.20
Jumlah	64	100.00

5.3.3 Ujian Analisis Regresi Multivariat

Sebelum analisis regresi multivariat dijalankan, ujian ke atas data perlu dilakukan terlebih dahulu bagi memastikan semua data memenuhi keperluan seperti yang ditetapkan dalam analisis multivariat. Ujian-ujian tersebut adalah ujian berkaitan dengan kenormalan (*normality*), kelinearan (*linearity*), kehomosedastisitian (*homoscedasticity*), multikolineariti (*multicollinearity*) dan pensisih (*outliers*). Semua andaian ini diperiksa dan dipastikan memenuhi keperluan yang telah ditetapkan.

5.3.3.1 Ujian Kenormalan (*Normality*)

Ujian kenormalan adalah untuk memastikan data adalah normal. Kenormalan data adalah amat penting untuk mengesahkan ujian hipotesis. Ujian kenormalan ke atas data telah dilakukan secara individu bagi setiap pembolehubah kajian dan secara keseluruhan (Hair Jr. et al., 2010).

Kajian ini menggunakan analisis kepencongan dan kepuncakan untuk menentukan kenormalan data (Kline, 2015). Kepencongan adalah kecondongan taburan data berbanding dengan taburan normal manakala kepuncakan adalah kerataan atau keruncingan puncak taburan data berbanding dengan taburan normal (Hair Jr. et al., 2010). Kline (2015) mencadangkan bahawa untuk memeriksa kenormalan data, ukuran kepencongan adalah tidak lebih daripada ± 3.00 dan kepuncakan adalah tidak lebih daripada ± 10.00 . Jadual 5.10 menunjukkan hasil analisis ujian kenormalan untuk pembolehubah-pembolehubah yang diuji dalam kajian ini.

Jadual 5.10

Hasil Analisis Ujian Kenormalan (N = 98)

Pembolehubah	Sebelum Transformasi Log		Selepas Transformasi Log		Nama Baru Pembolehubah
	Kepencongan	Kepuncakan	Kepencongan	Kepuncakan	
Kualiti	-0.923	0.753			Kualiti
Mandatori	-1.368	3.696			Mandatori
Sukarela	-0.831	0.819			Sukarela
Saiz	5.633	34.694	0.669	0.08	LgSaiz
NKeuntungan	0.396	-0.294			NKeuntungan
NLeveraj	0.736	-0.273			NLeveraj
JNiaga	0.336	-1.927			JNiaga
Usia	1.264	1.940			Usia
Tahun	-0.041	-2.040			Tahun
SaizLK	0.010	-0.733			SaizLK
JantinaALK	-0.559	-1.723			JantinaALK
KelayakanB	2.339	3.545			KelayakanB
ProfesionB	2.871	6.371			ProfesionB
KelayakanPA	-0.336	-1.927			KelayakanPA
KI	0.606	-1.668			KI

Berdasarkan Jadual 5.10 di atas, di lajur “Sebelum Transformasi Log”, pembolehubah SAIZ menunjukkan ukuran tidak normal di mana nilai kepencongan melebihi ± 3.00 dan nilai kepuncakan melebihi ± 10.00 . Hair Jr., Black, Babin, & Anderson (2010) mencadangkan, dalam situasi data tidak normal, penyelidik boleh menjalankan teknik

transformasi untuk membetulkan situasi data tidak normal. Hair Jr., Black, Babin, & Anderson (2010) juga mencadangkan beberapa teknik transformasi boleh dilakukan seperti “square root, log, inverse, arcsine dan box-cox”. Walau bagaimanapun, kepencongan yang ditunjukkan adalah positif maka tiga teknik transformasi sesuai digunakan iaitu “log, inverse dan square root”. Oleh itu teknik log telah dipilih dalam kajian ini untuk dijalankan. Hasil analisis seperti di lajur “Selepas Transformasi Log” menunjukkan nilai kepencongan 0.669 dan kepuncakan 0.08. Lajur terakhir di dalam Jadual 5.10 menunjukkan nama baru bagi pembolehubah SAIZ.

Keputusan analisis selepas transformasi log yang telah dijalankan menunjukkan ukuran kepencongan adalah di antara ± 3.00 dan kepuncakan adalah di antara ± 10.00 . Oleh itu, semua data kajian telah memenuhi ujian kenormalan.

5.3.3.2 Ujian Kelinearan (*Linearity*)

Ujian kelinearan dalam kajian ini adalah menggunakan ujian *partial plot* untuk menentukan sama ada semua data adalah linear. Hasil daripada ujian berkenaan menunjukkan bahawa semua data adalah bebas daripada masalah ketidaklinearan. Rujuk Lampiran 7 untuk hasil ujian kelinearan menggunakan kaedah *partial plot*.

5.3.3.3 Ujian Kehomoskedastisitian (*Homoscedasticity*)

Kehomoskedastisitian adalah residual bagi skor pembolehubah bersandar yang diramalkan adalah sama atau konstan dengan skor pembolehubah-pembolehubah peramal (Pallant, 2001). Bagi menguji data kajian adalah bebas daripada masalah *heteroscedasticity*, ujian graf menggunakan kaedah plot Scatter (*Scatter plot*) (Pallant,

2001) dan ujian White (Gujarati, 2003) boleh dilakukan. Kajian ini menggunakan perisian GRETL (Mutalib, 2014) untuk menjalankan ujian White. Hasil ujian White menunjukkan bahawa semua data adalah bebas dari masalah *heteroscedasticity* apabila nilai $P > 0.05$ iaitu nilai $P = 0.592$ (KUALITI), 0.993 (MANDATORI) dan 0.285 (SUKARELA).

5.3.3.4 Ujian Multikolineariti (*Multicollinearity*)

Masalah multikolineariti adalah wujudnya korelasi yang tinggi antara pembolehubah-pembolehubah bebas dan akan memberi kesan kepada kedudukan koefisien sesuatu pembolehubah. Analisis korelasi Pearson dijalankan untuk melihat korelasi di antara pembolehubah-pembolehubah bebas kajian. Nilai korelasi Pearson, *tolerance* dan VIF digunakan untuk menguji andaian ini. Jadual 5.11 memaparkan hasil analisis ujian korelasi Pearson.

Berdasarkan hasil analisis di Jadual 5.11, pembolehubah-pembolehubah bebas dan penyederhana kajian ini memiliki nilai korelasi Pearson yang kurang daripada 0.80. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat masalah multikolineariti yang serius pada pembolehubah-pembolehubah bebas dan perantara kajian ini berdasarkan nilai tersebut (Hair Jr. et al., 2010). Nilai *tolerance* bagi setiap pembolehubah bebas dan penyederhana kajian ini adalah tidak kurang dari 0.10 dan nilai VIF pula adalah tidak lebih dari 10 (Gujarati, 2003). Justeru, tidak terdapat masalah multikolineariti yang serius pada pembolehubah-pembolehubah bebas dan penyederhana kajian ini berdasarkan kedua-dua nilai tersebut. Berdasarkan ketiga-tiga nilai korelasi Pearson, *tolerance* dan VIF, dapatlah disimpulkan bahawa data kajian ini tidak mengalami

masalah multikolariti (Hair Jr. et al., 2010). Jadual 5.12 memaparkan nilai *tolerance* dan VIF.



Jadual 5.11

Hasil Analisis Korelasi Pearson Antara Pemboleh Ubah Bebas dan Penyederhana (N=98)

Pembolehubah	LgSaiz	NKeuntungan	NLeveraj	Jniaga	Usia	Tahun	SaizLK	JantinaALK	KelayakanB	ProfesionB	KelayakanPA	KI
LgSaiz	1											
Signifikan												
NKeuntungan	0.028	1										
Signifikan	0.785											
NLeveraj	-.220*	0.009	1									
Signifikan	0.030	0.931										
JNiaga	.501**	-.211*	-0.144	1								
Signifikan	0.000	0.037	0.156									
Usia	.333**	-0.157	-.270**	.395**	1							
Signifikan	0.001	0.123	0.007	0.000								
Tahun	0.086	-0.041	-0.017	0.003	0.003	1						
Signifikan	0.398	0.688	0.869	0.974	0.974							
SaizLK	.227*	0.124	-0.001	-0.144	-0.144	-0.178	1					
Signifikan	0.025	0.225	0.989	0.156	0.156	0.079						
JantinaALK	0.088	0.127	0.196	0.003	0.003	-0.039	0.1850	1				
Signifikan	0.391	0.212	0.054	0.980	0.980	0.702	0.0680					
KelayakanB	0.154	-0.161	-.211*	0.125	0.125	-0.040	0.0550	-0.004	1			
Signifikan	0.129	0.114	0.037	0.220	0.220	0.698	0.5930	0.967				
ProfesionB	0.174	-0.094	-0.109	.303**	.303**	-0.074	0.1000	-0.191	0.096	1		
Signifikan	0.087	0.360	0.284	0.002	0.002	0.470	0.3300	0.059	0.348			
KelayakanPA	.520**	-.283**	-0.178	.342**	.342**	0.075	0.0380	0.123	-0.046	0.064	1	
Signifikan	0.000	0.005	0.079	0.001	0.001	0.464	0.7100	0.227	0.656	0.529		
KI	-.297**	0.010	0.012	-0.157	-0.157	0.083	0.1340	-0.120	0.082	-.213*	-0.163	1
Signifikan	0.003	0.924	0.907	0.122	0.122	0.419	0.1890	0.240	0.422	0.035	0.108	

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual 5.12

Hasil Analisis Nilai Tolerance dan VIF (N=98)

Pemboleh Ubah	Statistik Kolineariti					
	Kualiti		Mandatori		Sukarela	
	Tolerance	VIF	Tolerance	VIF	Tolerance	VIF
Saiz	0.429	2.333	0.429	2.333	0.429	2.333
NKeuntungan	0.735	1.361	0.735	1.361	0.735	1.361
NLeveraj	0.773	1.293	0.773	1.293	0.773	1.293
JNiaga	0.533	1.876	0.533	1.876	0.533	1.876
Usia	0.585	1.708	0.585	1.708	0.585	1.708
Tahun	0.874	1.144	0.874	1.144	0.874	1.144
SaizLK	0.742	1.349	0.742	1.349	0.742	1.349
JantinaALK	0.822	1.216	0.822	1.216	0.822	1.216
KelayakanB	0.352	2.841	0.352	2.841	0.352	2.841
ProfesionB	0.329	3.039	0.329	3.039	0.329	3.039
KelayakanPA	0.571	1.750	0.571	1.750	0.571	1.750
KI	0.791	1.265	0.791	1.265	0.791	1.265

5.3.3.5 Ujian Pensisih (*Outliers*)

Kajian ini menggunakan kaedah Boxplot (Pallant, 2001) untuk mengesan masalah pensisih bagi setiap pembolehubah dan menentukan sama ada data adalah bebas daripada masalah pensisih ini. Pensisih adalah data yang sangat berbeza daripada data lain pada satu atau lebih pembolehubah (Hair Jr. et al., 2010). Pensisih adalah kes dengan nilai yang melampau pada satu pembolehubah atau kombinasi yang pelik dari skor pada dua atau lebih pembolehubah yang mengganggu statistik (Tabachnick & Fidell, 2007). Cortina (2002) mencadangkan agar data yang mempunyai pensisih dikeluarkan daripada analisis untuk membantu menyokong hipotesis kajian. Hasil analisis menggunakan kaedah Boxplot menunjukkan 22 data mempunyai masalah pensisih. Kesemua 22 data ini dikeluarkan dan baki data yang tinggal adalah 98. Jumlah ini adalah mencukupi untuk analisis seterusnya. Maklumat lanjut ujian boxplot boleh dirujuk di Lampiran 8.

5.4 Pengujian Hipotesis

Secara keseluruhannya, 36 hubungan hipotesis telah diuji dalam kajian ini. Analisis regresi multivariat dan analisis regresi multivariat hierarki dijalankan bagi menguji hipotesis yang telah dibina setelah melepasi syarat semua andaian-andaian multivariat. Dalam kajian ini, 36 hipotesis telah dibangunkan bagi menjawab persoalan kajian yang dinyatakan dalam Bab 1. Senarai hipotesis-hipotesis kajian yang telah dibangunkan ditunjukkan dalam Jadual 5.13.

Jadual 5.13

Senarai Hipotesis-Hipotesis Kajian Yang Dicadangkan

H ₁	:	Saiz koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan kualiti pelaporan tahunan koperasi
H _{1a}	:	Saiz koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi
H _{1b}	:	Saiz koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi
H ₂	:	Nisbah keuntungan koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan kualiti pelaporan tahunan koperasi
H _{2a}	:	Nisbah keuntungan koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi
H _{2b}	:	Nisbah keuntungan koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi
H ₃	:	Nisbah leveraj koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan kualiti pelaporan tahunan koperasi
H _{3a}	:	Nisbah leveraj koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.
H _{3b}	:	Nisbah leveraj koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi
H ₄	:	Jenis perniagaan koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan kualiti pelaporan tahunan koperasi
H _{4a}	:	Jenis perniagaan koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi
H _{4b}	:	Jenis perniagaan koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi
H ₅	:	Usia koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan kualiti pelaporan tahunan koperasi

H _{5a}	:	Usia koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi
H _{5b}	:	Usia koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi
H ₆	:	Tahun data dipilih mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan kualiti pelaporan tahunan koperasi
H _{6a}	:	Tahun data dipilih mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi
H _{6b}	:	Tahun data dipilih mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi
H ₇	:	Saiz lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan kualiti pelaporan tahunan koperasi
H _{7a}	:	Saiz lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi
H _{7b}	:	Saiz lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi
H ₈	:	Jantina anggota lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan kualiti pelaporan tahunan koperasi
H _{8a}	:	Jantina anggota lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan mandatori laporan tahunan koperasi
H _{8b}	:	Jantina anggota lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan sukarela laporan tahunan koperasi
H ₉	:	Kelayakan akademik bendahari lembaga mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan kualiti pelaporan tahunan koperasi
H _{9a}	:	Kelayakan akademik bendahari lembaga mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi
H _{9b}	:	Kelayakan akademik bendahari lembaga mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi
H ₁₀	:	Profesion bendahari lembaga mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan kualiti pelaporan tahunan koperasi
H _{10a}	:	Profesion bendahari lembaga mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi
H _{10b}	:	Profesion bendahari lembaga mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi
H ₁₁	:	Kelayakan akademik pegawai akaun mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan kualiti pelaporan tahunan koperasi
H _{11a}	:	Kelayakan akademik pegawai akaun mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi
H _{11b}	:	Kelayakan akademik pegawai akaun mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi

- H₁₂ : Hubungan di antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi akan lebih signifikan dan positif apabila juruaudit luar mempunyai kepakaran industri
- H_{12a} : Hubungan di antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi akan lebih signifikan dan positif apabila juruaudit luar mempunyai kepakaran industry
- H_{12b} : Hubungan di antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi akan lebih signifikan dan positif apabila juruaudit luar mempunyai kepakaran industry
-

Subseksyen ini membincangkan hasil analisis terhadap semua hipotesis kajian berdasarkan hasil keputusan analisis regresi multivariat dan analisis regresi multivariat hierarki.

Teori agensi menyatakan bahawa kos agensi wujud disebabkan oleh perjanjian kontrak antara pemilik (pemegang saham) dan agen (pengurus) sesebuah syarikat atau organisasi (Jensen & Meckling, 1976). Justeru, kajian ini mengaplikasikan teori agensi dengan andaian bahawa jika pendedahan maklumat lebih banyak dibuat oleh pengurus, maka kos agensi ini dapat dikurangkan. Teori agensi mengandaikan juga bahawa faktor ciri-ciri koperasi dan tadbir urus koperasi dijangka mempunyai hubungan dengan tahap kualiti pelaporan, pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Faktor-faktor ciri-ciri koperasi ini diuji dan dianalisis dalam kajian ini dan hubungan antara setiap pembolehubah bebas dan penyederhana dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi dijelaskan dalam seksyen berikutnya. Faktor-faktor ciri-ciri koperasi yang dikaji adalah seperti saiz, nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, umur dan tahun kutipan data kajian manakala faktor-faktor tadbir urus koperasi adalah seperti saiz lembaga, jantina

anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi.

5.4.1 Hasil Analisis Regresi Multivariat

Jadual 5.14 (a), (b) dan (c) menunjukkan hasil analisis regresi multivariat dan ringkasan model bagi tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi serta hubungannya dengan ciri-ciri koperasi dan tadbir urus koperasi.

Jadual 5.14 (a)
Keputusan Analisis Regresi Multivariat (KUALITI)

Pembolehubah	Jangkaan Hubungan	B	t-statistik	Nilai P
Malar			16.407	0.000
(H ₁) Saiz	+	0.219	1.806	0.074*
(H ₂) NKeuntungan	+	0.221	2.348	0.021**
(H ₃) NLeveraj	+	-0.006	-0.069	0.946
(H ₄) JNiaga	+	0.262	2.377	0.020**
(H ₅) Usia	+	0.011	0.102	0.919
(H ₆) Tahun	+	0.338	3.940	0.000**
(H ₇) SaizLK	+	-0.108	-1.148	0.254
(H ₈) JantinaALK	+	-0.158	-1.796	0.076
(H ₉) KelayakanB	+	0.143	1.070	0.288
(H ₁₀) ProfesionB	+	0.021	0.149	0.882
(H ₁₁) KelayakanPA	+	0.154	1.460	0.148

Ringkasan Model :

R² 0.440

R² Terlaras 0.368

Statistik-F 6.139

F Signifikan 0.000

Sampel 98

** signifikan pada tahap 0.05, 2 hujung

* signifikan pada tahap 0.10, 2 hujung

Jadual 5.14 (a) di atas menunjukkan hasil ujian regresi multivariat. Model regresi yang diuji adalah signifikan pada nilai R² = 0.440, R² terlaras = 0.368, F = 6.139 dan

signifikan = 0.000. Merujuk kepada nilai R^2 , didapati bahawa 11 pembolehubah bebas dalam model tersebut dapat menerangkan 44 peratus variasi dalam tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa dua pembolehubah bebas mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi pada tahap $p < 0.05$ iaitu nisbah keuntungan dan jenis perniagaan dengan nilai beta 0.221 dan 0.262 masing-masing manakala pembolehubah bebas tahun kajian mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi pada tahap $p < 0.01$ dengan nilai beta 0.338. Hasil keputusan ujian juga mendapati terdapat satu pembolehubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi pada tahap $p < 0.10$ iaitu saiz koperasi dengan nilai beta 0.219. Pembolehubah bebas lain iaitu nisbah leveraj, usia koperasi, saiz lembaga koperasi, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari, profesion bendahari dan kelayakan akademik pegawai akaun menunjukkan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Walaupun, perbandingan dengan model kajian lalu tidak dapat dilakukan memandangkan kajian seperti ini terutamanya dalam sektor koperasi adalah amat terhad.

Bagi tujuan pengesahan model, iaitu untuk melihat sama ada model yang diperolehi daripada analisis regresi multivariat ini sama ada dapat menggambarkan sejauhmana garisan lurus model tersebut menggambarkan data sebenar, maka analisis penyesuaian atau *goodness-of-fit* (GOF) boleh dilakukan (Field, 2009). Cara yang biasa digunakan

ialah dengan melihat nilai statistik F dalam keputusan analisis regresi. Field (2009) menyatakan bahawa model yang baik ialah model yang mempunyai statistik F yang lebih besar daripada 1. Berdasarkan analisis regresi yang diperolehi dalam Jadual 5.14 (a), statistik F ialah 6.139 dan ianya adalah signifikan. Oleh itu, dapat dibuat kesimpulan bahawa model ini mempunyai bukti yang cukup untuk menggambarkan populasi sebenar.

Jadual 5.14 (b) menunjukkan hasil analisis regresi multivariat dan ringkasan model bagi tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi serta hubungannya dengan ciri-ciri koperasi dan tadbir urus koperasi.

Jadual 5.14 (b)
Keputusan Analisis Regresi Multivariat (MANDATORI)

Pembolehubah	Jangkaan Hubungan	B	t-statistik	Nilai P
Malar			27.239	0.000
(H _{1a}) Saiz	+	0.112	0.880	0.381
(H _{2a}) NKeuntungan	+	0.245	2.484	0.015**
(H _{3a}) NLeveraj	+	0.107	1.117	0.267
(H _{4a}) JNiaga	+	0.246	2.122	0.037**
(H _{5a}) Usia	+	0.082	0.741	0.461
(H _{6a}) Tahun	+	0.435	4.833	0.000***
(H _{7a}) SaizLK	+	-0.089	-0.900	0.371
(H _{8a}) JantinaALK	+	-0.076	-0.823	0.413
(H _{9a}) KelayakanB	+	0.340	2.412	0.018**
(H _{10a}) ProfesionB	+	-0.216	-1.463	0.147
(H _{11a}) KelayakanPA	+	0.104	0.939	0.350

Ringkasan Model :

R ²	0.381
R ² Terlaras	0.302
Statistik-F	4.813
F Signifikan	0.000
Sampel	98

*** signifikan pada tahap 0.01, 2 hujung

** signifikan pada tahap 0.05, 2 hujung

Jadual 5.14 (b) juga menunjukkan hasil ujian regresi multivariat. Model regresi yang diuji adalah signifikan pada nilai $R^2 = 0.381$, R^2 terlaras = 0.302, $F = 4.813$ dan signifikan = 0.000. Merujuk kepada nilai R^2 , didapati bahawa 11 pemboleh ubah bebas dalam model tersebut dapat menerangkan 38.1 peratus variasi dalam tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa tiga pembolehubah bebas mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi pada tahap $p < 0.05$ iaitu nisbah keuntungan, jenis perniagaan dan kelayakan akademik bendahari dengan nilai beta 0.245, 0.246 dan 0.340 masing-masing manakala pembolehubah tahun kajian mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi pada tahap $p < 0.01$ dengan nilai beta 0.435.

Pembolehubah bebas lain iaitu saiz koperasi, nisbah leveraj, usia koperasi, saiz lembaga koperasi, jantina anggota lembaga, profesion bendahari dan kelayakan akademik pegawai akaun menunjukkan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Bagi tujuan pengesahan model, iaitu untuk melihat sama ada model yang diperolehi daripada analisis regresi multivariat ini dapat menggambarkan menggambarkan data sebenar, maka analisis penyesuaian atau *goodness-of-fit* (GOF) boleh dilakukan (Field, 2009). Cara yang biasa digunakan ialah dengan melihat nilai statistik F dalam keputusan analisis regresi. Field (2009) menyatakan bahawa model yang baik ialah model yang mempunyai statistik F yang lebih besar daripada 1. Berdasarkan analisis

regresi yang diperolehi dalam Jadual 5.14 (b), statistik F ialah 4.813 dan ianya adalah signifikan. Oleh itu, dapat dibuat kesimpulan bahawa model ini mempunyai bukti yang cukup untuk menggambarkan populasi sebenar.

Walaupun bagaimanapun, perbandingan dengan model kajian lalu tidak dapat dilakukan memandangkan kajian seperti ini dalam sektor koperasi adalah amat terhad.

Jadual 5.14 (c) menunjukkan hasil analisis regresi multivariat dan ringkasan model bagi tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi serta hubungannya dengan ciri-ciri koperasi dan tadbir urus koperasi.

Jadual 5.14 (c)
Keputusan Analisis Regresi Multivariat (SUKARELA)

Pembolehubah	Jangkaan Hubungan	B	t-statistik	Nilai P
Malar			1.422	0.159
(H _{1b}) Saiz	+	0.273	2.074	0.041**
(H _{2b}) NKeuntungan	+	0.095	0.933	0.353
(H _{3b}) NLeveraj	+	-0.126	-1.275	0.206
(H _{4b}) JNiaga	+	0.134	1.119	0.266
(H _{5b}) Usia	+	-0.059	-0.521	0.604
(H _{6b}) Tahun	+	0.170	1.829	0.071*
(H _{7b}) SaizLK	+	-0.084	-0.825	0.412
(H _{8b}) JantinaALK	+	-0.215	-2.249	0.027
(H _{9b}) KelayakanB	+	-0.012	-0.085	0.932
(H _{10b}) ProfesionB	+	0.188	1.235	0.220
(H _{11b}) KelayakanPA	+	0.110	0.960	0.340

Ringkasan Model :

R ²	0.341
R ² Terlaras	0.257
Statistik-F	4.048
F Signifikan	0.000
Sampel	98

** signifikan pada tahap 0.05, 2 hujung

* signifikan pada tahap 0.10, 2 hujung

Jadual 5.14 (c) juga menunjukkan hasil ujian regresi multivariat. Model regresi yang diuji adalah signifikan pada nilai $R^2 = 0.341$, R^2 terlaras = 0.257, $F = 4.048$ dan signifikan = 0.000. Merujuk kepada nilai R^2 , didapati bahawa 11 pemboleh ubah bebas dalam model tersebut dapat menerangkan 34.1 peratus variasi dalam tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa pembolehubah bebas saiz koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi pada tahap $p < 0.05$ dengan nilai beta 0.273 manakala pembolehubah bebas tahun kajian mempunyai hubungan yang signifikan dan berkadaran positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi pada tahap $p < 0.10$ dengan nilai beta 0.170.

Pembolehubah bebas lain iaitu nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia koperasi, saiz lembaga koperasi, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari, profesion bendahari dan kelayakan akademik pegawai akaun menunjukkan hubungan yang tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Bagi tujuan pengesahan model, iaitu untuk melihat sama ada model yang diperolehi daripada analisis regresi multivariat ini dapat menggambarkan menggambarkan data sebenar, maka analisis penyesuaian atau *goodness-of-fit* (GOF) boleh dilakukan (Field, 2009). Cara yang biasa digunakan ialah dengan melihat nilai statistik F dalam keputusan analisis regresi. Field (2009) menyatakan bahawa model yang baik ialah model yang mempunyai statistik F yang lebih besar daripada 1. Berdasarkan analisis

regresi yang diperolehi dalam Jadual 5.14 (c), statistik F ialah 4.048 dan ianya adalah signifikan. Oleh itu, dapat dibuat kesimpulan bahawa model ini mempunyai bukti yang cukup untuk menggambarkan populasi sebenar. Walaubagaimanapun, perbandingan dengan model kajian lalu tidak dapat dilakukan memandangkan kajian seperti ini terutamanya dalam sektor koperasi adalah amat terhad.

5.4.1.1 Hubungan Saiz Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi

Seksyen ini membincangkan hasil analisis kajian berkaitan hubungan di antara saiz koperasi dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti di bawah.

Hipotesis 1 : *Saiz koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 1a : *Saiz koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 1b : *Saiz koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

Kajian ini menjangkakan saiz sesebuah koperasi mempunyai hubungan dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis alternatif kajian ini mengandaikan bahawa saiz sesebuah koperasi mempunyai hubungan yang positif dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi (H_1 , H_{1a} ,

H₁b). Ini bermakna sesebuah koperasi yang mempunyai saiz yang lebih besar adalah dijangka mempunyai tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan yang lebih tinggi berbanding dengan koperasi yang mempunyai saiz yang lebih kecil.

Keputusan analisis bagi pembolehubah saiz ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (a) yang mempunyai hubungan positif dan signifikan pada aras keyakinan 90% dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.219, nilai t = 1.806 dan nilai p = 0.074. Oleh itu keputusan ini menyokong hipotesis H₁ yang dibentuk pada aras $p < 0.10$. Ini bermakna setiap peningkatan dalam unit saiz koperasi akan meningkatkan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Kajian ini mempunyai keputusan yang kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor saiz dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Pembolehubah saiz dalam kajian ini diukur berdasarkan kepada jumlah aset dan ia dihipotesiskan sebagai mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Berdasarkan keputusan analisis kajian yang diperolehi ini, terdapat bukti empirikal yang menyokong hipotesis 1 yang dibentuk di mana pembolehubah saiz mempunyai hubungan yang positif dan signifikan pada aras keyakinan $p < 0.10$ dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia.

Keputusan analisis bagi pembolehubah saiz ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (b) mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.112, nilai t = 0.880 dan nilai p = 0.381. Oleh itu keputusan ini tidak

menyokong hipotesis H_{1a} yang dibentuk. Ini bermakna kajian ini tidak mempunyai bukti untuk menjelaskan hubungan antara faktor saiz dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (c) mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi pada aras keyakinan 95%. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.273, nilai $t = 2.074$ dan nilai $p = 0.041$. Oleh itu keputusan ini menyokong hipotesis H_{1b} yang dibentuk pada aras $p < 0.05$. Hubungan yang positif bermaksud setiap peningkatan dalam unit saiz akan meningkatkan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Oleh itu keputusan ini menyokong hipotesis yang dibentuk. Ini bermakna kajian ini mempunyai keputusan yang cukup kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor saiz dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Keputusan daripada kajian ini adalah sama seperti kajian terdahulu (Al-Shammari et al., 2008; Al Otaibi, 2014; Basuony & Mohamed, 2014; Galani et al., 2011; Gao & Kling, 2012; Hassan et al., 2006) yang mendapati bahawa saiz syarikat mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan. Hassan et al., (2006) juga menerangkan sebab hubungan yang positif antara saiz dan tahap kualiti pelaporan tahunan adalah disebabkan organisasi bersaiz besar lebih cenderung mempunyai sumber yang cukup bagi menampung kos menghasilkan maklumat laporan tahunannya untuk kegunaan pelbagai jenis pengguna. Hasil analisis ini juga selari dengan teori agensi dan kajian terdahulu (Alsaeed, 2006; Watts & Zimmerman, 1983) yang mengatakan untuk

mengurangkan kos agensi dan ketidakseimbangan maklumat (*information asymmetry*) yang wujud, syarikat bersaiz besar perlu melaporkan lebih maklumat berbanding syarikat bersaiz kecil.

Namun, hasil kajian ini adalah berbeza dengan keputusan kajian yang terdahulu seperti yang dilaporkan oleh Street & Bryant (2000), Glaum & Street (2003), Akhtaruddin (2005), Al-Moataz & Hussainey (2012) dan Popova et al. (2013) yang mendapati saiz tidak mempunyai pengaruh yang signifikan dengan tahap kualiti penyata kewangan.

Bagi hubungan saiz dengan tahap pendedahan maklumat sukarela pula, keputusan daripada kajian ini adalah sama seperti kajian terdahulu Ahmet & Serife (2007), Al Otaibi (2014), Basuony & Mohamed (2014), Hassan et al. (2006) yang mendapati bahawa saiz syarikat mempengaruhi tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan.

Namun, hasil kajian ini adalah berbeza dengan keputusan kajian yang terdahulu seperti yang dilaporkan oleh Bozzolan, Favotto & Ricceri (2003) dan Al-Moataz & Hussainey (2012) yang mendapati saiz tidak mempunyai pengaruh yang signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan.

Bagi hubungan saiz dengan tahap pendedahan maklumat mandatori pula, keputusan kajian ini adalah berbeza dengan tahap kualiti pelaporan dan tahap pendedahan maklumat sukarela yang mana keputusan analisis adalah tidak signifikan.

Penemuan ini menunjukkan bahawa semakin besar saiz sesebuah koperasi (yang diwakili oleh jumlah aset) semakin tinggi tahap kualiti pelaporan dan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunannya. Keputusan ini juga menjelaskan bahawa jumlah aset yang tinggi mendorong koperasi untuk meningkatkan tahap kualiti pelaporan dan tahap pendedahan maklumat sukarela disebabkan koperasi mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membiayai kos penerbitan laporan tahunan dengan maklumat tambahan dan dapat membayar kakitangan yang berpengetahuan serta berpengalaman dalam bidang perakaunan yang seterusnya membantu koperasi untuk meningkatkan tahap kualiti pelaporan dan tahap pendedahan maklumat sukarela di dalam laporan tahunannya. Seterusnya ini membuktikan bahawa saiz koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dalam pembuatan keputusan berkaitan dengan tahap kualiti pelaporan dan tahap pendedahan maklumat sukarela di dalam laporan tahunan koperasi di Malaysia.

Bagi tahap pendedahan maklumat mandatori pula, pihak koperasi hanya memenuhi keperluan minimum standard dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berwajib sahaja tanpa memasukkan maklumat tambahan kerana format keperluan pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan adalah standard dan tetap.

5.4.1.2 Hubungan Nisbah Keuntungan Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi

Seksyen ini membincangkan hasil analisis kajian berkaitan hubungan di antara nisbah keuntungan koperasi dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti di bawah :

Hipotesis 2 : *Nisbah keuntungan koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 2a : *Nisbah keuntungan koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 2b : *Nisbah keuntungan koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

Dari segi faktor nisbah keuntungan (NKeuntungan) pula, kajian ini menjangkakan nisbah keuntungan koperasi mempunyai hubungan dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis alternatif kajian ini mengandaikan bahawa nisbah keuntungan sesebuah koperasi mempunyai hubungan yang positif dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi (H_2 , H_{2a} , H_{2b}). Ini bermakna sesebuah koperasi yang mempunyai nisbah keuntungan yang lebih tinggi adalah dijangka mempunyai tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan

maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan yang lebih baik berbanding dengan koperasi yang mempunyai nisbah keuntungan yang lebih rendah.

Keputusan analisis bagi pembolehubah nisbah keuntungan ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (a) mempunyai hubungan positif dan signifikan pada aras keyakinan 95% dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.221, nilai $t = 2.348$ dan nilai $p = 0.021$. Oleh itu keputusan ini menyokong hipotesis H_2 yang dibentuk pada aras $p < 0.05$. Ini bermakna setiap peningkatan dalam unit nisbah keuntungan akan meningkatkan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Kajian ini mempunyai keputusan yang mencukupi untuk menjelaskan hubungan antara faktor nisbah keuntungan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Keputusan kajian menunjukkan bahawa semakin tinggi nisbah keuntungan semakin tinggi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Dalam erti kata yang lain, koperasi yang mempunyai nisbah keuntungan yang tinggi akan melaporkan lebih maklumat kewangan berbanding dengan koperasi yang mempunyai nisbah keuntungan yang rendah.

Keputusan analisis bagi pembolehubah nisbah keuntungan ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (b) mempunyai hubungan positif dan signifikan pada aras keyakinan 95% dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.245, nilai $t = 2.484$ dan nilai $p = 0.015$. Oleh itu keputusan ini menyokong hipotesis H_{2a} yang dibentuk pada aras $p < 0.05$. Ini bermakna setiap peningkatan dalam unit nisbah keuntungan akan meningkatkan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Kajian ini mempunyai keputusan yang mencukupi untuk menjelaskan hubungan

antara faktor nisbah keuntungan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah nisbah keuntungan ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (c) mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.095, nilai t = 0.933 dan nilai p = 0.353. Oleh itu keputusan ini tidak menyokong hipotesis H_{2b} yang dibentuk. Kajian ini mempunyai bukti untuk menjelaskan hubungan antara faktor nisbah keuntungan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis kajian ini adalah selaras dengan kajian oleh Prabowo & Angkoso (2006) dan Yu (2011) yang mendapati wujud hubungan antara keuntungan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan. Begitu juga kajian oleh Owusu-ansah (1998), Karim & Ahmed (2005) dan Hossain (2008) yang mendapati wujud hubungan antara keuntungan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunannya. Namun terdapat juga hasil keputusan kajian lepas yang mendapati tidak wujud hubungan antara keuntungan dengan tahap kualiti pelaporan dan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan kewangan seperti kajian oleh Akhtaruddin (2005), Oliveira et al. (2006), Alsaeed (2006), Al-Mansour (2009), Popova et al. (2013), Akhtaruddin (2005), Al Otaibi (2014) dan Hasan & Hosain (2015).

Bagi hubungan antara nisbah keuntungan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela, keputusan analisis kajian ini adalah selaras dengan kajian oleh Giannarakis (2014), Al Otaibi (2014), Hasan & Hosain (2015) dan Mohd Noor Azli (2010) yang

mendapati tidak wujud hubungan antara keuntungan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan. Namun terdapat juga hasil keputusan kajian lepas yang mendapati wujud hubungan antara keuntungan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan seperti kajian oleh Hassan, Giorgioni & Romilly (2006) dan (Mahadevappa et al., 2012).

Keputusan ini juga menjelaskan bahawa pulangan atas aset yang tinggi mendorong syarikat untuk meningkatkan tahap kualiti pelaporan dan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Dalam erti kata yang lain, koperasi yang mempunyai nisbah keuntungan yang tinggi akan melaporkan lebih maklumat mandatori berbanding dengan koperasi yang mempunyai nisbah keuntungan yang rendah.

Keputusan analisis kajian ini adalah selari dengan teori isyarat yang mengandaikan bahawa syarikat yang mempunyai berita baik (prestasi kewangan yang baik) akan cenderung untuk melaporkan lebih banyak maklumat dan sebagai isyarat kepada pasaran tentang prestasi baik syarikat mereka. Hasil keputusan kajian ini juga seiring dengan andaian teori agensi bahawa nisbah keuntungan yang tinggi mendorong pihak pengurusan untuk melaporkan lebih banyak maklumat sebagai satu cara yang boleh menunjukkan kecekapan mereka menguruskan syarikat. Koperasi yang mempunyai nisbah keuntungan yang tinggi adalah berkemampuan dari segi sumber kewangan yang membolehkan mereka membiayai kos penerbitan laporan tahunan yang berkualiti lebih tinggi daripada koperasi yang mempunyai nisbah keuntungan yang lebih rendah dengan cara mendapatkan khidmat akauntan dan juruaudit luar yang

lebih berpengalaman di dalam sektor koperasi. Selain itu, pihak koperasi juga boleh mendapatkan lebih ramai staf di bahagian atau unit perakaunan koperasi bagi tujuan untuk memantau pengurusan perakaunan dan kewangan dengan lebih baik. Dengan struktur organisasi bahagian perakaunan dan kewangan koperasi yang baik dan tersusun akan memberikan imej yang cemerlang bagi koperasi tersebut. Oleh itu pihak-pihak berkepentingan seperti bakal pelabur dan syarikat kewangan akan lebih yakin akan kebolehan koperasi tersebut. Ini juga merupakan satu motivasi untuk sesebuah koperasi dalam menjadikan laporan tahunannya mencapai tahap kualiti pelaporan tahunan yang mencapai standard yang ditetapkan oleh pihak-pihak berwajib.

Bagi hubungan antara nisbah keuntungan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela, keputusan analisis menjelaskan bahawa pulangan atas aset yang tinggi tidak mendorong syarikat untuk meningkatkan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi mereka. Dalam erti kata yang lain, walaupun koperasi yang mempunyai nisbah keuntungan yang tinggi tidak akan memasukkan lebih maklumat sukarela dalam laporan tahunan mereka. Koperasi yang mempunyai nisbah keuntungan yang tinggi adalah berkemampuan dari segi sumber kewangan dan membolehkan mereka membiayai kos penerbitan laporan tahunan dengan memasukkan maklumat tambahan daripada koperasi yang mempunyai nisbah keuntungan yang lebih rendah. Namun pihak koperasi tidak mengambil tindakan untuk melaporkan maklumat sukarela secara berlebihan mungkin disebabkan dengan memasukkan maklumat tambahan tersebut akan memihak kepada pihak pesaing untuk merebut pegangan pasaran daripada mereka. Jika kurang maklumat sukarela

didedahkan, pihak koperasi boleh merancang strategi perniagaan dengan lebih baik berbanding pesaing mereka.

5.4.1.3 Hubungan Nisbah Leveraj Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi

Seksyen ini membincangkan hasil analisis kajian berkaitan hubungan di antara nisbah leveraj koperasi dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti di bawah :

Hipotesis 3 : *Nisbah leveraj koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 3a : *Nisbah leveraj koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 3b : *Nisbah leveraj koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

Untuk pembolehubah nisbah leveraj (NLeveraj), kajian ini menjangkakan nisbah leveraj sesebuah koperasi mempunyai hubungan dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis alternatif kajian ini mengandaikan bahawa nisbah leveraj sesebuah koperasi mempunyai hubungan yang positif dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan

maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi (H_3 , H_{3a} , H_{3b}). Ini bermakna sesebuah koperasi yang mempunyai nisbah leveraj yang lebih tinggi adalah dijangka mempunyai tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan yang lebih tinggi berbanding dengan koperasi yang mempunyai nisbah leveraj yang lebih rendah.

Keputusan analisis bagi pembolehubah nisbah leveraj ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (a) yang mempunyai hubungan negatif dan tidak signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = -0.006, nilai $t = -0.069$ dan nilai $p = 0.946$. Keputusan analisis ini tidak menyokong hipotesis H_3 yang dibentuk. Oleh itu kajian ini tidak mempunyai bukti untuk menjelaskan hubungan antara faktor nisbah leveraj dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah nisbah leveraj ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (b) mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.107, nilai $t = 1.117$ dan nilai $p = 0.267$. Keputusan analisis ini tidak menyokong hipotesis H_{3a} yang dibentuk. Oleh itu kajian ini mempunyai keputusan yang tidak kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor nisbah leveraj dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah nisbah leveraj ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (c), mempunyai hubungan negatif dan tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = -0.126, nilai t = -1.275 dan nilai p = 0.206. Keputusan analisis ini tidak menyokong hipotesis H_{3b} yang dibentuk. Oleh itu kajian ini mempunyai keputusan yang tidak cukup kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor nisbah leveraj dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis kajian ini menunjukkan bahawa nisbah leveraj tidak berupaya mempengaruhi tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi.

Keputusan ini adalah selaras dengan kajian oleh Al-Mansour (2009), Mohd Noor Azli (2010), Hassan, Giorgioni & Romilly (2006) dan Demir & Bahadir (2014) yang mendapati hubungan tidak signifikan antara leveraj syarikat dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan syarikat. Namun keputusan ini adalah berbeza dengan hasil kajian oleh Prabowo & Angkoso (2006), Al-Shammari et al. (2008), Al-Moataz & Hussainey (2012), Popova et al. (2013) dan Karim & Ahmed (2005).

Hasil keputusan analisis ini juga adalah berlawanan dengan teori agensi yang mengandaikan bahawa organisasi yang mempunyai nisbah leveraj yang tinggi akan

melaporkan lebih maklumat dalam laporan tahunan mereka untuk memenuhi keperluan pemiutang-pemiutang.

Keputusan kajian ini yang berlawanan dengan teori agensi mungkin disebabkan oleh pengguna laporan tahunan koperasi seperti bank atau pihak berwajib kerajaan boleh memohon secara terus daripada pihak koperasi semua dokumen yang diperlukan tanpa perlu merujuk kepada laporan tahunan yang disediakan. Selain daripada itu berkemungkinan juga koperasi yang mempunyai nisbah leveraj yang tinggi tidak mahu melaporkan lebih maklumat kerana bimbang akan menyebabkan anggota menjual syer mereka dan bakal anggota membuat keputusan untuk tidak melabur di dalam koperasi tersebut.

5.4.1.4 Hubungan Jenis Perniagaan Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi

Seksyen ini membincangkan hasil analisis kajian berkaitan hubungan di antara jenis perniagaan koperasi dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti di bawah :

Hipotesis 4 : *Jenis perniagaan koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 4a : *Jenis perniagaan koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 4b : *Jenis perniagaan koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

Dari segi faktor jenis perniagaan (JNiaga) pula, kajian ini menjangkakan jenis perniagaan koperasi kredit mempunyai hubungan dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis alternatif kajian ini mengandaikan bahawa jenis perniagaan sesebuah koperasi kredit mempunyai hubungan yang positif dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi (H_4 , H_{4a} , H_{4b}). Ini bermakna sesebuah koperasi yang mempunyai jenis perniagaan kredit adalah dijangka mempunyai tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan yang lebih baik berbanding dengan jenis perniagaan koperasi yang bukan kredit.

Keputusan analisis bagi pembolehubah jenis perniagaan ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (a), mempunyai hubungan positif dan signifikan pada aras keyakinan 95% dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.262, nilai $t = 2.377$ dan nilai $p = 0.020$. Oleh itu keputusan ini menyokong hipotesis H_4 yang dibentuk pada aras $p < 0.05$. Hubungan yang positif bermakna jenis perniagaan koperasi kredit akan meningkatkan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Kajian ini mempunyai keterangan yang mencukupi untuk menjelaskan hubungan antara faktor jenis perniagaan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah jenis perniagaan ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (b) mempunyai hubungan positif dan signifikan pada aras keyakinan 95% dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.246, nilai $t = 2.122$ dan nilai $p = 0.037$. Oleh itu keputusan ini menyokong hipotesis H_{4a} yang dibentuk pada aras $p < 0.05$. Hubungan yang positif bermakna jenis perniagaan koperasi kredit akan meningkatkan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Kajian ini mempunyai keterangan yang mencukupi untuk menjelaskan hubungan antara faktor jenis perniagaan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah jenis perniagaan ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (c) mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.134, nilai $t = 1.119$ dan nilai $p = 0.266$. Oleh itu keputusan ini tidak menyokong hipotesis H_{4b} yang dibentuk. Kajian ini mempunyai keputusan yang tidak mencukupi untuk menjelaskan hubungan antara faktor jenis perniagaan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Hasil keputusan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian oleh Ezat & El-Masry (2008), Nor Asyiqin et al. (2010), Giannarakis (2014) dan Hasan dan Hosain (2015) mendapati terdapatnya hubungan positif yang signifikan antara jenis perniagaan organisasi dengan tahap kualiti pelaporan dan tahap pendedahan maklumat mandatori. Namun terdapat juga kajian menemui bahawa hubungan antara jenis perniagaan

dengan tahap kualiti pelaporan dan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan tidak signifikan seperti kajian oleh Larran & Giner (2002), Glaum & Street (2003), Street & Bryant (2000), Bozzolan et al. (2003) dan Al-shammari (2005).

Bagi hubungan antara jenis perniagaan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela pula, hasil keputusan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian oleh Larran & Giner (2002) dan Bozzolan et al. (2003) yang mendapati tidak wujud hubungan signifikan antara kedua-duanya. Namun terdapat juga kajian menemui bahawa wujud hubungan diantara jenis perniagaan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan kewangan seperti kajian oleh Ezat & El-Masry (2008) dan Giannarakis (2014) dan Hasan dan Hosain (2015).

Berdasarkan kepada analisis kajian ini secara lebih terperinci, didapati bahawa jenis perniagaan kredit lebih dominan meningkatkan tahap kualiti pelaporan dan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi berbanding dengan jenis perniagaan lain. Ini berkemungkinan bahawa koperasi kredit lebih berminat untuk melaporkan lebih maklumat disebabkan oleh persaingan yang tinggi dalam kalangan koperasi kredit yang lain. Ini memandangkan jika seseorang anggota telah membuat pinjaman di sesebuah koperasi, anggota tersebut akan terikat dalam jangkamasa yang lama dengan koperasi tersebut sehingga pinjaman tersebut selesai dibayar. Oleh itu, adalah amat penting bagi sesebuah koperasi kredit untuk mendedahkan lebih maklumat kepada bakal peminjam supaya mereka cukup maklumat untuk membuat keputusan berkaitan pinjaman. Pelaporan tahunan boleh menjadi alat yang baik untuk mempromosi perkhidmatan pinjaman kepada anggota dan bakal anggota. Koperasi

juga mendapatkan dana untuk pinjaman daripada pemberi dana yang lain seperti Bank Rakyat dan SKM. Oleh itu, pendedahan maklumat yang lebih terperinci dalam laporan tahunannya akan lebih memberikan keyakinan kepada kedua-dua pemberi dana tersebut untuk memberikan dana kepada koperasi-koperasi yang mempunyai laporan tahunan yang lebih berkualiti.

Jika diteliti dengan lebih terperinci, pendedahan maklumat kewangan sukarela di sektor koperasi masih agak baru dan belum diberi perhatian yang serius oleh pihak berwajib seperti SKM. Pihak koperasi juga masih bergelut untuk cuba sedaya upaya mematuhi peraturan mandatori terlebih dahulu. Jika diperhatikan juga maklumat sukarela di dalam laporan tahunan juga lebih banyak berbentuk kualitatif berbanding kuantitatif, oleh itu pengguna laporan tahunan juga masih belum memberi perhatian yang serius terhadap maklumat sebegini.

5.4.1.5 Hubungan Usia Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi

Seksyen ini membincangkan hasil analisis kajian berkaitan hubungan di antara usia koperasi dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti di bawah :

Hipotesis 5 : *Usia koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 5a : *Usia koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 5b : *Usia koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

Untuk pembolehubah usia koperasi, kajian ini menjangkakan usia sesebuah koperasi mempunyai hubungan dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis alternatif kajian ini mengandaikan bahawa usia sesebuah koperasi mempunyai hubungan yang positif dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi (H_5 , H_{5a} , H_{5b}). Ini bermakna sesebuah koperasi yang mempunyai usia yang lebih lama adalah dijangka mempunyai tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan yang lebih tinggi berbanding dengan koperasi yang mempunyai usia yang baru.

Keputusan analisis bagi pembolehubah usia koperasi ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (a), mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.011, nilai $t = 0.102$ dan nilai $p = 0.919$. Keputusan analisis ini tidak menyokong hipotesis H_5 yang dibentuk. Oleh itu kajian ini mempunyai keputusan yang tidak kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor usia dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah usia koperasi ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (b), mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Hasil

analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.082, nilai t = 0.741 dan nilai p = 0.461. Keputusan analisis ini tidak menyokong hipotesis H_{5a} yang dibentuk. Oleh itu kajian ini mempunyai keputusan yang tidak kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor usia dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah usia ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (c) mempunyai hubungan negatif dan tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = -0.059, nilai t = -0.521 dan nilai p = 0.604. Keputusan analisis ini tidak menyokong hipotesis H_{5b} yang dibentuk. Oleh itu kajian ini mempunyai keputusan yang tidak cukup kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor usia dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis kajian ini tidaklah menghairankan memandangkan keputusan kajian terdahulu seperti yang telah dilaporkan oleh Akhtaruddin (2005), Glaum dan Street (2003), Hasan & Hosain (2015), Al Otaibi (2014), Agboola & Salawu (2012) dan Alsaeed (2006) juga mendapati tiada hubungan yang signifikan antara usia syarikat dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan syarikat. Namun, kajian oleh Popova et al. (2013) mendapati faktor usia syarikat mempengaruhi hubungan dengan tahap kualiti pelaporan tahunannya. Begitu juga kajian oleh Bakr & Redhwan (2016) yang mendapati faktor usia syarikat mempengaruhi hubungan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunannya.

Keputusan analisis kajian ini mendedahkan bahawa koperasi yang berusia lebih lama tidak berminat untuk melaporkan lebih banyak maklumat kewangan di dalam laporan tahunan mereka. Keputusan analisis ini adalah berkemungkinan juga disebabkan item-item di dalam laporan tahunan koperasi yang agak standard dan kurang variasi yang boleh didedahkan terutama bagi maklumat mandatori. Oleh itu sama ada sesebuah koperasi mempunyai usia yang lama atau baru akan melaporkan item-item yang lebih kurang sama sahaja di dalam laporan tahunannya.

Keputusan analisis kajian ini yang tidak signifikan adalah berkemungkinan juga disebabkan oleh item-item maklumat sukarela di dalam laporan tahunan koperasi yang agak baru kepada pengamal perakaunan di sektor koperasi. Oleh itu sama ada sesebuah koperasi mempunyai usia yang lama atau baru, pegawai akaun akan melaporkan item-item yang biasa dilaporkan sahaja di dalam laporan tahunannya.

Usia organisasi merupakan pembolehubah baru yang dicadangkan kebanyakan penyelidik untuk kajian masa hadapan (Yousef Al-Tahat, 2010). Oleh itu usia merupakan satu cabang baru dalam sorotan literatur dan ianya dilihat sebagai pembolehubah yang perlu diterokai dengan lebih meluas pada masa hadapan.

5.4.1.6 Hubungan Tahun Kajian dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi

Seksyen ini membincangkan hasil analisis kajian berkaitan hubungan antara tahun kajian dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan

sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti di bawah :

Hipotesis 6 : *Tahun kajian mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 6a : *Tahun kajian mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 6b : *Tahun kajian mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

Kajian ini menjangkakan pembolehubah tahun data dipilih untuk kajian ini mempunyai hubungan dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis alternatif kajian ini mengandaikan bahawa tahun mempunyai hubungan yang positif dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi (H_6 , H_{6a} , H_{6b}). Ini bermakna data dari tahun terkini dijangka mempunyai tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan yang lebih tinggi berbanding dengan data dari tahun terdahulu.

Keputusan analisis bagi pembolehubah ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (a) mempunyai hubungan positif dan signifikan pada aras keyakinan 99% dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.338, nilai t = 3.940 dan nilai p = 0.000. Oleh itu keputusan ini menyokong hipotesis H_6 yang dibentuk pada aras $p < 0.01$. Ini bermakna setiap peningkatan dalam unit tahun kutipan data kajian akan meningkatkan tahap kualiti pelaporan tahunan

koperasi. Kajian ini mempunyai keputusan yang sangat kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor tahun dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (b) mempunyai hubungan positif dan signifikan pada aras keyakinan 99% dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.435, nilai $t = 4.833$ dan nilai $p = 0.000$. Oleh itu keputusan ini menyokong hipotesis H_{6a} yang dibentuk pada aras $p < 0.01$. Ini bermakna setiap peningkatan dalam unit tahun kutipan data kajian akan meningkatkan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Kajian ini mempunyai keputusan yang sangat kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor tahun dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah tahun ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (c) mempunyai hubungan positif dan signifikan pada aras keyakinan 90% dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.170, nilai $t = 1.825$ dan nilai $p = 0.071$. Oleh itu keputusan ini menyokong hipotesis H_{6b} yang dibentuk pada aras $p < 0.10$. Ini bermakna setiap peningkatan dalam unit tahun kutipan data kajian akan meningkatkan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Kajian ini mempunyai keputusan yang kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor tahun dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Keputusan ini adalah seiring dengan teori isyarat yang mengandaikan bahawa koperasi yang mempunyai prestasi yang baik akan rela untuk melaporkan lebih

maklumat untuk memberitahu pengguna laporan tahunan mereka tentang prestasi baik koperasi mereka.

Keputusan analisis kajian menunjukkan bahawa pemilihan data terkini menunjukkan kesan kepada tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi adalah meningkat daripada tahun terdahulu. Ini bermaksud tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi adalah lebih baik dari tahun sebelumnya ke tahun yang terkini. Selain daripada itu, keputusan ini juga memberi maksud yang prestasi koperasi juga semakin baik dari tahun ke tahun. Namun kadar peningkatan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi tidak banyak berbeza jika dibandingkan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Secara umumnya, sesebuah koperasi akan memperbaiki pencapaian operasi perniagaan mereka dari tahun ke tahun, oleh itu sudah semestinya tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan kewangan tahunannya juga akan meningkat dari tahun ke tahun. Dengan bantuan kewangan dan kepakaran daripada badan-badan tertentu seperti SKM, MKM dan ANGKASA yang sentiasa memantau pembangunan sektor koperasi, akan menjadikan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi lebih berkualiti. Sebagai contoh, ANGKASA sebagai sebuah koperasi apex sentiasa memberikan khidmat senggara pelaporan tahunan kepada koperasi-koperasi yang menjadi ahlinya yang memerlukan khidmat tersebut secara percuma sejak

daripada tahun 2005 lagi. Oleh itu secara tidak langsung, ini membantu koperasi-koperasi yang diberi bantuan meningkatkan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi mereka dari tahun ke tahun.

5.4.1.7 Hubungan Saiz Lembaga Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi

Seksyen ini membincangkan hasil analisis kajian berkaitan hubungan di antara saiz lembaga koperasi dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti di bawah :

Hipotesis 7 : *Saiz lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 7a : *Saiz lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 7b : *Saiz lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

Bagi pembolehubah saiz lembaga koperasi (SaizLK), kajian ini menjangkakan saiz lembaga sesebuah koperasi mempunyai hubungan dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis alternatif kajian ini mengandaikan bahawa saiz lembaga sesebuah koperasi

mempunyai hubungan yang positif dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi (H_7 , H_{7a} , H_{7b}). Ini bermakna sesebuah koperasi yang mempunyai saiz lembaga yang lebih besar adalah dijangka mempunyai tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi yang lebih tinggi berbanding dengan koperasi yang mempunyai saiz lembaga yang lebih kecil.

Keputusan analisis bagi pembolehubah saiz lembaga koperasi ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (a) mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = -0.108, nilai t = -1.148 dan nilai p = 0.254. Keputusan analisis ini tidak menyokong hipotesis H_7 yang dibentuk. Oleh itu kajian ini tidak mempunyai bukti yang kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor saiz lembaga dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah saiz lembaga koperasi ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (b), mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = -0.089, nilai t = -0.900 dan nilai p = 0.371. Keputusan analisis ini tidak menyokong hipotesis H_{7a} yang dibentuk. Oleh itu kajian ini mempunyai keputusan yang tidak cukup kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor saiz lembaga dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah saiz lembaga koperasi ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (c), mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = -0.084, nilai t = -0.825 dan nilai p = 0.412. Keputusan analisis ini tidak menyokong hipotesis H_{7b} yang dibentuk. Oleh itu kajian ini mempunyai keputusan yang tidak cukup kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor saiz lembaga dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Keputusan ini adalah selaras dengan kajian oleh Cerbioni & Parbonetti (2007), Al Otaibi (2014) dan Cheng & Courtenay (2006) yang mendapati terdapat hubungan negatif dan tidak signifikan antara saiz lembaga dengan tahap kualiti pelaporan dan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan syarikat manakala kajian oleh Samaha, Dahawy, Hussainey & Pamela (2012) dan Yermack (1996) yang mendapati terdapat hubungan negatif dan tidak signifikan antara saiz lembaga dan tahap pendedahan tadbir urus dan nisbah kewangan dalam pelaporan tahunan mereka.

Namun keputusan ini adalah berbeza dengan hasil kajian oleh Buniamin, Johari, Abd Rahman & Abdul Rauf (2012), Giannarakis (2014), Htay, Ab. Rashid, Adnan & Mydin Meera (2012), Al-Janadi, Rahman, & Haj Omar (2013) dan Suhaily & Hafizah (2017).

Keputusan kajian ini yang berlawanan dengan teori agensi yang mengandaikan pihak lembaga berperanan untuk mengurangkan kos agensi. Saiz lembaga yang lebih besar

akan menambahkan kos kepada koperasi dan proses pembuatan keputusan akan menjadi lebih sukar memandangkan banyak pendapat perlu diambilkira dan perbezaan pendapat akan melambatkan proses tersebut. Penambahan dalam saiz lembaga juga mungkin tidak akan menambah kepada ilmu pengetahuan dan pengalaman disebabkan oleh tahap pendidikan dan pengalaman yang tidak berbeza antara anggota lembaga yang lain tetapi penambahan saiz lembaga hanya akan menjadikan struktur lembaga lebih kompleks, berkemungkinan perbezaan pendapat akan menjadi lebih besar jurangnya. Penambahan anggota lembaga akan menjadi lebih berkesan jika anggota lembaga tersebut mempunyai pengetahuan dan pengalaman spesifik seperti kelayakan dan pengalaman profesional seperti akauntan jika masalah berkaitan perakaunan dan kewangan yang hendak diselesaikan.

5.4.1.8 Hubungan Jantina Anggota Lembaga Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi

Seksyen ini membincangkan hasil analisis kajian berkaitan hubungan di antara jantina anggota lembaga koperasi dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti di bawah :

Hipotesis 8 : *Jantina anggota lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 8a : *Jantina anggota lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 8b : *Jantina anggota lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

Dari segi faktor jantina anggota lembaga koperasi (JantinaALK) pula, hipotesis kajian ini menjangkakan jantina perempuan anggota lembaga koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi (H_8 , H_{8a} , H_{8b}). Ini bermakna sesebuah koperasi yang mempunyai anggota lembaga perempuan adalah dijangka mempunyai tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan yang lebih baik berbanding dengan koperasi yang tidak mempunyai anggota lembaga perempuan.

Keputusan analisis bagi pembolehubah jantina anggota lembaga koperasi ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (a), mempunyai hubungan negatif tetapi signifikan pada aras keyakinan 90% dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = -0.158, nilai $t = -1.796$ dan nilai $p = 0.076$. Namun keputusan ini tidak menyokong hipotesis H_8 yang dibentuk. Hubungan yang negatif bermaksud dengan adanya anggota lembaga perempuan akan mengurangkan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Keputusan kajian ini tidak mempunyai keterangan yang mencukupi untuk menjelaskan hubungan antara faktor jantina anggota lembaga dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah jantina anggota lembaga koperasi ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (b), mempunyai hubungan negatif dan tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = -0.076, nilai $t = -0.823$ dan nilai $p = 0.413$. Oleh itu, keputusan ini tidak menyokong hipotesis H_{8a} yang dibentuk. Kajian ini tidak mempunyai keterangan yang mencukupi untuk menjelaskan hubungan antara faktor jantina anggota lembaga dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah jantina anggota lembaga ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (c), mempunyai hubungan negatif tetapi signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = -0.215, nilai $t = -2.249$ dan nilai $p = 0.027$. Namun, keputusan ini tidak menyokong hipotesis H_{8b} yang dibentuk. Kajian ini tidak mempunyai keterangan yang mencukupi untuk menjelaskan hubungan antara faktor jantina anggota lembaga dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Sepertimana kajian ini, kajian Gallego, Garcia & Rodriguez (2010), Daunfeldt & Rudholm (2012), Rose (2007) dan Bohren & Strom (2005) turut mendapati wujud hubungan negatif antara jantina lembaga dengan prestasi syarikat. Bohren & Strom (2005) juga mendapati lebih besar kepelbagaian jantina akan mengurangkan prestasi dan keberkesanan lembaga tetapi sebaliknya kumpulan yang sejenis dan kecil boleh bekerja lebih baik daripada kumpulan yang besar dan pelbagai. Perbezaan keputusan

kajian ini dan kajian terdahulu serta teori agensi mungkin disebabkan oleh sikap berhati-hati oleh pihak anggota lembaga perempuan dalam menyalurkan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan semasa mengendalikan operasi perniagaan.

Keputusan analisis kajian ini, anggota lembaga perempuan tidak akan melaporkan lebih maklumat kewangan di dalam laporan tahunannya. Ini berkemungkinan anggota lembaga perempuan akan menyekat koperasi untuk mendedahkan lebih banyak maklumat di dalam laporan tahunannya yang seterusnya mengurangkan tahap kualiti pelaporan terutamanya tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela. Situasi ini berlaku mungkin disebabkan oleh sikap anggota lembaga perempuan yang lebih teliti dan berhati-hati untuk tidak mendedahkan maklumat yang berlebihan yang boleh digunakan oleh pihak pesaing untuk memenangi persaingan dalam perniagaan sesebuah koperasi.

5.4.1.9 Hubungan Kelayakan Akademik Bendahari Lembaga Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi

Seksyen ini membincangkan hasil analisis kajian berkaitan hubungan di antara kelayakan akademik bendahari lembaga koperasi dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi.

Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti di bawah :

Hipotesis 9 : *Kelayakan akademik bendahari lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 9a : *Kelayakan akademik bendahari lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 9b : *Kelayakan akademik bendahari lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

Bagi pembolehubah kelayakan akademik bendahari lembaga (KelayakanB), kajian ini menjangkakan bahawa kelayakan akademik bendahari lembaga sesebuah koperasi di dalam bidang perakaunan mempunyai hubungan dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi.

Hipotesis alternatif kajian ini mengandaikan bahawa kelayakan akademik bendahari lembaga sesebuah koperasi mempunyai hubungan yang positif dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi (H_9 , H_{9a} , H_{9b}). Ini bermakna sesebuah koperasi yang mempunyai bendahari yang berkelulusan dalam bidang perakaunan sebagai bendahari lembaga adalah dijangka mempunyai tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan yang lebih tinggi berbanding dengan koperasi yang mempunyai bendahari yang berkelulusan bukan dalam bidang perakaunan.

Keputusan analisis bagi pembolehubah kelayakan akademik bendahari lembaga ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (a), mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.143, nilai $t = 1.070$ dan nilai $p = 0.288$.

Keputusan analisis ini tidak menyokong hipotesis H_9 yang dibentuk. Oleh itu kajian ini mempunyai keputusan yang tidak kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor kelayakan akademik bendahari dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Ini bermaksud, keputusan analisis kajian ini mendedahkan bahawa koperasi yang mempunyai bendahari yang berkelulusan di bidang perakaunan tidak melaporkan lebih banyak maklumat di dalam laporan tahunan mereka.

Keputusan analisis bagi pembolehubah kelayakan akademik bendahari lembaga ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (b), mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.340, nilai $t = 2.412$ dan nilai $p = 0.018$. Keputusan analisis ini menyokong hipotesis H_{9a} yang dibentuk pada aras keyakinan 95%. Ini bermakna setiap koperasi yang mempunyai bendahari berkelulusan dalam bidang perakaunan akan meningkatkan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasinya. Oleh itu kajian ini mempunyai keputusan yang kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor kelayakan akademik bendahari dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah kelayakan akademik bendahari lembaga ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (c), mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = -0.012, nilai $t = -0.085$ dan nilai $p = 0.932$. Keputusan analisis ini tidak menyokong hipotesis H_{9b} yang dibentuk. Oleh itu kajian ini mempunyai keputusan yang tidak kuat untuk

menjelaskan hubungan antara faktor kelayakan akademik bendahari dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Keputusan kajian terdahulu seperti yang telah dilaporkan oleh Buniamin, Johari, Abd Rahman & Abdul Rauf (2012) dan Rasmini, Wirakusuma & Yuniasih (2014) juga mendapati tiada hubungan yang signifikan antara kelayakan akademik lembaga pengarah dengan tahap kualiti pelaporan dan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan syarikat.

Keputusan analisis kajian ini berkemungkinan disebabkan laporan tahunan koperasi disediakan oleh pegawai akaun atau pihak juruaudit luar. Keputusan kajian ini tidaklah pelik memandangkan pihak juruaudit luar juga memberi khidmat penyediaan laporan tahunan kepada koperasi-koperasi yang memerlukan khidmat tersebut. Oleh itu isi kandungan laporan tahunan koperasi tersebut ditentukan oleh pegawai akaun atau juruaudit luar tersebut yang lebih berpengalaman dan dipersetujui oleh pihak bendahari lembaga. Di sektor koperasi juga tidak banyak koperasi yang mempunyai bendahari yang berkelulusan dalam bidang perakaunan, oleh itu bendahari yang dilantik hanya mengikut nasihat daripada pegawai akaun koperasi atau pihak juruaudit luar sebagai penyedia laporan tahunan koperasi memandangkan bendahari tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang cukup untuk mencadangkan apa-apa maklumat kewangan yang bernilai untuk dimasukkan ke dalam laporannya.

Bagi tahap pendedahan maklumat mandatori pula, ini berkemungkinan disebabkan oleh bendahari lembaga koperasi yang berkelayakan mengambil serius garis panduan

yang telah dikeluarkan oleh pihak SKM dan berusaha untuk mematuhiya memandangkan garis panduan ini adalah mandatori. Oleh kerana bendahari mempunyai pengetahuan yang cukup untuk mencadangkan maklumat-maklumat kewangan yang bernilai untuk dimasukkan ke dalam laporan tahunannya untuk kegunaan para penggunanya dalam pembuatan keputusan walaupun keperluan minimum undang-undang dan peraturan telah dipatuhi.

Namun bagi pendedahan maklumat sukarela, jika maklumat sukarela ingin dimasukkan, kos tambahan perlu dilibatkan disebabkan masa tambahan diperlukan untuk menyiapkan tambahan maklumat sukarela ini. Selain daripada itu, jika khidmat pihak juruaudit luar digunakan, caj tambahan akan dikenakan yang akan menambahkan kos penyediaan laporan tahunan koperasi tersebut.

5.4.1.10 Hubungan Profesion Bendahari Lembaga Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi

Seksyen ini membincangkan hasil analisis kajian berkaitan hubungan di antara profesion bendahari lembaga koperasi dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti di bawah :

Hipotesis 10 : *Profesion bendahari lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 10a : *Profesion bendahari lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 10b : *Profesion bendahari lembaga koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

Bagi pembolehubah profesion bendahari lembaga (ProfesionB) pula, kajian ini menjangkakan bahawa pekerjaan sebenar bendahari lembaga sesebuah koperasi sebagai akauntan atau pegawai akaun mempunyai hubungan dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis alternatif kajian ini mengandaikan bahawa profesion bendahari lembaga sesebuah koperasi mempunyai hubungan yang positif dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi (H_{10} , H_{10a} , H_{10b}). Ini bermakna sesebuah koperasi yang mempunyai bendahari yang bekerja sebagai akauntan atau pegawai akaun sebagai bendahari lembaga adalah dijangka mempunyai tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan yang lebih tinggi berbanding dengan koperasi yang mempunyai bendahari yang tidak bekerja sebagai akauntan atau pegawai akaun.

Keputusan analisis bagi pembolehubah profesion bendahari lembaga ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (a) mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai

koefisien Beta = 0.021, nilai $t = 0.149$ dan nilai $p = 0.882$. Keputusan analisis ini tidak menyokong hipotesis H_{10} yang dibentuk. Oleh itu kajian ini mempunyai keputusan yang tidak kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor profesion bendahari dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah profesion bendahari lembaga ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (b) mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = -0.216, nilai $t = -1.463$ dan nilai $p = 0.147$. Keputusan analisis ini tidak menyokong hipotesis H_{10a} yang dibentuk. Oleh itu kajian ini tidak mempunyai keputusan yang kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor profesion bendahari dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah profesion bendahari lembaga ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (c) mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.188, nilai $t = -1.235$ dan nilai $p = 0.220$. Keputusan analisis ini tidak menyokong hipotesis H_{10b} yang dibentuk. Oleh itu kajian ini mempunyai keputusan yang tidak kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor profesion bendahari dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Keputusan ini adalah selaras dengan kajian oleh Karim & Ahmed (2005) yang mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara profesion bendahari dan

tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan syarikat. Hasil keputusan analisis ini juga berlawanan dengan teori agensi.

Bendahari lembaga juga merupakan pemegang saham koperasi, adalah pemilik yang boleh mengurangkan ketidakseimbangan maklumat antara pemilik dan pengurus organisasi. Bendahari lembaga yang bekerja sebagai akauntan atau pegawai akaun akan melaporkan lebih banyak maklumat di dalam laporan tahunan koperasi mereka untuk memenuhi keperluan pengguna-pengguna laporan tahunan tersebut. Namun keputusan analisis kajian mendapati profesion bendahari lembaga tidak mempengaruhi tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Ini berkemungkinan disebabkan bendahari lembaga hanya melepaskan tanggungjawab sepenuhnya kepada pegawai akaun yang berkecualan atau juruaudit bertauliah koperasi untuk menyediakan laporan tahunan koperasi tersebut. Bendahari yang bekerja sebagai akauntan berkemungkinan agak sibuk untuk mengendalikan pekerjaannya bersama-sama tugas sebagai bendahari koperasi serentak. Berkemungkinan juga bendahari lembaga berkerja sebagai akauntan atau pegawai akaun akan mengurangkan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi berkemungkinan dengan pengetahuan dan pengalaman beliau di dalam tugas sebagai akauntan atau pegawai akaun menjadikan beliau lebih berhati-hati untuk memasukkan lebih banyak maklumat di dalam laporan tahunan koperasi dan hanya memasukkan maklumat yang hanya memenuhi keperluan undang-undang dan peraturan sahaja.

5.4.1.11 Hubungan Kelayakan Akademik Pegawai Akaun Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi

Seksyen ini membincangkan hasil analisis kajian berkaitan hubungan di antara kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti di bawah :

Hipotesis 11 : *Kelayakan akademik pegawai akaun koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 11a : *Kelayakan akademik pegawai akaun koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.*

Hipotesis 11b : *Kelayakan akademik pegawai akaun koperasi mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.*

Kajian ini menjangkakan kelayakan akademik pegawai akaun (KelayakanPA) sesebuah koperasi mempunyai hubungan dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis alternatif kajian ini mengandaikan bahawa kelayakan akademik pegawai akaun sesebuah koperasi mempunyai hubungan yang positif dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi (H_{11} , H_{11a} , H_{11b}). Ini bermakna sesebuah koperasi yang mempunyai pegawai akaun yang

berkelulusan dalam bidang perakaunan adalah dijangka mempunyai tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan yang lebih tinggi berbanding dengan koperasi yang mempunyai pegawai akaun yang berkelulusan bukan dalam bidang perakaunan.

Keputusan analisis bagi pembolehubah kelayakan pegawai akaun koperasi ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (a), tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.154, nilai $t = 1.460$ dan nilai $p = 0.148$. Oleh itu keputusan ini tidak menyokong hipotesis H_{11} yang dibentuk. Kajian ini tidak mempunyai keputusan yang kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor kelayakan akademik pegawai akaun dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah kelayakan pegawai akaun koperasi ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (b), mempunyai yang tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.104, nilai $t = 0.939$ dan nilai $p = 0.350$. Oleh itu keputusan ini tidak menyokong hipotesis H_{11a} yang dibentuk. Kajian ini tidak mempunyai keputusan yang kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor kelayakan akademik pegawai akaun dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan kewangan tahunan.

Keputusan analisis bagi pembolehubah kelayakan akademik pegawai akaun koperasi ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.14 (c), mempunyai hubungan yang

tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.110, nilai t = 0.960 dan nilai p = 0.340. Oleh itu keputusan ini tidak menyokong hipotesis H_{11b} yang dibentuk. Kajian ini tidak mempunyai keputusan yang kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor kelayakan akademik pegawai akaun dengan tahap pendedahan sukarela laporan tahunan koperasi.

Keputusan daripada kajian ini adalah sama seperti kajian terdahulu iaitu kajian oleh Karim & Ahmed (2005) yang mendapati bahawa kelayakan akademik pegawai akaun tidak mempengaruhi tahap kualiti pelaporan dan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan syarikat. Namun, hasil kajian ini adalah berbeza dengan keputusan kajian yang terdahulu seperti yang dilaporkan oleh Ahmed & Nicholls (1994) dan Hasan & Karim (2005) yang mendapati kelayakan akademik pegawai akaun mempunyai pengaruh yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan dan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan syarikat.

Berdasarkan kepada keputusan analisis kajian ini, sesebuah koperasi yang mempunyai pegawai akaun yang berkelulusan di bidang perakaunan tidak mempengaruhi tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi walaupun berkeupayaan melakukannya. Selain itu pegawai akaun koperasi yang berkelayakan juga tidak akan meningkatkan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi berkemungkinan tanpa gabungan pengalaman yang mencukupi, pegawai akaun berkenaan tidak mampu untuk menambah lebih banyak maklumat yang bernilai dan

berguna di dalam laporan tahunan sesebuah koperasi. Namun tidak semua koperasi berkemampuan untuk mengupah pegawai akaun yang berkelayakan berserta dengan pengalaman sebagai pakej memandangkan ganjaran yang perlu dibayar adalah agak tinggi selaras dengan kelayakan dan pengalaman pegawai akaun tersebut, lebih lama pengalaman, lebih tinggi bayaran yang perlu dibayar. Oleh itu, hanya koperasi-koperasi tertentu yang betul-betul berkemampuan dari segi kewangan sahaja yang mampu mengupah pegawai akaun yang mempunyai kedua-dua kelayakan akademik dan pengalaman di bidang perakaunan. Namun jika ada koperasi yang berkemampuan, mungkin juga kurangnya latihan profesional dan skim pembayaran gaji yang lumayan untuk menarik kakitangan yang cukup berkelayakan. Ini menyebabkan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi menjadi kurang memuaskan secara keseluruhannya.

Bagi tahap pendedahan maklumat mandatori pula, disebabkan oleh format laporan tahunan untuk maklumat mandatori yang agak standard, oleh itu, sama ada laporan disediakan oleh pegawai akaun yang berkelayakan atau tidak, jumlah maklumat yang dimasukkan adalah sama.

5.4.2 Hasil Analisis Regresi Multivariat Hierarki

Jadual 5.15 (a) menunjukkan hasil analisis regresi hierarki multivariat dan ringkasan model bagi kesan hubungan pembolehubah penyederhana kepakaran industri terhadap hubungan antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Jadual 5.15 (a)
Keputusan Analisis Regresi Multivariat Hierarki (KUALITI)

Pembolehubah	Jangkaan Hubungan	B	t-statistik	Nilai P
Malar			16.257	0.000
(H ₁) Saiz	+	0.157	1.232	0.221
(H ₂) NKeuntungan	+	0.223	2.385	0.019**
(H ₃) NLeveraj	+	-0.002	-0.018	0.986
(H ₄) JNiaga	+	0.240	2.171	0.033**
(H ₅) Usia	+	0.049	0.457	0.649
(H ₆) Tahun	+	0.364	4.188	0.000***
(H ₇) SaizLK	+	-0.111	-1.195	0.236
(H ₈) JantinaALK	+	-0.149	-1.696	0.094
(H ₉) KelayakanB	+	0.120	0.892	0.375
(H ₁₀) ProfesionB	+	0.031	0.224	0.823
(H ₁₁) KelayakanPA	+	0.245	2.016	0.047**
(H ₁₂) KelayakanPA X KI	+	-0.147	-1.483	0.142

Ringkasan Model :

R ²	0.454
Adjusted R ²	0.377
Statistik-F	5.889
F Signifikan	0.000
Sampel	98

*** signifikan pada tahap 0.01, 2 hujung

** signifikan pada tahap 0.05, 2 hujung

Model tanpa KI di Jadual 5.14 (a) adalah model yang diuji sebelum dimasukkan faktor penyederhana KI, keputusan analisis hubungan faktor kelayakan akademik pegawai akaun dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi yang diperolehi adalah tidak signifikan tetapi berhubungan secara positif. Namun apabila dimasukkan faktor penyederhana KI, keputusan analisis yang diperolehi menunjukkan kesan faktor penyederhana KI adalah tidak signifikan dan berhubungan secara negatif. Keputusan analisis Model dengan KI di Jadual 5.15 (a) adalah keputusan analisis yang menunjukkan kesan selepas dimasukkan faktor penyederhana KI terhadap hubungan di antara pembolehubah bebas kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dan pembolehubah bersandar tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Kesan faktor penyederhana berlaku apabila pembolehubah ketiga yang dimasukkan mengubah hubungan di antara dua pembolehubah yang sedang dikaji (Hair Jr. et al., 2010). Keputusan analisis Model dengan KI di Jadual 5.15 (a) menunjukkan $R^2 = 0.454$, R^2 terlaras = 0.377 dan statistik F Signifikan = 5.889 ($p < 0.000$) serta kesan faktor penyederhana KI negatif ($B = -0.147$). Keputusan R^2 menunjukkan peningkatan daripada 44% di dalam Model tanpa KI kepada 45.4% dalam Model dengan KI. Berdasarkan kepada keputusan ini, adalah wujud kesan faktor penyederhana KI terhadap hubungan antara pembolehubah bebas kelayakan akademik pegawai akaun dan pembolehubah bersandar tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hipotesis menjangkakan arah hubungan yang signifikan dan positif antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi dengan kerjasama daripada juruaudit luar bertauliah koperasi yang mewakili kepakaran industri, namun keputusan menunjukkan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi semakin menurun dengan kerjasama daripada pakar industri. Oleh itu hipotesis H_{12} adalah tidak diterima. Keputusan analisis ini menunjukkan bahawa dalam proses penyediaan laporan tahunan koperasi, salah satu pihak sahaja diperlukan untuk menyediakan laporan kewangan yang berkualiti untuk koperasi iaitu sama ada pegawai akaun yang berkelayakan atau juruaudit bertauliah koperasi.

Jadual 5.15 (b) menunjukkan hasil analisis regresi hierarki multivariat dan ringkasan model bagi kesan hubungan pembolehubah penyederhana kepakaran industri terhadap hubungan antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Jadual 5.15 (b)

Keputusan Analisis Regresi Hierarki Multivariat (MANDATORI)

Pembolehubah	Jangkaan Hubungan	B	t-statistik	Nilai P
Malar			26.88	0.000
(H _{1a}) Saiz	+	0.038	0.282	0.779
(H _{2a}) NKeuntungan	+	0.248	2.536	0.013**
(H _{3a}) NLeveraj	+	0.113	1.187	0.239
(H _{4a}) JNiaga	+	0.220	1.896	0.061*
(H _{5a}) Usia	+	0.128	1.138	0.258
(H _{6a}) Tahun	+	0.467	5.133	0.000***
(H _{7a}) SaizLK	+	-0.093	-0.955	0.343
(H _{8a}) JantinaALK	+	-0.065	-0.706	0.482
(H _{9a}) KelayakanB	+	0.311	2.217	0.029**
(H _{10a}) ProfesionB	+	-0.204	-1.392	0.168
(H _{11a}) KelayakanPA	+	0.213	1.677	0.097*
(H _{12a}) KelayakanPA X KI	+	-0.177	-1.705	0.092

Ringkasan Model :

R ²	0.401
Adjusted R ²	0.317
Statistik-F	4.752
F Signifikan	0.000
Sampel	98

*** signifikan pada tahap 0.01, 2 hujung

** signifikan pada tahap 0.05, 2 hujung

* signifikan pada tahap 0.10, 2 hujung

Model tanpa KI di Jadual 5.14 (b) adalah model yang diuji sebelum dimasukkan faktor penyederhana KI, keputusan analisis kajian hubungan faktor kelayakan akademik pegawai akaun dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi yang diperolehi adalah tidak signifikan tetapi berhubungan secara positif. Namun apabila dimasukkan faktor penyederhana KI, keputusan analisis kajian yang diperolehi menunjukkan kesan faktor penyederhana KI adalah signifikan pada aras keyakinan $p < 0.10$ tetapi berhubungan secara negatif. Keputusan analisis Model dengan KI di Jadual 5.15 (b) adalah keputusan analisis yang menunjukkan kesan selepas dimasukkan faktor penyederhana KI terhadap hubungan antara pembolehubah

bebas kelayakan akademik pegawai akaun dan pembolehkan bersandar tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis Model dengan KI di Jadual 5.15 (b) menunjukkan $R^2 = 0.401$, R^2 terlaras = 0.317 dan statistik F Signifikan = 4.752 ($p < 0.000$) serta kesan faktor penyederhana KI negatif ($B = -0.177$). Keputusan R^2 menunjukkan peningkatan daripada 30.2% dalam Model tanpa KI kepada 40.1% di dalam Model dengan KI. Berdasarkan kepada keputusan ini, adalah wujud kesan faktor penyederhana KI terhadap hubungan antara pembolehkan bebas kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dan pembolehkan bersandar tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi, namun arah hubungan yang ditunjukkan adalah berlawanan daripada apa yang dijangkakan. Hipotesis menjangkakan arah hubungan yang signifikan dan positif di antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi dengan kerjasama daripada juruaudit luar bertauliah koperasi yang mewakili kepakaran industri, namun keputusan menunjukkan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi semakin menurun dengan kerjasama daripada pakar industri. Oleh itu hipotesis H_{12a} adalah tidak diterima. Keputusan analisis ini menunjukkan bahawa dalam proses penyediaan laporan kewangan tahunan mandatori koperasi, jika pihak koperasi tidak mempunyai pegawai akaun yang berkelulusan di bidang perakaunan, juruaudit bertauliah koperasi sudah mencukupi untuk membantu pihak koperasi menyediakan laporan kewangan mandatori yang berkualiti.

Jadual 5.15 (c) menunjukkan hasil analisis regresi hierarki multivariat dan ringkasan model bagi kesan hubungan pembolehubah penyederhana kepakaran industri terhadap hubungan antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Jadual 5.15 (c)
Keputusan Analisis Regresi Hierarki Multivariat (SUKARELA)

Pembolehubah	Jangkaan Hubungan	B	t-statistik	Nilai P
Malar			1.677	0.097
(H _{1b}) Saiz	+	0.223	1.602	0.113
(H _{2b}) NKeuntungan	+	0.097	0.950	0.345
(H _{3b}) NLeveraj	+	-0.122	-1.238	0.219
(H _{4b}) JNiaga	+	0.116	0.962	0.339
(H _{5b}) Usia	+	-0.028	-0.241	0.810
(H _{6b}) Tahun	+	0.191	2.018	0.047**
(H _{7b}) SaizLK	+	-0.087	-0.855	0.395
(H _{8b}) JantinaALK	+	-0.207	-2.167	0.033**
(H _{9b}) KelayakanB	+	-0.032	-0.216	0.829
(H _{10b}) ProfesionB	+	0.197	1.290	0.200
(H _{11b}) KelayakanPA	+	0.183	1.382	0.171
(H _{12b}) KelayakanPA X KI	+	-0.119	-1.098	0.275
Ringkasan Model :				
R ²	0.350			
Adjusted R ²	0.259			
Statistik-F	3.820			
F Signifikan	0.000			
Sampel	98			

** signifikan pada tahap 0.05, 2 hujung

Model tanpa KI di Jadual 5.14 (c) adalah model yang diuji sebelum dimasukkan faktor penyederhana KI, keputusan analisis hubungan faktor kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi yang diperolehi adalah tidak signifikan tetapi berhubungan secara positif. Apabila dimasukkan faktor penyederhana KI, keputusan analisis yang diperolehi menunjukkan kesan faktor penyederhana KI adalah tidak signifikan. Keputusan analisis Model dengan KI di Jadual 5.15 (c) adalah keputusan analisis

yang menunjukkan kesan selepas dimasukkan faktor penyederhana KI terhadap hubungan di antara pembolehubah bebas kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dan pembolehubah bersandar tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis Model dengan KI di Jadual 5.15 (c) menunjukkan $R^2 = 0.350$, R^2 terlaras = 0.259 dan statistik F Signifikan = 3.820 ($p < 0.000$). Keputusan R^2 menunjukkan peningkatan yang sangat sedikit daripada 34.1% di dalam Model tanpa KI kepada 35% di dalam Model dengan KI. Berdasarkan kepada keputusan ini, kesan faktor penyederhana KI adalah tidak cukup kuat untuk mempengaruhi hubungan di antara pembolehubah bebas kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dan pembolehubah bersandar tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis menjangkakan arah hubungan yang signifikan dan positif di antara kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi dengan kerjasama daripada juruaudit luar bertauliah koperasi yang mewakili kepakaran industri, namun keputusan menunjukkan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi tidak berubah dengan kerjasama daripada pakar industri. Oleh itu hipotesis H_{12b} adalah tidak diterima. Keputusan analisis ini menunjukkan bahawa dalam proses penyediaan laporan kewangan tahunan sukarela koperasi tidak memerlukan mana-mana pihak untuk membantu sama ada pegawai akaun yang berkelayakan atau juruaudit bertauliah koperasi.

5.4.2.1 Hubungan Kepakaran Industri dengan Kelayakan Akademik Pegawai Akaun Koperasi dengan Tahap Kualiti Pelaporan, Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori dan Sukarela Laporan Tahunan Koperasi

Seksyen ini akan membincangkan hasil analisis kajian berkaitan kesan faktor penyederhana (moderator) kepakaran industri (KI) terhadap hubungan di antara kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti di bawah :

H₁₂ : *Hubungan di antara kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi akan lebih signifikan dan positif apabila juruaudit luar mempunyai kepakaran industri (KI).*

H_{12a} : *Hubungan di antara kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi akan lebih signifikan dan positif apabila juruaudit luar mempunyai kepakaran industri (KI).*

H_{12b} : *Hubungan di antara kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi akan lebih signifikan dan positif apabila juruaudit luar mempunyai kepakaran industri (KI).*

Kajian ini menjangkakan kepakaran industri (KI) yang diwakili oleh juruaudit luar sebagai faktor penyederhana terhadap hubungan di antara kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dengan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi. Hipotesis kajian ini mengandaikan

bahawa hubungan di antara kelayakan akademik pegawai akaun dan tahap kualiti pelaporan, tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi akan lebih signifikan dan positif apabila juruaudit luar mempunyai kepakaran industri (H_{12} , H_{12a} , H_{12b}). Ini bermakna apabila sesebuah koperasi yang diaudit oleh juruaudit luar yang hanya mengkhusus dalam pengauditan koperasi sahaja tanpa terlibat dalam pengauditan laporan kewangan syarikat dan dengan gandingan bersama-sama pegawai akaun koperasi yang berkelayakan dalam bidang perakaunan adalah dijangka mempunyai tahap kualiti pelaporan tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan yang lebih tinggi berbanding dengan koperasi yang diaudit oleh juruaudit luar yang tidak mempunyai kepakaran industri.

Keputusan analisis bagi pembolehubah KI ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.15 (a), mempunyai hubungan negatif dan tidak signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Oleh itu keputusan ini tidak menyokong hipotesis H_{12} yang dibentuk. Ini bermakna faktor penyederhana KI tidak berupaya mempengaruhi hubungan antara kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah KI ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.15 (b), mempunyai hubungan yang signifikan tetapi negatif dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Ini berlawanan dengan hipotesis yang menjangkakan hubungan yang positif. Oleh itu keputusan ini tidak menyokong hipotesis H_{12a} yang dibentuk. Ini bermakna faktor penyederhana KI tidak

berupaya mempengaruhi hubungan antara kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis bagi pembolehubah KI ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.15 (c), mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Oleh itu keputusan ini tidak menyokong hipotesis H_{12b} yang dibentuk. Ini bermakna faktor penyederhana KI tidak berupaya mempengaruhi hubungan di antara kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.


Keputusan analisis kajian ini adalah selaras dengan kajian oleh Lim, Tan, & Cheng (2010) yang menjadikan kepakaran juruaudit luar sebagai faktor penyederhana kepada hubungan di antara gabungan jangkamasa perlantikan juruaudit dan fee audit yang berhubungan dengan kualiti audit di dalam kajiannya. Walaupun kajian tersebut adalah bagi pembolehubah kualiti audit, namun juruaudit luar sebagai pemeriksa terakhir sebelum laporan tahunan teraudit koperasi diterbitkan adalah terlibat secara langsung di dalam proses penyediaan laporan tahunan koperasi yang berkualiti. Oleh itu kajian oleh Lim, Tan, & Cheng (2010) ini adalah antara kajian yang boleh membuktikan bahawa faktor juruaudit luar yang mempunyai kepakaran industri sesuai diuji sebagai faktor penyederhana di dalam kajian empirikal seperti kajian ini.

Dalam sektor koperasi, juruaudit bertauliah koperasi juga memberikan khidmat penyediaan laporan tahunan kepada koperasi-koperasi yang tiada pegawai akaun sendiri. Oleh itu, jika kedua-dua pihak terlibat dalam proses penyediaan laporan

tahunan, berkemungkinan akan berlaku perselisihan pendapat yang boleh memberi kesan kepada tahap kualiti pelaporan tahunannya.

Bagi tahap pendedahan maklumat mandatori pula, pihak koperasi juga dapat menjimatkan kos penyediaan laporan tahunan mandatorinya dan pada masa yang sama dapat mencapai tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan yang disasarkan.

Pendedahan maklumat sukarela di dalam laporan tahunan koperasi adalah masih baru dan belum diberi perhatian serius oleh mana-mana pihak dalam sektor koperasi. Sektor koperasi masih berusaha untuk memenuhi keperluan pendedahan maklumat mandatori dan masih belum berjaya sepenuhnya. Oleh itu, pendedahan maklumat sukarela masih belum diberi perhatian yang sewajarnya melebihi pendedahan maklumat mandatori di sektor koperasi.



5.4.3 Ringkasan Hasil Pengujian Hipotesis Kajian

Jadual 5.16
Ringkasan Hasil Keputusan Hipotesis Kajian

Hipotesis	Hubungan	Nilai P	Keputusan
H ₁	+	0.074	Menyokong
H _{1a} Saiz	+	0.381	Tidak Menyokong
H _{1b}	+	0.041	Menyokong
H ₂	+	0.021	Menyokong
H _{2a} Nisbah Keuntungan	+	0.015	Menyokong
H _{2b}	+	0.353	Tidak Menyokong
H ₃	-	0.946	Tidak Menyokong
H _{3a} Nisbah Leveraj	+	0.267	Tidak Menyokong
H _{3b}	-	0.206	Tidak Menyokong
H ₄	+	0.020	Menyokong
H _{4a} Jenis Perniagaan	+	0.037	Menyokong
H _{4b}	+	0.266	Tidak Menyokong
H ₅	+	0.919	Tidak Menyokong
H _{5a} Usia	+	0.461	Tidak Menyokong
H _{5b}	-	0.604	Tidak Menyokong
H ₆	+	0.000	Menyokong
H _{6a} Tahun	+	0.000	Menyokong
H _{6b}	+	0.071	Menyokong
H ₇	-	0.254	Tidak Menyokong
H _{7a} Saiz Lembaga	-	0.371	Tidak Menyokong
H _{7b}	-	0.412	Tidak Menyokong
H ₈	-	0.076	Tidak Menyokong
H _{8a} Jantina Anggota Lembaga	-	0.413	Tidak Menyokong
H _{8b}	-	0.027	Tidak Menyokong
H ₉	+	0.288	Tidak Menyokong
H _{9a} Kelayakan Bendahari	+	0.018	Menyokong
H _{9b}	-	0.932	Tidak Menyokong
H ₁₀	+	0.882	Tidak Menyokong
H _{10a} Profesion Bendahari	-	0.147	Tidak Menyokong
H _{10b}	+	0.220	Tidak Menyokong
H ₁₁	+	0.148	Tidak Menyokong
H _{11a} Kelayakan Pegawai Akaun	+	0.350	Tidak Menyokong
H _{11b}	+	0.340	Tidak Menyokong
H ₁₂	-	0.142	Tidak Menyokong
H _{12a} Kepakaran Industri (KI)	-	0.092	Tidak Menyokong
H _{12b}	-	0.275	Tidak Menyokong

Secara keseluruhannya, 36 hubungan hipotesis telah diuji dalam kajian ini. Jadual 5.16 meringkaskan hasil keputusan analisis hipotesis kajian. Sepuluh hipotesis

daripada tiga puluh enam hipotesis telah diterima dalam kajian ini. Implikasi bagi setiap keputusan yang diperolehi telah dijelaskan dengan terperinci dalam bab ini.

5.5 Analisis Teknik Non-Parametrik - Regresi Logistik

Analisis ini adalah analisis tambahan yang dijalankan untuk dibuat perbandingan dengan keputusan analisis teknik parametrik regresi multivariat dan regresi multivariat hierarki yang telah diperolehi di Seksyen 5.4.1 dan 5.4.2. Analisis tambahan ini adalah bertujuan untuk mengkaji sama ada keputusan analisis yang diperolehi adalah stabil untuk kedua-dua kaedah analisis menggunakan data-data sebelum dan selepas ujian pensisih (*outliers*) dilakukan. Seksyen seterusnya akan membincangkan keputusan analisis untuk kedua-dua kaedah yang telah dijalankan menggunakan teknik non-parametrik (Regresi Logistik).

5.5.1 Analisis Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan Koperasi

Jadual 5.17(a) menunjukkan keputusan analisis tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi yang berhubungan dengan pembolehubah-pembolehubah ciri-ciri dan tadbir urus koperasi yang diperolehi menggunakan teknik analisis non-parametrik regresi logistik. Kolum N = 120 adalah analisis yang menggunakan data sampel keseluruhan sebelum dijalankan ujian pensisih (*outliers*). Kolum N = 98 adalah analisis yang menggunakan data selepas dijalankan ujian pensisih dan dibuang pensisih yang telah dikenalpasti.

Keputusan analisis non-parametrik regresi logistik yang telah dijalankan untuk tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi dengan menggunakan keseluruhan sampel data

(N = 120) menunjukkan pembolehubah saiz dan tahun adalah memberikan keputusan yang signifikan. Keputusan ini menunjukkan saiz koperasi dan tahun sampel data dipilih adalah memberi kesan terhadap perhubungannya dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Keputusan analisis non-parametrik regresi logistik yang telah dijalankan untuk tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi dengan menggunakan sampel data (N = 98) pula menunjukkan pembolehubah tahun adalah memberikan keputusan yang signifikan. Ini bermakna tahun sampel data dipilih adalah memberi kesan terhadap perhubungannya dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Jadual 5.17 (a)
Keputusan Analisis Regresi Logistik (KUALITI)

Pembolehubah	Jangkaan Hubungan	N = 120			N = 98		
		B	Ujian Wald	Nilai P	B	Ujian Wald	Nilai P
Malar		-5.721	3.439	0.064	-4.652	1.643	0.200
(H ₁) Saiz	+	0.953	3.900	0.048 *	0.679	1.494	0.222
(H ₂) NKeuntungan	+	-2.283	0.224	0.636	6.946	0.667	0.414
(H ₃) NLeveraj	+	1.484	0.884	0.347	3.164	2.353	0.125
(H ₄) JNiaga	+	0.151	0.047	0.828	0.504	0.428	0.513
(H ₅) Usia	+	0.009	0.295	0.587	0.016	0.499	0.480
(H ₆) Tahun	+	1.455	7.911	0.005 **	1.751	8.257	0.004 **
(H ₇) SaizLK	+	-0.124	0.758	0.384	-0.171	0.980	0.322
(H ₈) JantinaALK	+	-0.550	1.206	0.272	-0.792	1.765	0.184
(H ₉) KelayakanB	+	-1.587	1.292	0.256	-0.884	0.356	0.551
(H ₁₀) ProfesionB	+	21.681	0.000	0.999	21.013	0.000	0.999
(H ₁₁) KelayakanPA	+	0.320	0.202	0.653	0.654	0.627	0.428
(H ₁₂) KelayakanPA X KI	+	-1.102	1.900	0.168	-0.914	0.943	0.332
Chi Square (sig)	0.001				0.002		
Cox & Snell R Square	0.282				0.284		
Nagelkerke R Square	0.389				0.393		
Klasifikasi Sampel	75.80%				75.50%		
	120				98		

* signifikan pada tahap 0.05

** signifikan pada tahap 0.01

Keputusan kedua-dua analisis non-parametrik regresi logistik yang telah dijalankan menggunakan data keseluruhan ($N = 120$) dan data selepas dibuang pensisih ($N = 98$) menunjukkan keputusan yang tidak ketara perbezaannya yang mana hanya dua (2) dan satu (1) pembolehubah yang memberikan keputusan yang signifikan. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa kedua-dua analisis tersebut yang memberikan keputusan yang seakan sama, sama ada menggunakan data keseluruhan ($N = 120$) atau data selepas dibuang pensisih ($N = 98$).

5.5.2 Analisis Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori Laporan Tahunan Koperasi

Jadual 5.17(b) menunjukkan keputusan analisis tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi yang berhubungan dengan pembolehubah-pembolehubah ciri-ciri dan tadbir urus koperasi yang diperolehi menggunakan teknik analisis non-parametrik regresi logistik. Kolum $N = 120$ adalah analisis yang menggunakan data sampel keseluruhan sebelum dijalankan ujian pensisih (*outliers*). Kolum $N = 98$ adalah analisis yang menggunakan data selepas dijalankan ujian pensisih dan dibuang pensisih yang telah dikenalpasti.

Keputusan analisis non-parametrik regresi logistik yang telah dijalankan untuk tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi dengan menggunakan sampel data ($N = 120$) menunjukkan pembolehubah saiz adalah memberikan keputusan yang signifikan. Keputusan ini menunjukkan saiz koperasi adalah memberi kesan terhadap perhubungannya dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Keputusan analisis non-parametrik regresi logistik yang

telah dijalankan untuk tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi dengan menggunakan sampel data (N = 98) pula menunjukkan pembolehubah tahun adalah memberikan keputusan yang signifikan. Ini bermakna tahun sampel data dipilih adalah memberi kesan terhadap perhubungannya dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Jadual 5.17 (b)
Keputusan Analisis Regresi Logistik (MANDATORI)

Pembolehubah	Jangkaan Hubungan	N = 120			N = 98		
		B	Ujian Wald	Nilai P	B	Ujian Wald	Nilai P
Malar		-18.559	5.030	0.025	-11.220	1.846	0.174
(H ₁) Saiz	+	3.369	5.278	0.022 *	1.719	1.213	0.271
(H ₂) NKeuntungan	+	11.688	1.051	0.305	31.150	3.058	0.080
(H ₃) NLeveraj	+	-3.882	0.734	0.392	-3.828	0.664	0.415
(H ₄) JNiaga	+	0.343	0.036	0.850	1.584	0.686	0.408
(H ₅) Usia	+	0.122	3.035	0.081	0.123	2.967	0.085
(H ₆) Tahun	+	2.159	3.298	0.069	3.254	4.222	0.040 *
(H ₇) SaizLK	+	-0.388	0.942	0.332	-0.198	0.242	0.623
(H ₈) JantinaALK	+	0.300	0.088	0.767	-0.635	0.305	0.580
(H ₉) KelayakanB	+	15.140	0.000	0.999	17.443	0.000	0.998
(H ₁₀) ProfesionB	+	7.165	0.000	0.999	8.090	0.000	0.999
(H ₁₁) KelayakanPA	+	-2.830	2.398	0.121	-1.815	0.968	0.325
(H ₁₂) KelayakanPA X KI	+	1.957	1.192	0.275	1.310	0.447	0.504
Chi Square (sig)	0.000				0.000		
Cox & Snell R Square	0.326				0.294		
Nagelkerke R Square	0.656				0.610		
Klasifikasi	89.20%				93.90%		
Sampel	120				98		

* signifikan pada tahap 0.05

Keputusan kedua-dua analisis non-parametrik regresi logistik yang telah dijalankan menggunakan data keseluruhan (N = 120) dan data selepas dibuang pensisih (N = 98) menunjukkan keputusan yang tidak ketara perbezaannya yang mana hanya satu (1)

pembolehubah yang memberikan keputusan yang signifikan. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa kedua-dua analisis tersebut yang memberikan keputusan yang seakan sama, sama ada menggunakan data keseluruhan ($N = 120$) atau data selepas dibuang pensisih ($N = 98$).

5.5.3 Analisis Tahap Pendedahan Maklumat Sukarela Laporan Tahunan Koperasi

Jadual 5.17(c) menunjukkan keputusan analisis tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi yang berhubungan dengan pembolehubah-pembolehubah ciri-ciri dan tadbir urus koperasi yang diperolehi menggunakan teknik analisis non-parametrik regresi logistik. Kolum $N = 120$ adalah analisis yang menggunakan data sampel keseluruhan sebelum dijalankan ujian pensisih (*outliers*). Kolum $N = 98$ adalah analisis yang menggunakan data selepas dijalankan ujian pensisih dan dibuang pensisih yang telah dikenalpasti.

Keputusan analisis non-parametrik regresi logistik yang telah dijalankan untuk tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi dengan menggunakan keseluruhan sampel data ($N = 120$) menunjukkan pembolehubah usia dan jantina anggota lembaga adalah memberikan keputusan yang signifikan. Keputusan ini menunjukkan usia koperasi dan jantina anggota lembaga koperasi adalah memberi kesan terhadap perhubungannya dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Keputusan analisis non-parametrik regresi logistik yang telah dijalankan untuk tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi dengan menggunakan sampel data ($N = 98$) pula menunjukkan pembolehubah nisbah

keuntungan dan jantina anggota lembaga adalah memberikan keputusan yang signifikan. Ini bermakna nisbah keuntungan koperasi dan jantina anggota lembaga koperasi adalah memberi kesan terhadap perhubungannya dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Jadual 5.17 (c)
Keputusan Analisis Regresi Logistik (SUKARELA)

Pembolehubah	Jangkaan Hubungan	N = 120			N = 98		
		B	Ujian Wald	Nilai P	B	Ujian Wald	Nilai P
Malar		-34.416	0.000	0.992	-30.537	0.000	0.995
(H ₁) Saiz	+	-0.453	0.394	0.530	-1.725	2.343	0.126
(H ₂) NKeuntungan	+	55.429	3.632	0.057	85.049	4.600	0.032 *
(H ₃) NLeveraj	+	2.311	1.102	0.294	-15.521	3.017	0.082
(H ₄) JNiaga	+	0.397	0.083	0.774	2.501	1.699	0.192
(H ₅) Usia	+	0.066	4.809	0.028 *	0.047	2.051	0.152
(H ₆) Tahun	+	0.353	0.154	0.695	1.873	1.619	0.203
(H ₇) SaizLK	+	-0.062	0.074	0.786	0.293	0.922	0.337
(H ₈) JantinaALK	+	-3.057	7.115	0.008 **	-3.021	4.000	0.045 *
(H ₉) KelayakanB	+	-11.181	0.000	0.998	-9.467	0.000	0.998
(H ₁₀) ProfesionB	+	17.024	0.000	0.998	18.262	0.000	0.996
(H ₁₁) KelayakanPA	+	31.402	0.000	0.992	32.948	0.000	0.995
(H ₁₂) KelayakanPA X KI	+	-0.610	0.209	0.647	-1.661	0.656	0.418
Chi Square (sig)	0.000				0.000		
Cox & Snell R Square	0.330				0.361		
Nagelkerke R Square	0.643				0.715		
Klasifikasi	88.30%				88.80%		
Sampel	120				98		

* signifikan pada tahap 0.05

** signifikan pada tahap 0.01

Keputusan kedua-dua analisis non-parametrik regresi logistik yang telah dijalankan menggunakan data keseluruhan (N = 120) dan data selepas dibuang pensisih (N = 98) menunjukkan keputusan yang tidak ketara perbezaannya yang mana hanya dua (2)

pembolehubah yang memberikan keputusan yang signifikan. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa kedua-dua analisis tersebut yang memberikan keputusan yang seakan sama, sama ada menggunakan data keseluruhan ($N = 120$) atau data selepas dibuang pensisih ($N = 98$).

5.6 Rumusan

Bab ini telah membincangkan hasil ujian dalam kajian ini yang telah diperolehi daripada analisis deskriptif, analisis multivariat dan analisis multivariat hierarki. Bab ini juga mengemukakan keputusan analisis hipotesis kajian yang dibangunkan berdasarkan teori agensi. Hasil analisis deskriptif kajian mendapati bahawa tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi secara puratanya adalah pada kadar 87% manakala tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela adalah pada tahap 93% dan 59% masing-masing. Secara lebih terperinci, secara puratanya tahap pendedahan maklumat mandatori berdasarkan kepada analisis mengikut seksyen, didapati Seksyen C (Kandungan Terperinci dalam Kunci Kira-Kira (KKK)) telah memperoleh tahap kepatuhan tertinggi iaitu 99.9% manakala seksyen-seksyen lain kecuali Seksyen F (Kandungan Terperinci dalam Penyata Aliran Tunai (PAT)) dan Seksyen G (Kandungan Terperinci dalam Nota-nota Kepada Akaun) tahap kepatuhannya adalah melebihi 90%. Untuk tahap pendedahan maklumat sukarela pula, didapati Seksyen A (Pelaporan Laporan tahunan koperasi) dan Seksyen B (Pelaporan Manfaat Anggota Koperasi) hanya memperoleh kadar pendedahan iaitu 58% dan 52% masing-masing manakala seksyen lain memperoleh tahap pendedahan pada kadar kurang daripada 50%.

Dari segi item pula, hanya 84 item atau 62.8%% daripada jumlah keseluruhan 134 item telah mencapai tahap skor 100%, manakala 43 item lagi telah mencapai tahap skor melebihi 50%. Bakinya sebanyak 7 item memperolehi tahap pendedahan pada kadar kurang daripada 50%.

Keputusan ujian regresi multivariat pula menunjukkan model yang dibangunkan dan hipotesis yang dibentuk berkeupayaan untuk menjelaskan hubungan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas kajian. Dengan nilai statistik $F = 6.139$ dan $\text{adjusted } R^2 = 0.440$ untuk model 1 (tahap kualiti pelaporan tahunan tahunan koperasi), model ini mempunyai aras signifikan yang memuaskan. Untuk model 2 (tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi) pula, nilai statistik $F = 0.381$ dan $\text{adjusted } R^2 = 0.302$, model ini juga mempunyai aras signifikan yang memuaskan. Bagi model 3 (tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi), nilai statistik $F = 0.341$ dan $\text{adjusted } R^2 = 0.257$, model ini juga mempunyai aras signifikan yang memuaskan.

Keputusan analisis regresi multivariat telah memberikan enam daripada sebelas pembolehubah bebas yang diuji dalam model 1 iaitu LGSAIZ, NKEUNTUNGAN, JNIAGA, TAHUN, JANTINAALK dan KELAYAKANPA mempunyai hubungan seperti yang dijangkakan di mana NKEUNTUNGAN, JNIAGA, TAHUN, JANTINAALK dan KELAYAKANPA mempunyai hubungan pada aras signifikan 5% manakala LGSAIZ mempunyai hubungan pada aras signifikan 10% tetapi hanya JANTINAALK menunjukkan hubungan yang negatif . Dengan itu, H2, H4, H6, H8 dan H11 dapat diterima pada aras keyakinan 95% manakala H1 dapat diterima pada

aras keyakinan 90%. Lima lagi hipotesis alternatif bagi pembolehubah bebas iaitu NLEVERAJ, USIA, SAIZLK, KELAYAKANB dan PROFESIONB pula tidak dapat diterima. Keputusan analisis menunjukkan ketiga-tiga pembolehubah USIA, KELAYAKANB dan PROFESIONB mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan tahunan koperasi. Bagi pembolehubah NLEVERAJ dan SAIZLK pula, statistik menunjukkan ia mempunyai arah yang bertentangan dengan yang dijangka dan tidak signifikan. Dengan itu, H3, H5, H7, H9 dan H10 tidak dapat diterima.

Keputusan analisis regresi multivariat telah memberikan lima daripada sebelas pembolehubah bebas yang diuji dalam model 2 iaitu NKEUNTUNGAN, JNIIAGA, TAHUN, KELAYAKANB dan PROFESIONB mempunyai hubungan seperti yang dijangkakan, di mana NKEUNTUNGAN, JNIIAGA, TAHUN dan KELAYAKANB mempunyai hubungan pada aras signifikan 5% manakala PROFESIONB mempunyai hubungan pada aras signifikan 10% dan negatif. Dengan itu, H2a, H4a, H6a dan H9a dapat diterima pada aras keyakinan 95% manakala H10a dapat diterima pada aras keyakinan 90%. Enam lagi hipotesis alternatif bagi pembolehubah bebas iaitu LGSAIZ, NLEVERAJ, USIA, SAIZLK, JANTINAALK dan KELAYAKANPA pula tidak dapat diterima. Keputusan analisis menunjukkan keempat-empat pembolehubah LGSAIZ, NLEVERAJ, USIA dan KELAYAKANPA mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan tahunan koperasi. Bagi pembolehubah SAIZLK dan JANTINAALK pula, statistik menunjukkan ia mempunyai arah yang bertentangan dengan yang dijangka dan tidak signifikan. Dengan itu, H1a, H3a, H5a, H7a, H8a dan H11a tidak dapat diterima.

Keputusan analisis regresi multivariat telah memberikan tiga daripada sebelas pembolehubah bebas yang diuji dalam model 3 iaitu LGSAIZ, TAHUN dan JANTINAALK mempunyai hubungan seperti yang dijangkakan, di mana LGSAIZ dan JANTINAALK mempunyai hubungan pada aras signifikan 5% tetapi JANTINAALK mempunyai hubungan negatif manakala TAHUN mempunyai hubungan pada aras signifikan 10%. Dengan itu, H1b dan H8b dapat diterima pada aras keyakinan 95% manakala H6b dapat diterima pada aras keyakinan 90%. Lapan lagi hipotesis alternatif bagi pembolehubah bebas iaitu NKEUNTUNGAN, NLEVERAJ, JNIIAGA, USIA, SAIZLK, KELAYAKANB, PROFESIONB dan KELAYAKANPA pula tidak dapat diterima. Keputusan analisis menunjukkan kelima-lima pembolehubah NKEUNTUNGAN, JNIIAGA, SAIZLK, PROFESIONB dan KELAYAKANPA mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan tahunan koperasi. Bagi pembolehubah NLEVERAJ, USIA, dan KELAYAKANB pula, statistik menunjukkan ia mempunyai arah yang bertentangan dengan yang dijangka dan tidak signifikan. Dengan itu, H2c, H3c, H4c, H5c, H7c, H9c dan H11c tidak dapat diterima. Perbincangan terperinci hasil keputusan kajian telah dijelaskan dalam bab ini.

BAB ENAM

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan bahagian akhir kajian ini yang mengandungi tujuh seksyen iaitu seksyen pertama adalah pendahuluan bab ini. Seksyen kedua merupakan perbincangan berkaitan ringkasan kajian. Seksyen ketiga pula adalah berkaitan perbincangan dan rumusan setiap objektif kajian dan keputusan. Perbincangan seterusnya adalah tentang implikasi kajian yang dipecahkan kepada implikasi kepada pengembangan teori dan implikasi kepada dasar dalam seksyen keempat. Seksyen kelima dan keenam adalah perbincangan kajian yang menyentuh tentang limitasi kajian diikuti oleh cadangan untuk kajian masa hadapan. Seksyen terakhir adalah rumusan kepada bab ini.

6.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini secara umumnya memfokuskan kepada isu berkaitan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan yang disediakan dan diterbitkan oleh koperasi-koperasi di Malaysia. Isu pertama yang ingin dirungkaikan dalam kajian ini adalah tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi menjadi objektif pertama kajian ini disebabkan laporan tahunan koperasi adalah medium penting yang digunakan bagi menyampaikan maklumat kewangan dan bukan kewangan koperasi khususnya kepada anggota-anggota koperasi serta pihak-pihak berkepentingan. Kepentingan pelaporan maklumat kewangan koperasi juga dapat

dibuktikan melalui peraturan dan undang-undang yang telah digubal seperti Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) atau Akta 502, Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan 2010 serta Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (GP23).

Objektif kedua yang ingin dicapai adalah untuk mengkaji perhubungan antara ciri-ciri koperasi (faktor saiz, nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia koperasi dan tahun kajian) dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia. Objektif ketiga adalah untuk mengkaji perhubungan antara tadbir urus koperasi (faktor saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun) dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia dan objektif keempat adalah untuk menentukan sama ada kepakaran industri boleh menjadi pembolehubah penyederhana (*moderating variable*) antara hubungan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia.

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kuantitatif dengan menggunakan data sekunder iaitu dengan menganalisa laporan tahunan teraudit koperasi bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk mencapai objektif-objektif di atas.

6.3 Perbincangan dan Rumusan

Seksyen ini adalah bertujuan untuk membincangkan tentang dapatan kajian ini yang merangkumi tiga bahagian bermula dengan perbincangan berkaitan objektif pertama kajian iaitu tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia diikuti dengan

perbincangan berkaitan keputusan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah kajian dan faktor penyederhana yang telah dinyatakan dalam objektif kedua, ketiga dan keempat kajian.

6.3.1 Indeks Pendedahan Maklumat Sebagai Kaedah Pengukuran Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan Koperasi

Perbincangan seksyen ini adalah berkaitan dengan pembangunan dan penggunaan indeks pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan bagi koperasi di Malaysia untuk mengukur tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Hasil analisis kajian menunjukkan indeks pendedahan maklumat mandatori dan sukarela yang telah dibangunkan berupaya untuk mengukur tahap kualiti pelaporan tahunan sampel seperti yang dirancang. Ini dibuktikan melalui analisis deskriptif yang telah dibincangkan secara terperinci dalam bab 5 (rujuk Jadual 5.5 (a) dan (b)). Tahap pendedahan maklumat mandatori dan sukarela laporan tahunan koperasi yang bervariasi ini seterusnya menunjukkan bahawa isu ini adalah mencukupi untuk dijalankan kajian berbentuk empirikal.

Hasil analisis ke atas tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi mengikut item seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 5 (rujuk Seksyen 5.3.2.4 dan 5.3.2.5) mendapati 84 item atau 62.8 peratus daripada keseluruhan item yang tersenarai dalam indeks telah dipatuhi sepenuhnya oleh sampel kajian. Penelitian lanjut yang dilakukan seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran 2, mendapati bahawa kesemua item berkenaan merupakan item utama yang telah dinyatakan secara tersurat (nyata) di dalam Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan GP23.

Item-item ini juga merupakan item yang telah dipersetujui sepenuhnya oleh semua panel pakar (rujuk seksyen 4.7.1.2.3).

Keputusan analisis kajian ini menunjukkan bahawa koperasi boleh menggunakan indeks pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan untuk mengoptimumkan tahap kualiti pelaporan tahunan sebagai tindak balas kepada perubahan pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan.

Walaupun secara keseluruhan tahap kualiti pelaporan dan pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi adalah memuaskan, namun keputusan analisis menunjukkan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi adalah pada tahap yang tidak memuaskan. Oleh itu, tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan sektor koperasi masih mempunyai banyak ruang untuk dipertingkatkan dan usaha berterusan oleh pihak-pihak berkaitan dan berwajib masih perlu diusahakan. Walaupun begitu, perbandingan tahap kualiti pelaporan dan pendedahan maklumat mandatori serta sukarela laporan tahunan koperasi dengan kajian terdahulu tidak dapat dilakukan kerana kajian seumpama ini terhadap sektor koperasi adalah amat terhad dan kajian menggunakan kaedah yang sama seperti ini masih belum ditemui dalam literatur.

6.3.2 Analisis Regresi Multivariat

Analisis multivariat telah dilakukan untuk menilai kesan bersama secara serentak terhadap kesemua pembolehubah bersandar (kualiti, mandatori dan sukarela) dengan pembolehubah bebas (faktor ciri-ciri koperasi dan tadbir urus koperasi).

6.3.2.1 Analisis Regresi Multivariat : Tahap Kualiti Pelaporan Tahunan Koperasi

Keputusan analisis mutivariat seksyen ini adalah untuk menjawab persoalan dan objektif kajian yang kedua iaitu untuk mengkaji perhubungan antara ciri-ciri koperasi (faktor saiz, nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia koperasi dan tahun kajian) dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia dan objektif ketiga iaitu untuk mengkaji perhubungan antara tadbir urus koperasi (faktor saiz lembaga, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun) dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia. Keputusan analisis ini juga menjawab 11 hipotesis ($H_1, H_2, H_3, H_4, H_5, H_6, H_7, H_8, H_9, H_{10}, H_{11}$) yang dibentuk berdasarkan kepada persoalan dan objektif yang kedua dan ketiga. Keputusan analisis regresi bagi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi sebagai pembolehubah bersandar dan faktor ciri-ciri koperasi dan tadbir urus koperasi sebagai pembolehubah bebas dipaparkan di Jadual 5.14 (a) di Bab 5. Dari keputusan analisis tersebut, didapati empat pembolehubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi iaitu saiz koperasi, nisbah keuntungan, jenis perniagaan dan tahun kajian manakala pembolehubah bebas lain iaitu nisbah leveraj, usia koperasi, saiz lembaga koperasi, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari, profesion bendahari dan kelayakan akademik pegawai akaun didapati tidak signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Justeru dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri koperasi merupakan elemen penting yang memberi pengaruh ke atas tahap kualiti pelaporan tahunan oleh koperasi di Malaysia.

6.3.2.2 Analisis Regresi Multivariat : Tahap Pendedahan Maklumat Mandatori Laporan Tahunan Koperasi

Keputusan analisis mutivariat seksyen ini adalah untuk menjawab persoalan dan objektif kajian yang kedua dan ketiga. Keputusan analisis ini juga menjawab 11 hipotesis (H_{1a} , H_{2a} , H_{3a} , H_{4a} , H_{5a} , H_{6a} , H_{7a} , H_{8a} , H_{9a} , H_{10a} , H_{11a}) yang dibentuk berdasarkan kepada persoalan dan objektif yang kedua dan ketiga.

Keputusan analisis regresi bagi tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi sebagai pembolehubah bersandar dan faktor ciri-ciri koperasi dan tadbir urus koperasi sebagai pembolehubah bebas dipaparkan di Jadual 5.14 (b) di Bab 5. Dari keputusan analisis tersebut, didapati empat pembolehubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi iaitu nisbah keuntungan, jenis perniagaan, tahun kajian dan kelayakan akademik bendahari manakala pembolehubah bebas lain iaitu saiz koperasi, nisbah leveraj, usia koperasi, saiz lembaga koperasi, jantina anggota lembaga, profesion bendahari dan kelayakan akademik pegawai akaun didapati tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri dan tadbir urus koperasi merupakan faktor penting yang memberi pengaruh ke atas tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan oleh koperasi di Malaysia.

6.3.2.3 Analisis Regresi Multivariat : Tahap Pendedahan Maklumat Sukarela

Laporan Tahunan Koperasi

Keputusan analisis mutivariat seksyen ini adalah untuk menjawab persoalan dan objektif kajian yang kedua dan ketiga. Keputusan analisis ini juga menjawab 11 hipotesis (H_{1b} , H_{2b} , H_{3b} , H_{4b} , H_{5b} , H_{6b} , H_{7b} , H_{8b} , H_{9b} , H_{10b} , H_{11b}) yang dibentuk berdasarkan kepada persoalan dan objektif yang kedua dan ketiga.

Keputusan analisis regresi bagi tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi sebagai pembolehubah bersandar dan faktor ciri-ciri koperasi dan tadbir urus koperasi sebagai pembolehubah bebas dipaparkan di Jadual 5.14 (c) di Bab 5. Dari keputusan analisis tersebut, didapati dua pembolehubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi iaitu saiz koperasi dan tahun kajian manakala pembolehubah bebas lain iaitu nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia koperasi, saiz lembaga koperasi, jantina anggota lembaga, kelayakan akademik bendahari, profesion bendahari dan kelayakan akademik pegawai akaun didapati tidak signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

Ciri-ciri koperasi hanya memberikan pengaruh yang sedikit terhadap tahap pendedahan maklumat sukarela manakala tadbir urus koperasi tidak sedikit pun mempengaruhi tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi di Malaysia. Ini menunjukkan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi masih belum mendapat perhatian dalam sektor koperasi di Malaysia.

6.3.3 Analisis Regresi Multivariat Hierarki

Keputusan analisis regresi multivariat hierarki seksyen ini adalah untuk menjawab persoalan dan objektif kajian yang keempat iaitu untuk menentukan sama ada kepakaran industri boleh menjadi pembolehubah penyederhana (*moderating variable*) antara hubungan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia. Keputusan analisis ini juga menjawab 3 hipotesis (H_{12} , H_{12a} , H_{12b}) yang dibentuk di dalam persoalan dan objektif yang keempat. Hasil analisis disediakan dalam tiga jadual untuk menjawab dan membincangkan keputusan ujian untuk hipotesis tersebut iaitu Jadual 5.15 (a), (b) dan (c).

Jadual 5.15 (a), H_{12} , menunjukkan keputusan analisis kesan pembolehubah penyederhana kepakaran industri terhadap hubungan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia.

Jadual 5.15 (b), H_{12a} , menunjukkan keputusan analisis kesan pembolehubah penyederhana kepakaran industri terhadap hubungan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi di Malaysia.

Jadual 5.15 (c), H_{12b} , menunjukkan keputusan analisis kesan pembolehubah penyederhana kepakaran industri terhadap hubungan kelayakan akademik pegawai

akaun koperasi dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi di Malaysia.

Keputusan analisa menunjukkan kepakaran industri tidak berupaya menjadi pembolehubah penyederhana terhadap ketiga-tiga hubungan di atas. Ini menunjukkan peranan kepakaran industri bukanlah elemen utama dalam pencapaian terbaik tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi di Malaysia.

6.4 Implikasi Kajian

Hasil kajian yang diperolehi daripada kajian ini mampu menyumbang kepada perkembangan teori dan juga amalan operasi, khususnya berkaitan dengan organisasi koperasi, pembuat dasar dan polisi serta anggota-anggota koperasi sebagai pemilik kepentingan ke atas organisasi koperasi. Penjelasan lanjut mengenai implikasi dibahagikan kepada dua subseksyen iaitu, implikasi kepada perkembangan teori dan implikasi kepada dasar dan amalan.

6.4.1 Implikasi Kepada Perkembangan Teori

Sumbangan kajian ini terhadap perkembangan teori adalah seperti berikut. Kajian ini telah menggunakan teori agensi dan teori isyarat untuk mengenalpasti pembolehubah bebas yang dijangka mempunyai hubungan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Keputusan kajian membuktikan bahawa teori agensi ini berupaya menjelaskan hubungan di antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar kajian.

Keputusan kajian juga telah mengesahkan hubungan yang signifikan antara pembolehubah saiz, nisbah keuntungan, jenis perniagaan dan tahun kajian dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi manakala pembolehubah nisbah leveraj, usia, saiz lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi. Pembolehubah jantina anggota lembaga mempunyai hubungan yang signifikan tetapi akan menghadkan tahap pendedahan maklumat untuk kepentingan koperasi sendiri. Ini membuktikan bahawa pembolehubah ciri-ciri koperasi boleh mempengaruhi tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi manakala pembolehubah tadbir urus koperasi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti pelaporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis kajian bagi tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi pula, keputusan analisis kajian mengesahkan pembolehubah nisbah keuntungan, jenis perniagaan, tahun kajian dan kelayakan akademik bendahari lembaga mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi manakala pembolehubah saiz, nisbah leveraj, usia, saiz lembaga, jantina lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi. Ini membuktikan bahawa pembolehubah ciri-ciri koperasi dan tadbir urus koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pendedahan maklumat mandatori laporan tahunan koperasi.

Keputusan analisis kajian bagi tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi pula, keputusan analisis kajian mengesahkan pembolehubah saiz dan tahun kajian mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi manakala pembolehubah nisbah keuntungan, nisbah leveraj, jenis perniagaan, usia, saiz lembaga, jantina lembaga, kelayakan akademik bendahari lembaga, profesion bendahari lembaga dan kelayakan akademik pegawai akaun koperasi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi. Ini membuktikan bahawa pembolehubah ciri-ciri koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pendedahan maklumat sukarela laporan tahunan koperasi.

